


## ABSTRAK

Semantik Leksikal ialah subbidang semantik. Kajian semantik secara am adalah meneliti aspek makna secara umum dalam genre yang pelbagai. Semantik leksikal pula mengkaji makna pada peringkat leksikal. Kajian ini menumpukan makna metafora, iaitu istilah yang digunakan untuk merujuk kepada makna sesuatu yang melambangkan sesuatu yang lain dengan penumpuan pada bahasa Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti metafora anatomi yang digunakan dalam bahasa Melayu, mengkaji bahagian tertentu anatomi yang memberikan makna metafora yang khusus, dan menganalisis metafora anatomi berdasarkan jenis-jenis makna. Kajian ini berfokus kepada metafora dan jenis-jenis makna yang terdapat dalam teks yang menjadi korpus kajian, iaitu *Karya Agung Pantun Melayu: Pantun Melayu Bingkisan Permata (2001)* terbitan Yayasan Karyawan dan *Kurik Kundi Merah Saga (2005)*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Korpus kajian diproses berbantuan perisian *Antconc 3.2.4.w* menggunakan teknik konkordans. Kajian ini memanfaatkan *Teori Medan Makna (TMM)* atau *Semantic Field Theory* bagi mengenal pasti leksikal yang tergolong dalam domain yang sama. Pendekatan Makna pula digunakan bagi analisis dan bukti bagi jenis-jenis makna yang terdapat dalam kajian. Kajian ini membuktikan bahawa terdapat unsur anatomi yang menjadi sumber medan makna dalam pantun. Setiap bahagian anatomi pula mempunyai makna tersendiri yang diperlihatkan melalui medan-medan makna. Kepentingan konteks juga telah dibuktikan dengan jelas melalui kajian ini, iaitu makna tidak sempurna tanpa kehadiran konteks.

## ABSTRACT

Lexical Semantic is a subfield of semantics. Semantics is generally defined as a study of meaning in a variety of genres; whereas lexical semantic is a focus of meaning on lexical level. This study focuses on metaphor; the idea that we can state the meaning of words in terms of their association with other words. This study aims to identify the metaphor of anatomy used in the Malay language, studying a particular part of the anatomy that gives certain meaning, and to analyze metaphor of anatomy based on the types of meaning. This study focuses on metaphors and the types of meaning, that used in the text, namely *Karya Agung Pantun Melayu: Pantun Melayu Bingkisan Permata* (2001) published by Yayasan Karyawan and *Kurik Kundi Merah Saga* (2005) published by Dewan Bahasa dan Pustaka. The corpora are processed using *Antconc 3.2.4.w*, a computer-aided software through concordance technique. The study uses *Field Theory of Meaning* (TMM) or *Semantic Field Theory* to identify the lexical that belongs to the same domain. Semantic approach is used to analyze the significance of the types of meaning. This study proves that there are elements of anatomy as a source of meaning in Malay Pantun. Each part of anatomy also has its own meaning shown through fields of meaning. The importance of context also clearly shown by this study, which means meaning is not complete without context.

## PENGHARGAAN



Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapatlah tesis Doktor Falsafah ini disempurnakan. Moga senantiasa dirahmati dan dilindungi oleh Allah s.w.t.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan buat Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar selaku penyelia tesis ini yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar dan teguran sejak dari mula pengkaji melangkah masuk ke Universiti Malaya di peringkat ijazah pertama. Sesungguhnya jasa beliau akan tetap dihargai dan disanjung sepanjang hayat ini.

Ucapan istimewa ditujukan buat ibu pengkaji, Allahyarhamah Wan Rafiah Hamad yang telah dijemput Ilahi ketika pengkaji ini sedang bertungkus lumus menyiapkan tesis ini. Semoga ibu pengkaji tenang di sana dan ditempatkan di syurga bersama-sama insan-insan beriman. Tidak lupa juga doa buat ayah pengkaji, Mohamad Nor bin Mustapha. Jasa ibu dan ayah tidak terbalas sampai bila-bila.

Buat suami pengkaji yang tercinta, Mohd Shahizal Saidin, serta anak-anak pengkaji, iaitu Nur Shaheera, Muhammad Nuqman Haqim, Muhammad Nuqman Hafiz, Nur Shabreena, dan Muhammad Nuqman Hadif, pengkaji amat berterima kasih atas sokongan selama ini, baik dalam susah dan senang. Moga kita kekal sebagai sebuah keluarga yang bahagia.

Penghargaan juga untuk seluruh ahli keluarga pengkaji, ibu mertua, adik-beradik, ipar duai, saudara-mara jauh dan dekat. Ucapan penghargaan juga untuk sahabat-sahabat pengkaji khususnya Profesor Madya Dr. Rohani Mohd Yusof yang sentiasa bersama ketika susah senang.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan buat kakitangan akademik dan pentadbiran di Akademi Pengajian Melayu, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Institut Penyelidikan Siswazah, Perpustakaan dan juga pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu pengkaji menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga ucapan yang sama untuk penilai dan pemeriksa tesis ini. Terima kasih atas sumbangan semua. Hanya Allah yang mampu membalasnya. Akhir kalam, moga hidup kita senantiasa diredhai dan dirahmati Allah s.w.t. Wassalam.

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL / RAJAH</b>	xiii
<b>BAB 1            PENGENALAN</b>	
1.0    Bidang Kajian	1
1.1    Permasalahan Kajian	3
1.2    Objektif Kajian	4
1.3    Soalan-soalan Kajian	5
1.4    Skop dan Batasan Kajian	6
1.5    Bahan / Korpus Kajian	8
1.5.1   Struktur Pantun	13
1.5.2   Tema Pantun	16
1.6    Kaedah Kajian	18
1.7    Pemprosesan Korpus	20
1.7.1   Penentuan Saiz dan Kategori Korpus	20
1.7.2   Konkordans	22
1.8    Kesimpulan	24
<b>BAB 2           TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.0    Pendahuluan	25
2.1    Semantik Falsafah	25
2.2    Semantik Linguistik	29
2.2.1   Bidang Kajian Berkaitan: Semantik Leksikal	33
2.3    Tinjauan Analisis Semantik Dalam Bahasa Melayu	39
2.4    Kesimpulan	50
<b>BAB 3           METAFORA DALAM ILMU SEMANTIK</b>	
3.0    Pendahuluan	51
3.1    Kerangka Teoretis: Metafora dalam Ilmu Semantik	55

3.1.1	Teori Medan Makna / <i>Semantic Field Theory</i>	57
3.1.2	Pendekatan Makna oleh Leech (1974)	70
3.2	Kesimpulan	77

#### **BAB 4            METAFORA ANATOMI BAHAGIAN ATAS: KEPALA DAN YANG BERKAITAN**

4.0	Pendahuluan	78
4.1	Metafora Anatomi Kepala	79
4.1.1	Medan Makna Sikap	80
4.1.2	Medan Makna Perilaku	81
4.1.3	Medan Makna Ruang	82
	4.1.3.1 Medan Makna Ruang Fizikal	82
	4.1.3.2 Medan Makna Ruang Budaya	92
4.2	Metafora Anatomi Mata	94
4.2.1	Medan Makna Sikap	95
4.2.2	Medan Makna Perilaku	97
4.2.3	Medan Makna Ruang	99
	4.2.3.1 Medan Makna Ruang Fizikal	100
	4.2.3.2 Medan Makna Ruang Psikologi	104
4.3	Metafora Anatomi Muka	109
4.3.1	Medan Makna Sikap	109
4.3.2	Medan Makna Perilaku	111
4.3.3	Medan Makna Ruang	112
	4.3.3.1 Medan Makna Ruang Fizikal	113
4.4	Metafora Anatomi Mulut dan Bibir	115
4.4.1	Medan Makna Sikap	116
4.4.2	Medan Makna Perilaku	119
4.4.3	Medan Makna Ruang	122
	4.4.3.1 Medan Makna Ruang Fizikal	122
4.5	Metafora Anatomi Lidah	123
4.5.1	Medan Makna Sikap	124
4.5.2	Medan Makna Perilaku	125
4.6	Metafora Anatomi Telinga	127
4.6.1	Medan Makna Sikap	128

4.6.2	Medan Makna Perilaku	130
4.7	Metafora Anatomi Hidung	130
4.7.1	Medan Makna Sikap	131
4.8	Metafora Anatomi Dahi	131
4.8.1	Medan Makna Ruang	132
4.8.1.1	Medan Makna Ruang Fizikal	132
4.9	Metafora Anatomi Daggu	132
4.9.1	Medan Makna Perilaku	133
4.10	Metafora Anatomi Rambut	134
4.10.1	Medan Makna Ruang	134
4.10.1.1	Medan Makna Ruang Psikologi	134
4.11	Kuantifikasi Anatomi Bahagian Atas: Kepala dan Yang Berkaitan	137
4.11.1	Kuantifikasi Berdasarkan Medan Makna	138
4.11.2	Kuantifikasi Berdasarkan Jenis-jenis Makna	142
4.12	Kesimpulan	145

## **BAB 5            METAFORA ANATOMI BAHAGIAN TENGAH (1): BADAN DAN YANG BERKAITAN**

5.0	Pendahuluan	146
5.1	Metafora Anatomi Tubuh / Badan	147
5.1.1	Medan Makna Sikap	148
5.1.2	Medan Makna Perilaku	148
5.1.3	Medan Makna Ruang	151
5.1.3.1	Medan Makna Ruang Fizikal	151
5.1.3.2	Medan Makna Ruang Psikologi	155
5.2	Metafora Anatomi Bahu	159
5.2.1	Medan Makna Perilaku	159
5.3	Metafora Anatomi Perut	161
5.3.1	Medan Makna Perilaku	162
5.3.2	Medan Makna Ruang	163
5.3.2.1	Medan Makna Ruang Fizikal	164
5.3.2.2	Medan Makna Ruang Budaya	165
5.3.2.3	Medan Makna Ruang Psikologi	169
5.4	Metafora Anatomi Dada	168

5.4.1	Medan Makna Perilaku	168
5.4.2	Medan Makna Ruang	170
5.4.2.1	Medan Makna Ruang Fizikal	171
5.4.2.2	Medan Makna Ruang Psikologi	171
5.5	Metafora Anatomi Punggung	172
5.5.1	Medan Makna Ruang	172
5.5.1.1	Medan Makna Ruang Fizikal	173
5.6	Metafora Anatomi Pusat	174
5.6.1	Medan Makna Ruang	175
5.6.1.1	Medan Makna Ruang Fizikal	175
5.6.1.2	Medan Makna Ruang Psikologi	175
5.7	Metafora Anatomi Tulang	176
5.7.1	Medan Makna Perilaku	177
5.7.2	Medan Makna Ruang	179
5.7.2.1	Medan Makna Ruang Fizikal	179
5.7.2.2	Medan Makna Ruang Psikologi	180
5.8	Metafora Anatomi Darah	182
5.8.1	Medan Makna Perilaku	182
5.8.2	Medan Makna Ruang	184
5.10.1.1	Medan Makna Ruang Fizikal	184
5.10.1.2	Medan Makna Ruang Budaya	185
5.9	Metafora Anatomi Urat	186
5.9.1	Medan Makna Ruang	187
5.9.1.1	Medan Makna Ruang Fizikal	187
5.10	Kesimpulan	188

## **BAB 6            METAFORA ANATOMI BAHAGIAN TENGAH (2): HATI DAN YANG BERKAITAN**

6.0	Pendahuluan	189
6.1	Metafora Anatomi Hati	189
6.1.1	Medan Makna Sikap	191
6.1.2	Medan Makna Perilaku	194
6.1.3	Medan Makna Emosi	205
6.1.3.1	Medan Makna Emosi Positif	205

6.1.3.1(a)	Gembira	205
6.1.3.1(b)	Kasih Sayang	209
6.1.3.1(c)	Cinta	214
6.1.3.2	Medan Makna Emosi Negatif	217
6.1.3.2(a)	Bimbang	217
6.1.3.2(b)	Gelisah	221
6.1.3.2(c)	Sedih	223
6.1.3.2(d)	Marah	227
6.1.3.2(e)	Kecewa	230
6.1.3.2(f)	Dendam	234
6.1.5	Medan Makna Ruang	236
6.1.5.1	Medan Makna Ruang Fizikal	236
6.1.5.2	Medan Makna Ruang Psikologi	237
6.2	Metafora Anatomi Jantung	239
6.2.1	Medan Makna Perilaku	240
6.2.2	Medan Makna Ruang	241
6.2.2.1.1	Medan Makna Ruang Fizikal	241
6.2.2.1.2	Medan Makna Ruang Psikologi	243
6.3	Metafora Anatomi Hempedu	243
6.3.1	Medan Makna Perilaku	244
6.4	Kuantifikasi Anatomi Bahagian Atas: Kepala dan Yang Berkaitan	244
6.4.1	Kuantifikasi Berdasarkan Medan Makna	244
6.4.2	Kuantifikasi Berdasarkan Jenis-jenis Makna	247
6.5	Kesimpulan	249

## **BAB 7            METAFORA ANATOMI BAHAGIAN HUJUNG (1): TANGAN DAN YANG BERKAITAN**

7.0	Pendahuluan	250
7.1	Metafora Anatomi Tangan	251
7.1.1	Medan Makna Sikap	251
7.1.2	Medan Makna Perilaku	253
7.1.3	Medan Makna Ruang	258
7.1.3.1	Medan Makna Ruang Fizikal	258



	7.1.3.2	Medan Makna Ruang Psikologi	262
	7.1.3.3	Medan Makna Budaya	265
7.2		Metafora Anatomi Jari	266
	7.2.1	Medan Makna Perilaku	267
	7.2.2	Medan Makna Ruang	270
	7.2.2.1	Medan Makna Ruang Fizikal	270
	7.2.2.2	Medan Makna Ruang Psikologi	272
7.3		Metafora Anatomi Kuku	272
	7.3.1	Medan Makna Perilaku	273
	7.3.2	Medan Makna Ruang	274
	7.3.2.1	Medan Makna Ruang Fizikal	274
	7.3.2.2	Medan Makna Ruang Psikologi	275
7.4		Metafora Anatomi Lengan	276
	7.4.1	Medan Makna Perilaku	276
	7.4.2	Medan Makna Ruang	277
	7.4.2.1	Medan Makna Ruang Fizikal	277
7.5		Metafora Anatomi Siku	278
	7.5.1	Medan Makna Perilaku	279
7.6		Kuantifikasi Anatomi Bahagian Atas: Kepala dan Yang Berkaitan	279
	7.6.1	Kuantifikasi Berdasarkan Medan Makna	280
	7.6.2	Kuantifikasi Berdasarkan Jenis-jenis Makna	282
7.7		Kesimpulan	284
<b>BAB 8</b>		<b>METAFORA ANATOMI BAHAGIAN Hujung (2):</b>	
		<b>KAKI DAN YANG BERKAITAN</b>	
8.0		Pendahuluan	285
8.1		Metafora Anatomi Kaki	285
	8.1.1	Medan Makna Sikap	286
	8.1.2	Medan Makna Perilaku	287
	8.1.3	Medan Makna Ruang	292
	8.1.3.1	Medan Makna Ruang Fizikal	292
	8.1.3.2	Medan Makna Ruang Budaya	308
8.2		Metafora Anatomi Lutut	309
	8.2.1	Medan Makna Ruang	310

8.2.1.1	Medan Makna Ruang Fizikal	310
8.2.1.2	Medan Makna Ruang Psikologi	311
8.3	Metafora Anatomi Betis	311
8.3.1	Medan Makna Perilaku	312
8.4	Metafora Anatomi Paha	312
8.4.1	Medan Makna Perilaku	312
8.5	Kuantifikasi Anatomi Bahagian Atas: Kepala dan Yang Berkaitan	313
8.5.1	Kuantifikasi Berdasarkan Medan Makna	313
8.5.2	Kuantifikasi Berdasarkan Jenis-jenis Makna	315
8.6	Kesimpulan	316
<b>BAB 9</b>	<b>DAPATAN DAN KESIMPULAN</b>	317
<b>RUJUKAN</b>		328

## SENARAI JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Medan Makna Anatomi	7
Jadual 1.2	Jumlah Pantun Mengikut Jenis	15
Jadual 1.3	Jumlah Rangkap Pantun Berdasarkan Tema	17
Jadual 3.7	Jenis-Jenis Makna Berdasarkan Leech (1974)	71
Jadual 4.15	Kuantifikasi Anatomi Bahagian Atas Berdasarkan Medan Makna	138
Jadual 4.16	Kuantifikasi Anatomi Bahagian Atas Berdasarkan Jenis-Jenis Makna	143
Jadual 6.4	Kuantifikasi Anatomi Bahagian Tengah Berdasarkan Jenis-Jenis Makna	245
Jadual 6.3	Kuantifikasi Anatomi Bahagian Tengah Berdasarkan Medan Makna	247
Jadual 7.5	Kuantifikasi Anatomi Tangan Berdasarkan Medan Makna	280
Jadual 7.6	Kuantifikasi Anatomi Tangan Berdasarkan Jenis-Jenis Makna	283
Jadual 8.19	Kuantifikasi Anatomi Kaki Berdasarkan Medan Makna	314
Jadual 8.20	Kuantifikasi Anatomi Kaki Berdasarkan Jenis-Jenis Makna	316
Jadual 9.1	Peratusan Anatomi Berdasarkan Rangkap Pantun	317
Jadual 9.3	Jumlah Tumpuan Bahagian Anatomi Berdasarkan Baris Pantun	319
Jadual 9.5	Jumlah Kehadiran Bahagian Anatomi Dalam Pantun	321

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.4      Contoh Hasil Konkordans	23
Rajah 2.1      Segitiga Semantik ( <i>Semantic Triangle</i> )	27
Rajah 2.2      Pengertian Makna	30
Rajah 2.3      Rangkuman ( <i>Inclusion</i> )	35
Rajah 2.4      Pertindihan ( <i>Overlapping</i> )	35
Rajah 2.5      Perkaitan Berlawanan ( <i>Opposites</i> )	36
Rajah 2.6      Kebalikan ( <i>Reversives</i> )	37
Rajah 2.7      Menyaling ( <i>Conversives</i> )	37
Rajah 2.8      Kesenambungan ( <i>Contiguity</i> )	38
Rajah 3.1      Model Kerangka Teoretis Kajian	56
Rajah 3.2      Pembahagian Berdasarkan Medan Makna Anatomi	61
Rajah 3.3      Medan Makna Sikap Berserta Contoh	62
Rajah 3.4      Medan Makna Emosi Berserta Contoh	65
Rajah 3.5      Medan Makna Perilaku Berserta Contoh	66
Rajah 3.6      Medan Makna Ruang Berserta Contoh	67
Rajah 4.1      Pembahagian Anatomi Kepala	78
Rajah 4.2      Contoh <i>Kepala Meja</i>	84
Rajah 4.3      Contoh <i>Kepala Pukat</i>	85
Rajah 4.4      Contoh <i>Kepala Kain</i>	87
Rajah 4.5      Contoh <i>Kepala Titi</i>	88
Rajah 4.6      Contoh <i>Kepala Tangga</i>	89
Rajah 4.7      Contoh Kemujut <i>Kepala Rempah</i>	92
Rajah 4.8      Contoh <i>Mata Dacing/ Mata Timbangan</i>	102
Rajah 4.9      Contoh <i>Mata Keris Dan Mata Parang</i>	103
Rajah 4.10      Contoh <i>Muka Pintu</i>	114
Rajah 4.11      Contoh <i>Muka Laut</i>	115
Rajah 4.12      Organ Ujaran Manusia	116
Rajah 4.13      Contoh <i>Telinga Tempayan</i>	128
Rajah 4.14      Contoh <i>Telinga Kuali</i>	129

Rajah 5.1	Anatomi Bahagian Tengah/ Torso	146
Rajah 5.2	Contoh <i>Punggung Pinggan</i>	174
Rajah 6.1	Anatomi Hati, Jantung Dan Hempedu	189
Rajah 6.2	Contoh <i>Jantung Pisang</i>	242
Rajah 7.1	Anatomi Bahagian Tangan	250
Rajah 7.2	Contoh <i>Tangan Baju Dan Lengan Baju</i>	259
Rajah 7.3	Bahagian Jari	266
Rajah 7.4	Contoh Daun Nangka Berjari-jari	271
Rajah 8.1	Anatomi Bahagian Kaki	285
Rajah 8.2	Contoh Kelarai <i>Galang Kaki</i>	290
Rajah 8.3	Contoh <i>Kaki Lima</i>	295
Rajah 8.4	Contoh <i>Jalan Kaki</i>	296
Rajah 8.5	Contoh <i>Kaki Tiang</i>	297
Rajah 8.6	Contoh <i>Kaki Dulang</i>	298
Rajah 8.7	Contoh <i>Kaki Perdupaan</i>	299
Rajah 8.8	Contoh <i>Umpu Kaki</i>	299
Rajah 8.9	Contoh <i>Kaki Sauh</i>	300
Rajah 8.10	Contoh <i>Kaki Tatal</i>	301
Rajah 8.11	Contoh <i>Kaki Seluar</i>	302
Rajah 8.12	Contoh <i>Kaki Tangga</i>	303
Rajah 8.13	Contoh <i>Kaki Gunung</i>	304
Rajah 8.14	Contoh <i>Kaki Bukit</i>	304
Rajah 8.15	Contoh <i>Kaki Langit</i>	305
Rajah 8.16	Contoh <i>Gelang Kaki</i>	306
Rajah 8.17	Contoh <i>Pisang Kaki</i>	307
Rajah 8.18	Contoh <i>Belalang Rusa</i>	309
Rajah 9.2	Carta Pai Peratusan Anatomi Berdasarkan Rangkap Pantun	318
Rajah 9.4	Peratusan Anatomi Berdasarkan Baris Pantun	320
Rajah 9.6	Peratusan Bahagian Anatomi Berdasarkan Baris Pantun	321

# BAB 1: PENGENALAN

## 1.0 Bidang Kajian

Bidang kajian ini secara umum ialah semantik dan secara khusus pula ialah semantik leksikal, iaitu salah satu daripada subbidang semantik. Bidang semantik amat penting kerana kajian bahasa tidak sempurna jika tiada unsur makna. Lyons (1977:1) menyatakan bahawa, *semantic is generally defined as a study of meaning*. Semantik sebagai kajian tentang makna juga telah dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji seperti Lehrer (1974), Leech (1974), Saeed (1997), Akmajian (1979), Crystal (2008) dan lain-lain lagi.

Crystal (2008:428) menyatakan bahawa semantik ialah satu cabang linguistik yang mengkaji makna dalam bahasa, yang turut digunakan dalam bidang falsafah dan logik, namun tidak sama dengan linguistik;

*“A major branch of LINGUISTICS devoted to the study of MEANING in LANGUAGE. The term is also used in philosophy and logic, but not with the same range of meaning or emphasis as in linguistics.”*

Dalam bidang linguistik, semantik umumnya dianggap sebagai kajian tentang makna dalam bahasa, manakala dalam bidang logik pula, semantik dianggap kajian tentang rujukan dalam bahasa. Hal ini turut dijelaskan oleh Akmajian (1979:228),

*In linguistics, semantics is generally considered to be the study of meaning (and related notions) in languages, while in logic semantics is generally considered to be the study of reference (and related notions) in languages.*

Leech (1974) pula mengemukakan persoalan tentang keperluan mempelajari semantik. Bagi menjawab persoalan tersebut, Leech (1974:1) mengaitkan semantik dengan bidang komunikasi dan kognisi manusia, iaitu,

*Semantics (as the study of meaning) is central to the study of communication; and as communication becomes more and more crucial factor in social organization, the need to understand it becomes more and more pressing. Semantics is also at the centre of the study of the human mind – thought processes, cognition, conceptualization – all these are intricately bound up with the way in which we classify and convey our experience of the world through language.*

Leech (1974:1) turut menyatakan bahawa semantik merentasi pelbagai bidang seperti psikologi, linguistik dan falsafah berdasarkan kepentingan bagi sesuatu bidang, iaitu,

*...psychology the understanding of the mind; linguistics the understanding of language and languages; philosophy the understanding of how we know what we know, of the rules of right thinking, and the evaluation of truth and falsehood.*

Semantik sebagai satu bidang yang luas, mencakupi aspek struktur dan fungsi bahasa sepertimana juga permasalahan dalam bidang psikologi, falsafah. dan antropologi. Kenyataan ini dapat dijelaskan melalui pandangan Lehrer (1974:1),

*Semantic, the study of meaning, is a vast field, touching on most aspects of the structure and function of language as well as problems in psychology, philosophy, and anthropology.*

Semantik leksikal pula ialah subbidang semantik selain daripada semantik struktural dan semantik wacana. Semantik leksikal adalah kajian mengenai makna kata yang secara tradisionalnya, (i) mewakili makna bagi setiap kata dalam sesuatu bahasa, dan (ii) menunjukkan bagaimana makna kata dalam sesuatu bahasa itu berkaitan (Saeed,1997:53).

Palmer (1981:67) pula menyatakan bahawa semantik leksikal *is the idea that we can state the meaning of words in terms of their association with other words.* Ini termasuk dalam melihat hubungan antara leksikal berdasarkan perkaitan makna dalam hubungan hiponim, sinonim, antonim, dan sebagainya.

Kepentingan kata dan makna yang dilihat di dalam bidang semantik leksikal telah dinyatakan oleh Rapport dan Levin (1992:124), iaitu *the meaning of a word must be part of its lexical entry, since an important part of knowing a word is knowing its meaning.*

Jadi jelaslah bahawa semantik leksikal merupakan subbidang yang penting dalam meneliti makna kata peringkat leksikal dan semantik merupakan satu bidang kajian makna yang merentas pelbagai disiplin.

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Metafora tidak menggambarkan makna secara harafiah tetapi dikiaskan dengan benda atau pengertian yang lain. Misalnya *kaki ayam*, memberi makna literal apabila dikaitkan dengan anggota pada ayam, tetapi memberi makna konotatif apabila merujuk kepada manusia, iaitu kaki yang tidak beralas. Oleh sebab itu, metafora perlu diteliti dengan baik. Metafora perlu diteliti berdasarkan konteks dan situasi bagi memastikan ketepatan makna.

Masyarakat Melayu tradisi menggunakan metafora sebagai satu unsur menyampaikan sesuatu kata dengan cara yang paling halus bertujuan untuk menjaga perasaan sesama anggota masyarakat daripada rasa tersinggung atau kecil hati. Unsur metafora ini seharusnya dimanfaatkan bagi menjaga keharmonian masyarakat. Walau bagaimanapun, matlamat tersebut hanya akan tercapai bagi seseorang yang memahami makna tersirat di sebalik metafora tersebut. Ini demikian kerana metafora sebenarnya dalam skop yang lebih luas meliputi falsafah, budaya, pemikiran, bahasa, alam semesta dan sebagainya.



Metafora juga berkaitan dengan budaya hidup penutur bahasa yang berkenaan. Bagi penutur bukan dalam kelompok sesuatu budaya, amatlah sukar untuk memahami makna di sebalik metafora ini. Contoh: *head of state* (bahasa Inggeris) dalam bahasa Inggeris menunjukkan kepimpinan dalam sebuah negeri. Namun dalam bahasa Melayu tidak sesuai digunakan *kepala negara* kerana berkaitan dengan sistem nilai masyarakat Melayu.

Di sebalik metafora sebenarnya tersimpan suatu konsep yang lebih dalam daripada makna asas yang difahami yang melibatkan sistem kognitif manusia. Metafora kognitif bermaksud metafora yang dihubungkan dengan konseptual manusia. Manusia meletakkan konsep-konsep berdasarkan persepsi pada alam sekeliling. Jadi tidak mudah untuk penutur bahasa lain untuk memahami makna tersebut. Inilah yang perlu diteliti bagi menentukan makna adalah betul dan tepat berdasarkan konteks.

## **1.2 Objektif Kajian**

Secara asasnya, kajian ini bertujuan untuk meneliti metafora yang wujud dalam bahasa Melayu dengan penumpuan kepada semantik leksikal. Secara khususnya pula, terdapat tiga (3) tujuan kajian ini dilakukan, iaitu:

(1) Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti metafora anatomi yang digunakan dalam bahasa Melayu. Terdapat pelbagai unsur alam yang biasa digunakan sebagai metafora seperti flora, fauna, kosmologi dan sebagainya. Namun begitu, anatomi secara keseluruhannya kurang dibincangkan sebagai unsur metafora secara khusus. Kebanyakan kajian bertumpu hanya menumpukan pada bahagian-bahagian tertentu

secara terpisah. Jadi kajian ini akan menumpukan kepada keseluruhan anatomi manusia yang diteliti melalui himpunan pantun yang menjadi korpus kajian.

(2) Lanjutan daripada tujuan pertama kajian, tujuan kajian yang kedua pula adalah untuk mengkaji bahagian tertentu anatomi yang memberikan makna metafora yang khusus. Ini dilakukan setelah dikenal pasti anatomi yang digunakan sebagai metafora, maka kajian perlu membuktikan bahawa terdapat bahagian-bahagian yang menjadi tumpuan utama yang memberikan makna-makna tertentu, misalnya adakah *hati* hanya memberi makna berkaitan emosi sahaja atau ada kaitan makna yang lain. Ini diperlihatkan melalui teori medan makna yang digunakan sebagai kerangka teori kajian yang diterangkan dalam bab 3.

(3) Akhirnya yang ketiga, tujuan kajian ini dilakukan untuk menganalisis metafora anatomi berdasarkan jenis-jenis makna. Misalnya, adakah metafora *hati* memberikan hanya makna afektif seperti meluahkan emosi, ataupun ada makna-makna lain seperti menunjukkan sikap, ruang, perilaku dan sebagainya. Ini secara tidak langsung berkaitan makna metafora itu sendiri dalam ilmu linguistik sepertimana yang diterangkan di dalam kerangka teoretis yang melibatkan makna konseptual, makna konotatif, makna stilistik, makna afektif, makna refleksi, dan makna kolokatif yang dihubungkan dengan budaya dan pemikiran masyarakat Melayu yang diteliti dalam korpus kajian.

### **1.3 Soalan-soalan kajian**

Berdasarkan tujuan-tujuan yang telah dinyatakan, maka kajian ini amat penting bagi menjawab soalan-soalan kajian berikut;

1. (a) Adakah terdapat unsur metafora anatomi dalam pantun Melayu?  
(b) Bahagian anatomi yang mana menjadi sumber makna dalam pantun tersebut?
2. (a) Apakah ada bahagian-bahagian dalam anatomi tertentu yang memberi makna khusus?  
(b) Konteks yang bagaimanakah metafora tersebut wujud dalam pantun Melayu?
3. (a) Apakah jenis-jenis makna yang terdapat dalam metafora anatomi?  
(b) Situasi yang bagaimanakah yang menjadi konteks kewujudan metafora?

Kesemua ini akan terjawab melalui analisis dan dapatan kajian yang dihuraikan dalam bab 4,5,6,7 dan 8 menggunakan pendekatan dan kaedah kajian seperti yang dihuraikan dalam 1.3 serta kerangka teoretis dalam 3.2.

#### **1.4 Skop dan Batasan Kajian**

Kajian ini meneliti metafora anatomi dalam bahasa Melayu dari sudut ilmu semantik. Kajian ini dibataskan kepada unsur anatomi manusia yang terdapat dalam teks yang dipilih. Masyarakat Melayu menyebut anatomi ini sebagai tubuh badan. Menurut Ross dan Wilson (2001:4), anatomi ialah *a study of the structure of the body and physical relationships between body parts*. Pembahagian anatomi secara khusus adalah berdasarkan kerangka medan makna dan dipermudahkan melalui jadual 1.1 berikut;

**Jadual 1.1: Medan Makna Anatomi**

PEMBAHAGIAN ANATOMI	BAHAGIAN ANATOMI
ANATOMI BAHAGIAN ATAS: KEPALA DAN YANG BERKAITAN	Kepala, muka, mata, mulut, rambut, hidung, pipi, lidah, bibir, kening, dagu, telinga, otak, leher/ tengkuk/ tekak
ANATOMI BAHAGIAN TENGAH: BADAN DAN YANG BERKAITAN	Badan/ tubuh, bahu, dada, pinggang, pusat, punggung, perut, tulang, darah, urat,
	Hati, jantung, hempedu
ANATOMI BAHAGIAN Hujung: KAKI, TANGAN DAN YANG BERKAITAN	Tangan, jari, lengan, siku.
	Kaki, lutut, paha

Memandangkan bidang kajian ini adalah semantik leksikal, maka perbincangan adalah kepada makna leksikal sahaja, iaitu dengan penumpuan kepada makna metafora. Menurut Asmah Haji Omar (2008c:41), kata leksikal ialah kata yang boleh ditakrifkan dari segi makna, iaitu kata dalam golongan ini boleh mempunyai makna tersendiri tanpa perlu bergantung pada kata lain untuk ditentukan maknanya. Jadi semua kata penuh boleh digolongkan sebagai kata leksikal.

Metafora pula boleh terbentuk daripada butir leksikal yang juga membentuk frasa. Bagi Lehrer (1974:3)

*The existence of idioms shows that word may sometimes be too small a unit for semantic analysis, and as a result, phrases and occasionally even whole clauses must be treated on the same level, semantically, with words.*

Pengertian lexis ini bukan hanya terbatas kepada unit kata sahaja tetapi juga boleh pada tingkat frasa, misalnya contoh yang diberikan ialah "pintu air". Ini bermakna kata leksikal tidak diisyaratkan oleh struktur, iaitu bertentangan dengan kata struktur

yang maknanya hanya boleh dilihat dalam pemakaiannya dalam struktur tertentu dan bergantung kepada struktur yang dimasukinya. (Asmah Haji Omar, 2008c:40-41)

Dalam hubungan ini, kajian ini hanya akan menumpukan kepada metafora yang melibatkan frasa yang terdiri daripada hubungan kolokasi bagi butir-butir leksikal, misalnya *mata hati*, *hati walang* dan sebagainya.

## 1.5 Bahan / Korpus Kajian

Bahan bagi kajian ini adalah himpunan teks bertulis yang juga dikenali sebagai korpus. Korpus ialah himpunan bahan bahasa, sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan dan diproses untuk tujuan linguistik. Menurut Crystal (2008:117) korpus ialah,

*A collection of LINGUISTIC DATA, either written texts or a TRANSCRIPTION of recorded speech, which can be used as a starting point of linguistic description or as a means of verifying hypotheses about a LANGUAGE (corpus linguistics).*

Pengertian yang hampir sama juga dikemukakan oleh Deignan (2005:75), yang mengaitkan korpus dengan metafora iaitu,

*Technically, the term "corpus" can be used to refer to any collection of texts. It is sometimes also used to refer to collections of citations of various kinds, such as dictionary entries, or a pre-selected collection or utterances containing a linguistic feature of interest, such as metaphor.*

Sinclair (1991:1) menyatakan bahawa ketika beliau memulakan kajian korpus 30 tahun dahulu, dikatakan mustahil baginya untuk memproses teks dengan kepanjangan berjuta-juta kata, namun pada hari ini, kajian korpus menjadi begitu terkenal. Kajian korpus semakin meluas dengan munculnya kemajuan teknologi, iaitu komputer yang membantu dalam penyimpanan dan pemprosesan data.

*Teks Karya Agung Pantun Melayu: Pantun Melayu Bingkisan Permata* oleh Harun Mat Piah (2001) terbitan Yayasan Karyawan (seterusnya *KAPM*) dan *Kurik Kundi Merah Saga* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur (2005) (seterusnya *KKMS*) digunakan sebagai korpus kajian ini. Teks-teks tersebut merupakan teks linear, iaitu teks yang diwujudkan dalam bentuk pantun, yang mewujudkan makna dalam konteks. Pemilihan *KAPM* (2001) dan *KKMS* (2005) sebagai teks kajian adalah kerana sifatnya yang lebih komprehensif berbanding dengan teks pantun lain.

Teks *KAPM* (2001) mengandungi 4000 pantun yang didokumentasikan dalam bentuk tulisan melalui pilihan koleksi pantun daripada 80 buah teks seperti karya klasik, himpunan pantun dan sumber lain, berasaskan sampel yang cukup besar, iaitu meliputi 15,000 rangkap dalam lebih daripada lapan puluh (80) sumber (Harun Mat Piah, 2001:xxiii). Karya Agung Melayu merujuk kepada karya yang tertulis dalam bahasa Melayu, tidak kira di manakah daerah asalnya di Dunia Melayu ini; dan yang mampu mencetuskan, dalam bentuk dan gaya luar biasa, unsur-unsur pemikiran, sistem nilai dan kepercayaan, falsafah atau pandangan hidup bangsa Melayu turun-temurun (Harun Mat Piah, 2001:10).

*KKMS* pula diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam dua edisi. Edisi pertama (1995) membahagikan kategori pantun mengikut negeri pantun diperoleh. Edisi kedua (2005) pula telah dikategorikan mengikut fungsi pantun. Bagi kajian ini, *KKMS* Edisi kedua (2005) digunakan sebagai korpus kajian. Ini disebabkan terbitan tersebut lebih sistematik dan lebih bersesuaian dengan objektif kajian untuk meneliti makna berdasarkan konteks situasi. *KKMS* (2005) mengandungi sejumlah lima ribu seratus lima puluh empat (5154) rangkap pantun meliputi keseluruhan pantun mewakili dua

belas (12) negeri dan merupakan penerbitan hasil rakaman pantun lisan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang terbanyak sehingga kini (*Kurik Kundi Merah Saga*, 2005:iiv-ivii).

Ini bermakna teks *KAPM* (2001) dan *KKMS* (2005) sangat relevan digunakan sebagai bahan kajian dalam meneliti metafora anatomi bahasa Melayu. Ini demikian kerana teks-teks tersebut adalah komprehensif, meliputi pantun lama dan baru yang sesuai digunakan dalam meneliti makna berdasarkan konteks situasi.

Dari segi pemilihan pantun sebagai korpus pula, himpunan pantun yang telah didokumentasikan secara bertulis ini merupakan milik masyarakat Melayu yang menggambarkan peribadi nilai dan akal budi orang Melayu. Pantun Melayu secara lisan sudah terkenal di rantau tenggara Asia lebih daripada 700 tahun dahulu (Ungku Abdul Aziz, 2011:2). Kemunculan pantun mungkin lebih lama daripada itu lagi kerana pantun diperturunkan daripada generasi kepada generasi berikutnya secara lisan. Penentuan asal mula pantun sukar ditentukan memandangkan tiada catatan bertulis.

Gambaran bahawa pantun merupakan cermin kepada kehidupan masyarakat Melayu dapat dibuktikan melalui kajian yang dilakukan antaranya oleh Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid (2011), Mohd Taib Osman (1996), Wilkinson dan Winstedt (1961), Daillie (1988), dan Harun Mat Piah (2001).

Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid (2011) telah mula mengumpul pantun selama 20 tahun dan diselaraskan dalam satu pangkalan data komputer istimewa dan hingga kini, sejumlah 16000 pantun telah dipilih daripada tujuh buah buku rujukan (sila rujuk Ungku Abdul Aziz (2011:3) untuk senarai lengkap). Kajian ini menggambarkan

hidup pedagang dan kanak-kanak serta contoh penggubahan variasi dalam pantun. Terdapat beberapa tajuk penggolongan yang diberikan, iaitu istilah yang berkait dengan pedagang, seperti perantau, pedagang, pelayar, peniaga, dan perkapalan menerusi metafora pantun. Kajian ini juga meneliti sifat pedagang, dagang piatu, perkapalan, fenomena angin, mala petaka pelayar, pantun kanak-kanak, variasi, dan lain-lain lagi.

Kajian Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid (2011) ini membuktikan bahawa terdapat bakat daya cipta pengarang pantun Melayu. Kajian beliau membuktikan bahawa pantun adalah cerminan atau refleksi nyata masyarakat Melayu yang terakam menerusi bahasa. Mengikut pendapat Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid (2011:49-50), pemikiran dan minda Melayu telah wujud sejak 800 tahun lalu, misalnya dalam penamaan pokok dan binatang di alam Melayu. Meskipun taksonomi telah diperkenalkan oleh Carl Linnaeus, pakar Botani dari Sweden pada tahun 1735, Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid (2011:49) berpendapat bahawa penentuan nama benda-benda hidup telah wujud 300 hingga 400 tahun lebih awal lagi kerana pantun tidak akan digubah jikalau benda-benda dan insan tidak dinamakan terlebih dahulu.

Mohd Taib Osman (1996:1) pula mengkategorikan pantun,

Sebagai satu artifak bukan-benda (non-material) yang bukan sahaja digunakan dalam kehidupan orang Melayu, tetapi mempunyai berbagai-bagai makna dan fungsi dalam budayanya, pantun sebenarnya mencerminkan peradaban Melayu dalam mana minda sebagai terjemahan perkataan Inggeris "mind" adalah sebahagian daripadanya.

Mohd Taib Osman (1996:2) menganggap pantun sebagai artifak budaya kerana sifat artifak atau alat-alat biasa memenuhi fungsi tertentu dalam kehidupan berbudaya, sepertimana bajak untuk menanam padi, gendang untuk muzik, kitab untuk pengetahuan, maka dalam hal ini, bahasa menjadi artifak atau objek untuk pantun.



Pantun adalah suatu objek yang penting dalam meneliti idea dan pemikiran orang Melayu. Hal ini diperkukuhkan melalui kenyataan dalam buku selenggaraan bersama oleh Wilkinson dan Winstedt (1961:183) bahawa,

*...one of the important objects of Malay research is to enable those who come in contact with the Malays to comprehend their faculty for ideas and his range of passion... no one could estimate the mental scope of the Malay without understanding of the pantun, the love verse and lampoon of Indonesian peoples.*

Dalam melihat hubungan antara pantun dengan orang Melayu pula, Daillie (1988:6), menyatakan bahawa,

*This brief poem is an epitome of life and a universe in a grain of sand. It carries within itself all the elements of the Malay man's life: his land, his house, his garden, his paddy field; the river, the sea and the forest; the trees, fruits, animals, birds, fishes; the few simple things of everyday use; it expresses his custom and tradition, wisdom, beliefs, feelings of all sorts, his love of man, woman and God.*

Berdasarkan petikan dalam Wilkinson dan Winstedt (1961) serta Daillie (1988) di atas jelas menunjukkan bahawa sarjana Barat turut mengakui bahawa pantun merupakan khazanah masyarakat Melayu yang menggambarkan kehidupan, jiwa dan pemikiran orang Melayu.

Harun Mat Piah (2001:xxviii) pula berpendapat bahawa, pada dasarnya sesebuah pantun dengan sendirinya menyerlahkan persekitaran masyarakat yang melahirkannya dan menyatakan latar alam dan latar budaya masyarakat yang diwakilinya. Beliau seterusnya memberikan contoh pantun-pantun yang berkaitan dengan masyarakat pelaut dan masyarakat pesisir pantai yang cukup mahir tentang laut, pelayaran, atau daripada seorang pemikir yang benar-benar mengetahui tentang laut dalam hubungannya dengan falsafah pemikiran manusia Melayu, serta mengutarakan satu senarai terperinci tentang objek dan rujukan tentang laut yang boleh diperoleh daripada pantun, seperti laut, ombak, pasang, surut, pukut, belat, teritip, kepiting dan lain-lain (untuk senarai terperinci sila rujuk Harun Mat Piah (2001:xxix-xxx).

Sebagai mengukuhkan kenyataan peri pentingnya konteks sosio-budaya dalam memahami masyarakat menerusi pantun, Harun Mat Piah (2001:xxx) menyatakan bahawa,

Orang yang tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman tentang laut dengan segala situasinya dan tidak mengetahui kehidupan sosial masyarakat yang melahirkannya, tidak akan mampu mentafsir atau menterjemah situasi-situasi tersebut dengan sebaik mungkin. Ia seharusnya mengenali masyarakat itu dan memahami cara hidupnya, agama dan kepercayaannya, pantang larang, adat dan upacara, sejarah, mitos dan lagendanya, seterusnya tentang setiap objek dan situasi yang berhubung dengan alam dan imej yang membina pantun-pantun berkenaan...

Kajian ini jelas membuktikan bahawa masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang mempunyai daya cipta yang tinggi. Pantun dihasilkan daripada persepsi mereka terhadap alam dan mempunyai struktur yang unik. Inilah juga yang menjadi rasionalnya pemilihan pantun sebagai bahan kajian yang amat penting ketika jenis-jenis makna dibincangkan dalam kajian ini. Bagi melengkapkan kajian ini, seterusnya dibincangkan pantun dari segi struktur dan tema.

### **1.5.1 Struktur pantun**

Struktur adalah cara sesuatu terbina atau terbentuk daripada pelbagai bahagian, unsur, atau aspek hingga menjadi satu pola, sistem atau bentuk tertentu (Kamus Dewan, 1997: 1306).

Dari segi struktur, pantun terdiri daripada larik-larik yang berpasangan: dua, empat, enam, lapan, dan seterusnya. Setiap larik terdiri daripada empat perkataan, dengan jumlah suku kata antara lapan hingga sebelas, menggunakan pola-pola rima a-b-a-b, dengan sedikit variasi a-a-a-a dan mungkin terdapat rima dalaman. Contohnya,

(i) **Pantun rima a-b-a-b**

Pantun 4 baris (rima a-b-a-b)

638.   Apalah tanda batang keladi  
          Batang keladi di tanah isinya  
          Apalah tanda orang berbudi  
          Orang berbudi rendah hatinya.
- } **pembayang maksud**  
}  
}  
} **maksud**  
(KAPM: 399)

Pantun 6 baris (rima a-b-a-b)

532.   Inggeris mengerat kuku  
          Dibaris dengan pisau raut  
          Peraut betung tua-tuanya  
          Elok negeri keempat suku  
          Lebih suku berbuah perut  
          Tuah kampung ada tuanya.
- } **pembayang maksud**  
}  
}  
} **maksud**

(ii) **Rima a-a-a-a**

Pantun 2 baris

291.   Sebab pulut santan binasa  
          Sebab mulut badan binasa.
- **pembayang maksud**  
— **Maksud**  
(KAPM: 5)

Pantun 4 baris

1095.   Sarung kertas batang cendana  
          Sibur kaca berisi gula  
          Datanglah arif yang bijaksana  
          Akan penghibur hati yang gila.
- } **pembayang maksud**  
}  
}  
} **maksud**  
(KAPM: 164)

Untuk tujuan kajian ini, kesemua jenis rangkap pantun, digunakan yang terdiri daripada dua (2) baris, empat (4) baris dan enam (6) baris. Berdasarkan tinjauan awal, jumlah pantun berdasarkan rangkap yang terdapat dalam korpus kajian dijelaskan melalui jadual berikut,

**Jadual 1.2: Jumlah Pantun Mengikut Jenis**

Jenis pantun	Bilangan	Peratusan (%)
2 baris	14	0.15
4 baris	9182	99.71
6 baris	13	0.14
Jumlah	9209	100.00

Berdasarkan jadual 1.2. di atas, jelas menunjukkan bahawa pantun empat baris paling banyak digunakan dalam korpus, iaitu hampir keseluruhan jumlah korpus, iaitu sebanyak 99.71%, berbanding pantun dengan dua baris, iaitu 0.15% dan enam baris berjumlah 0.14%. Peratusan ini memberi petunjuk bahawa pantun empat baris paling popular dalam masyarakat Melayu.

Hal ini berlaku kerana pantun yang lebih daripada empat baris tidak begitu popular, mungkin kerana kesukaran menciptanya, iaitu tidak mudah mendapatkan urutan baris-baris yang berhubungan maknanya dan indah bunyinya sepertimana dalam pantun empat baris (Harun Mat Piah,1989:150).

Meskipun pantun dua baris masih luas terpakai hingga kini, namun pantun empat baris lebih kemas dan tersusun, bahkan memberikan lebih banyak ruang untuk menyatakan maksud yang lebih kompleks (Harun Mat Piah,1989:145). Hal ini menjadikan pantun empat baris lebih popular, serta jelas dalam menyampaikan sesuatu maksud berdasarkan pertalian antara baris baik bagi pembayang mahupun maksud berbanding pantun-pantun lain, seperti pantun dua baris, enam baris, lapan baris dan seterusnya.

Dari segi binaan atau struktur juga, pantun terbahagi ke dalam dua unit, iaitu unit pembayang atau sampiran dan juga unit maksud. Pantun yang baik memperlihatkan hubungan makna antara kedua-dua bahagian tersebut, baik hubungan langsung mahupun hubungan simbolis, iaitu melalui penggunaan unsur-unsur simbolisme (Harun Mat Piah, 2001:ixvi). Kajian ini seterusnya meneliti tumpuan penggunaan unsur anatomi, sama ada pada bahagian pembayang ataupun maksud, yang seterusnya menjawab objektif kajian yang telah dinyatakan.

### **1.5.2 Tema Pantun**

Tema merujuk kepada pengertian atau inti pati gambaran dan pengisahan, sebagai memberi maksud utama kandungan kisah atau gambaran itu (Rahmah Bujang, 2008: 169). Dari segi tema, pantun mengandungi maksud diktatik, menyampaikan ajaran, memberikan peringatan dan bimbingan sesuai dengan nilai dan etika, nilai budi, nilai ilmu, selain nilai seni dan budaya.

Etika meliputi akhlak yang baik, menerima dan menjunjung norma-norma keagamaan, sentiasa bertakwa dan bercita-cita untuk menjadi umat yang sempurna. Sementara nilai budi, sebagai nilai sosiobudaya termasuk nilai menghormati yang tua, menerima, memberi, mengenang dan membalas budi. Dari segi ilmu, pantun pada umumnya menyatakan kebenaran, bersifat rasional, berdasarkan kenyataan realiti dan dapat dianggap sebagai wadah yang sarat dengan kebijaksanaan dan nilai-nilai falsafah yang tinggi (Harun Mat Piah, 2001:xxii).

Dengan mengambil kira keseluruhan korpus yang digunakan, terdapat beberapa tema pantun dalam kajian, iaitu adat, kasih sayang, nasihat dan sebagainya. Berdasarkan

kepada penelitian awal, didapati bahawa tema pantun berdasarkan jenis dan jumlah rangkap adalah seperti yang berikut:

**Jadual 1.3: Jumlah Rangkap Pantun Berdasarkan Tema**

TEMA PANTUN	BILANGAN	%
1. Kasih sayang	4679	50.81
2. Kiasan, peribahasa, ibarat	1035	11.24
3. Adat	762	8.27
4. Orang Dagang	548	5.95
5. Nasihat	516	5.60
6. Agama	438	4.76
7. Alam kanak-kanak	426	4.63
8. Budi	407	4.42
9. Jenaka dan hiburan	320	3.47
10. Pantun kepahlawanan	78	0.85
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>9209</b>	<b>100%</b>

Tema pantun ini sangat penting bagi meneliti makna berdasarkan jenis makna dan konteks. Komponen makna tertentu berdasarkan anatomi tertentu juga dapat diteliti berdasarkan tema kerana jumlah pantun secara tidak langsung mempengaruhi peratusan analisis yang diperoleh. Misalnya, berdasarkan tema pantun yang diberikan, kasih sayang menjadi tema yang paling banyak dalam korpus, iaitu lebih 50% daripada keseluruhan pantun. Ini menjadi sebahagian daripada petunjuk bahawa pantun digunakan bagi meluahkan emosi yang termasuk dalam makna afektif dan cuba dibuktikan melalui kajian selanjutnya.

Selanjutnya diikuti oleh pantun kiasan, peribahasa dan ibarat, iaitu kira-kira 11% juga menjadi petunjuk bahawa pantun merupakan satu bentuk saluran komunikasi secara tidak terus terang, iaitu *beating about the bush phenomenon* seperti yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (1992:178-179). Ini kerana orang Melayu amat kaya dengan adab dan budi bahasa, dan dalam menyatakan sesuatu, cara tidak berterus terang mempunyai fungsi tersendiri dalam masyarakat Melayu seperti menjaga adab, perhubungan sosial dan sebagainya.

Kemudian barulah diikuti oleh tema-tema lain, seperti adat, nasihat dan sebagainya seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 1.3 di atas. Kategori pantun ini pada akhirnya dapat digunakan sebagai justifikasi bagi membincangkan tumpuan metafora dan komponen makna pada anatomi tertentu yang wujud berdasarkan konteks situasi.

## **1.6 Kaedah Kajian**

Terdapat ciri dan pendekatan dalam menentukan sesuatu kategori kaedah penyelidikan. Ciri ialah sifat dan kualiti yang sedia ada pada sesuatu kaedah, manakala pendekatan adalah cara tertentu yang digunakan oleh penyelidik dalam menghadapi (atau membentuk sikap) terhadap sasaran penyelidikan dan juga dalam cara memperlakukan data, maka pilihan pendekatan tertentu atau gabungan beberapa pendekatan itulah yang mewujudkan kaedah (Asmah Haji Omar, 2008b:25-26).

Kaedah kajian bahasa boleh dibahagikan kaedah lapangan dan kaedah kepustakaan. Asmah Haji Omar (2004:11) membahagikan kaedah lapangan kepada kajian huluan (*upstream research*) dan kajian hiliran (*downstream research*) yang

dibezakan kedua-duanya berdasarkan tujuan dan lokasi penyelidikan. Kajian huluan bertujuan untuk merakam dan menganalisis bahasa atau dialek yang belum pernah dirakam atau dianalisis terlebih dahulu di kawasan hulu serta memberi manfaat bagi kajian filogenetik bahasa, dialektologi, etnolingustik dan sebagainya. Sebaliknya kajian hiliran pula adalah kajian yang dilakukan di kawasan hilir seperti sekolah, kilang, pasaraya dan sebagainya, lebih bersifat sosiolinguistik. Kaedah lapangan melibatkan pengumpulan data primer, iaitu data mentah yang belum diolah atau dianalisis sebelumnya oleh pengkaji lain.

Manakala kaedah kepustakaan adalah suatu kaedah yang melibatkan penggunaan data yang telah dikumpulkan dan dikenali sebagai data sekunder, iaitu data yang telah diolah atau ditafsir oleh pengarang menurut sistem tulisan dan ejaan sesuatu bahasa. Antara bentuk kajian yang boleh menggunakan kaedah kepustakaan ini adalah seperti kajian bahasa dalam teks, naskah, dokumen, akhbar dan lain-lain.

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan melalui pengumpulan dan pemprosesan korpus teks. Teks ialah sejumlah ayat yang secara kesatuan menyampaikan informasi mengenai sesuatu judul yang boleh terdiri daripada satu perenggan, satu halaman, bahkan satu buku (Asmah Haji Omar, 2009:113).

Teks adalah berkaitan dengan peristiwa bahasa yang berlaku, di samping turut dilihat sebagai hasil daripada proses kemahiran bahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis, terutama hasil dalam bentuk bertulis. Kenyataan ini dapat diperkukuhkan melalui kenyataan Halliday (1994:311) iaitu;

*Text is something that happens, in the form of talking or writing, listening or reading. When we analyse it, we analyse the product of this process; and the term 'text' is usually taken as referring to the product-especially the product in its written form...*



Teks penting bagi kajian ini kerana teks merupakan unit semantik yang diwujudkan melalui penggunaan kata berdasarkan konteks. Teks yang dipilih adalah seperti yang telah dinyatakan di dalam 1.5. Dalam hal ini, pengkaji tidak perlu turun ke lapangan bagi mengumpul pantun, kerana pantun yang didokumenkan dalam kedua-dua teks yang dipilih ialah pantun lisan melalui teknik rakaman daripada penyelidikan lapangan, dan juga kompilasi daripada teks klasik yang juga asalnya diperturunkan secara lisan, boleh dipertanggungjawabkan sebagai data asli bagi menjawab persoalan-persoalan kajian.

## **1.7 Pemprosesan Korpus**

Asasnya terdapat beberapa prosedur dalam pemprosesan korpus. Prosedur melibatkan penentuan saiz dan kategori korpus, serta konkordans yang dihuraikan berikut ini.

### **1.7.1 Penentuan Saiz dan Kategori Korpus**

Saiz merujuk kepada jumlah korpus yang digunakan dalam kajian ini. Pada peringkat pertama, kedua-dua teks ini digabungkan membentuk korpus kajian. Dari segi saiz korpus keseluruhan, iaitu gabungan teks *KAPM* (2001) dan *KKMS* (2005), adalah 9653 rangkap.

Seterusnya pemilihan dilakukan dengan mengeluarkan pantun yang mempunyai mempunyai persamaan dari segi sumber atau pengisian rangkap yang kemudiannya akan dikira sebagai satu (1) rangkap. Ini dilakukan bagi mendapat kesahan bahan kajian yang digunakan.

Daripada jumlah keseluruhan korpus, iaitu 9653 rangkap, terdapat sebanyak 444 rangkap pantun yang berulang-ulang, telah dikeluarkan menjadikan jumlah korpus utama yang digunakan ialah 9209 rangkap.

<b>Jumlah keseluruhan korpus</b>	<b>=</b>	<b>9653 rangkap</b>
<b>(-) pantun berulang</b>	<b>=</b>	<b><u>- 444 rangkap</u></b>
<b>Jumlah korpus utama</b>		<b><u>9209 rangkap</u></b>

Seterusnya bahagian yang digunakan sebagai data kajian dikeluarkan berdasarkan keperluan kajian. Data ialah bahan yang dikumpul daripada penyelidikan yang kemudiannya diolah dan dianalisis, manakala data bahasa yang terdapat dalam satu kumpulan yang agak besar itu disebut korpus (Asmah Haji Omar,2009:96).

Berikutnya, hanya pantun yang mengandungi unsur anatomi sahaja dipilih sebagai data kajian. Jumlah pantun yang mengandungi unsur anatomi berdasarkan rangkap yang digunakan sebagai data kajian adalah 3372 rangkap.

$$\frac{3372}{9209} \times 100 = 36.62\%$$

Jumlah data kajian sebanyak 3372 rangkap (36.62%) ini membuktikan bahawa anatomi juga banyak digunakan di dalam pantun-pantun Melayu. Dapatan sebanyak 36.62% ini juga dapat dipertanggungjawabkan bagi mewakili keseluruhan kajian.

Dari segi kehadiran unsur anatomi berdasarkan baris pula, terdapat sebanyak 3435 baris unsur anatomi hadir daripada keseluruhan pantun. Hal ini berlaku kerana terdapat pengulangan unsur anatomi pada baris berlainan dalam rangkap yang sama.

### 1.7.2. Konkordans

Konkordans ialah kemungkinan berlakunya butir bahasa dalam urutan secara sintagmatik. Urutan yang berlaku boleh secara berdekatan atau ada selaan antara dua butiran yang diperhatikan. Menurut Sinclair (1992:32),

*A concordance is a collection of the occurrences of a word-form, each in its own textual environment*

Kata yang hendak dikaji itu merupakan *search word* atau kata carian. Kata carian tersebut amat penting dalam menentukan punca sesuatu kata yang ingin dilihat berasaskan makna. Melalui konkordans, kehadiran kata sebelum mahupun selepas kata carian tersebut dapat dilihat. Ini dikukuhkan dengan kenyataan O' Grady et. al. (1996:693) bahawa,

*A concordance tells which words occur near other words. Concordance and indexing programs are used widely in literary analysis and lexicography. Some authors seem to favour using certain words in the context of other words. Concordance programs can find these relationships. A concordance program could tell, for example how many times the word she occur next to flounce.*

Konkordans amat berguna bagi melihat kata secara sintagmatik. Bagi kajian ini, sintagmatik dapat dilihat perkaitan antara butir leksikal dalam satu rangkaian mendatar yang mempunyai makna berdasarkan konteks situasi. Hubungan sintagmatik ini dapat dihubungkan dengan mewujudkan medan makna, memastikan ada atau tidak hubungan kolokasi, sinonim dan antonim, atau hubungan hipernim dan hiponim, dan lain-lain (Asmah Haji Omar,2008a:281).

Pada peringkat ini, korpus yang telah diproses tadi dimasukkan ke dalam *fail.txt.word*. Data kemudian didapatkan semula (*retrieve*), iaitu tindakan atau memperoleh data yang dikehendaki dengan memilih, mencari, atau menerima kembali data daripada sesuatu punca (*Kamus Komputer*,2002:43) menggunakan perisian

*Antconc 3.2.4w* yang menjadi alat atau medium bagi membantu memudahkan pencarian data melalui konkordans. Yang berikut ialah contoh konkordans bagi kata kunci "hati" yang telah diproses menggunakan perisian *Antconc 3.2.4w*.

The screenshot displays the AntConc 3.2.4w (Windows) 2011 interface. The main window shows a concordance search for the keyword "hati". The search results are displayed in a table with three columns: Hit, KWIC, and File. The search term is "hati", and the concordance hits are 1321. The search window size is set to 50. The interface also shows a list of corpus files on the left, a search term input field, and various search options like Words, Case, and Regex. The bottom status bar shows the time as 1:48 PM.

Hit	KWIC	File
69	ap di ekor ikan tempala Jangan sekali merosak di <b>hati</b> Hams tiada dapat pahala. (SN: 52) 1134.	data tesis full.txt
70	tepi perigi helang melayang Belas kasihan, baik <b>hati</b> Berhemah tinggi, berkasih sayang. (DS 06/99	data tesis full.txt
71	Papan di Jawa dibelah-belah Tiada boleh kehendak <b>hati</b> Kita di bawah perintah Allah. (RMBP: 31) 1	data tesis full.txt
72	Tuan berkata sedap di mulut Saya mendengar sakit <b>hati</b> . (PMW: 74) 1151.* Aceh bersunting bunga sen	data tesis full.txt
73	tuan sudah sempurna Bagai empedu lekat di <b>hati</b> . (PPOT: 3) 1154. Akar nibung meresap-ressa	data tesis full.txt
74	Terbakar kampung kelihatan asap Terbakar <b>hati</b> siapa tahu. (PPOT: 4) 1155. Alang-alang	data tesis full.txt
75	k termenung Menunggu hari jadi mempelai Hajet <b>hati</b> nak peluk gunung Apa Jaya tangan tak sampai.	data tesis full.txt
76	uat Batang bamban terpangung-pangung Kehendak <b>hati</b> segeralah buat Badan siapa yang menanggung.	data tesis full.txt
77	kaki perdupaan Putih kapas boleh dilihat Putih <b>hati</b> berkeadaan. (PPOT: 28) 1217. Beringin di K	data tesis full.txt
78	Kampung Pulau Pautan ayam tedung gombak Ingin <b>hati</b> memandang pulau Sampan ada pengayuh tidak.	data tesis full.txt
79	Jerami disabit dalam sawah Sungguh hairan di <b>hati</b> kami Hujan lebat tanah tak basah. (SBSB:	data tesis full.txt
80	Biar buruk kain dipakai Asal pandai mengambil <b>hati</b> . (LET: 13) 1246. Bunga raya berwarna merah	data tesis full.txt
81	au berpadi masak Batang kapas bertimbal jalan <b>Hati</b> risau dibawa gelak Bagai panas mengandung hujan	data tesis full.txt
82	panas tempat berlindung. (SBSB: 114) 1312. <b>Hati-hati</b> ke kebun Cik Melan Anak buaya berulang bang	data tesis full.txt
83	s tempat berlindung. (SBSB: 114) 1312. <b>Hati-hati</b> ke kebun Cik Melan Anak buaya berulang bangkai	data tesis full.txt
84	ebun Cik Melan Anak buaya berulang bangkai Niat <b>hati</b> nak capai bulan Bulannya tinggi tangan tak sampa	data tesis full.txt
85	endankan puntung Tidak orang seperti saya Makan <b>hati</b> berulam jantung. (PMAB: 101) 1331. Janda	data tesis full.txt
86	Luka di tangan kena pisau Luka di <b>hati</b> kerana kata. (RMBP: 221) 1341. Kalat mata h	data tesis full.txt
87	lahan-lahan Dibawa angin terdengar jauh Kalau <b>hati</b> tidak tertahan Di dalam air badan berpeluh.	data tesis full.txt
88	g air melimpah Rumah di pantai tiangnya basah <b>Hati</b> gajah sama dilapah <b>Hati</b> kuman sama dicecah.	data tesis full.txt
89	pantai tiangnya basah <b>Hati</b> gajah sama dilapah <b>Hati</b> kuman sama dicecah. (KPBD)	data tesis full.txt
90	i tangan Mentimun sama di tangan Buatlah sesuka <b>hati</b> . (PMAB: 9) 1400. Niat <b>hati</b> nak pancing teme	data tesis full.txt
91	Buatlah sesuka <b>hati</b> . (PMAB: 9) 1400. Niat <b>hati</b> nak pancing temenung Sudah terpancing ikan seto	data tesis full.txt
92	ng temenung Sudah terpancing ikan setoka Niat <b>hati</b> nak peluk gunung Sudah terpeluk biavak celaka.	data tesis full.txt
93	ngku Jarum perak benang mastuli Hairan ajaib di <b>hati</b> aku Burung merak meminang nuri. (PPOT: 51)	data tesis full.txt
94	ita dijangkit duri. (PPOT: 22) 1427. Patah <b>hati</b> tents merajuk Rajuknya sampai ke hutan belukar	data tesis full.txt

Sumber : *KAPM* (2001) dan *KKMS*(2005)

#### Rajah 1.4: Contoh Hasil Konkordans

Pada asasnya terdapat dua jenis konkordans, iaitu kolokasi dan koligasi. Kolokasi merujuk kepada perkaitan antara dua perkataan yang menunjukkan adanya urutan bahawa ada lagi rentetan yang berlaku berikutnya. Kolokasi merupakan pernyataan makna. Manakala koligasi pula merujuk kepada pernyataan makna pada

peringkat nahu, iaitu kategori kata dan ayat, dan perkaitan antara kategori (Asmah Haji Omar,2011:138-139)

Yang berikut dipaparkan contoh pantun bagi maksud menerangkan kolokasi berdasarkan makna bagi tujuan menjelaskan kesesuaian jenis konkordans yang dipilih untuk kajian,

3071. *Sakit kaki* kena lalang,  
Kena pula di bayang dusun;  
*Sakit hati* kata dek orang,  
Kata pula di dalam pantun.

(KKMS:386)

Merujuk kepada pantun di atas, kolokasi *sakit kaki* merujuk kepada makna denotatif bagi keadaan kesakitan pada bahagian kaki akibat terkena lalang. *Sakit hati* pula memberi makna konotatif, afektif yang merujuk kepada emosi yang marah pada seseorang atau sesuatu kerana disindir oleh seseorang. Maka dalam hal ini, kolokasi amat penting bagi merujuk makna berdasarkan konteks.

## 1.8 Kesimpulan

Semantik merupakan satu bidang penting yang merentas pelbagai bidang, Tanpa makna, sesuatu kajian itu tidak dapat mencapai matlamatnya. Pelbagai kaedah yang digunakan dalam kajian semantik, baik kaedah lapangan mahupun kepustakaan. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, melibatkan pengumpulan pantun daripada teks terpilih sebagai korpus kajian dan diproses berbantuan *Antconc 3.4w*. Kajian ini dibataskan hanya kepada anatomi manusia dengan meneliti metafora anatomi yang terdapat dalam pantun. Kajian sebegini adalah penting bagi menjawab persoalan-persoalan kajian dan mencapai objektif kajian.

## BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

### 2.0 Pendahuluan

Bab ini menumpukan kepada tinjauan literatur berdasarkan teori dan analisis semantik dalam bahasa Melayu. Tinjauan teori dibincangkan berdasarkan dua tahap, iaitu tahap pertama ialah semantik falsafah dan tahap kedua pula ialah semantik linguistik. Tinjauan analisis semantik pula ditumpukan kepada kajian yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji berkenaan semantik bahasa Melayu yang berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan.

### 2.1 Semantik Falsafah

Pada peringkat awal perkembangan ilmu linguistik, bidang semantik kurang mendapat tempat di kalangan sarjana. Penumpuan lebih kepada bidang fonologi dan tatabahasa. Sehingga awal 1960-an, barulah semantik mendapat tempat dalam linguistik moden yang sebelumnya semantik menjadi satu cabang bidang falsafah.

Dalam abad ke-17, penggunaan semantik adalah dalam semantik falsafah, namun perkataan *semantik* belum pernah digunakan sehinggalah diperkenalkan dalam kertas kerja yang dibentangkan kepada *American Philological Society* pada tahun 1894 seperti yang dijelaskan oleh Palmer (1981:1),


*Although there is one occurrence of semantick in the phrase semantick philosophy to mean 'divination' in the seventeenth century, semantics does not occur until it was introduced in a paper read to the American Philological Association in 1894 entitled 'Reflected meanings: a point in semantics'.*

Semantik falsafah menjadi satu bidang dalam ilmu falsafah yang meneliti hubungan antara linguistik dengan fenomena dalam dunia yang dirujuk, dan mengambil kira keadaan yang menyatakan benar atau salah. Menurut Crystal (2008:428),

*Philosophical semantics examines the relation between linguistic expressions and the phenomena in the world to which they refer, and considers the conditions under which such expressions can be said to be true or false, and the factors which affect the interpretation of language as used... 'logical' and 'pure' semantics (formal semantics) is the study of the meaning of expressions in terms of logical systems of analysis, or calculi, and is thus more akin to formal logic or mathematic.*

Semantik formal yang dikenali sebagai semantik logik atau tulen ini meneliti pengungkapan makna dari sudut logik. Semantik falsafah bersifat deduktif dan meneliti beberapa persoalan asas, iaitu (i) ada dan bagaimana wujudnya sesuatu kemungkinan makna, dan (ii) jenis-jenis makna yang wujud dalam prinsip bagi kemungkinan tersebut (Frawley W. 2009:4). Pada hari ini, semantik falsafah digunakan di dalam bidang seperti sains tulen, matematik, teknologi maklumat dan bidang-bidang lain berdasarkan prinsip falsafah dan logik.

Antara tokoh yang terkenal pada era semantik falsafah ialah Ogden & Richards (1923), melalui karya *The Meaning of Meaning*. Melalui teori makna, Ogden & Richards (1923) mengemukakan skema segi tiga yang dikenali sebagai segi tiga semantik atau *semantic triangle*, seperti yang ditunjukkan dalam rajah 2.1 berikut;



**Rajah 2.1: Segitiga Semantik (*Semantic Triangle*)**

Sumber: Dipetik daripada Ogden & Richards (1923:11)

Teori segi tiga semantik oleh Ogden & Richards (1923) yang ditunjukkan di dalam rajah 2.1 di atas melibatkan pemikiran (*thought*), simbol (*symbol*) dan rujukan (*referent*). Pemikiran adalah bentuk abstrak fikiran yang dinamakan konsep, simbol pula adalah merujuk kepada imej bunyi, manakala rujukan adalah sesuatu benda yang dirujuk.

Merujuk kepada rajah 2.1 tersebut, terdapat hubungan sebab-musabab (*causal relation*) di antara pemikiran dan simbol, iaitu secara langsung (apabila kita melihat) atau tidak langsung (apabila kita memikirkan atau merujuk sesuatu). Kedua-dua unsur tersebut mempunyai rantaian lambang-situasi (*sign-situation*) yang panjang antara perlakuan dan rujukannya. Misalnya apabila kita melihat atau berfikir tentang hospital, maka timbul rantaian lambang-situasi seperti wad, doktor, pesakit, jururawat dan sebagainya .

Terdapat hubungan sebab musabab yang lain (*other causal relations*) antara fikiran dengan rujukan. Rujukan adalah segala sesuatu yang kita fikir atau rujuk.



Menurut Stern (1965:31),

*The referent is that which is denoted by a word, that to which word and meaning refer. It may be concrete or abstract, actually existing or imaginary; in short anything that is capable of being made the topic of formulated thought and speech.*

Apabila kita bertutur, simbol yang digunakan sebahagiannya dibina sendiri dan sebahagian lagi daripada faktor psikologi dan sosial. Simbol tersebut adalah berdasarkan tujuan kita membuat rujukan, kesan daripada simbol yang dicadangkan, serta sikap penutur itu sendiri. Ketika kita mendengar sesuatu yang diujarkan, simbol-simbol menyebabkan kita mengambil tindakan (Ogden & Richards: 1923:10-11)

Tanda garis putus ( - - - ) di antara simbol dengan rujukan pula bermakna tiada perkaitan langsung antara kedua-duanya, iaitu bersifat arbitari. Namun begitu, terdapat juga aspek bahasa yang dianggap tidak arbitrari, iaitu symbol mempunyai perkaitan secara langsung dengan rujukan, contohnya bunyi mengaum, mengiau dan mengembek yang dihasilkan oleh harimau, kucing dan kambing yang terdapat dalam bahasa Melayu (Asmah Haji Omar, 2011:46).

Ogden & Richards (1923) turut mengenepikan daripada teori pemaknaan tersebut, kata emotif, serta unsur-unsur yang dianggap yang tidak simbolik, seperti kata penghubung meskipun semuanya bersifat lambang, kerana tiada rujukan yang jelas dan hanya sesuai dengan kajian nahu. Terdapat perkara yang penting dalam teori ini, iaitu bahasa mempunyai aspek fizikal dan psikologi, iaitu psikologi dalam *thought* and *reference* meliputi konsep, sementara simbolisasi adalah pengwujudan konsep daripada keadaan abstraknya yang membezakan manusia daripada haiwan, dan manusia mengenal alam sekelilingnya atau alam maya (Asmah Haji Omar, 2011:46-47)

Walau bagaimanapun terdapat juga kelainan pendapat antara Ogden dan Richards (1923) dengan ahli bahasa mahupun ahli psikologi lain. Ullman (1962:57) misalnya berpendapat bahawa,

*It is at this point that the Ogden & Richards model does not go far enough. It gives an account of how the word acts on the hearer but seems to neglect the speaker's point of view.*

Malinowski (1923:7) juga kurang bersetuju dengan pendapat Ogden & Richards (1923) seterusnya menegaskan bahawa bahasa adalah cara bertindak dan bukan satu bentuk pemikiran. Bloomfield (1933) pula melalui pendekatan strukturalnya melihat bahawa bahasa adalah sama dengan gerak laku manusia yang lain, hasil operasi rangsangan dan gerak balas.

## **2.2 Semantik Linguistik**

Perkembangan ilmu linguistik selanjutnya menolak bahawa semantik hanya tergolong dalam ilmu falsafah semata-mata. Semantik seterusnya telah menjadi ilmu tersendiri dalam disiplin linguistik. Menurut Crystal (2008:429),

*In linguistics, the emphasis is on the study of the semantic properties of natural languages (as opposed to logical 'languages'), the term 'linguistic semantics' often being employed to make the distinction clear (though this is not convention needed in the dictionary, where the term 'semantics' is used without qualification to refer to its linguistic sense).*

Semantik linguistik asasny adalah disiplin yang bersifat empirikal, induktif, dan *data-driven*, maka sebab itulah melibatkan terutamanya sesuatu yang benar-benar wujud dan bukan berdasarkan prinsip sedia ada yang mesti dipatuhi (Frawley, 1992:5).


Bloomfield (1933:178) merupakan ahli bahasa terawal melakukan kajian bahasa secara saintifik dan memasukkan makna ke dalam bidang linguistik. Tanpa mengaitkan makna dengan mana-mana teori semantik, beliau lebih menumpukan

kepada aspek bentuk, yang dikatakan menghasilkan makna dan mencadangkan bahawa kata adalah sebuah bentuk bebas terkecil yang boleh wujud secara terpisah yang bergantung pada maksud sebagai terpisah itu. Lalu dicadangkan bahawa suatu unsur yang paling kecil daripada kata ialah morfem.

Bloomfield (1933) yakin bahawa penghuraian bahasa mesti mengikut lunas-lunas sains seperti bidang matematik. Menerusi karya *Language* (1933:139), Bloomfield menganggap bahawa semantik menggambarkan hubungan antara kata dengan rujukan, yang mana perlunya pengetahuan saintifik dalam melihat makna, dan ini menjadi tugas ahli sains seperti ahli fizik, ahli psikologi, atau ahli kimia. Antara lain Bloomfield (1933:139) menyatakan bahawa,

*In order to give a scientifically accurate definition of meaning for every form of a language, we should have to have a scientifically accurate knowledge of everything in the speaker's world. The actual extent of human knowledge is very small, compared to this. We can define the meaning of a speech-form accurately when this meaning has to do with some matter of which we possess scientific knowledge.*

Bloomfield (1933) asasnya menolak pandangan Ogden & Richards (1923) bahawa terdapat perkaitan antara pemikiran dan simbol (rujuk 2.1). Bagi Bloomfield (1933:139), makna dalam bentuk linguistik adalah berdasarkan keadaan pada peringkat ujaran yang boleh dijelaskan melalui hubungan rangsangan (penutur) gerak balas (pendengar) (*stimulus-response*) yang melibatkan proses pertuturan. Ini wujud berdasarkan pengaruh aliran behaviourisme yang meneliti sesuatu berdasarkan aspek fizikal lakuan manusia tanpa melihat aspek kognitif. Hubungan rangsangan-gerak balas dalam pertuturan manusia digambarkan melalui rajah 2.2 berikut,



**Rajah 2.2: Pengertian Makna**

*Sumber: Disesuaikan daripada Bloomfield (1933:139)*

Berdasarkan rajah 2.2 oleh Bloomfield di atas, makna tidak dikaitkan dengan fikiran dan lambang seperti yang dikemukakan oleh Ogden & Richards (1923), tetapi adalah situasi dalam pertuturan daripada penutur kepada pendengar (*stimulus*) dan tindak balas daripada pendengar (*respons*). Walau bagaimanapun analisis makna berdasarkan pandangan Bloomfield ialah fakta yang lemah dalam kajian bahasa dan akan kekal sebegitu sehingga pengetahuan manusia lebih berkembang daripada yang ada pada masa ini (Lyons J, 1977:127).

Kekurangan ini juga dapat diperlihatkan melalui kenyataan Bloomfield (1933:139) *sendiri, iaitu,*

*...but we have no precise way of defining words like love or hate\* which concern situations that have not been accurately classified.*

Antara kekurangan yang terdapat dalam teori Bloomfield adalah apabila teori ini tidak dapat menghuraikan makna ujaran dengan lengkap dan menyeluruh terutama bagi perkataan yang mempunyai fungsi tertentu dalam tata bahasa seperti sendi nama, preposisi dan lain-lain. Makna yang tepat juga tidak dapat diberikan kerana ujaran itu dilihat secara struktur tanpa melibatkan konteks penggunaannya.

Seterusnya, Malinowski (1923), seorang ahli antropologi British memperkenalkan konsep Konteks Situasi (Keperihalan Keadaan) dengan penumpuan kajian penduduk di Kepulauan Trobriand di Pasifik Selatan. Semasa kajian tersebut, beliau menghadapi masalah menterjemah hasil rakaman secara tepat dan kemudiannya berpendapat bahawa untuk mengenali sesebuah komuniti, maka haruslah difahami cara hidup masyarakat tersebut, dan caranya adalah melalui bahasa yang dilihat melalui konteks situasi. Menurut Malinowski (1923:307), bagi menghuraikan ciri bahasa, aspek makna dalam konteks situasi tidak boleh diketepikan,

*Exactly, as in the reality of spoken or written languages, a word without linguistic context is a mere figment and stands for nothing by itself, so in the reality of a spoken living tongue, the utterance has no meaning except in the context of situation.*

Selain itu, kelainan pendapat oleh Ogden & Richards diperlihatkan melalui kesimpulan oleh Malinowski (1932:326) bahawa *the nature of language, in which we conceived human speech as a mode of action, rather than as a counter-sign of thought*. Ini bermakna ujaran adalah satu cara bertindak dan bukanlah gambaran fikiran. Ini bermakna ujaran tersebut hanya memperoleh maknanya apabila dilihat dalam konteks situasi.

Firth (1957) pula mengambil dan mengubahsuai kerangka konsep yang diperkenalkan oleh Malinowski kerana menganggap bahawa konsep tersebut masih belum cukup lengkap bagi pendekatan linguistik dan digunakan dalam bidang semantik. Bagi Firth (1957:19), semua bidang linguistik seperti fonologi, tatabahasa, leksikografi, semantik dan sebagainya boleh dianalisis secara konteks situasi,

*Meaning, that is to say, is to be regarded as a complex of contextual relations, and phonetics, grammar, lexicography, and semantics each handles its own components of the complex in its appropriate context.*

Seterusnya Firth (1957) menjelaskan bahawa konteks pengalaman antara individu adalah berbeza dan ilmu semantik lebih luas berbanding bidang lain dalam linguistik kerana memerlukan pengkajian konteks situasi secara meluas dan tafsiran yang lebih rumit. Konsep asas utama yang digunakan oleh Firth berkaitan makna yang penting dalam kajian ini adalah kolokasi. Kolokasi adalah pernyataan makna pada peringkat leksikal yang dijelaskan sebagai perkaitan antara dua kata leksikal yang menunjukkan adanya urutan dalam mana yang memberi petunjuk berlakunya yang satu lagi (*an order of mutual expectancy*) (Asmah Haji Omar, 2011:138-139). Kolokasi digunakan dalam kajian ini dalam melihat makna kata berdasarkan konteks dan diuraikan lebih lanjut di dalam bab 4, 5, 6, 7, dan 8.

Halliday (1994) seterusnya telah memperluas aliran Firth (1957) ini kepada sistemik-fungsional. Meskipun Halliday melihat bahasa berdasarkan konteks situasi, penumpuan lebih kepada sistem dan struktur dalam nahu. Sistem dikatakan mendapat bentuk melalui teks yang memberi makna berdasarkan konteks penggunaannya.

Ilmu semantik linguistik kemudiannya berkembang pesat dan memasuki peringkat semantik kata atau semantik leksikal. Memandangkan bidang kajian ini khusus kepada bidang semantik leksikal, maka perkembangan selanjutnya ilmu semantik dibincangkan 2.2.1 berikut ini.

### **2.2.1 Bidang Kajian Berkaitan: Semantik Leksikal**

Antara kajian semantik yang menumpukan pada makna kata selain Bloomfield (1933) ialah Nida (1975) melalui Teori Analisis Komponen Makna (*Componential Analysis*). Antara lain, Nida (1975:32-39) membahagikan komponen semantik kepada tiga jenis, iaitu;

(i) Komponen semantik bersama (*common component*), iaitu komponen yang dikongsi bersama komponen lain, contohnya *mother, son, daughter, brother, sister, uncle, aunt* dalam berkongsi komponen, iaitu *human* dan *kinship*.


(ii) Komponen semantik kontrasif / diagnostik (*contrastive/diagnostic component*), iaitu komponen yang membezakan satu-satu makna item leksikal yang bersifat distingtif, misalnya *repentance* mempunyai tiga komponen diagnostik, iaitu (1) *some prior wrong behavior*, (2) *contrition with respect to such behavior*, dan (3) *change or determination to change this pattern of behavior*.

(iii) Komponen semantik tambahan (*supplementary components*), ialah komponen yang terdapat pada sesuatu perkataan tetapi tidak diperlukan untuk membezakan makna-makna item leksikal yang lain. Komponen semantik tambahan ada dua jenis, iaitu: Yang pertama, makna yang diperoleh daripada keadaan asal rujukan seperti contoh berlakunya pertentangan makna antara *faithful as a dog* (penghargaan) *he's a dog* (penghinaan). Yang kedua, wujud daripada unit leksikal asal yang digunakan untuk merujuk kepada rujukan. contohnya: ungkapan *father* bukan hanya dilihat secara biologis, tetapi dalam ungkapan *he was like a father to the boy*, ada komponen semantik tambahan seperti *watchful care for* dan *companionship*.

Seterusnya Nida (1975) menerangkan empat prinsip asas makna bagi unit semantik berlainan yang mungkin berkaitan dengan yang lain, iaitu rangkuman (*inclusion*), pertindihan (*overlapping*), melengkapi (*complementation*) dan kesinambungan (*contiguity*).

#### (i) **Rangkuman (*Inclusion*)**

Rangkuman (*inclusion*) adalah merujuk makna sesuatu item leksikal yang mungkin termasuk dalam item leksikal yang lain. Contoh yang diberikan oleh Nida (1975:15-16) ialah *Poodle* termasuk dalam makna leksikal anjing (*dog*) dan anjing (*dog*) pula termasuk dalam makna leksikal haiwan (*animal*). Ini dipermudah dalam rajah 2.3 berikut:




**Rajah 2.3: Rangkuman (*Inclusion*)**

*Sumber : Disesuaikan daripada Nida (1975:16)*

**(ii) Pertindihan (*Overlapping*)**

Pertindihan (*overlapping*) berlaku apabila terdapat satu ciri utama dalam perkaitan makna boleh saling bergantian pada sesuatu konteks. Pasangan perkataan ini biasanya sinonim. Ini bermakna bahawa pasangan ini tidak identikal dalam makna tetapi pertindihan berlaku dan boleh mengganti antara satu sama lain dalam sesetengah konteks tanpa perubahan signifikan dari segi konsep penyampaian. Contoh yang Nida (1975:16-17) berikan ialah *give/bestow*, *ill/sick*, *possess/own*, *answer/reply*. Ini dijelaskan dalam rajah 2.4 berikut;



**Rajah 2.4: Pertindihan (*Overlapping*)**

*Sumber : Disesuaikan daripada Nida (1975:17)*




**(iii) Melengkapi (*Complementation*)**

Nida (1975:17-18) membahagikan perkaitan melengkapi (*complementation*) ini kepada tiga jenis, iaitu (i) berlawanan (*opposites*), (ii) kebalikan (*reversives*), dan (iii) menyalang (*conversives*).

**(i) Perkaitan Berlawan (*Opposites*)**

Perkaitan berlawan (*opposites*) biasanya melibatkan kualiti yang bertentangan sama sekali antara item lesikal. Misalnya, contoh yang diberikan oleh Nida (1975:17-18); dari segi kualiti (*good/bad*), (*high/low*), (*beautiful/ugly*) dan sebagainya. Ini dapat dijelaskan melalui rajah 2.5 di bawah.




**Rajah 2.5: Perkaitan Berlawanan (*Opposites*)**

*Sumber : Disesuaikan daripada Nida (1975:18)*

**(ii) Kebalikan (*Reversives*)**

Bagi kebalikan (*reversives*) pula berlaku dalam peristiwa misalnya; (*alienate/reconcile*), (*tie/untie*). Berikut ialah rajah 2.6 yang menerangkan hubungan tersebut.




**Rajah 2.6: Kebalikan (*Reversives*)**

*Sumber : Disesuaikan daripada Nida (1975:18)*

**(iii) Menyaling (*Conversives*)**

Menyaling (*conversives*) pula adalah sesuai bagi perbuatan misalnya (*buy/sell*), (*lend/borrow*). Ini dipermudahkan dalam rajah 2.7 berikut:




**Rajah 2.7: Menyaling (*Conversives*)**

*Sumber : Disesuaikan daripada Nida (1975:18)*

(iv) **Kesinambungan (*Contiguity*)**

Kesinambungan (*contiguity*) adalah bagi analisis fitur distingtif atau komponen makna yang merujuk kepada apabila wujudnya perkaitan dengan perkataan mempunyai makna berkait rapat, termasuk dalam domain semantik yang sama, serta menunjukkan perbezaan yang nyata antara satu sama lain. Setiap item leksikal yang berlainan dalam domain yang sama oleh sekurang-kurangnya satu ciri atau komponen makna yang penting. Contohnya *walk*, *run*, *hop*, *skip* dan *crawl*, iaitu berkongsi ciri-ciri pergerakan benda bernyawa, menggunakan bahagian kaki (Nida,1975:18-19). Ini dijelaskan dalam rajah 2.8 berikut:



**Rajah 2.8: Kesinambungan (*Contiguity*)**

*Sumber : Disesuaikan daripada Nida (1975:19)*

Namun begitu, teori Nida (1975) ini memperlihatkan sedikit kesukaran dalam meletakkan garis pemisah untuk memberikan makna yang tepat terhadap sesuatu kata kerana hubungan antara makna terlalu rapat. Bahkan masalah yang sama seperti yang dinyatakan terhadap Bloomfield (1933) muncul apabila wujud kesukaran memberikan penanda fitur bagi kata seperti kata tugas dan preposisi. Nida (1975) juga mengeneipikan

makna berdasarkan struktur ayat tetapi hanya melihat berdasarkan makna kata, maka sukar ditentukan makna tepat kerana tidak berdasarkan konteks.

Lehrer (1974) turut menghuraikan makna kata berdasarkan medan makna (*lexical field*) dan hubungannya dengan struktur leksikal yang menjadi satu bahagian dalam analisis semantik. Semantik merupakan bidang kajian yang sangat luas, turut menyentuh aspek-aspek struktur dan fungsi bahasa sehingga dapat dihubungkan dengan psikologi, falsafah dan antropologi (Lehrer,1974:1). Teori medan makna berasaskan kerangka Adreanne Lehrer (1974) seterusnya digunakan sebagai teori kajian ini dan dihuraikan secara mendalam dalam bahagian 3.4.1.

Ini bermakna bahawa wujud kesukaran dalam memberikan pengertian makna bagi sesuatu kata sehinggakan pelbagai teori dan pendekatan diwujudkan. Kesukaran inilah juga mewujudkan permasalahan kajian ini. Bahkan setiap teori dan pendekatan mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri dan perlu disesuaikan dengan matlamat sesuatu kajian.

### **2.3 Tinjauan Analisis Semantik dalam Bahasa Melayu**

Terdapat kajian yang berkaitan kajian ini yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji. Antara pengkaji tempatan yang menjalankan kajian yang hampir dengan kajian ini ialah Ton Ibrahim (1987), Carmel Heah Lee Hsia (1989), Ragavan Jane Frances (1991), Asmah Haji Omar (1996 & 1998), Indrawati @ Indirawati Zahid (1995), Fujimura Yoko (1997), Sakina Sahuri Suffian Sahuri(2000), Norliza Jamaluddin (2000 &2011), dan Salinah Jaafar (2007).

Ton Ibrahim (1987) mengkaji kata kerja gerak dalam dialek Melayu Kedah dengan menerapkan teori komponen makna. Ton Ibrahim (1987) menyatakan bahawa teori yang digunakan bukan hanya boleh digunakan pada peringkat kata. Kajian ini juga telah berjaya memberikan fitur bagi setiap kata gerak yang dibincangkan, misalnya bagi kata arah ke atas, beliau membezakan antara *angkat*, *angkut*, yang dibezakan oleh fitur [+ membawa] ke satu tempat tertentu. Fitur ini sesuai bagi *angkut* dan bukan untuk *angkat*.

Berdasarkan ketinggian pula, Ton Ibrahim (1987) membezakan *loncat* dengan *lompat*, serta *julang* dengan *lambung*. *Lompat* dan *lambung* mempunyai fitur [+gerak] [+menegak] [+ tinggi]. Bagi *loncat* dan *julang* itu adalah lebih rendah, misalnya *julang* hanya pada paras kepala sahaja. Kajian ini jelas memberikan sumbangan kepada bidang linguistik di Malaysia melalui penerapan teori yang baik pada banyak data yang terkumpul.

Carmel Heah Lee Hsia (1989) dalam kajian *The Influence of English on the Lexical Expansion of Bahasa Malaysia* menggunakan 8000 item leksikal yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber seperti surat khabar, majalah, kamus, glosari, siaran radio dan televisyen dan sebagainya (untuk senarai penuh sila rujuk Carmel Heah Lee Hsia (1989:333-341). Bahan kajian ini disimpan dan dianalisis di Edinburgh Regional Computer Centre (ERCC). Dua bentuk pakej komputer digunakan, iaitu REFER bagi memasukkan maklumat (*information storage*) dan *retrieval*, sementara CONCORD untuk analisis teks secara literal.

Bahagian yang paling berkaitan dengan kajian ini ialah integrasi semantik leksikal (*lexico-semantic integration*) dan kesan pinjaman pada struktur semantik

leksikal bahasa Malaysia. Integrasi semantik leksikal yang diuraikan adalah (i) peluasan semantik (*semantic widening*) contohnya *seksi, banglo, syiling, motor* dan sebagainya. (ii) batasan semantik (*semantic restriction*), misalnya *saman, karan, kad, skala* dan lain-lain lagi. (iii) Semantik khusus (*semantic specialisation*), contohnya *dansa, gaun, kek* dan sebagainya. (iv) kata pinjaman produktif (*productive loanwords*) *atap zeng, kaki bola, loyar buruk, nombor satu* dan lain-lain. (v) metafora dan pemindahan makna (*transference and metaphor*) misalnya *arena, koboi, sensor* dan sebagainya, (vi) penghilangan makna (*loss of meaning*) seperti *lastik, boi* dan lain-lain lagi (sila rujuk Carmel Heah Lee Hsia (1989:148-157) untuk keterangan lanjut).

Bahagian yang turut berkaitan dengan kajian ini ialah jenis perubahan semantik berdasarkan peluasan semantik (*semantic extension*) dalam proses penggantian, yang hanya melibatkan peratusan kecil kehadirannya dalam korpus, iaitu 439 item leksikal, iaitu 7.1%. Adalah didapati bahawa wujudnya kesukaran dalam bentuk pinjam terjemah ini untuk menentukan sama ada kewujudannya kerana pengaruh bahasa Inggeris secara keseluruhan ataupun berkaitan dengan perubahan pada masyarakat setempat.

Jenis perubahan semantik yang dijelaskan oleh Carmel Heah Lee Hsia (1989) ialah (i) peluasan semantik berdasarkan persamaan fungsi dan penampilan, misalnya kereta *motor-car, piring hitam injap* dan sebagainya., (ii) peluasan semantik menerusi perkembangan daripada bentuk konkrit kepada abstrak seperti *cerakin, rangka, kesan* dan lain-lain., (iii) peluasan semantik menerusi terjemahan langsung daripada kata bahasa Inggeris misalnya *trek, kerusi, cawangan* dan sebagainya, (iv) peluasan semantik melalui perkaitan sintagmatik contohnya *surat, hak, bahan*, dan lain-lain (v) peluasan semantik berdasarkan kesukaran mentukan makna yang hampir sama dengan bahasa Inggeris, misalnya *penyata, taraf, bidang* dan sebagainya (vi) peluasan semantik menerusi makna khusus, seperti *draf, bajet, klausa, polisi* dan lain-lain dan (vii) makna

umum, rujuk, kaji, tafsir dan sebagainya (sila rujuk Carmel Heah Lee Hsia (1989) 170-188 untuk huraian lanjut).

Carmel Heah Lee Hsia (1989) turut menjelaskan proses yang berlaku berdasarkan pengaruh bahasa Inggeris terhadap perkembangan bahasa Malaysia, iaitu melalui proses peminjaman (*the process of importation*), proses penggantian (*the process of substitution*) dan proses pembentukan kata secara kreatif (*the process of native creation*). Selain itu beliau juga menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pengaruh bahasa Inggeris ke atas bahasa Malaysia dan peranan bahasa Inggeris sebagai sumber perkembangan leksikal dari sudut polisi, pendapat dan pelaksanaan. Kajian ini sangat penting kerana berkaitan dengan dasar dan polisi bahasa di Malaysia dan perlu diteliti agar bahasa Melayu terus berkembang.

Ragavan (1991) meneliti perkaitan antara metafora bahasa Inggeris dengan terjemahannya di dalam bahasa Malaysia. Perkaitan tersebut dianalisis melalui dua (2) cara, iaitu (i) bentuk metafora bahasa sumber (*source language*) dibandingkan dengan metafora bahasa sasaran (*target language*), dan (ii) prosedur penterjemahan digunakan dalam analisis dan melalui cara ini penelitian dilakukan ke atas terjemahan metafora. Kajian ini juga meneliti faktor dan pengaruh terhadap penterjemahan metafora melalui penggunaan empat novel bahasa Inggeris yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia, iaitu novel *The Moon and the Sixpence* (Bulan Retak di Balik Awan), *The Great Gatsby* (Tuan Gatsby), *In Dubious Battle* (Perjuangan Sia-sia), dan *The Good Earth* (Bumi Bertuah). Kajian tersebut dibataskan kepada aspek metafora dengan analisis terhadap 400 metafora menggunakan program LOTUS 123.

Ragavan (1991) menerangkan bahawa terjemahan seharusnya mengambil kira beberapa perkara seperti makna, iaitu makna linguistik (*linguistic meaning*) dan makna kebudayaan (*cultural meaning*), budaya material, aspek sosial, keagamaan, bahasa, politik dan status undang-undang, dan situasi kepelbagaian budaya (sila rujuk Ragavan (1991:40-67) bagi huraian lanjut). Hasil kajian yang dijalankan oleh Ragavan (1991) didapati bahawa 21% kesilapan berlaku dalam terjemahan yang dilakukan. Ini merupakan peratusan yang agak tinggi yang boleh menjejaskan ketulenan teks sekiranya perkara-perkara yang dinyatakan di atas tidak diambil kira.

Antara contoh yang menarik yang menunjukkan kepentingan metafora berdasarkan makna konteks yang dibincangkan dalam kajian Ragavan (1991) adalah dari segi ekologi, iaitu dalam bahasa Inggeris, perumpamaan putih adalah pada salji, *white as snow*, manakala dalam konteks bahasa Melayu, salji digantikan dengan kata kapas, iaitu *putih seperti kapas* kerana tiadanya salji dalam sistem ekologi orang Melayu. Selain itu, dalam masyarakat Barat, metafora binatang yang memberi makna seseorang lelaki yang suka mengurut wanita adalah *wolf* atau serigala, manakala dalam bahasa Melayu metaforanya ialah *buaya*. Seperti itu juga penggunaan kata *pig* atau *babi* dalam bahasa Inggeris merujuk kepada seseorang yang kotor atau pelahap (*a glutton*), namun bagi masyarakat Melayu, istilah ini menjadi *taboo* dan berkaitan dengan agama kerana *babi* ialah binatang yang haram dalam Islam. Dari sudut penggunaan ganti nama diri juga, kita boleh menggunakan *I* dan *You* apabila bercakap dengan golongan Diraja Britain tetapi bagi golongan Diraja Melayu, penggunaan saya dan awak adalah dilarang kerana dianggap biadap atau menderhaka.

Kajian Ragavan (1991) ini sangat menarik dalam meneliti makna budaya masyarakat Inggeris berbanding dengan masyarakat Melayu. Perkara yang lebih penting diperolehi daripada kajian ini ialah kepentingan makna konteks dalam kajian semantik



dan juga terjemahan. Ini kerana kesilapan dalam makna bukan sahaja memberi kesan kepada keaslian teks terjemahan tetapi yang lebih penting wujudnya kesan negatif kerana berkaitan dengan sensitiviti pada sesetengah masyarakat.

Asmah Haji Omar (1998a) pula melalui hasil projek kerjasama mengenai *Conflict and Conflict Resolution* antara Sweden dan Malaysia, telah menghasilkan buku *Concepts of Conflict, War and Peace in the Malay Language* menggunakan teori medan makna (*semantic field theory*) dan komponen makna dalam analisis yang dijalankan. Aspek domain yang digunakan oleh Asmah Haji Omar (1998) adalah berkaitan konflik dan menangani konflik.

Sesuatu yang menarik apabila Asmah Haji Omar (1998a) menunjukkan medan makna konflik melalui kata *bertengkar, bergaduh, berkelahi, berbalah, bercanggah, bertikai, berhujah, berdebat, berselisih faham, berbeza pendapat* yang berkongsi satu unit makna, iaitu konflik. Daripada senarai konflik tersebut, dua submedan makna diberikan, iaitu sama ada secara *bimodal*, iaitu melibatkan tindakan fizikal dan bertulis atau secara *unimodal*, iaitu hanya wujud secara lisan (*verbal mode*). Bagi *bergaduh* dan *berkelahi*, konflik ini melibatkan tindakan fizikal dan lisan, manakala yang selainnya, iaitu *bertengkar, berbalah, bercanggah, bertikai, berhujah, berdebat, berselisih faham, berbeza pendapat* hanyalah secara lisan.

Selain itu, dalam menangani konflik, Asmah Haji Omar (1998a), menyatakan bahawa ianya boleh ditangani oleh sama ada pihak ketiga atau diri pelaku sendiri. Bagi menangani konflik melalui pihak ketiga, mungkin boleh dilakukan secara *pengantaraan* yang melibatkan pujuk memujuk, serta nasihat menasihati. Pihak ketiga ini juga dikenali sebagai *orang tengah* atau *perantara*. Secara *timbang tara* pula wujudnya

pesalah dan tindakan adalah seperti *menghukum, mengenakan tindakan*. Tindakan *timbang tara* dikenali sebagai *perbicaraan* dan *pengadilan* dan kesannya ialah hukuman seperti *buang kerja, turun pangkat, denda* dan *amaran*. Bagi konflik yang ditangani sendiri, terdapat konsep *insaf, sedar, mengaku, menanggung, tabah, sabar, tahan, rela, terima, bersetuju, sepakat, muafakat, akur, pujuk, hindar, elak, merayu, bersemuka, memaafkan*, dan sebagainya.

Kajian Asmah Haji Omar (1998a:87-117) paling penting berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan ini adalah mengenai metafora konflik dan menangani konflik dalam bahasa Melayu. Metafora konflik dihuraikan berdasarkan sikap dan emosi. Perasaan marah misalnya dikaitkan dengan suhu panas, seperti *perasaan mendidih, hati terbakar, meruap, naik panas, hati panas, telinga panas* dan sebagainya. Secara keseluruhan konflik yang dinyatakan melibatkan emosi negatif. Terdapat konflik yang melibatkan metafora tindakan seperti *menusuk hati, menikam dari belakang, mencucuk* dan sebagainya. Berdasarkan sikap pula misalnya *hidung tinggi, kacang lupakan kulit, ulat lupakan daun* dan sebagainya.

Kajian Asmah Haji Omar (1998a) menunjukkan adanya istilah-istilah yang digunakan dalam konflik dan perbezaan antara istilah-istilah yang sesuai bagi menyelesaikan masalah konflik dalam masyarakat Melayu. Hasil kajian Asmah Haji Omar (1998a) amat berguna dalam membuktikan fenomena sebenar yang wujud dalam masyarakat Melayu berkaitan dengan konflik dan menangani konflik yang bukan hanya melibatkan fizikal malah juga psikologi dan emosi. Kajian ini memberikan juga sumbangan yang besar dalam bidang linguistik dan budaya Melayu.

Fujimura Yuko (1997) dalam tesis doktor falsafahnya mengkaji analisis kontrastif kata sifat dalam bahasa Melayu dengan bahasa Jepun menggunakan teknik terjemahan. Dua teks utama digunakan sebagai bahan kajian, iaitu *Seroja Masih di Kolam* karya Adibah Amin (1968) terbitan Pustaka Melayu Baru, Kuala Lumpur dan teks terjemahan karya tersebut, iaitu *Suroja no Hana wa da Ike ni* (1986) yang telah diterjemah oleh Matsuda Mayumi dan diterbitkan oleh Dandansha, Tokyo.

Kajian Fujimura Yuko (1997) menggunakan kerangka komponen semantik yang digunakan oleh Carl James (1980) dan *tertium comparationis* and *translation equivalence*. Pengkaji mengandaikan bahawa kata sifat bahasa Melayu dan Jepun mempunyai persamaan daerah linguistik yang dikontraskan. Kajian ini menumpukan dua aspek yang penting, iaitu kata sifat bagi suhu dan kelajuan. Hasil kajian mendapati bahawa ada lima tahap suhu dalam bahasa Melayu, iaitu *panas, hangat, suam, dingin* dan *sejuk*. Manakala dalam bahasa Jepun pula terdapat lapan tahap suhu, iaitu *atsui1, atsui2, atatakai1, atatakai2, nurui, suzushii, amui, tsumetai*. Kesemua ini dilihat berdasarkan makna literal dan metaforik.

Bagi kajian kata sifat kelajuan dalam bahasa Melayu dan bahasa Jepun pula, pengkaji membahagikan kepada dua, iaitu berdasarkan kelajuan tinggi dan rendah. Bagi kelajuan tinggi dalam bahasa Melayu, dapatan kajian ialah kata *deras, lekas, laju, pantas, cepat, pesat, tangkas, kilat, kencang* dan *segera*. Bagi kelajuan rendah pula ialah *lambat, perlahan, lembap* dan *lembam*. Dalam bahasa Jepun pula, ada *haya\_1, haya\_2* dan *sumiyakana* bagi kelajuan tinggi dan *osoi* dan *noroi* sahaja bagi kelajuan rendah. Kesemua kata sifat yang dijelaskan dalam bahasa Melayu adalah berdasarkan konteks penggunaannya dalam masyarakat yang dikaji dan diterjemah kemudiannya dalam bahasa Jepun berdasarkan konteks masyarakat Jepun.

Kajian Fujimura Yuko (1997) amat berguna baik kepada penterjemah mahupun pengkaji. Ini kerana kajian tersebut membuktikan bahawa konteks situasi sebagai suatu perkara penting dalam menterjemahkan sesuatu karya bagi mengekalkan kejutuan dan ketepatan sesuatu karya.

Sakina Sahuri Suffian Sahuri (2000) menghasilkan tesis doktor falsafah bertajuk *Manusia dan Alam sebagai Medan Sumber Metafora Melayu: Satu Kajian Semantik*. Kajian ini menggunakan korpus cerpen yang disiarkan dalam akhbar *Berita Minggu* dan *Mingguan Malaysia* setiap hari Ahad bermula Januari 1996 hingga Jun 1996. Sakina menjelaskan bahawa metafora terbahagi kepada sumber dan sasaran, sumber bersifat konkrit, manakala sasaran bersifat abstrak, fungsi komponen sumber adalah untuk menjelaskan komponen sasaran. Pengkaji menggunakan pendekatan fitur semantik, medan semantik dan meronim dalam melihat perkaitan bahasa dengan budaya. Pengkaji telah menggolongkan metafora kepada beberapa jenis, iaitu berdasarkan binaan bahasa, imej, konsep dan kategori semantik.

Satu bahagian yang amat berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan ini adalah apabila Sakina Sahuri Suffian Sahuri mendapati bahawa *hati* ialah komponen sasaran yang dapat diperlihatkan melalui tiga konsep utama yang tidak dapat dilihat tetapi wujud. Konsep-konsep yang ditemui dalam kajian tersebut adalah (i) hati sebagai manusia, (ii) hati sebagai tempat, (iii) hati sebagai objek. Hasil kajian Sakina Sahuri Suffian Sahuri (2000) juga mendapati bahawa manusia dan alam menjadi satu sumber utama yang digunakan dalam metafora Melayu. Antara kedua-dua sumber tersebut amat berhubung rapat dan sukar dipisahkan. Kajian ini juga membuktikan bahawa metafora

sememangnya mencerminkan sistem konsep penutur, bukan rekaan semata-mata tetapi berdasarkan kepada proses kognitif berasaskan persepsi persekitaran.

Norliza Haji Jamaluddin juga (2011) menerusi kajian doktor falsafahnya menganalisis kata sifat bahasa Melayu berdasarkan data korpus berkomputer. Kajian ini menggunakan 157,328 kata daripada pangkalan data Dewan Bahasa dan Pustaka. Jumlah kata tersebut diperoleh daripada lima buah buku dalam siri *wanita menulis untuk wanita*". Kajian ini menggunakan pendekatan fungsional berdasarkan kerangka kajian Knowles dan Zuraidah Mohd Don (2006 dan 2008). Menerusi kajian ini, aspek fungsian kata sifat dalam binaan sintaktik diteliti menerusi gatra dan unsur pengisi, melibatkan tiga fungsi kata sifat, iaitu unsur penerang, fungsi predikat dan fungsi penerang predikat.

Norliza Haji Jamaluddin (2011) menggunakan perisian *Wordsmith* sebagai instrumen kajian melalui teknik konkordans bagi memudahkan pencarian data untuk kajian. Hasil kajian mendapati bahawa, dalam mengisi gatra penerang, kata sifat bukanlah golongan kata tunggal yang berfungsi sebagai penerang, tetapi juga kata nama dan kata kerja turut menjalankan fungsi ini. Kata sifat yang berfungsi sebagai penerang ini boleh hadir selepas kata nama (sifat nama) dan kata kerja (sifat kerja). Kajian Norliza Haji Jamaluddin (2011) ini lebih bersifat struktural, namun prosedur kajian tersebut adalah sama dengan kajian yang sedang dijalankan seperti penggunaan korpus dan teknik konkordans.

Norliza Haji Jamaluddin (2000) juga dalam disertasi sarjana telah mengkaji aspek pemaknaan dalam perkamusan Melayu berasaskan pendefinisian COBUILD. Kajian ini mengambil entri *memotong* dengan membincangkan baris-baris konkordans dan menentukan makna berdasarkan kolokasi kata. Pengkaji turut menyentuh mengenai persoalan yang sukar ditangani oleh ahli leksikografi dalam menghasilkan kamus, iaitu

menentukan homonim, polisemi dan metafora. Kajian Norliza Haji Jamaluddin (2000 dan 2011) ini membuktikan bahawa data korpus merupakan elemen yang sangat penting dalam penghasilan kamus.

Kajian yang hampir sama dengan Norliza Haji Jamaluddin (2000 dan 2011) telah dilakukan oleh Salinah Jaafar (2007) yang meneliti aspek frasalogi di dalam korpus kajian. Kajian menggunakan korpus Dewan Bahasa dan Pustaka sejumlah 25,299,174 perkataan daripada korpus buku yang melibatkan buku ilmiah, buku umum dan buku teks. Kajian ini juga menggunakan perisian *Wordsmith 4.0* sebagai instrumen kajian. Kajian menggunakan kerangka Sistemik Fungsional dan teori makna teks dengan meneliti kata adjektif *cantik* dan *baik* dalam teks.

Kajian oleh Salinah Jaafar (2007) ini amat menarik, cuma kajian ini sebenarnya meneliti koligasi, iaitu merujuk kepada pernyataan makna pada peringkat nahu, iaitu kategori kata dan ayat, dan perkaitan antara kategori (Asmah Haji Omar, 2011:138-139) dan bukan kolokasi sepenuhnya seperti yang dinyatakan. Dalam memberikan sesuatu pola seharusnya terdiri daripada pengisian bagi sesuatu pola itu dari kategori yang sama, iaitu kata dengan kata yang membentuk frasa (sila rujuk Salinah Jaafar (2007:107-128). Kesimpulan yang dinyatakan oleh beliau, adverba ialah golongan kata adjektif yang berfungsi menerangkan perbuatan secara langsung dan lokasi kewujudan kata kerja adalah selepas kata kerja. Kajian Salinah Jaafar (2007) ini memberikan sumbangan terutama dalam bidang perkamusan berdasarkan makna kata berdasarkan konteks. Kajian sebegini seharusnya digalakkan untuk pengembangan ilmu linguistik.

Indrawati @ Indirawati Zahid (1995) mengkaji *Semantik Leksikal dalam Peribahasa Melayu*. Pengkaji mengumpulkan leksikal kata nama yang terdiri daripada

tumbuh-tumbuhan dan bahagiannya serta binatang dan bahagiannya. Melalui pengumpulan data sebanyak 4359, pengkaji menghuraikan makna konotatif dan denotatif. Pengkaji menggunakan analisis komponen makna oleh Nida (1975) untuk menganalisis item leksikal peribahasa Melayu dengan menguraikan fitur-fitur distingtif yang membentuk ciri-ciri khas sesuatu item leksikal yang selanjutnya memperlihatkan hubungan dalam perkaitan makna antara item-item leksikal peribahasa yang membentuk domain-domain semantik tertentu.

Antara dapatan kajian Indrawati@ Indirawati Zahid (1995) yang diambil sebagai contoh di sini, ialah *kepala*. Secara denotatif, *kepala* adalah bahagian tubuh daripada manusia atau haiwan. Secara konotatif pula didapati bahawa *kepala* boleh diberi penanda fitur [+hidup] [+manusia] [+haiwan] [+jantina] dan lain-lain. Kata *kepala* mengalami perluasan makna apabila berkolokasi dengan kata lain. Pengkaji membuat rumusan bahawa kebijaksanaan masyarakat lalu menggambarkan sesuatu perkara tidak terhad kepada sesuatu perkara yang dipilih sahaja. Kajian sebegini juga dapat memperluas lagi pengajian makna di dalam bidang semantik.

## **2.4 Kesimpulan**

Daripada sorotan kajian yang dijalankan, semantik leksikal berkaitan metafora agak terhad pengkajiannya dalam konteks tempatan mahupun luar negara. Kajian metafora lebih tertumpu kepada metafora kognitif, manakala semantik leksikal bertumpu kepada makna kata itu sendiri tanpa melihat makna konteks terutama bagi makna metafora yang agak sukar untuk ditafsirkan oleh bukan pendukung bahasa berkenaan. Jadi kajian sebegini perlu diperbanyak dalam memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu linguistik baik dalam mahupun luar negara.

## BAB 3: METAFORA DALAM ILMU SEMANTIK

### 3.0 Pendahuluan

Metafora merupakan istilah yang digunakan merujuk kepada makna sesuatu melambangkan sesuatu yang lain. Menurut Hawkes (1972:1)

*“The word metaphor comes from the Greek word metaphora derived from meta meaning ‘over’, and pherein, ‘to carry’. It refers to a particular set of linguistic processes whereby aspects of one object are ‘carried over’ or transferred to another object, so that the second spoken of as if it were the first”.*

Hawkes (1972:1-2) juga menyatakan bahawa secara tradisionalnya metafora merupakan satu bentuk asas dalam bahasa figuratif, iaitu bahasa yang memberi makna secara tidak harfiah apabila merujuk kepada sesuatu yang diperkatakan. Metafora itu juga dianggap sebagai pemindahan makna yang disengajakan bertujuan membentuk makna yang baru, lebih luas, khusus, tepat, bersifat deskriptif dan pemindahan turut melibatkan gambaran mahupun imej.

Metafora secara tradisi dilihat sebagai bentuk yang paling penting dalam penggunaan bahasa kiasan, dan biasanya dilihat sebagai mencapai bentuk yang paling canggih dalam kesusasteraan (Saeed,2003:345),

*Metaphor has traditionally been viewed as the most important form of figurative language use, and is usually seen as reaching its most sophisticated forms in literary or poetic language.*

Namun begitu, Asmah Haji Omar (2008a:159) berpendapat bahawa metafora tidak hanya terbatas kepada bahasa sastra semata-mata, bahkan metafora telah sebatian dengan bahasa sehari-hari yang mana boleh dicipta oleh sesiapa pun, apabila disukai dan digunakan, maka terus berkembang menjadi sebahagian daripada bahasa sehari-hari.



Lakoff dan Johnson (1980:1) turut menjelaskan bahawa mereka mendapati anggapan bahawa metafora hanya alat imaginasi dan perkembangan retorik semata-mata adalah kurang tepat dan menyatakan bahawa,

*We have found, on the contrary, that metaphor is pervasive in everyday life, not just in language but in thought and action. Our ordinary conceptual system, in terms of which we both think and act, is fundamentally metaphorical in nature.*

Lakoff dan Johnson (1980) seterusnya memperkenalkan metafora kognitif. Metafora kognitif bermaksud metafora yang dihubungkan dengan konseptual manusia dalam meletakkan konsep-konsep berdasarkan persepsi pada alam sekeliling. Bagi Lakoff dan Johnson (1980:5) makna harfiah merujuk kepada hubungan pengalaman kita dengan persekitaran secara langsung menerusi interaksi, manakala makna metafora pula wujud apabila pengalaman kita tadi digunakan untuk memahami domain pengalaman yang lain, iaitu *“the essence of metaphor is understanding and experiencing one kind of thing in terms of another”*.

Aristotle (1961:14) pula menerusi metafora memberikan klasifikasi metafora berdasarkan genus-spesis,

*Metaphor consists in giving the thing a name belongs to something else; the transference being either from genus to species to species, or on grounds of analogy.*

Berdasarkan takrifan oleh Aristotle (1961:24), terdapat tiga ciri utama metafora, iaitu; Yang pertama, metafora itu berlaku pada tingkat perkataan dan bukan pada ayat. Yang kedua, Aristotle menganggap bahawa metafófora itu adalah satu penyelewengan atau *deviant* daripada bahasa harfiah; dan yang ketiga, metafófora dibentuk daripada persamaan antara dua benda.

Hassan Ahmad (2003:2) pula berpendapat bahawa metafora bukanlah “perhiasan bahasa” atau “bunga-bunga bahasa” atau *deviant* atau penyelewengan daripada bahasa harfiah sepertimana pendapat Aristotle (1961) tetapi mempunyai fungsi

kognitif, iaitu untuk membentuk fikiran dan makna yang luar biasa, bersifat abstrak atau konseptual, bukan hadir tanpa apa-apa konsep.

Hassan Ahmad (2003) seterusnya membincangkan metafora berasaskan epistimologi Melayu dan membahagikan metafora Melayu kepada beberapa jenis, iaitu metafora yang dibentuk melalui perumpamaan atau perbandingan, atau yang bersifat analogis yang disampaikan melalui simpulan bahasa, peribahasa, pepatah, bahasa kiasan dan sindiran, bidalan, tamsil ibarat, metonomi dan personifikasi.

Richards (1950:93) pula menyatakan bahawa apabila kita menggunakan metafora, sebenarnya kita akan memikirkan secara aktif dua perkara yang berbeza,

*In the simplest formulation, when we use a metaphor we have two thoughts of different things active together and supported by a single word, or phrase, whose meaning is a resultant of their interaction. "*

Beliau melihat metafora berasaskan dua komponen utama, iaitu *tenor* dan *vehicle*. *Vehicle* ialah idea disampaikan secara makna harfiah bagi kata yang digunakan secara metafora, manakala *tenor* pula ialah idea yang disampaikan dengan *vehicle*. Bagi Richards (1950:100), kedua-dua komponen tersebut berinteraksi atau bergandingan dan memberikan makna yang jelas. *Tenor* bersifat tidak statik walaupun *vehicle* digandingkan padanya, iaitu mendukung makna yang terbatas dan metafora diteliti pada peringkat kata atau frasa.

Halliday (1985: 341) pula menganggap bahawa metafora biasanya adalah variasi dalam penggunaan kata bagi menyatakan makna, iaitu

*Metaphor is usually described as variation in the use of words: a word is said to be used with a transferred meaning. A meaning may be realized by a selection of words that is different from that is in some sense typical or unmarked. From this end, metaphor is variation in expression of meanings.*

Kittay (1987:39) pula menyatakan bahawa metafora adalah cara kita menyesuaikan pengalaman dan maklumat dalam mengorganisasi konsep, dan dinyatakan seperti yang berikut,

*Metaphor is a primary way in which we accommodate and assimilate information and experience to our conceptual organization of the world.*

Kittay (1987) seterusnya membahagikan makna kepada dua, iaitu yang pertama *first order meaning* atau makna teras, iaitu makna yang timbul di fikiran kita apabila sesuatu perkataan dilafazkan dan bersifat harfiah. Namun begitu, apabila diteliti berdasarkan konteks berbeza, maka *first order meaning* tidak lagi sesuai, maka wujudlah *second order meaning* atau makna pinggir yang berbentuk metafora.

Metafora dalam masyarakat Melayu sebenarnya bukanlah sesuatu yang baru. Jika diteliti daripada pengertian metafora itu sendiri, sebenarnya masyarakat Melayu sejak zaman belum literasi lagi telah mencipta metaforanya tersendiri. Meskipun Za'ba tidak pernah menggunakan istilah metafora secara khusus, namun jika diberi penelitian, pengertian metafora dapat dilihat berdasarkan takrif oleh Za'ba (1934-2002:195),

Bahasa Kiasan...Iaitu bahasa yang mencakapkan sesuatu perkara dengan mengiaskannya kepada lain perkara sama ada dengan menyebutkan bandingan di antaranya atau dengan tiada menyebutkan bandingan lagi; tujuannya supaya menambahkan terang sesuatu yang dikatakan atau diceritakan dan menguatkan maknanya.

Za'ba (1934-1973a:185-209) membahagikan kiasan kepada kiasan asal dan kiasan berpindah. Kiasan asal merujuk kepada kiasan yang menyebut bandingan secara terang-terangan dengan sesuatu yang dibanding dengan menggunakan kata seperti, laksana, ibarat dan sebagainya. Kiasan berpindah tidak lagi menyebut bandingan tersebut (untuk keterangan lanjut, rujuk Za'ba (1934-1973a).

Kenyataan Za'ba diperincikan oleh Asmah Haji Omar (2008a:159-161), iaitu metafora ialah kiasan langsung dalam erti kata bahawa sesuatu perbuatan kejadian, atau sifat dikiaskan secara langsung kepada benda atau sifat benda tertentu di luar perbuatan, kejadian atau sifat yang diperkatakan. Sebelum ini, kiasan langsung (kiasan asal) yang menggunakan kata bandingan biasanya dikenali sebagai perumpamaan dan ibarat, misalnya *seperti katak di bawah tempurung*. Kiasan langsung (kiasan berpindah) yang diertikan juga sebagai metafora ini, tidak menggunakan kata bandingan pula dikenali sebagai simpulan bahasa dan ungkapan, contohnya *kaki bangku*, *patah hati* dan sebagainya.

Metafora yang diteliti dalam kajian ini adalah berdasarkan pengertian Za'ba, iaitu daripada jenis kiasan berpindah, iaitu melibatkan butir leksikal tanpa mengambil kira kata bandingan, umpama, ibarat, laksana, seperti, dan sebagainya sepertimana pembahagian oleh Za'ba (1934-1973a). Kerangka Za'ba digunakan kerana lebih sesuai memandangkan kajian ini meneliti metafora dalam konteks masyarakat Melayu.

### **3.1 Kerangka Teoretis: Metafora dalam Ilmu Semantik**

Kerangka teoretis merujuk kepada kerangka yang akan digunakan sebagai dasar kajian ini. Kajian ini menggunakan kerangka:

(i) Teori Medan Makna atau *Semantic Field Theory* (seterusnya TMM) berasaskan Lehrer (1974). Kerangka ini digunakan bagi menentukan bab kajian dan untuk analisis komponen makna metafora yang tergolong dalam domain yang sama.

(ii) Pendekatan Makna berdasarkan pembahagian oleh Leech (1974). Pendekatan adalah bagi analisis dan bukti makna metafora. Hal ini dipermudah melalui rajah 3.1 berikut;

## MODEL KERANGKA TEORETIS

Data bahasa (teks)  
(Pengumpulan korpus)  
(pemrosesan korpus melalui konkordans)

### 1 (a) APLIKASI TEORI MEDAN MAKNA

(sebagai penentu domain / bab kajian)

1. Anatomi Bahagian Atas:  
Kepala dan Bahagian-bahagian yang berkaitan
2. Anatomi Bahagian Tengah:  
Badan dan Bahagian-bahagian yang berkaitan
3. Anatomi Bahagian Hujung dan Bersendi:  
Kaki , Tangan dan Bahagian-bahagian yang berkaitan

### (b) APLIKASI TEORI MEDAN MAKNA

(untuk analisis komponen makna metafora yang tergolong dalam domain yang sama)

1. Metafora Anatomi yang menggambarkan sikap
2. Metafora Anatomi yang menggambarkan perilaku
3. Metafora Anatomi yang menggambarkan ruang
4. Metafora Anatomi yang menggambarkan emosi

### 2. APLIKASI ANALISIS MAKNA

(Bagi analisis dan bukti)

1. Makna Konseptual / Denotatif
  2. Makna Konotatif
  3. Makna Stilistik
  4. Makna Afektif
  5. Makna Refleksi
  6. Makna Kolokatif
- } Makna Asosiatif

**Rajah 3.1: Model Kerangka Teoretis Kajian**

### 3.1.1 Teori Medan Makna /*Semantic Field Theory*

*Semantic Field Theory* atau Teori Medan Makna (seterusnya TMM) adalah satu pendekatan bermula tahun 1930-an, yang memperlihatkan bahawa kosa kata sesuatu bahasa itu tidak wujud secara bersendirian tetapi tersusun ke dalam satu bidang atau medan yang tertentu yang berhubungan dengan kata lain yang boleh ditakrif dengan pelbagai cara (Crystal, 2008:429).

Asmah Haji Omar dalam *Ilmu Karang Mengarang Edisi Rumi* (2002, xxvii) pula membuktikan bahawa Za'ba (1934-1973a) telah memasuki bidang medan makna sejak dahulu lagi, iaitu melihat kata menjadi pendukung makna yang perlu dikenali oleh pengguna sama ada setara dan seerti, seterusnya dengan memberikan contoh melalui pengukuhan hujah penggunaan kata *ubah*, *pinda*, *tukar*, dan *ganti* yang mempunyai asas makna sama tetapi berbeza dari segi “pecahan maksudnya”. Cuma istilah medan makna tidak digunakan oleh Za'ba (1934-1973a) secara khusus.

Sebenarnya, sejak lahir lagi, manusia mempersepsi alam, iaitu proses kesedaran tentang alam sekeliling melalui pancaindera yang seterusnya menimbulkan penggolongan atau pengkategorian daripada konsep, iaitu gambaran abstrak mental yang dimaujudkan menerusi lambang, iaitu bahasa (Asmah Haji Omar, 1993:2). Maka tanpa bahasa tidak mungkin berlakunya penggolongan atau pengkategorian seperti dalam TMM.

Bagi Atkinson (1990:322) pula, konsep ialah gambaran mental yang menjadi asas membahagikan dunia kepada unit yang teratur. Ini kerana dunia ini dipenuhi pelbagai objek yang berbeza dan jika kita memikirkan setiap satunya secara berlainan jenis, maka kita perlu terlalu banyak berfikir. Kenyataan ini diperkukuh oleh Nida (1975:14) yang menyatakan bahawa,

*...people would never be able to learn the millions of words which would be required to specify uniquely any kinds of entities, events, qualities quantities, and relations existing in their universe of experience, and for each new entity or experience one would have to invent an entirely new term. Furthermore, there could be no creative use of figurative language which make possible certain important esthetic and conceptual dimensions of experience.*

Nida (1975) melihat bahawa kapasiti otak manusia adalah terbatas dan perlu mencari terma-terma yang sesuai bagi setiap benda sama ada yang berbentuk konkrit mahupun abstrak. Maka konsep itu amatlah perlu bagi mengorganisasi minda manusia secara teratur dan sistematik. Maka dalam mengorganisasi minda, manusia mengelompokkan sesuatu berasaskan persamaan ciri yang kemudiannya memasukkan ke dalam medan makna tertentu, dan salah satu cara bagi memudahkan organisasi minda adalah berdasarkan domain makna, iaitu merujuk kepada satu kumpulan makna yang dikongsi berasaskan persamaan sesuatu ciri.

Adreanne Lehrer (1974) mengkaji medan makna dan stuktur leksikal sebagai satu bahagian dalam analisis semantik. Kajian tersebut dibincangkan dalam buku *Semantic Fields and Lexical Structure*. Kajian ini mengambil kerangka kajian Lehrer (1974) berasaskan kepada pendekatan yang digunakan oleh Lehrer yang meneliti leksikal secara mendalam dari satu kata dan dikembangkan berasaskan medan makna.

Satu bahagian yang menarik daripada kajian Lehrer (1974) apabila beliau membincangkan domain masak-memasak yang biasanya dianggap membosankan. Hasil penelitian mendapati bahawa domain memasak bersifat universal dalam semua bahasa. Misalnya medan masak memasak dalam bahasa Inggeris dibahagikan kepada, *fry, boil, bake, roast* dan lain-lain berdasarkan komponen makna yang berkaitan penggunaan bahan asas memasak sama ada air atau minyak, kuantiti bahan asas tadi, kegunaan bahan asas tersebut, cara memasak, masa memasak, proses memasak, serta tujuan khusus memasak.

Selain itu, Lehrer (1974:155-156) turut menghuraikan domain memasak dalam bahasa Perancis yang membahagikan *cuire* /cook, medan makna *cuire* pula dibahagikan kepada *frire* /fry, *bouillir* / boil, *rotir*/roast, *griller*/broil. Sub medan makna *frire* pula dibahagikan kepada *frire 2./deep fry*, *sauter/saute/ rissoler/rissoler*, manakala di bawah medan makna *bouillir* pula terdapat submedan makna *bouillir2/ full boil*, *mijoter/simmer*, *fremir /simmer*, dan seterusnya submedan makna bagi *rottir* dan *griller* pula terdapat *gratiner*. Bagi *mijoter* dan *fremir* pula terdapat *pocher / poach*. Lehrer (1974) juga turut menghuraikan domain masak-memasak bagi bahasa Jerman, bahasa Parsi, bahasa Jepun, bahasa China, bahasa Jacalteco, bahasa Navaho, bahasa Amharic, bahasa Yoruba dan sebagainya (untuk keterangan lanjut sila rujuk Lehrer (1974:155-167).

Berkaitan dengan domain masak-memasak, Asmah Haji Omar (2008a) menghuraikan medan makna masak memasak bahasa Melayu, dengan membahagikannya kepada submedan makna (1) di bahagikan *rebus* dan *kukus*, iaitu memasak menggunakan air, submedan makna memasak (2), iaitu *goreng* dan *tumis*, iaitu memasak menggunakan minyak, dan submedan makna (3) pula *bakar* dan *panggang* , iaitu tidak menggunakan air atau minyak.


Penelitian oleh Lehrer (1974) dan Asmah Haji Omar (2008a) membuktikan bahawa domain masak-memasak adalah bersifat sejagat dalam semua bahasa dan bukan sesuatu yang bosan untuk dikaji seperti yang dijangkakan sebelum ini. Hasil kajian ini amat berguna sebagai hasil kajian ilmu linguistik yang turut membantu dalam bidang seperti leksikografi, etnolinguistik dan sebagainya.



Berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini, medan makna adalah berdasarkan pembahagian anatomi dan domain makna. Domain ialah bidang perbendaharaan kata yang menunjukkan sesuatu perkataan itu boleh dirangkumkan ke dalam satu kumpulan besar yang boleh dianggotai oleh kata-kata yang lain (Asmah Haji Omar, 2008b:68) misalnya domain bilangan, domain haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya.

Pembahagian unsur anatomi adalah mengikut kerangka domain pembahagian oleh Asmah Haji Omar (1996:25-29) yang membahagikan anatomi manusia lima bahagian berdasarkan kepercayaan orang Melayu, iaitu (i) bahagian bahu ke kepala, (ii) bahagian badan, (iii) bahagian tangan dan jari, (iv) darah, daging dan tulang serta, (v) bahagian kaki.

Bagi memudahkan organisasi bab, anatomi manusia dibincangkan dalam tiga bahagian utama dan dikategorikan berdasarkan kedudukan anatomi berdasarkan kerangka skema Asmah Haji Omar (1996), iaitu bahagian kepala (*head*), badan (*torso*) serta tangan dan kaki (*limbs*). Kerangka skema Asmah Haji Omar (1996) ini dipilih kerana bersifat lengkap dan menyeluruh dalam menjelaskan unsur anatomi manusia mengikut epistemologi Melayu dan turut menggunakan kerangka teori medan makna dalam pembahagiannya. Pembahagian tersebut dipermudah melalui rajah 3.2 di bawah;



**Rajah 3.2: Pembahagian Berdasarkan Medan Makna Anatomi**

Berdasarkan teori ini juga, medan makna dibahagikan kepada medan makna sikap, perilaku, emosi dan ruang yang seterusnya dibincangkan dalam bab 4, 5,6,7, dan 8 yang turut dikaitkan dengan makna denotatif, makna konotatif, makna stilistik, makna afektif, makna kolokatif, dan makna reflektif.

#### **(i) Medan Makna Sikap**


Sikap merujuk kepada perlakuan seseorang yang berkaitan dengan emosi, kepercayaan, penilaian atau kecenderungan. Menurut Kazdin (2000:303),

*“A broad range of subjective constructs including beliefs, feelings, evaluations, and response tendencies have often been referred to as attitudes. However, within contemporary psychological research, the term attitude is typically used to refer to a relatively general and enduring evaluation of some object, person, group or concept along a dimension ranging from negative to positive...”*

Secara asasnya terdapat dua bentuk utama sikap, iaitu sikap positif yang merujuk kepada sikap yang baik, dan sikap negatif, iaitu sikap buruk. Ini bermakna sikap positif dan sikap negatif adalah submedan makna sikap. Jadi kajian ini meneliti kedua-dua bentuk sikap tersebut berdasarkan kolokasi dan konteks kehadirannya dalam pantun. Yang berikut ialah contoh komponen makna sikap berdasarkan bahagian anatomi.

688. Cik Buang pergi ke kedai,  
Belikan saya sebatanglah tiang;  
Jangan kata saya tak pandai,  
Mata tak tentu **mata keranjang**.

(KKMS : 87)



**Rajah 3.3: Medan Makna Sikap Berserta Contoh**

## (ii) Medan Makna Emosi

Manusia lahir dengan emosi yang pelbagai. Bahasa menjadi salah satu bentuk perantara bagi menyampaikan emosi. Dari sudut bahasa, kata leksikal “emosi” dalam bahasa Melayu kini sebenarnya dipinjam daripada bahasa Inggeris, iaitu “*emotion*” yang merujuk kepada perasaan yang meluap-luap. Emosi merupakan perasaan jiwa yang kuat, seperti sedih, gembira, takut dan lain-lain (Kamus Dewan, 1997: 335)

*Oxford Advance Learners Dictionary* (1989:394) pula mendefinisikan emosi sebagai “*strong feeling of any kind, love, joy, hate, fear and jealousy are all emotions*”.

Kazdin (2000:165) seterusnya menyatakan bahawa penyair, ahli terapi, dan pasangan romantik begitu bersungguh-sungguh meletakkan emosi ke dalam bentuk kata, malah manusia mengungkapkan emosi dengan kata-kata yang khusus, metaforik dan penceritaan yang kompleks. Bagi beliau, emosi adalah satu bentuk penilaian pada sesuatu peristiwa. Kesemua kesan daripada penilaian tersebut melibatkan kesakitan dan kegembiraan serta biologis bergantung kepada masyarakat sesuatu budaya.

Davitz (1969:163) pula membincangkan emosi berdasarkan bahasa. Beliau menyatakan bahawa makna bagi pelbagai emosi bergantung kepada pengalaman individu. Masalah yang sering dihadapi oleh ahli psikologi adalah untuk berhadapan dengan istilah-istilah, konteks yang terhad, dan konotasi kata harian yang amat mengelirukan.

Selain itu, Plutchnik (1968:10) pula menjelaskan bahawa emosi berbeza sekurang-kurangnya pada tiga cara yang sistematik, iaitu intensiti, darjah kesamaan dan sifat yang bertentangan. Emosi ini mempunyai tahap intensiti yang tersendiri, iaitu berbeza antara seseorang individu dengan individu yang lain.

*Emotions vary in intensity, as reflected by the distinctions we make between fear and panic or irritation and rage. They vary also in degree of similarity to one another. We note for example, the shame and guilt are more similar than joy and disgust. Such similarity relations are implicit in all emotions. Finally, emotions have the character of polarity. We recognize that joy is the opposite of sadness, and hate is the opposite of love. We can also conceive of polarity itself as being a matter of degree.*

Emosi pada dasarnya dapat dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu yang pertama, emosi yang menyenangkan seperti gembira dan yang kedua emosi yang menyusahkan, misalnya takut (Atan,1988:242). Emosi menyenangkan diklasifikasikan sebagai emosi positif, manakala emosi menyusahkan pula sebagai negatif.

Seterusnya, Simonov (1970:147-148) pula menjelaskan bahawa emosi yang pelbagai terbentuk berasaskan kekuatan keinginan, pertindihan atau kekurangan maklumat serta pengkhususan tindakan yang diharapkan untuk mencapai kehendak. Emosi positif menurut beliau lagi amat berkait rapat dengan kepuasan terhadap kehendak. Apabila kepuasan itu tercapai, maka semua tekanan akan hilang dan begitulah sebaliknya,

*...if a man feels positive emotions even after the needs is satisfied, it is only because the memory apparatus retains some traces of the former situation in which the need has not yet been satisfied...positive emotion serve as compensatory mechanisms but this unction is not revealed at the moment of their arousal (as in the case of negative emotions) but at further stages of activity. Positive emotions help create a new goal and help us in pursuing it.*


*(Simonov , 1970:148)*

Emosi negatif pula ialah emosi yang mengganggu kestabilan diri dan kelancaran perjalanan kehidupan harian. Emosi negatif berpunca daripada kecelaruan emosi dan sekiranya tidak dikawal akan menimbulkan kesan yang membahayakan, misalnya, emosi marah boleh menimbulkan emosi dendam yang mewujudkan tindakan agresif.

Dalam kajian ini, emosi dibahagikan kepada dua submedan makna, iaitu emosi positif dan emosi negatif. Kedua-dua bentuk emosi ini seterusnya diuraikan berdasarkan makna di dalam bab analisis. Yang berikut diberikan pembahagian emosi berserta contoh daripada bahagian anatomi hati.

1315. Ketur kecil tempat berludah  
Dibawa orang dari Jawa  
**Kecil hati** bukannya mudah  
Marah dibawa dalam tertawa.

(KAPM: 1015)




**Rajah 3.4: Medan Makna Emosi Berserta Contoh**

### **(iii) Medan Makna Perilaku**

Perilaku adalah sesuatu kegiatan yang dilakukan oleh organisma yang menjadi kayu pengukur bagi menentukan sama ada organisma tersebut mempelajari sesuatu yang baru atau tidak, sama ada positif atau negatif (Mahmood Nazar, 1992:131). Perilaku yang berterusan akan membentuk tabiat. Tabiat dalam tindakan bukan hanya berkaitan dengan pelaku sahaja tetapi juga dibangunkan melalui tradisi sesebuah komuniti

Berdasarkan takrifan perilaku kajian ini membahagikan perilaku kepada perilaku positif dan perilaku negatif yang terdapat dalam korpus kajian. Ini dipermudahkan melalui contoh yang berikut:

4519. Anjinglah asap asap berbuku,  
 Anjing menyalak di pintu kota;  
 Lagi tak dapat lagi berguru,  
 Hendaklah **sapu arang di muka.**  
 (KKMS : 571)




Rajah 3.5: Medan Makna Perilaku Berserta Contoh

#### (iv) Medan Makna Ruang

Ruang menjadi asas dalam kehidupan di dunia. Menurut Asmah (1998a:75-76), istilah "ruang" bagi penutur bahasa Melayu biasanya merujuk kepada ruang fizikal dan ruang geografi-sekitaran, manakala ruang psikologi dan ruang budaya merupakan pembaharuan dalam bahasa Melayu.

Selain itu, Asmah Haji Omar (1998a:75-78) membincangkan ruang berdasarkan konflik, dengan membahagikan ruang kepada ruang fizikal, ruang keinstitution, ruang kognitif dan emosi. Maka berdasarkan kesesuaian kajian, seterusnya kerangka pembahagian ruang oleh Asmah Haji Omar (1998) dengan pembahagian ruang berdasarkan fizikal, ruang psikologi dan ruang budaya digunakan.



**Rajah 3.6: Medan Makna Ruang Berserta Contoh**

**Ruang fizikal** merupakan ruang yang boleh dilihat atau boleh diukur secara luaran. Ruang secara fizikal boleh berkaitan dengan kedudukan atau posisi serta jarak. Kedudukan dan jarak yang jauh misalnya mewujudkan ruang yang lebih luas, misalnya,

2016. Putik pauh asam mempelam,  
 Tanam selasih di **kepala titi**;  
 Sungguh jauh bulan pun kelam,  
 Kita berkasih di dalam mimpi.

(KKMS : 253)

**Ruang psikologi** pula merupakan ruang dalaman yang turut meliputi ruang emosi dan ruang kognitif. Ruang ini ialah ruang yang tidak maujud dan tidak dapat dilihat, dan



berada dalam diri setiap individu. Secara harafiah dilihat seolah-olah ruang merujuk kepada satu tempat tetapi tempat itu adalah abstrak dan hanya dirasakan oleh diri individu itu sendiri melalui emosi dan kognitifnya. Contoh pantun yang menunjukkan ruang psikologi adalah seperti berikut;

769. Dari Parit ke Tanjung Piandang,  
Singgah sekejap membeli roti;  
Bila sudah wajah terpandang,  
Tetap tersimpan di **lubuk hati**.

(KKMS:97)

**Ruang budaya** seperti yang lazimnya diperlakukan dalam geografi budaya adalah merujuk kepada ruang yang bersangkutan dengan aspek-aspek cara hidup seharian masyarakat manusia pada sesebuah tempat atau dalam sesebuah kawasan, sehingga cara dan gaya hidup hidup mereka itu menjadi simbol-simbol jati diri masyarakat dan tempat atau kawasan tersebut. Hakikat bahawa cara-cara hidup itu dapat dihayati sehingga dapat menjadi pentakrif jati diri mereka menunjukkan bahawa dari masa ke masa keutuhan cara-cara hidup tempatan itu berjaya dipertahankan. (Amriah Buang, 2005: 46). Hal ini dijelaskan melalui pantun berikut;

4601. Kain buruk sangkut di kandang,  
Bawa pula basah ke paya;  
Saya buruk jangan dipandang,  
Bagai anjing **buruk kepala**.

(KKMS : 582)

Dalam menentukan medan makna, **konteks situasi** diambil kira bagi memastikan ketepatan makna. Misalnya bagi contoh di bawah ini, peluk tubuh boleh memasuki dua (2) medan makna berdasarkan konteks, iaitu;

1882. Pinang tujuh tinggal enam,  
Jatuh sebiji di Gunung Daik;  
**Peluk tubuh** rasa nak demam,  
Baru kutahu badan tak baik.

(KKMS: 236)

Berdasarkan kolokasi *peluk tubuh* dalam pantun di atas, merujuk kepada *perilaku* seseorang memeluk tubuh. Dalam pantun berikut ini pula, *peluk tubuh* bermaksud *sikap* seseorang yang hanya berdiam diri melihat sesuatu tanpa mengambil sebarang tindakan.

988. Juragan mudik ke Sekukuh  
Dengan sampan muat berdua  
Jangan asyik **berpeluk tubuh**  
Perbuatan itu membawa lara.

(KAPM: 155)

Ini bermakna peluk tubuh boleh memasuki komponen makna perilaku mahupun sikap bergantung kepada konteks kehadirannya dalam pantun. Ini secara langsung menjawab objektif ketiga kajian, iaitu makna hadir dalam konteks situasi.

Dengan menggunakan kerangka pembahagian medan makna anatomi yang ditunjukkan di dalam jadual 3.1 di atas, perbincangan seterusnya adalah berdasarkan jenis-jenis makna yang dikemukakan oleh Leech (1974), iaitu makna konseptual, makna konotatif, makna stilistik, makna afektif, makna reflektif, dan makna kolokatif. Pemilihan jenis-jenis makna ini adalah mengikut kesesuaian data kajian dalam meneliti metafora dalam korpus kajian dipilih.

### 3.1.2 Pendekatan Makna oleh Leech (1974)

Leech (1974) menjelaskan bahawa terdapat tujuh jenis makna, iaitu makna koseptual (*conceptual meaning*), makna konotatif (*connotative meaning*), makna stilistik (*stylistic meaning*), makna afektif (*affective meaning*), makna reflektif (*reflective meaning*), makna kolokatif (*collocative meaning*), dan makna tematik (*thematic meaning*) (untuk keterangan lanjut sila rujuk Leech 1974:10-27). Bagi kajian ini, jenis-jenis makna berdasarkan kerangka Leech (1974) yang diaplikasikan adalah makna konseptual yang meliputi logik, kognitif dan denotatif, makna konotatif, makna stilistik, makna afektif, makna reflektif, dan makna kolokatif. Makna asosiatif yang termasuk makna konotatif, makna stilistik, makna afektif, makna reflektif, dan makna kolokatif adalah makna yang metafora. Walau bagaimanapun makna konseptual atau makna denotatif juga dibincangkan bagi menunjukkan makna literal dan perubahannya kepada makna metafora berdasarkan konteks.

Makna tematik tidak diambil kerana makna tematik merujuk kepada kehadiran kata yang mana hadir dahulu dalam sesuatu ayat. Penelitian hal ini biasanya dilakukan pada teks dan penumpuan adalah kepada wacana dan sintaksis. Kajian ini hanya menumpukan makna leksikal sahaja, maka makna tematik kurang sesuai untuk digunakan.

Kajian ini menggunakan kerangka Leech (1974) adalah berdasarkan kepada penelitian Leech yang dijalankan secara sintagmatik, iaitu melihat pada fungsi dan sistem secara kontekstual. Berdasarkan pembahagian makna tersebut, Leech (1974:26) mempermudah dengan mengemukakan jadual 3.1 berikut:

**Jadual 3.1: Jenis-Jenis Makna Berdasarkan Leech (1974)**

1. CONCEPTUAL MEANING or sense		Logical, cognitive, or denotative content
ASSOCIATIVE MEANING	2. CONNOTATIVE MEANING	What is communicated by virtue of what language refers to.
	3. STYLISTIC MEANING	What is communicated of the social circumstances of language use.
	4. AFFECTIVE MEANING	What is communicated of the feelings and attitudes of the speaker / writer
	5. REFLECTED MEANING	What is communicated through association with another sense of the same expression.
	6. COLLOCATIVE MEANING	What is communicated through association with words which tend to occur in the environment of another word.
	7. THEMATIC MEANING	What is communicated by the way in which the message is organized in terms of order and emphasis

Sumber: Dipetik daripada Leech (1974:26)

**(i) Makna Konseptual**

Semua makna ialah hasil konseptualisasi yang melibatkan makna logikal, kognitif dan denotatif. Leech (1974) memberikan makna konseptual sebagai

*CONCEPTUAL MEANING (sometimes called 'denotative' or 'cognitive' meaning) is widely assumed to be the central factor in linguistic communication, and I think it can be shown to be integral to the essential functioning of language in a way that other types of meaning are not.*

Di sebalik metafora sebenarnya tersimpan suatu konsep yang lebih dalam daripada makna asas yang difahami yang melibatkan sistem kognitif manusia. Manusia membina konsep-konsep berdasarkan persepsi pada alam sekeliling berdasarkan logik dan apa yang benar-benar wujud atau bersifat denotatif.

Menurut Asmah Haji Omar (1988:14), sungguhpun konsep ada hubungan dengan persepsi, namun itu bukannya data daripada deria tetapi lebih kepada hasil gerak balas manusia mengenai sesuatu benda yang ditanggapi berasaskan ciri-ciri tertentu. Ini bermakna dalam pembentukan metafora, orang Melayu tidaklah sewenang-wenangnya mencipta sesuatu konsep tetapi turut menghubungkan sistem kognitif dengan pengetahuan dan pengalaman alamiah yang dimiliki mereka berdasarkan logik dan kewujudan sesuatu (denotatif).

Bahasa sebenarnya tidak hanya terbatas kepada peranan sebagai alat komunikasi dan penyampai proposisi, tetapi ialah cermin bagi persepsi kita, yakni cara kita memahami dan bertindak balas dengan keadaan di sekeliling kita. Dalam perkataan lain, bahasa menentukan penglihatan dunia (*worldview* atau *weltanschauung*) (Asmah Haji Omar, 1988:37). Maka wujudlah pelbagai unsur alam yang menjadi sumber medan makna metafora seperti flora dan fauna, kosmologi, anatomi dan sebagainya. Bagi memudahkan proses mengorganisasi kognisi, maka medan makna digunakan bagi mengelompokkan makna ke dalam sesuatu konsep berdasarkan persamaan ciri.

3087. Sayang belatuk burung belatuk,  
Mari hinggap di **kepala tangga**;  
Semadi abang duduk mengantuk,  
Mari abang menari caca.

(KKMS : 388)

Bagi makna konseptual, kajian ini menggunakan makna denotatif bagi penghuraian makna yang lebih tepat berasaskan pewujudan sesuatu secara fizikal. Bahkan aspek logik dan kognitif secara asasnya terdapat dalam berkaitan makna.

## (ii) Makna Konotatif

Makna konotatif adalah makna selain daripada maksud asal sesuatu yang merujuk kepada selain makna literal. Bagi Leech (1974:14-16),

*Connotative meaning is the communicative value an expression has by virtue of what it refers to, over and above its purely conceptual content. To a large extent, the notion of 'reference' overlaps with conceptual meaning.*

Leech (1974:14) membandingkan makna koseptual dengan makna konotatif dengan memberikan contoh kata *woman*. *Woman* ditentukan secara konseptual berdasarkan tiga ciri fitur (+HUMAN,-MALE,+ADULT). Terdapat pelbagai sifat tambahan yang bukan hanya berdasarkan ciri-ciri fizikal seperti (*biped, having a womb*) tetapi juga ciri-ciri sosial dan psikologi, (*gregarious, subject to maternal instinct*) dan mungkin berlaku perluasan ciri seperti *capable of speech, experienced of cookery, skirt or dress wearing, frail, cowardly* dan sebagainya yang berkaitan dengan makna konotatif. (penjelasan lanjut sila rujuk Leech, 1974: 14-16).

Ini bermakna makna konotatif merujuk kepada makna yang terselindung di sebalik sesuatu ungkapan. Bagi penutur bukan natif atau bukan dalam kelompok sesuatu budaya, permasalahan timbul dalam memahami makna konotatif. Ini kerana makna amat berkait dengan persekitaran dan budaya penutur. Contohnya lidah bercabang bagai biawak yang diberikan dalam pantun di bawah memberi makna seseorang yang suka berdolak-dalik, dan tidak jujur.

1512. Tetak keranji buatan pintu  
Pintu gerbang tidak berselak  
Abang janji tidak begitu  
**Lidah bercabang** bagai biawak.

(KAPM : 236)

### (iii) Makna Stilistik

Makna stilistik berhubung kait dengan situasi apabila berlakunya sesuatu ujaran.

Menurut Leech (1974:16),

*STYLISTIC MEANING is that which a piece of language conveys about the social circumstances of its use. We 'decode' the stylistic meaning of a text through our recognition of different dimensions and levels of usage within the same language. We recognize some words or pronounciations as being dialectal.*

Makna stilistik merujuk *style* atau gaya penyampaian seseorang baik dalam bentuk lisan mahupun bertulis. Makna stilistik amat berhubung dengan domain dan rangkaian sosial. Leech (1974:16) menjelaskan bahawa variasi stilistik terbahagi kepada gaya, dialek, masa, wacana, status dan lain-lain. Makna stilistik yang wujud berdasarkan perilaku misalnya *bertikam lidah*, yang menunjukkan gaya pertengkaran antara seseorang dengan seseorang lagi secara konflik, bernada tinggi, dan gaya yang kasar.

3500. Orang bebal suka merengus,  
Dia bercakap tidak berfaedah;  
Belum pandai membuang hingus,  
Sudah hendak **bertikam lidah**.

(KKMS : 440)

### (iv) Makna Afektif

Makna afektif adalah makna yang berkaitan dengan perasaan dan sikap. Bahasa juga boleh mencerminkan sikap dan emosi seseorang dan menjadi perantara bagi makna konseptual, konotatif dan stilistik seperti yang dinyatakan oleh Leech (1974:18),

*AFFECTIVE MEANING, as this sort of meaning can be called, is often explicitly conveyed through the conceptual or connotative content of the words used... is largely a parasitic category in the sense that to express our emotions we rely upon the mediation of other categories of meaning- conceptual, connotative, or stylistic.*

Misalnya apabila kita berkomunikasi dan memberikan kesan dalaman, iaitu marah pada seseorang seperti *hati ditunu*, ini berkaitan dengan makna afektif.

2604. Sebab sedikit ada kesalahan  
Disumpah oleh Betara Bisnu  
Sampai ke siang rasa-rasaan  
Di dalam **hati** bagai **ditunu**.

(KAPM:399)

(v) **Makna Reflektif**

Makna reflektif juga dikenali sebagai makna bayangan. Makna reflektif adalah berkaitan dengan bayangan pada pemikiran seseorang berkenaan sesuatu, seperti yang dipersepsi. Menurut Lehrer (1974:19)

*REFLECTED MEANING is the meaning which arises in cases multiple conceptual meaning, when one sense of a word forms part of our response to another sense.*

Contoh makna reflektif atau bayangan ditunjukkan melalui pantun berikut;

4604. Kalau memikat burung bayan,  
Jangan pula dijual beli;  
Biar jadi **telinga tempayan**,  
Jangan jadi **telinga kuali**.

(KKMS : 582)

*Telinga tempayan* dan *telinga kuali* memberi makna bayangan antara anatomi telinga manusia dengan objek, iaitu tempayan dan kuali. Bayangan tersebut bukan semata-mata bayangan kosong tetapi dilihat berdasarkan resam alam dan di situlah diambil menjadi metafora.

(vi) **Makna Kolokatif**

Makna kolokatif merujuk kepada perkaitan antara dua kata yang diletakkan secara sintagmatik yang menimbulkan makna yang boleh diterima oleh pengguna bahasa tersebut. Leech (1974:20) menyatakan bahawa,





### **3.3 Kesimpulan**


Secara kesimpulannya dapatlah dinyatakan bahawa metafora adalah penting di dalam ilmu semantik. Metafora tidak diwujudkan sewenang-wenangnya tetapi memerlukan proses lain seperti persepsi, kognisi dan bahasa yang mewujudkan makna. Hasil proses-proses tersebut berdasarkan pengalaman, pengetahuan sedia ada dan pengetahuan baru, manusia membentuk metafora melalui ungkapan-ungkapan yang terkandung di dalamnya nilai pemikiran dan estetika yang begitu tinggi untuk difahami dan dihayati oleh masyarakat pendokongnya.

Kajian ini menggunakan menggunakan kerangka medan makna berdasarkan Lehrer (1974) yang meneliti medan makna sikap, medan makna perilaku, medan makna emosi dan medan makna yang terdapat dalam korpus kajian digunakan, serta jenis-jenis makna oleh Leech (1974), iaitu makna denotatif, makna konotatif, makna stilistik, makna afektif, makna kolotatif dan makna reflektif sebagai kerangka dasar bagi analisis kajian bagi mencapai objektif kajian.

## BAB 4: METAFORA ANATOMI BAHAGIAN ATAS: KEPALA DAN YANG BERKAITAN

### 4.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan metafora anatomi bahagian atas, iaitu bahagian *kepala*. *Kepala* yang dimaksudkan ialah *kepala* secara keseluruhannya, berserta unsur anatomi yang terdapat sebagai bahagian-bahagian *kepala*. Berdasarkan pembahagian yang telah dinyatakan dalam 3.2.1, *mata*, *hidung*, *muka*, *telinga*, *mulut*, *lidah*, *bibir*, dan *dahi* adalah termasuk dalam bahagian-bahagian kepala. Hal ini ditunjukkan dalam rajah 4.1 berikut;



**Rajah 4.1: Pembahagian Anatomi Kepala**

Seterusnya, bahagian-bahagian anatomi tersebut dihuraikan berdasarkan jenis-jenis makna yang terdapat dalam kajian seperti yang dinyatakan dalam kerangka

teoretis di dalam bab 3. Setiap bahagian anatomi pada *kepala* ini dibincangkan berdasarkan medan makna sikap, medan makna perilaku dan medan makna ruang.

#### 4.1 Metafora Anatomi Kepala

Kepala secara literal merupakan bahagian paling atas anatomi baik manusia mahupun haiwan. Terdapat muka pada bahagian depan dan tengkorak yang mengandungi otak pada bahagian kepala.

Kata leksikal *kepala* mempunyai makna tersendiri dalam pemikiran orang Melayu yang berkaitan dengan sistem dan nilai kepercayaan mereka. Skeat (1965:43) misalnya menyatakan bahawa;

*The head, in the first place, is undoubtedly still considered by the Malays possess some modified degree of sanctity. A proof of this is the custom ('adat') which regulates the extent of the sacrifice to be offered in case of assault or battery by the party committing the injury. If any part of the head is injured, nothing less than goat will suffice...*

Dalam proses sosialisasi, kanak-kanak Melayu diajarkan bahawa kepala ialah bahagian anatomi yang mulia dan pantang disentuh. Pada kebiasaannya kanak-kanak Melayu sangat marah apabila kepala mereka disentuh atau diketuk, dan seterusnya mengetuk semula dagu setiap kali kepala mereka diketuk. Mereka khuatir akan menjadi bodoh, maka dengan mengetuk dagu mereka akan terhindar daripada kebodohan. Masyarakat Kedah pula percaya bahawa apabila seseorang menyentuh bahu kanak-kanak, ini akan menyebabkan kanak-kanak itu tadi menjadi bodoh (Asmah Haji Omar, 1996:26).

Menurut Asmah Haji Omar (1996: 26-27) lagi, bahagian kepala ialah kawasan mulia yang tidak boleh disentuh oleh orang lain, bahkan otak manusia yang berkait

dengan proses berfikir dan memahami, terletak di kepala, maka hentakan di bahagian kepala mungkin boleh mencederakan otak.

Apabila meneliti makna metafora *kepala* berdasarkan butir leksikal pula, didapati bahawa wujudnya makna-makna tertentu yang seterusnya dihuraikan dalam medan makna sikap, perilaku, dan ruang berdasarkan kajian yang dijalankan.

#### 4.1.1 Medan Makna Sikap

Seperti yang dijelaskan dalam 3.2.1, secara asasnya terdapat dua bentuk utama sikap, iaitu sikap positif yang merujuk kepada sikap yang baik, dan sikap negatif, iaitu sikap buruk.

Analisis mendapati bahawa *kepala* apabila dilihat dalam konteks penggunaan lebih banyak memberikan gambaran sikap manusia yang negatif. Berdasarkan analisis data, bahagian kepala yang menunjukkan sikap amat terhad. Antara contoh sikap negatif ialah *besar kepala*, *kepala angin*, *kepala batu*, *keras kepala* (Abdullah Hussain, 2005; 155-156).

*Keras kepala* misalnya merujuk kepada sikap seseorang yang degil (Asmah Haji Omar, 1996:12). Ini bermakna *keras kepala* dan *kepala batu* mempunyai makna yang hampir sama, iaitu merujuk kepada sikap degil seseorang. **Makna reflektif**, wujud pada *kepala batu* kerana *batu* ialah objek yang keras dan berkolokasi dengan *kepala* menunjukkan kekerasan atau kedegilan seseorang. Ini bermakna *keras kepala*, *besar kepala*, *kepala angin*, dan *kepala batu*, membawa **makna kolokatif** dan **makna konotatif**.

#### 4.1.2 Medan Makna Perilaku

Berdasarkan penelitian terhadap korpus kajian, medan makna perilaku bagi anatomi kepala juga agak terhad. Terdapat perilaku *naik kepala* dan *makan kepala* dalam kajian yang diperlihatkan melalui pantun 1 dan 2 berikut;

##### Pantun 1

4399. Kalau tuan pakai sepatu,  
Agar-agar naik ke kuala;  
Kalau tuan cakap begitu,  
Kayu pagan **naik kepala**.

(KKMS : 556)

##### Pantun 2

4355. Dagangan datang dari Melaka,  
Timbang mari dacing tembaga;  
Cakap sombong saya tak suka,  
Lantai nibung **makan kepala**.

(KKMS : 550)

Menurut Abdullah Hussain (2005:215), *naik kepala* dimetaforakan sebagai perilaku orang yang mengada-ngada. Namun begitu, jika dilihat berdasarkan konteks, *naik kepala* dan *makan kepala* dalam pantun di atas ialah kesan daripada sikap dan tuturan buruk. Perbezaan hanya wujud dari segi alat, iaitu *kayu pagan* dan *lantai nibung*.

*Naik kepala* dan *makan kepala* memberi makna negatif. Didapati bahawa apabila kepala menjadi objek, umumnya hal ini memberikan makna negatif. Dalam hal ini, *kepala* menjadi penderita dan kesan yang diterima adalah kerana sikap. Pelaku dalam pantun tersebut di atas merujuk kepada sesiapa sahaja yang tidak suka dengan

perilaku percakapan yang sombong tersebut. *Kayu pagan* dan *lantai nibung* pula menjadi alat yang digunakan sebagai pemukul.

Ini bermakna bahawa *naik kepala* dan *makan kepala* mempunyai **makna kolokatif**, iaitu kata kerja *naik* dan *makan* berkolokasi dengan anatomi *kepala*. Selain itu, kedua-duanya juga mempunyai **makna denotatif** kerana merujuk kepada perilaku yang dapat diperhatikan.

#### 4.1.3 Medan Makna Ruang

Berdasarkan kepada pembahagian ruang di dalam 3.1.1 adalah didapati bahawa terdapat ruang fizikal dan ruang budaya berkaitan dengan metafora *kepala*. Yang berikut diuraikan metafora kepala berdasarkan ruang fizikal dan ruang budaya.

##### 4.1.3.1 Medan Makna Ruang Fizikal

Ruang fizikal pula adalah berkaitan dengan kedudukan, ukuran dan jarak yang boleh dilihat secara kasar. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat makna metafora *kepala* yang berkaitan dengan ruang fizikal, terbahagi kepada kolokasi antara *kepala + benda bernyawa* dan *kepala + benda tidak bernyawa*.

Bagi kolokasi antara *kepala + benda bernyawa*, metafora *kepala* wujud apabila terdapat **makna kolokatif** apabila anatomi *kepala* berkolokasi dengan manusia atau haiwan. Bagi kolokasi *benda + benda tidak bernyawa* pula wujud apabila anatomi *kepala* berkolokasi dengan benda. Kesemua kolokasi tersebut memberikan **makna denotatif** kerana kewujudannya dapat dilihat secara fizikal.

Hasil kajian mendapati bahawa kolokasi antara *kepala+ manusia* diperlihatkan dalam contoh pantun 3 berikut, iaitu *kepala Pak Mat*,

Pantun 3

97. Ayun buai letak  
Letak para labu  
**Kepala Pak Mat** botak  
Kena tabur habu.  
(KAPM : 19)

Contoh tersebut di atas memperlihatkan kolokasi antara *kepala* dengan *benda bernyawa*, iaitu *kepala + Pak Mat*. Maka *kepala Pak Mat* [+ anatomi, + manusia, + bernyawa, + khas].

Pantun 4 berikut pula menunjukkan kolokasi antara *anatomi + haiwan*, iaitu *kepala sawa*.

Pantun 4

3848. Ular lalang kepala lalang  
Lemah lembut **kepala sawa**  
Sedap manis tidur di tilam  
Urai rambut pengalang dada.  
(KAPM : 584)

Seterusnya adalah kolokasi *kepala sawa* [+ anatomi, - manusia, + bernyawa, - khas]. Ini bermakna *kepala Pak Mat* dan *kepala sawa* mempunyai **makna kolokatif** berdasarkan kolokasi butiran leksikal dan **makna denotatif** pula kerana *kepala* dapat dilihat kewujudannya secara fizikal.

Kolokasi juga berlaku antara *kepala + benda tak bernyawa*, seperti *kepala titi*, *kepala tangga*, *kepala pukut*, *kepala meja*, *kepala kain*, dan *kepala rempah* [ - anatomi, - manusia, - bernyawa, - khas].



Jika diteliti metafora berdasarkan ruang fizikal ini, sebenarnya ia amat berkait rapat dengan kehidupan orang Melayu dalam mengkonseptualisasikan sesuatu berdasarkan kedudukan benda yang ada di persekitaran. Kedudukan benda tersebut boleh diubah dan juga dalam keadaan statik. Bagi kedudukan yang boleh diubah adalah seperti *kepala meja*, dan *kepala pukut*. *Kepala meja* dijelaskan dalam pantun 5 seperti yang berikut;

Pantun 5

3188. Ada satu panglima raja,  
Duduk kerusi **kepala meja**;  
Tengah belayar taufan pun tiba,  
Sampan kecil mahu buat apa?  
(KKMS : 401)

**Kolokasi** *kepala* dengan *meja* merujuk kepada bahagian paling hujung meja jika dilihat pada satu lingkungan kedudukan. Jika diteliti secara fizikal, *kepala meja* membawa **makna denotatif**. Selain itu juga mempunyai **makna reflektif**, iaitu hubungan bayangan antara kepala dengan objek.

*Kepala meja* berada pada satu kedudukan yang boleh diubah. Kedudukan *kepala meja* ditunjukkan melalui rajah 4.2 berikut;



Kepala  
Meja

**Rajah 4.2: Contoh Kepala Meja**

Penggunaan meja dalam kehidupan masyarakat Melayu adalah dibawa dari budaya luar. Orang Melayu dahulu biasanya duduk bersila atau bersimpuh misalnya ketika makan. Perkataan *meja* ialah pinjaman daripada bahasa Portugis, iaitu *Meja* [Port. *Meza*] Table; Hik. Abdullah 59,79...(Wilkinson,1955:754)

Jika dilihat dari medan makna **ruang budaya**, kepala meja membawa **makna konotatif**. Ini kerana *kepala meja* ialah bahagian yang diduduki oleh seseorang yang mempunyai kedudukan atau kepentingan dalam sesuatu acara atau majlis seperti warga paling berusia dalam sesebuah keluarga, pengerusi mesyuarat, jemputan utama dan sebagainya. Hal ini turut diperlihatkan dalam pantun di atas jika dilihat berdasarkan konteks, iaitu Panglima Raja yang menduduki bahagian *kepala meja*.

Begitu halnya dengan *kepala pukot*, iaitu bahagian paling hadapan yang dipegang bagi alat menangkap ikan yang ditunjukkan dalam pantun 6 berikut;

Pantun 6

382. Batang man **kepala pukot**,  
Buluh perindu tiada berdahan;  
Buah hati marilah dekat,  
Aku rindu tiada tertahan.

(KKMS : 49)



*Kepala  
pukat*

**Rajah 4.3: Contoh Kepala Pukat**

*Kepala pukat* adalah bahagian depan pukat yang menjadi laluan untuk ikan masuk ke dalam pukat atau perangkap. *Kepala pukat* juga mempunyai **makna denotatif** kerana dapat dilihat secara fizikal. Selain itu, kepala pukat juga mempunyai **makna reflektif**, iaitu makna bayangan antara dua objek, iaitu *kepala* dan *pukat*.

Selain itu, terdapat juga *kepala dua* dalam pantun - pantun berikutnya yang merujuk kepada *kepala kain* dan *kepala ikan*.


Pantun 7

1143. Kain pelekat **kepala dua**,  
Jahit dengan benang masturi;  
Sudah berpakat kita berdua,  
Cakap orang jangan peduli.  
(KKMS : 144)

Pantun 8

117. Anak ikan **kepala dua**,  
Hanyut mayang dari hulu;  
Tidak tahan rasanya jiwa,  
Siang malam menanggung rindu.  
(KKMS : 15)

*Kepala kain* adalah bahagian kain sarung yang coraknya lain (Abdullah Hussain 2005:155). Bahagian yang berlainan corak dikatakan kepala kain adalah berdasarkan motif corak, misalnya motif pucuk rebung, bahagian yang tajam ke atas adalah pucuk yang bertepatan dengan bahagian kepala manusia yang berada paling atas dalam anatomi manusia. Hal ini digambarkan dalam rajah berikut,



**Rajah 4.4: Contoh Kepala Kain**

Dalam masyarakat Melayu dulu, pemakaian kain sarung mempunyai makna tertentu yang menunjukkan status si pemakai. Bagi wanita yang telah berkahwin, corak pada *badan kain* akan diletakkan di bahagian belakang, janda pula di bahagian kanan, manakala bagi gadis pula kepala kain diletakkan pada bahagian hadapan.<sup>1</sup> Cara menindihkan kain semasa dipakai adalah menyerupai qiyam dalam solat dimulakan di bahagian kiri dan ditindih semula pada bahagian kanan. Walau bagaimanapun kini, penggunaan kain sarung agak berkurangan, terutama dalam kalangan generasi muda dan kain sarung dipakai hanya pada waktu-waktu tertentu.

Bagi metafora *kepala + benda tidak bernyawa* yang bersifat statik adalah seperti *kepala titi*, dan *kepala tangga*. Statik dimaksudkan sebagai pengalihan kepada objek tersebut melibatkan perombakan struktur asas. Hal ini dijelaskan melalui pantun 9 dan 10 berikut;

<sup>1</sup> Maklumat diperolehi daripada Puan Som Mariah Abdul Hamid 73 tahun dari Lambor, Perak.

### Pantun 9

5033. Anak yu karang-karang,  
Mari karang **kepala titi**;  
Sudah berjumpa lawan yang garang,  
Bertentang mata bergoncang hati.

(KKMS : 637)

### Pantun 10

2016. Putik pauh asam mempelam,  
Tanam selasih di **kepala titi**;  
Sungguh jauh bulan pun kelam,  
Kita berkasih di dalam mimpi.

(KKMS : 253)

*Kepala titi* adalah bahagian paling hujung dalam binaan titi. Namun begitu, sukar ditentukan *kepala titi* sebenarnya, maka kedua-dua bahagian hujung titi boleh dianggap sebagai *kepala titi*.



*Kepala  
titi*

**Rajah 4.5: Contoh Kepala Titi**

Pada peringkat awal tamadun, manusia menggunakan jalan air seperti sungai dan laut sebagai jalan perhubungan. Seterusnya bagi melintasi kawasan sungai atau parit, orang Melayu mula membina titi dan diperbuat daripada batang pokok seperti pokok kelapa atau pinang. Bahagian yang keras, biasanya berhampiran akar dan tengah digunakan sebagai titi.

Perkembangan seterusnya berlaku apabila manusia mula pandai membina jambatan yang bukan hanya diperbuat daripada kayu, bahkan besi dan konkrit. Ada juga jambatan yang dibina mempunyai pemegang yang menjadi *kepala*. Kaedah pembinaan titi, seterusnya jambatan kini turut digunakan dalam pembinaan jejambat atau jejantas. Ketiga-tiga binaan tersebut mempunyai fungsi yang sama, iaitu untuk menyeberang sesuatu. Namun begitu, yang membezakan adalah jejambat atau jejantas digunakan untuk melintas jalan darat sedangkan titi dan jambatan untuk melintas air atau lembah.

Begitu juga halnya dengan *kepala tangga* yang merujuk kepada bahagian depan tangga seperti dalam contoh pantun 11 berikut,

Pantun 11

3087. Sayang belatuk burung belatuk,  
Mari hinggap di **kepala tangga**;  
Semadi abang duduk mengantuk,  
Mari abang menari caca.  
(KKMS : 388)



*Kepala  
tangga*

**Rajah 4.6: Contoh Kepala Tangga**

Pada peringkat awal rumah orang Melayu menggunakan tangga yang diperbuat daripada kayu tetapi pada hari ini terdapat tangga yang diperbuat daripada logam atau batu dalam pelbagai bentuk. Terdapat pelbagai bentuk tempat pemegang di hujung tangga yang juga dipanggil *kepala tangga*. *Kepala titi* dan *kepala tangga* terbina dalam

kedudukan horizontal dan statik. Kedudukan bagi kedua-duanya adalah pada bahagian paling depan binaan. **Kolokasi** kepala titi dan kepala tangga membawa **makna denotatif** kerana dapat dilihat secara fizikal, serta **makna reflektif**, iaitu makna bayangan antara *kepala* dengan objek.

Selain itu, terdapat metafora *kepala* yang berkaitan dengan fungsi sesuatu benda. Hasil kajian mendapati bahawa metafora kepala berdasarkan ruang yang merujuk pada fungsi sesuatu adalah seperti *tudung kepala* dan *kepala rempah*.

*Tudung kepala* misalnya, merujuk kepada kain yang digunakan untuk menutup kepala mempunyai **makna denotatif**, kerana dapat dilihat kewujudannya dan juga **makna kolokatif** apabila tudung berkolokasi dengan anatomi *kepala*. Ini ditunjukkan melalui pantun berikut,

Pantun 12

3067. Buah paya buah bermaya  
Masak seulas di atas peti  
**Tudung kepala** membuat aniaya  
Nampak sekilas membakar hati.

(KAPM : 467)

Konsep tudung adalah berdasarkan kepada menutup sesuatu dengan sesuatu yang lain seperti tudung saji, tudung periuk dan sebagainya. Masyarakat Melayu menamakan *tudung kepala* sebagai *kain kelubung*. Pada masa dahulu, golongan wanita Melayu menggunakan kain sarung sebagai penutup kepala. Namun begitu, pada hari ini pelbagai jenis tudung ada dalam pasaran dalam pelbagai jenis dan corak. *Tudung* hanya berkolokasi dengan *kepala* berdasarkan kegunaannya untuk menutup kepala tetapi tidak boleh berkolokasi dengan anatomi lain.

Walau bagaimanapun jika dilihat berdasarkan konteks pantun tersebut, *tudung kepala* di dalam pantun di atas adalah sesuatu yang menyebabkan kemarahan seseorang yang membawa **makna konotatif**, iaitu merujuk kepada seorang perempuan.

Selain itu, metafora *kepala* juga berkaitan dengan bahan utama, misalnya *kepala rempah* yang menjadi bahan utama masakan. Ini diperlihatkan melalui contoh pantun berikut,

Pantun 13

3984. Kemujut **kepala rempah**  
Buah pahala buah kemiri  
Kalam sujud membawa sembah  
Dakwat berlari menjunjung duli.  
(KKMS : 502)

Pantun 14

3983. Jika batangnya berduri-duri  
Itulah kemujut **kepala rempah**  
Kalam tiada sanggup berlari  
Dagang bermohon berhenti kisah.  
(KKMS : 503)

*Kepala rempah* mempunyai **makna kolokatif** apabila *kepala* berkolokasi dengan *rempah*, dan juga **makna denotatif** kerana kewujudan kemujut sebagai rempah utama yang digunakan dalam masakan. Dalam masyarakat Melayu, *kepala rempah* biasanya menjadi ramuan utama dalam masakan gulai. Kemujut ialah bahan rempah utama seperti jintan, kayu manis, bunga lawang dan lain-lain dalam masakan seperti sup yang dibunjutkan, iaitu mengikat dengan tali buah rempah, ketumbar, lada dan lain-lain ke dalam kain putih dan menjadi bahan utama masakan. Hal ini dijelaskan melalui rajah 4.7 berikut ini;





**Rajah 4.7: Contoh Kemujut *Kepala Rempah***

#### **4.1.3.2. Medan Makna Ruang Budaya**

Pembahagian medan makna ruang budaya adalah seperti yang dinyatakan dalam 3.2.1.(iv). Ruang budaya memberikan makna dalam ruang yang positif dan negatif. Pada amnya, kepala dalam bahasa Melayu membawa makna negatif.

Dalam korpus yang diselidiki, hanya satu sahaja contoh yang membawa makna positif. Contoh penggunaan metafora kepala yang merujuk kepada ruang budaya ialah *kepala kampung*. Hal ini dibuktikan melalui pantun berikut;

##### Pantun 15

3097. Sayang Santubong berkota nibung,  
Haji Ahmad **kepala kampung**;  
Alang nan sakit badan menanggung,  
Siang dan malam main berkampung.

(KKMS : 389)

*Kepala kampung* dalam pantun di atas merujuk kepada kedudukan seorang ketua atau pemimpin dalam sebuah kawasan. *Kepala kampung* mempunyai **makna kolokatif**, dan **makna konotatif**. Ini kerana apabila kepala berkolokasi dengan kampung merujuk kepada kedudukan atau jawatan Haji Ahmad yang mengetuai sesebuah kampung.

Walau bagaimanapun, dalam konteks bahasa Melayu di Malaysia, kolokasi kata *kepala* bagi menunjukkan kepimpinan yang baik jarang digunakan dan biasanya menggunakan kata leksikal *ketua*. Konsep *ketua* dalam masyarakat Melayu mengambil kira nilai berdasarkan tempoh, iaitu merujuk kepada umur. Sebaliknya bagi masyarakat Indonesia, kata leksikal *kepala* merujuk pada kepimpinan baik. Hal ini dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (1996:21);

*When ketua is compared with kepala, one sees that veneration is given to age (tua) more than to the human anatomy. In bahasa Indonesia kepala is given a positive meaning, while ketua is hardly used. Hence, in bahasa Indonesia it is respectable to have expressions such as kepala keluarga (head of family), kepala kantor (head in an office), etc.*

Seperti yang dinyatakan di atas, *kepala* dalam masyarakat Melayu Malaysia banyak merujuk kepada ketua kumpulan dalam masyarakat memberikan makna negatif misalnya, *kepala penyamun*, *kepala gangster* dan sebagainya (Asmah Haji Omar, 1996:8). Sebagai contoh, di dalam dialek Melayu Kelantan, *kepala pengat* digunakan bagi merujuk kepada seorang ketua yang melakukan perkara-perkara yang negatif.<sup>2</sup>

Hasil daripada korpus mendapati bahawa *buruk kepala* turut memberikan makna negatif pada kedudukan seseorang. Ini dijelaskan melalui pantun berikut ini,

#### Pantun 16

4601. Kain buruk sangkut di kandang,  
Bawa pula basah ke paya;  
Saya buruk jangan dipandang,  
Bagai anjing **buruk kepala**.

(KKMS : 582)

Kolokasi *buruk* dengan *kepala* memberikan **makna kolokatif**, **makna reflektif**, dan **makna konotatif**. **Makna reflektif** ialah gambaran kepala anjing yang buruk dan hodoh itu memberi makna yang negatif. **Makna konotatif** wujud pula kerana

---

<sup>2</sup> Maklumat diperolehi daripada Puan Wan Hasnah Ahmad , 67 tahun berasal dari Machang, Kelantan.

bukan merujuk kepada keadaan kepala anjing yang buruk tetapi kedudukan seorang manusia yang hina dan penerimaan masyarakat terhadapnya.

*Anjing buruk kepala* hampir sama maksudnya dengan *anjing kurap* dalam bahasa Melayu. *Buruk kepala* berkolokasi dengan anjing yang menunjukkan betapa hinanya seseorang itu. Walau bagaimanapun *buruk kepala* tidak berkolokasi dengan binatang lain. Anjing digunakan dalam perumpamaan ini kerana dalam masyarakat Melayu yang beragama Islam anjing adalah haram disentuh dan tergolong dalam najis berat. Anjing juga selalu dikaitkan dengan makna negatif seperti *anjing menyalak bukit*, *anjing kurap*, *anjing dengan bayang-bayang* dan sebagainya.

#### 4.2 Metafora Anatomi Mata

Mata secara literal merujuk kepada organ pada manusia atau binatang yang digunakan untuk melihat. Mata merupakan agen persepsi yang paling dominan. Persepsi ialah proses menyaksikan dan merasakan apa-apa yang berlaku dalam alam sekeliling melalui pancaindera (Asmah Haji Omar, 1988:2). Melalui mata, maklumat akan disalurkan ke bahagian otak dan seterusnya ke hati. Ini dapat dilihat berdasarkan pantun 17 berikut,

##### Pantun 17

762. Dari mana punai melayang,  
Dari sawah ke batang padi;  
Dari mana mula sayang,  
Dari **mata** sampai ke hati.

(KKMS:96)

Terdapat makna metafora dalam medan makna sikap, perilaku dan ruang. Ini diuraikan seterusnya berserta contoh-contoh pantun yang berkaitan.

#### 4.2.1 Medan Makna Sikap

Adalah didapati bahawa kata leksikal *mata* juga menggambarkan sikap manusia. Terdapat beberapa sikap yang ditemui di dalam kajian berkaitan metafora mata, iaitu *mata keranjang*, *rambang mata*, dan *silap mata*, yang mempunyai makna-makna tersendiri.

##### Pantun 18

688. Cik Buang pergi ke kedai,  
Belikan saya sebatanglah tiang;  
Jangan kata saya tak pandai,  
Mata tak tentu **mata keranjang**.

(KKMS : 87)

##### Pantun 19

1676. Nenek Lowek menjual sirih,  
Sirih dijual Jambatan Panjang;  
Cantik molek kami tak pilih,  
Asallah jangan **mata keranjang**.

(KKMS : 210)

*Mata keranjang* dalam pantun 18 dan 19 di atas adalah **kolokasi** antara dua objek, iaitu mata dan keranjang, yang mempunyai **makna konotatif**. Mata keranjang bermaksud seseorang yang suka melihat dan mempermainkan perempuan. Ini bermakna *mata keranjang* hanya merujuk kepada golongan lelaki dan berkaitan dengan sikap negatif.

Menurut Asmah Haji Omar (1996:19) metafora *mata keranjang* ini adalah berdasarkan gambaran pada bakul rotan atau buluh yang dianyam dalam pelbagai bentuk yang dipanggil *keranjang*, manakala lubang pada keranjang tersebut adalah mata

yang dilihat pada arah yang berlainan. Ini bermakna kolokasi mata dan keranjang mempunyai **makna reflektif**, iaitu makna bayangan bagi *mata* dengan *keranjang*.

Kata leksikal *keranjang* digunakan oleh penutur *dialek Selatan*<sup>3</sup>. Bagi penutur *dialek Utara* pula memanggilnya bakul atau raga dan bagi penutur *dialek Melayu Kelantan* menggelarkannya *jok*.<sup>4</sup> Meskipun *raga*, *jok* dan *bakul* merujuk kepada objek yang sama dengan *keranjang* dari segi fungsi dan hampir sama dari segi bentuk, namun tidak boleh berkolokasi dengan *mata* bagi memberikan makna sikap seperti mana *keranjang*. Ini membuktikan bahawa metafora ini adalah bentuk yang telah padu dalam bahasa yang telah diterima oleh masyarakat penuturnya.

Seterusnya kata leksikal *mata* juga **berkolokasi** dengan *rambang* dan *silap* menggambarkan sikap tidak berhati-hati. *Mata rambang* ini dikaitkan dengan masalah memilih kerana pilihan yang banyak ataupun seseorang yang tidak tetap pendirian.

#### Pantun 20

3820. Jala rambang berantai timah,  
Hendak menebar laut Melaka;  
**Mata rambang** hendaklah diubah,  
Jikalau tidak badan binasa.

(KKMS : 481)

*Mata rambang* pula memungkinkan berlakunya *silap mata* seperti pantun di bawah. Sikap inginkan sesuatu tanpa meneliti terlebih dahulu keperluan barang tersebut pada diri *mata rambang* boleh menyebabkan *silap mata* berlaku. Ini bermakna rambang mata dan silap mata mempunyai **makna konotatif**.

---

<sup>3</sup>Bagi kumpulan dialek Selatan, Utara dan Kelantan, sila rujuk pembahagian tujuh kumpulan dialek oleh Asmah :125 – 126) dalam Susur Galur Bahasa Melayu.

<sup>4</sup> Maklumat diperolehi daripada Wan Hasnah Ahmad, 67 tahun dari Machang, Kelantan.

### Pantun 21

3889. Lang punggung terbang berbalik,  
Hinggap seekor pohon keladi;  
Barang buruk jangan dibeleg,  
**Silap mata** kena beli.

(KKMS : 490)

Walau bagaimanapun jika dilihat makna *silap mata* tanpa melihat konteks, biasanya kita akan cenderung memberi makna sebagai sejenis permainan yang mengelirukan mata orang lain (*Kamus Dewan*,1997:1279). Namun sebenarnya berdasarkan konteks dalam tersebut adalah merujuk kepada kesilapan seseorang memilih sesuatu benda. Maka di sinilah dapat dilihat bahawa konteks situasi amat penting untuk menentukan makna yang tepat. Kata leksikal *mata* boleh berkolokasi dengan *silap* tetapi tidak boleh berkolokasi dengan *salah* walaupun *salah* dan *silap* adalah sinonim.

#### 4.2.2 Medan Makna Perilaku

Metafora *mata* yang menggambarkan perilaku amat terhad. Terdapat perilaku *main mata* ditunjukkan dalam pantun-pantun berikut. Perilaku *main mata* melibatkan **makna konotatif** dan **makna kolokatif**.

### Pantun 22

3930. Orang mengail laut Melaka,  
Dapat seekor ikan tenggiri;  
Janganlah suka **bermain mata**,  
Buat menyakit hati sendiri.

(KKMS : 496)

### Pantun 23

1828. Perahu cengal dua buah,  
Muat sarat si buah pedada;  
Kuala Jengal kampung bertuah,  
Tempat orang **bermain mata**.

(KKMS : 229)

Walaupun *main mata* juga boleh dikaitkan dengan *mata keranjang*, namun terdapat perbezaan dari segi pelakunya, iaitu boleh berlaku pada perempuan mahupun lelaki. Bahkan terdapat perbuatan menyaling dalam *main mata*, sedangkan *mata keranjang* merujuk kepada lelaki sebagai pelakunya. Kata leksikal *main* boleh berkolokasi dengan *mata* tetapi tidak boleh berkolokasi dengan anatomi lain.

Selain itu juga terdapat perilaku *bertentang mata*, *beradap mata*, dan *bertikam mata* dalam korpus kajian. Ketiga-tiga butir leksikal tersebut adalah dalam konteks yang sama, iaitu melibatkan kedudukan individu secara bertentangan, Cuma terdapat intensiti, iaitu bermula dengan *beradap mata*, kemudian *bertentang mata* dan seterusnya *bertikam mata*. Kesemua perilaku tersebut mempunyai **makna kolokatif** dan **makna denotatif**.

### Pantun 24

3861. Kalau tuan ke Tanjung Buluh,  
Beli manisan bulan puasa;  
Kalau nak tambat biar teguh,  
Saya nak ambil **beradap mata**

(KKMS:487)

### Pantun 25

2199. Sayang kenyalang berbonet bata,  
Baba Siong menjadi kerani;  
Alang-alang **bertikam mata**,  
Baik dilangsung sama sekali.

(KKMS : 276)

### Pantun 26

5033. Anak yu karang-karang,  
Mari karang kepala titi;  
Sudah berjumpa lawan yang garang,  
**Bertentang mata** bergoncang hati.  
(KKMS : 637)

*Mata memandang* pula merujuk kepada perilaku pada sasaran yang tidak khusus, iaitu boleh berfokus ke mana-mana sahaja. Hal ini dapat dilihat dalam pantun 27 berikut;

### Pantun 27

3886. Ya sungguh gagak di padang  
Datang gajah dibelaikannya  
Tengah **sedap mata memandang**  
Takdir Allah dileraikannya.  
(KAPM:591)

*Sedap* dan *mata* juga boleh **berkolokasi**. Dalam hal ini, berlaku pengalihan konsep rasa dalam masyarakat Melayu kepada anatomi. Pengalihan ini juga boleh digunakan pada unsur metafora anatomi yang lain misalnya *sedap mata*, *sedap badan*, *sedap mulut*, *sedap tekak*, dan *sedap perut*.

### **4.2.3 Medan Makna Ruang**

Bagi metafora anatomi *mata*, adalah didapati bahawa medan makna ruang melibatkan medan makna ruang fizikal dan medan makna ruang psikologi. Yang berikut ini dihuraikan kedua-dua ruang ini berserta contoh-contoh yang sesuai.



#### 4.2.3.1 Medan Makna Ruang Fizikal

Mata boleh berkolokasi dengan benda bernyawa dan benda tidak bernyawa. Bagi kolokasi mata dengan benda bernyawa, *mata + manusia* dan *mata + haiwan*. Yang berikut ialah contoh pantun yang menunjukkan kolokasi *mata + manusia*;

##### Pantun 28

79. Anak buruk di kayu rendang,  
Meniti turun ke tepi paya;  
Hodoh buruk di mata orang,  
Cantik manis di **mata saya**.

(KKMS:11)

Pantun di atas menunjukkan hubungan kolokasi anatomi + manusia, iaitu *mata saya*. Ini bermakna medan makna *mata saya*; [ + anatomi, + bernyawa, + manusia, +am ].

Pantun berikut ialah contoh daripada korpus kajian yang menunjukkan kolokasi mata + haiwan. Berikut ialah contoh bagi *mata burung punai*; [+anatomi, +bernyawa, -manusia, + am]

##### Pantun 29

3452. Ketuk gendang tiup serunai,  
Raja berarak dari seberang;  
**Putih mata** burung punai,  
Ara masak ditunggu helang.

(KAPM: 342)

Jika diteliti berdasarkan kedua-dua contoh pantun di atas, didapati bahawa kedua-duanya mempunyai **makna kolokatif** hasil daripada kolokasi *mata* dengan *saya* dan *mata* dengan *burung punai*. Selain itu kedua-duanya membawa **makna denotatif** kerana mata dapat dilihat secara fizikal. Walau bagaimanapun pantun kedua membawa

**maksud konotatif**, iaitu apabila dilihat berdasarkan konteks kolokasi *putih mata*, iaitu rasa kecewa digambarkan pada burung punai kerana berebut ara masak dengan helang.

Seterusnya pula kajian mendapati bahawa terdapat metafora mata juga melibatkan kolokasi mata + benda tidak bernyawa; [ - anatomi, - bernyawa, - manusia, + am]. Antara contoh berkaitan ialah *cermin mata*, *gelas mata*, *mata dacing*, *mata timbangan*, *mata keris*, dan *mata pedang*, yang mempunyai **makna denotatif** serta **makna kolokatif** berdasarkan kolokasi antara benda dengan *mata*.

Perkembangan teknologi juga menghasilkan penciptaan alat dalam masyarakat. Misalnya *cermin mata* atau *gelas mata* merujuk pada alat yang digunakan bagi membantu penglihatan manusia. Masyarakat Melayu menamakan *cermin* atau *gelas mata* kerana alat ini dipakaikan pada mata manusia dan diperbuat daripada kaca. Cermin dan gelas pula diperbuat daripada kaca. *Cermin mata* juga dipanggil *kaca mata*. Konsep *gelas* diambil daripada bahasa Inggeris iaitu *glasses*.

#### Pantun 30

2328. Sirih kuning jauh panjak,  
Tempat gantung barang kaca;  
Putih kuning sedang berkacak,  
Situ abang **bercermin mata**.  
(KKMS : 292)

#### Pantun 31

1836. Baju biru seluar biru  
**Bergelas mata** berjam tangan  
Sudah mendapat kawan baru  
Kawan lama dibuang jangan.  
(KKMS : 230)

Berdasarkan **kolokasi**, *cermin* boleh berkolokasi dengan *mata* dan *muka* sahaja dan tidak boleh dengan anatomi lain. *Gelas* dan *kaca* pula hanya boleh berkolokasi dengan *mata*. Berkaitan dengan itu juga, apabila *cermin* dan *gelas* ditambah awalan **ber-** merujuk kepada fizikal seseorang yang memakainya.

*Mata dacing* dan *mata timbangan* dalam pantun berikutnya pula mempunyai **makna konotatif**, iaitu merujuk kepada kuantiti yang ditunjukkan berdasarkan angka. *Mata berkolokasi* dengan *dacing* dan *timbangan* berdasarkan *mata* yang difokuskan pada angka bagi menunjukkan kuantiti juga memberikan **makna reflektif** hubungan bayangan bagi *mata* dengan *dacing*.

#### Pantun 32

5121. Budak-budak gali cacing,  
Gali mari bawah tempurung;  
Kalau tak kenal **mata dacing**,  
Lagi ditimbang baik diborong.  
(KKMS : 650)

#### Pantun 33

3798. Helang laut helang jambangan,  
Helang di darat mematuk padi;  
Kalau diikuti **mata timbangan**,  
Sama berat baru menjadi.  
(KKMS : 479)



**Rajah 4.8: Contoh Mata Dacing/ Mata Timbangan**

Pada peringkat awal komunikasi manusia, iaitu sebelum wujudnya sistem mata wang, masyarakat menggunakan sistem barter, iaitu pertukaran barang antara individu dengan individu lain. Perdagangan seterusnya berkembang hingga hari ini mewujudkan sistem jual beli yang lebih baik misalnya sistem timbangan yang pada hari ini menggunakan sistem metrik.

Selain itu mata juga digunakan pada senjata seperti keris dan parang. *Mata keris* dan *mata parang* dalam pantun-pantun berikutnya ialah bahagian paling tajam yang digunakan untuk memotong sesuatu benda.

Pantun 34

5045. Berapa dalam lubuk Inggeris,  
Saya berani menebar jala;  
Berapa tajam **mata keris**,  
Saya berani membuang jiwa.

(KKMS : 639)

Pantun 35

1111. Tajamnya gigi ikan yu parang  
Dapat juga ditangkap manusia  
Tajam-tajam **mata parang**  
Dapatkah melawan lidah manusia?

(KAPM : 174)



**Rajah 4.9: Contoh Mata Keris Dan Mata Parang**

*Mata* hanya **berkolokasi** dengan senjata tajam seperti *pisau, parang, keris, golok, panah* dan *lembing*. *Mata* digunakan pada senjata adalah berdasarkan sudut ketajaman penglihatan manusia dalam bentuk tiga dimensi. Bentuk tiga dimensi ini mempunyai titik hujung sebagai fokus, iaitu bahagian paling tajam serta mempunyai satu garis sempadan di sisi yang disamakan dengan bentuk mata senjata. Gambaran ini menunjukkan bahawa *mata keris* dan *mata parang* mempunyai **makna reflektif**. Namun begitu, secara **konotatif**, dalam pantun di atas, *mata keris* menunjukkan keberanian dan *mata parang* pula dibandingkan dengan lidah manusia yang lebih tajam.

#### 4.2.3.2 Medan Makna Ruang Psikologi

Berdasarkan ruang psikologi, metafora *mata* merujuk jarak yang menunjukkan kedudukan seseorang dan juga melambangkan keakraban seseorang dengan orang lain. Hal ini diperlihatkan melalui pantun 36 berikut;

##### Pantun 36

2020. Putik pauh delima batu,  
Anak sembilang di tapak tangan;  
Sungguh jauh di negeri satu,  
**Hilang di mata** di hati jangan.  
(KKMS:225)

*Hilang di mata di hati jangan* mempunyai **makna denotatif** pada bahagian *mata* kerana kewujudan mata adalah jelas secara fizikal, tetapi *hati* pula membawa **makna konotatif** kerana bukan merujuk kepada objek seperti mata tetapi perasaan.

Berkaitan dengan mata yang menjadi agen persepsi yang membawa kepada *hati*, kajian juga dapat mengaitkan makna metafora dengan *air mata*. *Air mata* mempunyai

**makna kolokatif** apabila *air* dan *mata* berkolokasi, dan mempunyai **makna denotatif** jika merujuk kepada cecair yang turun daripada mata, yang dapat dilihat oleh mata kasar. Ini digambarkan melalui pantun 37 di bawah.

Pantun 37

4083. Buah pinang dipegang-pegang,  
Bawa mari kampung Cik Daud;  
Bila ingat diriku dagang,  
**Air mata** jatuh ke lutut.  
(KKMS : 515)

Pantun 38

4077. Buah mempelam di tepi kota,  
Dibawa budak dari seberang;  
Makan berulam si **air mata**,  
Mengenangkan untung dagang seorang.  
(KKMS : 515)

Merujuk kepada pantun 37 dan 38 di atas juga, jika diteliti berdasarkan konteks, *air mata jatuh ke lutut* dan *berulam si air mata* juga memberi **makna kolokatif** dan **makna konotatif**. Jika diteliti kehadiran *air mata* sebenarnya adalah hasil manifestasi perasaan sedih yang lahirnya daripada *hati* dan kaitannya dengan emosi diperlihatkan apabila melihat konteks pantun secara menyeluruh.

Apabila dibuat inferens, *air mata jatuh ke lutut* kerana kedudukan bagi seseorang yang merayu atau memerlukan sesuatu akan duduk sama ada secara melutut sambil tunduk, ataupun muka diletakkan pada bahagian lutut kerana terlalu sedih. *Berulam si air mata* pula secara inferens apabila seseorang sedih, air mata mungkin menitik dan bercampur dengan makanan yang terhidang.

Selain itu, terdapat juga metafora *berputih mata*. Ini ditunjukkan dalam pantun 39 berikut,

### Pantun 39

4623. Nasi lemak bergulai udang,  
Lemak berbau belum dirasa;  
Remuklah hati berputih tulang,  
Tidak direla **berputih mata**.

(KKMS : 584)

Kolokasi *berputih mata* bukan merujuk kepada warna mata secara fizikal, tetapi bermaksud menanggung malu atau rindu atau sangat kecewa dan sakit hati (Abdullah Hussin,2005:202). Ini bermakna *berputih mata* mempunyai **makna konotatif** dan **makna kolokatif**.

Seterusnya terdapat metafora *sakit mata* dalam korpus kajian. Jika *sakit mata* dirujuk sebagai sejenis penyakit, ianya membawa **makna denotatif** dan **makna kolokatif**. Ini ditunjukkan melalui pantun berikut;

### Pantun 40

305. Ayam terungap beranak lapan,  
Seekor mati dimakan buaya;  
**Sakit mata** memandang bulan,  
Bulan tidak menimbang rasa.

(KKMS : 39)

Walau bagaimanapun *sakit mata* dalam di atas bukan menunjukkan sejenis penyakit, tetapi metafora kemarahan terhadap seseorang kerana tidak bertimbang rasa. Ini bermakna *sakit mata* dalam pantun tersebut mempunyai **makna konotatif** dan **makna kolokatif**.

Dalam kajian ini juga terdapat metafora *mata* yang berkaitan seperti *lekat di mata* yang menunjukkan ingatan terhadap seseorang. Lekat di mata mempunyai **makna konotatif** dan **makna kolokatif**.

#### Pantun 41

4827. Pasang air Tanjung Simasta,  
Pasang tidak bertenang lagi;  
Budi tuan **lekat di mata**,  
Makan tidak kenyang lagi.

(KKMS : 610)

Berdasarkan kepada ruang dan jarak pula, terdapat intensiti dari jarak paling dekat hingga paling jauh. Jarak yang dekat memberi ruang yang sempit berbanding dengan jarak yang jauh. Jarak yang paling dekat adalah *lekat di mata*, *di ruangan mata* dan seterusnya diikuti dengan *di depan mata*,

#### Pantun 42

3007. Pergi bersiar di Padang Kota,  
Udaranya nyaman di malam hari;  
Lembaran bersua di **ruangan mata**,  
Alamat takzim salam diberi

(KKMS : 378)

#### Pantun 43

2299. Sesudah malam bulan cerah,  
Bintang jua tumpang berada;  
Jangan adik duk ambil susah,  
Abang ada di **depan mata**.

( KKMS : 289)

Seterusnya ruang juga digambarkan berdasarkan jarak yang lebih jauh, iaitu *ekor mata*, *jauh di mata* dan *hilang di mata*. Jarak yang paling jauh adalah *hilang di mata* seperti dalam pantun-pantun 44 dan 45 berikut;

#### Pantun 44

2610. Tun Kudu orang Melayu,  
Tun Tuah orang Melaka;  
Duduk termenung menanggung rindu,  
Mengenang tuan **jauh di mata**.

(KKMS : 327)



#### Pantun 45

2020. Putik pauh delima batu,  
Anak sembilang di tapak tangan;  
Sungguh jauh di negeri satu,  
**Hilang di mata** di hati jangan.  
(KKMS : 253)

Konsep *ekor mata* ialah penyatuan sumber metafora anatomi binatang dengan anatomi manusia, iaitu *ekor* dengan *mata*. Penyatuan tersebut menghasilkan **makna reflektif**. Secara **konotatif**, metafora *ekor mata* yang merujuk kepada pandangan pada bahagian hujung mata arah telinga seseorang.

#### Pantun 46

2504. Terkelip-kelip api di dusun,  
Anak Cina bergelang kaca;  
Bukan mati kerana racun,  
Mati terpanah di **ekor mata**.  
(KKMS : 314)

*Sekelip mata* dalam pantun berikut pula berkait dengan masa. Ini berkaitan dengan perbuatan mengelip mata seseorang yang merujuk kepada masa yang sangat singkat.

#### Pantun 47

1969. Cenderawasih burung di awan  
Terbang hinggap di atas kota  
Dinda ibarat emas tempawan  
Tidak boleh kulupa **sekelip mata**.  
(KAPM:307)

Kolokasi *sekelip* dan *mata* mempunyai **makna kolokatif** dan **makna konotatif**. Pantun tersebut merujuk kepada seseorang yang tidak dapat lupa seseorang dalam ruang masa yang singkat.

### 4.3 Metafora Anatomi Muka

*Muka* merujuk kepada ruang di hadapan kepala yang terletaknya mata, hidung dan mulut. Kata leksikal *muka* adalah sama maksud dengan *wajah*. Kata leksikal *wajah* berasal dari bahasa Arab, iaitu *countenance, visage, a courtly equivalent of muka* (Wilkinson,1955:1277).

Selain itu, analisis mendapati bahawa anatomi *muka* dalam kajian lebih merujuk maruah dan harga diri seseorang. *Air muka* amat penting untuk dipelihara dalam kehidupan masyarakat Melayu. Asmah Haji Omar (1996:27) menyatakan bahawa bahagian *kepala* juga adalah suci kerana di bahagian *kepala* juga letaknya muka yang dihubungkan secara langsung kepada *air muka*. Bagi orang Melayu, *air muka* adalah sesuatu yang perlu dipelihara. Jatuhnya *air muka* boleh menyebabkan keaiban kerana kerana ianya melambangkan reputasi, nama baik, dan kehormatan yang mencerminkan rupa dan penampilan seseorang (Asmah Haji Omar, 1998a:36).

#### 4.3.1 Medan Makna Sikap

Kajian mendapati bahawa terdapat sikap *negatif, iaitu bermuka-muka*. Hal ini seterusnya diterangkan merujuk pada pantun berikut;

##### Pantun 48

3288. Sebuah pilang dari Melaka  
Pulut-pulut di atas peti  
Rupanya sayang **bermuka-muka**  
Lain di mulut lain di hati.

(KAPM : 500)

#### Pantun 49

3287. Pohon delima di padang selasih  
Sebuah pilang dari Melaka  
Di mana tuan katakan kasih  
Rupanya sayang **bermuka-muka**.

(KAPM : 500)

**Kolokasi** *bermuka-muka* memberi **makna konotatif** yang merujuk kepada sikap khianat seseorang yang mempunyai pendirian yang tidak tetap, atau hipokripsi. *Bermuka-muka* merujuk kepada lebih daripada satu ruang muka. Jadi dari segi metaforanya juga kita tidak dapat mengenal pasti muka atau sifat sebenar seseorang berdasarkan pelbagai bentuk kewujudan muka tersebut. *Bermuka-muka* juga mempunyai maksud yang hampir sama dengan *talam dua muka*.

Selain itu terdapat juga *tebal muka* yang merujuk kepada sikap negatif. Ini ditunjukkan dalam pantun 50 berikut;

#### Pantun 50

3720. Kain ketat kebaya jarang,  
Gaya anak seri panggung;  
**Tebal muka** berconteng arang,  
Malunya tidak lagi tertanggung.

(KAPM : 566)

*Tebal muka* memberi makna kolokatif hubungan antara adjektif *tebal* dengan bahagian *muka*. **Makna konotatif** bagi *tebal muka* ialah tidak tahu malu, juga sama dengan *muka papan* (Abdullah Hussain, 2005:210). *Tebal muka* juga merujuk *muka tembok*. *Tebal muka* dalam konteks pantun di atas berlaku kerana sikap seseorang itu memberi kesan ke atasnya menyebabkan timbulnya aib.

#### 4.3.2 Medan Makna Perilaku

Berdasarkan hasil kajian, terdapat perilaku yang berkaitan bahagian muka. *Terpercik muka sendiri* dan *sapu arang di muka* dalam huraian seterusnya adalah berdasarkan pantun-pantun 51 dan 52 di bawah;

##### Pantun 51

1205. Ayam di kepuk dipanggil pulang  
Kain tercarik tersangkut duri  
Usah ditepuk air di dulang  
Kelak **terpercik ke muka** sendiri.

(KAPM : 190)

##### Pantun 52

4519. Anjinglah asap asap berbuku,  
Anjing menyalak di pintu kota;  
Lagi tak dapat lagi berguru,  
Hendaklah **sapu arang di muka**.

(KKMS : 571)

**Makna kolokatif** wujud apabila adanya kolokasi antara perilaku *sapu* dan *terpercik* dengan anatomi *muka*. Jika diteliti, terpercik dan sapu adalah keadaan yang boleh dilihat secara fizikal dan memberi **makna denotatif**. Namun begitu, apabila meneliti konteks sebenar pantun, *terpercik muka* dan *sapu arang di muka* memberi **makna konotatif**, iaitu jatuhnya maruah seseorang kerana perilaku yang tidak baik.

Secara inferens, jika air ditepuk di dalam dulang, maka air itu akan terpercik ke muka si penepuknya. Ini menunjukkan bahawa seseorang yang suka melihat kesilapan orang sahaja akhirnya mendapat malu sendiri. *Sapu arang di muka* pula dalam konteks di atas adalah merujuk kesanggupan seseorang untuk menanggung cabaran untuk mendapatkan ilmu.

Hasil kajian juga mendapati terdapat beberapa bentuk metafora muka yang menunjukkan perilaku, iaitu *bersua muka* dan *bertentang muka*. Ini ditunjukkan dalam pantun-pantun 53 dan 54 berikut;

Pantun 53

2126. Kalau roboh kota Melaka  
Tentu menderita rakyat dan raja  
Bilakah kita **bersua muka**  
Untuk bertemu sekejap saja.  
(KAPM : 330)

Pantun 54

1404. Orang berperang **bertentang muka**  
Sambil memarang sambil berbantah  
Lain orang makan nangka  
Lain orang kena getah.  
(KKMS : 176)

Kolokasi antara *bersua* dan *bertentang* dengan anatomi muka memberi **makna kolokatif**. Perilaku tersebut juga dapat diperhatikan secara fizikal mewujudkan **makna denotatif**. Berdasarkan posisi pula, *bersua muka*, adalah pertemuan antara dua pihak secara berhadapan tetapi tidak bertentangan secara tepat antara keduanya, kemungkinan hanya sambil lalu. Namun begitu, bagi *bertentang muka* posisi pelaku haruslah dalam keadaan tepat bertentangan antara satu sama lain.

#### 4.3.3 Medan Makna Ruang

Berdasarkan analisis yang dijalankan, terdapat medan makna ruang fizikal dan medan makna ruang psikologi berkaitan anatomi muka. Hal ini dibincangkan berikut ini.

#### 4.3.3.1 Medan Makna Ruang Fizikal

Kajian mendapati ada satu unsur penting berkaitan metafora anatomi muka atau wajah, iaitu meronim, iaitu bukan hanya melihat bahagian muka atau wajah sebenarnya merujuk kepada keseluruhan diri daripada kepala hingga ke kaki.

Kata leksikal *wajah* hanya boleh digunakan pada manusia sahaja, misalnya *wajah adinda*; [+anatomi, +manusia,+bernyawa,+am]. Hal ini diperlihatkan melalui pantun-pantun berikut;

##### Pantun 55

2238. Orang berbasikal berlumba-lumba  
Akan menuju padang kiduman  
Baru berjumpa **wajah adinda**  
Melotak hati merobah iman.

(KAPM : 346)

Kata leksikal *muka* pula boleh digunakan bagi benda bernyawa dan tidak bernyawa. Bagi hubungan antara muka + benda bernyawa, misalnya ditunjukkan melalui muka tuan; [+anatomi, +manusia,+bernyawa,+am] dalam pantun 56 berikut;

##### Pantun 56

2789. Dari Melaka ke Tanjung Tuan,  
Singgah bermalam di rumah Cik Siti;  
Bila kunampak **muka tuan**,  
Rasa besar di dalam hati.

(KKMS: 351)

Bagi hubungan muka dengan benda tidak bernyawa pula, ini boleh didapati misalnya bagi *muka pintu* dan *muka laut* [- anatomi , - manusia, - bernyawa, + am] dalam pantun-pantun 57 dan 58 berikut;

### Pantun 57

4410. Kekalkan Mak Busu bertanam miak,  
Bertanam miak **di muka pintu**;  
Kekalkan Mak Busu banyak anak,  
Minta seorang buat biniku.

(KKMS : 557)

### Pantun 58

663. Bila memandang ke **muka laut**  
Nampaklah sampan mudik ke hulu  
Bila terkenang mulut menyebut  
Budi yang baik ingat selalu.

(KAPM : 105)

Metafora menunjukkan ruang digambarkan melalui butir leksikal *muka pintu* dan *muka laut*. *Muka pintu* dan *muka laut* membawa **makna kolokatif** berdasarkan hubungan kolokasi antara *muka* dan *objek*. Selain itu kedua-duanya memberi **makna denotatif** kerana dapat dilihat kewujudannya di alam nyata. **Makna reflektif** pula wujud apabila terdapat hubungan bayangan antara dua objek yang digandingkan, iaitu *muka* dengan *pintu* serta *muka* dan juga *laut*.



*Muka  
Pintu*

**Rajah 4.10: Contoh Muka Pintu**




**Rajah 4.11: Contoh *Muka Laut***

Selain itu, *muka* juga menunjukkan posisi. Kajian mendapati bahawa *muka* menunjukkan posisi paling hadapan dan juga sebagai suatu ruang. *Muka pintu* dalam pantun di atas menunjukkan bahagian depan pintu dan ruang terbuka yang disempadani oleh saiz tertentu. Ruang bagi *muka pintu* dalam kedudukan vertikal. Sebaliknya bagi *muka laut* dalam pantun seterusnya merujuk permukaan laut dan ruang yang tidak terhad dan sangat luas serta dilihat secara horizontal.

#### **4.4 Metafora Anatomi Mulut dan Bibir**

Apabila dilihat berdasarkan sistem tubuh manusia, mulut berperanan sebagai organ yang terlibat dalam proses pencernaan dan organ yang penting di mulut yang berkaitan dalam pencernaan makanan adalah lidah (Mader, 1990: 71-73). Berdasarkan fungsi dari sudut linguistik pula, mulut, bibir dan lidah ialah organ ujaran penting dalam penghasilan bunyi bahasa dan melibatkan perilaku verbal.





**Rajah 4.12: Organ Ujaran Manusia**

Mulut adalah sesuatu yang penting untuk dijaga oleh orang Melayu. Apabila bercakap, lidah dan gigi perlu dijaga agar tidak nampak secara fizikal. Apabila ketawa atau menguap juga biasanya mulut perlu ditutup dengan tangan kanan. Terdapat pepatah Melayu, *sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa* yang menunjukkan kesan berkaitan dengan kata-kata yang menyebabkan timbulnya konflik.

#### **4.4.1 Medan Makna Sikap**

Sikap dimetaforakan melalui anatomi mulut, bibir dan lidah. Terdapat lebih banyak sikap negatif yang boleh digambarkan melalui metafora *mulut murai*, *mulut berbisa*, *mulut bocor*, *mulut rampus*, *mulut tempayan*, *berat mulut*, *mulut lancang* dan sebagainya (sila rujuk Abdullah Hussain, 2005, 211-212).

Kajian mendapati bahawa terdapat kolokasi *mulut manis* dan *manis mulut* dalam kajian. Di sini berlaku penyatuan deria rasa, iaitu manis dengan anatomi mulut. Deria rasa masin juga boleh berkolokasi dengan mulut mewujudkan *masin mulut* atau *mulut*

*masin* yang bermaksud kata seseorang dibenarkan orang atau sesuatu yang diucapkannya terbukti (Abdullah Hussain,2005:199).

Berdasarkan metafora *mulut manis*, terdapat pertentangan makna sikap, iaitu baik dan tidak baik. Merujuk kepada sikap yang baik, *mulut* manis merujuk kepada seseorang yang mempunyai budi bahasa. Contoh bagi sikap positif *mulut manis* adalah dalam pantun-pantun 59 dan 60 berikut,

Pantun 59

4809. Limau manis batang berduri,  
Batang selasih dalam dulang;  
**Mulut manis** kerana budi,  
Hati kasih kerana sayang.  
(KKMS : 608)

Pantun 60

4740. Bintang di timur cuaca baik,  
Cahayanya sampai ke hutan seberang;  
**Mulut manis** hatinya baik,  
Itulah budi dikenang orang.  
(KKMS : 499)

Sebaliknya bagi sikap yang tidak baik atau negatif digambarkan melalui *mulut manis dan manis di bibir*. Hal ini dibuktikan melalui pantun 61 dan 62 berikut;

Pantun 61

3891. Limau manis tiga serangkai,  
Taruh mari di kebun Cina;  
**Mulut manis** jangan dipakai,  
Banyak orang sudah terkena.  
(KKMS : 491)

### Pantun 62

3249. Limau purut di dalam puan  
Buah delima merah isinya  
Telah kuturut janjimu tuan  
Rupanya **manis di bibir** saja.

(KAPM : 494)

Medan makna sikap positif dan negatif dan dibezakan dengan nyata dalam pantun 59 hingga 62 di atas. Bagi pantun 63 di bawah, terdapat sedikit kekaburan dalam meletakkannya dalam bentuk negatif atau positif.

### Pantun 63

1560. Manis sungguh tebu seberang,  
Dari pucuk sampai ke umbi;  
Manis sungguh mulut orang,  
**Manis mulut** sampai ke hati.

(KKMS : 196)

Bagi pantun 63, ada kemungkinan pernyataan benar tentang sikap *manis mulut* yang bersifat positif. Namun begitu, kemungkinan juga adalah bentuk sindiran pada sikap negatif seseorang yang pandai berpura-pura. Berdasarkan pada *manis mulut* atau *mulut manis*, serta *manis di bibir* terdapat **makna kolokasi**, **makna konotatif**, dan **makna stilistik** berdasarkan gaya mulut manis ketika berkata-kata ketika yang dapat diperlihatkan pada huraian di atas yang berkaitan.

**Kolokasi** bagi *mulut perempuan* dan *mulut lelaki* pula jika merujuk kepada anatomi manusia akan membawa **makna denotatif** dan **makna kolokatif**. *mulut perempuan*, *mulut lelaki* dalam pantun-pantun 64 dan 65 seterusnya;

### Pantun 64

2480. Terang bulan di balik awan,  
Bunga timbul kusangka mati;  
Jangan percaya **mulut perempuan**,  
Berani bersumpah takut mati.

(KKMS : 311)

### Pantun 65

2495. Terang bulan terang di kali,  
Buaya timbul disangka mati;  
Jangan percaya **mulut lelaki**,  
Lain di mulut lain di hati.

(KKMS : 313 )

**Makna kolokatif** berlaku apabila wujudnya kolokasi antara mulut dengan manusia berdasarkan jantina, iaitu lelaki dan perempuan. *Mulut perempuan* dan *mulut lelaki* dalam pantun di atas memberi makna berkaitan dengan sikap suka berjanji atau berkata yang indah-indah tetapi tidak ditepati yang membawa pada **makna konotatif**. Apabila berjanji, maka tedapat gaya dalam proses pemujukan yang menimbulkan **makna stilistik**.

#### 4.4.2 Medan Makna Perilaku

Berkaitan dengan budaya kehidupan masyarakat Melayu, terdapat upacara *membelah mulut* yang merupakan sesuatu yang dilakukan apabila bayi lahir. Perilaku *membelah mulut* sama dengan *tahniq* dalam bahasa Arab, merujuk upacara yang dilakukan sebagai membuka mulut anak-anak yang baru lahir dengan madu atau buah-buahan (Abdullah Hussain, 2005:212). Orang Melayu percaya bahawa belah mulut itu harus dilakukan oleh orang yang baik-baik kerana dipercayai bayi tersebut akan mengikut sifat si pembelah mulut berkenaan, sama ada pendiam atau bising.<sup>5</sup>

Terdapat perilaku berkaitan bahagian mulut dalam kajian. *Sapu bibir mulut* misalnya membawa **makna denotatif** dan **makna kolokatif** yang menunjukkan perbuatan seseorang mengelap bibirnya. Hal ini ditunjukkan melalui pantun 66 berikut;

---

<sup>5</sup> Maklumat diperolehi daripada Puan Aminah Atan, 68 tahun, bidan dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

### Pantun 66

111. Besan kaki kudung  
Makan gulai belut  
Duduk bertinggung  
Sapu **bibir mulut**.

(KAPM:21)

Janji merupakan ikatan berdasarkan ungkapan antara dua pihak atau lebih yang boleh menjadi *akad*. Ini dapat dilihat penggunaannya berdasarkan contoh pantun 67 berikutnya,

### Pantun 67

1797. Pantai teluk terlalu indah,  
Tempat lalu perahu payang;  
**Berjanji mulut** memang mudah,  
Menepati janji sangatlah jarang

(KKMS : 226)

*Berjanji mulut* mempunyai **makna konotatif**, **makna kolokatif** dan **makna stilistik** kerana melibatkan gaya penyampaian ketika janji dibuat. *Bertemu mulut* dengan *berjanji mulut* dalam pantun 68 berikut mempunyai konteks yang sama berkaitan dengan janji.

### Pantun 68

840. Dua kali landak memanah,  
Terkena pula buah durian;  
Dua kali turun ke tanah,  
**Bertemu mulut** kita janjian.

(KKMS : 106)

*Bibir* dan *mulut* juga diasosiasikan dengan sumber alam melalui perilaku *bertanam tebu di bibir mulut*. Jika dilihat secara logik, hal ini tidak mungkin berlaku. Ini memberikan **makna konotatif**, **makna kolokatif**, dan **makna stilistik** yang merujuk kepada perilaku seseorang menjanjikan sesuatu yang indah kepada orang lain,

melalui gaya pengucapan tersendiri dan meninggalkan kesan kepada pendengar.

**Makna reflektif** juga jelas didapati melalui *bertanam tebu di bibir mulut, bertanam halia di dalam hati*.

#### Pantun 69

4676. Simpan sepatu jangan dibalut,  
Simpan sahaja di dalam peti;  
**Bertanam tebu di bibir mulut,**  
Bertanam halia di dalam hati.

(KKMS : 591)

Terdapat perbandingan tebu dan halia dalam pantun di atas yang memberikan penyatuan deria dengan rasa. Tebu memberikan rasa manis merujuk kepada sesuatu yang baik atau indah. Selain tebu, terdapat sesuatu yang manis yang menjadi sumber metafora seperti madu dan gula. Halia pula mempunyai rasa pedar, menggambarkan kesan perasaan yang tidak baik. Pantun yang berikutnya juga menggambarkan pertentangan situasi antara positif dan negatif, iaitu antara penutur (positif) dan pendengar (negatif).

#### Pantun 70

1143. Tuan ketam padi pulut  
Saya ketam padi jawi  
Tuan berkata **sedap di mulut**  
Saya mendengar sakit hati.

(KAPM:179)

Dalam pantun 70 di atas juga , terdapat kolokasi dan peluasan deria rasa sedap dengan bahagian mulut. Selain itu terdapat juga **makna konotatif** yang merujuk kepada pertentangan situasi, iaitu tuan yang bercakap sesuka hati menyebabkan si pendengar marah dan kecewa.

#### 4.4.3 Medan Makna Ruang

Hasil kajian mendapati bahawa hanya terdapat medan makna ruang fizikal bagi anatomi mulut dalam korpus kajian. Seterusnya dibincangkan medan makna tersebut berserta contoh-contoh yang relevan.

##### 4.4.3.1 Medan Makna Ruang Fizikal

Berdasarkan penelitian, terdapat medan makna ruang fizikal yang membawa maksud metafora. Hal ini ditunjukkan melalui pantun 71 berikut;

###### Pantun 71

3310. Orang Kedah mudik ke hulu  
Anak raja turun belarai  
**Mulut lidah** menjadi kelu  
Mendengar kasih akan bercerai.  
(KAPM : 503)

*Mulut lidah menjadi kelu* memberi **makna denotatif** yang menggambarkan seseorang yang tiba-tiba tidak boleh bercakap atau tidak berkata kerana terkejut. Selain itu juga, ungkapan tersebut juga mempunyai **makna konotatif** apabila diteliti berdasarkan konteks, iaitu seseorang yang terkejut mendengar tentang perpisahan yang akan berlaku.

Terdapat juga medan makna ruang fizikal yang digunakan bagi binatang, misalnya mulut naga dalam pantun 72 berikut;

###### Pantun 72

5136. Kinabalu bertanggalah pati,  
Ambil gemala di **mulut naga**;  
Jikaulah sudah kehendak di hati,  
Mahal dan murah turuti harga.  
(KKMS:651)

Kolokasi *mulut naga* pula, menunjukkan **makna denotatif** apabila merujuk kepada mulut binatang. Namun begitu, sebagai jika merujuk kepada ruang yang merbahaya, *mulut naga* mempunyai **makna konotatif** sepertimana yang ditunjukkan dalam pantun 73 berikut;

#### Pantun 73

2629. Waktu senja tanak pulut,  
Untuk bekal turun ke padang;  
**Di mulut naga** lagi kurebut,  
Inikan pula di tangan orang

(KKMS : 330)

*Mulut naga* secara **konotatif** menunjukkan ruang yang berbahaya. Naga merupakan haiwan yang menjadi lagenda sejarah dalam masyarakat Melayu. Naga dikatakan sebagai penunggu Tasik Chini dan sangat besar dan berbahaya. Jadi *di mulut naga lagi kurebut* berdasarkan konteks pantun di atas merujuk kesanggupan seseorang untuk menempah bahaya untuk mendapatkan sesuatu. Selain naga, haiwan lain yang berkolokasi dengan mulut memberi maksud kedudukan lokasi berbahaya, ialah harimau, singa dan buaya. Kesemua binatang tersebut ialah binatang ganas dan merbahaya.

#### **4.5 Metafora Anatomi Lidah**

Lidah pula menjadi unsur yang penting dalam masyarakat Melayu. Orang Melayu amat mementingkan adab ketika berkomunikasi. Apabila bercakap, mereka tidak boleh menampakkan lidah. Orang Melayu harus memelihara lidah agar tidak terjelir keluar. Kanak-kanak Melayu sering diingatkan agar tidak menjelir lidah kerana nanti akan dipotong.



Menurut Asmah Haji Omar (2011:32), kata *lidah* sebagai rujukan metafora, kerana *lidah* dipandang sebagai alat yang menghasilkan bahasa, dan antara contoh ialah *lidah pengarang, lidah terkelu, lidah terkalang, lidah bercabang*, dan banyak lagi. Ini menunjukkan bahawa manusia daripada berbagai-bagai tamadun melihat bahasa dari segi alat pertuturan, yakni lidah, dan juga perbuatan bertutur, iaitu bercakap. Beliau seterusnya memberikan contoh metafora *lidah* dalam bahasa Inggeris, Itali, Perancis, Arab dan sebagainya (sila rujuk Asmah Haji Omar, 2011:32-33).

#### 4.5.1 Medan Makna Sikap

Melalui kajian ini didapati bahawa hanya sikap negatif yang terdapat bagi bahagian lidah. Sikap buruk seseorang digambarkan melalui lidah seperti *lidah bercabang*. Hal ini ditunjukkan dalam pantun 74 dan 75 berikut;

##### Pantun 74

4545. Buah labu si buah labu,  
Banyak tumbuh di dalam batang;  
Mulut manis seperti madu,  
Tidaklah tahu **lidah bercabang**.  
(KKMS : 575)

##### Pantun 75

1512. Tetak keranji buatkan pintu  
Pintu gerbang tidak berselak  
Abang janji tidak begitu  
**Lidah bercabang** bagai biawak.  
(KAPM : 236)

*Lidah bercabang* mempunyai **makna kolotatif**, iaitu kolokasi antara anatomi lidah dan bercabang. Selain itu terdapat juga **makna konotatif**, iaitu lidah bercabang bukan merujuk kepada lidah secara langsung tetapi dimetaforakan kepada lidah biawak

yang memberi makna konteks yang membawa maksud sikap seseorang yang tidak setia atau menipu. **Makna stilistik** juga wujud kerana terdapat gaya apabila seseorang berjanji. Terdapat juga **makna refleksi** dalam *lidah bercabang* *bagai biawak* kerana terdapat makna bayangan bagi lidah bercabang pada biawak.

*Lidah bercabang* dikolokasikan pada biawak, adalah berdasarkan pemerhatian orang Melayu terdapat bentuk lidah biawak yang bercabang pada bahagian hujungnya. Ini menunjukkan pertentangan antara dua arah lidah yang menunjukkan konflik diri individu tidak jujur dalam berkata-kata. Masyarakat Melayu dahulu percaya bahawa biawak memberi petanda tidak baik akan berlaku. Sekiranya biawak melintas ketika dalam perjalanan, maka biasanya seseorang itu akan berpatah balik dan tidak meneruskan niat atau perjalanan mereka. Walau bagaimanapun, lidah hanya berkolokasi dengan biawak dan buaya yang membawa makna metafora tersebut.

#### 4.5.2 Medan Makna Perilaku

Mulut, bibir dan lidah mewujudkan bunyi bahasa yang berkaitan dengan konflik. Asmah (1998: 13) membahagikan konflik manusia kepada *verbal fighting*, *physical fighting* dan gabungan antara *verbal* dan *physical fighting*. Organ ujaran inilah yang berperanan dalam konflik verbal, manakala anggota badan yang lain dalam *fizikal fighting*. Konflik verbal juga dimetaforakan kepada sikap tidak baik manusia yang suka berbalah misalnya *bertikam lidah*, *melawan lidah*. Hal ini dapat dilihat dalam pantun 76 dan 77 berikut;

##### Pantun 76

3500. Orang bebal suka merengus,  
Dia bercakap tidak berfaedah;  
Belum pandai membuang hingus,  
Sudah hendak **bertikam lidah**.

(KKMS : 440)

### Pantun 77

1112. Parang ini paranglah indah  
Digunakan oleh banyak pahlawan  
Jangankan parang **melawan lidah**  
Meriam besar pun tak terlawan.

(KAPM : 174)

*Bertikam lidah* dan *melawan lidah* mempunyai **makna kolokatif**, iaitu kolokasi antara perilaku dengan bahagian lidah. **Makna konotatif** pula merujuk kepada konflik yang sebenarnya timbul dalam perbalahan tersebut. **Makna stilistik** pula dapat digambarkan melalui gaya perbuatan perbalahan antara dua atau lebih pihak melalui bahasa yang dituturkan.

*Mulut* dan *lidah* dikatakan sebagai senjata yang paling tajam yang ada pada manusia. Ini kerana walaupun lidah dan mulut tidak menampakkan luka secara fizikal, namun akan melukakan hati dan perasaan seseorang. Kesan daripada luka itu akan mengambil masa yang lama untuk sembuh.

Terdapat juga perilaku *berjanji di hujung lidah*, *balik lidah* dan *lidah kelu* yang menggambarkan perilaku. Huraian selanjutnya berdasarkan pantun-pantun 78 dan 79 berikut;

### Pantun 78

2689. Kalau tuan berpadi benar  
Jangan berpadi di tanah berlintah  
Kalau tuan berhati benar  
Jangan **berjanji di hujung lidah**.

(KAPM : 411)

### Pantun 79

4538. Belum dimakan jangan dijamah,  
Di atas meja hidangan juadah;  
Beralih kain di balik rumah,  
Beralih cakap di **balik lidah**.

(KKMS : 574)

**Kolokasi** *berjanji di hujung lidah* juga mempunyai **makna stilistik** apabila merujuk kepada gaya sewaktu bercakap. Berkaitan dengan *janji di hujung lidah, beralih cakap di balik lidah* memberikan **makna konotatif** merupakan janji yang dianggap tidak berapa ikhlas, hanya sekadar berjanji tetapi tidak sepenuh hati, tidak mempunyai pendirian tetap dan menukar kenyataan atau janji sesuka hati.

Berdasarkan kepada bahagian mulut, bibir dan lidah jelas menunjukkan kepentingan organ-organ ujaran ini dalam komunikasi manusia. Kesan daripada peranan organ-organ ujaran tersebut adalah besar, sama ada positif mahupun negatif. Ini kerana kegagalan dalam mengawalinya boleh mencetuskan konflik sesama manusia.

#### 4.6 Metafora Anatomi Telinga

Pada asasnya, telinga dianggap sebagai organ pendengaran sahaja. Di samping berperanan sebagai organ untuk mendengar, organ telinga juga sebenarnya berperanan mengekalkan keseimbangan dan postur tubuh. Menurut Mader (1990: 259).

*The ear accomplishes two sensory functions: balance and hearing. The sense cells for both of these are located in the inner ear and consist of hair cells with cilia that respond to mechanical stimulation.*

Telinga dalam masyarakat Melayu juga mempunyai konotasi yang negatif. Orang Melayu percaya apabila telinga berdesing memberi petanda tidak baik seperti berlakunya kematian. Dari segi bentuk telinga juga orang Melayu percaya bahawa orang telinga capang itu adalah degil, telinga kecil itu berani<sup>6</sup>.

Daripada kajian didapati terdapat medan makna sikap dan perilaku bagi bahagian telinga. Seterusnya diuraikan kedua-dua medan makna tersebut berserta contoh-contoh pantun yang sesuai.

---

<sup>6</sup> Maklumat diperolehi daripada Puan Aminah Atan, 68 tahun, bidan dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

#### 4.6.1 Medan Makna Sikap


Kajian juga seterusnya mendapati bahawa telinga juga dimetaforakan pada sikap. Dalam kajian ini, didapati *telinga tempayan* dan *telinga kualiti* memberi maksud yang bertentangan. Hal ini ditunjukkan melalui pantun 80 berikut ini.

##### Pantun 80

4604. Kalau memikat burung bayan,  
Jangan pula dijual beli;  
Biar jadi **telinga tempayan**,  
Jangan jadi **telinga kualiti**.

(KKMS : 582)

*Telinga tempayan* dan *telinga kualiti* mempunyai **makna denotatif** apabila merujuk kedua-duanya secara fizikal. Namun begitu berdasarkan konteks pantun di atas, terdapat **makna konotatif**, iaitu *telinga tempayan* bermakna seseorang yang tidak mengendahkan kata-kata orang lain terhadapnya ataupun juga disebut *telinga tebal* (Abdullah Hussain, 2005:302). *Telinga tempayan* dan *telinga kualiti* memberi **makna reflektif** iaitu hubungan bayangan antara anatomi *telinga* dengan objek, iaitu tempayan dan kualiti.



Telinga  
Tempayan

**Rajah 4.13: Contoh *Telinga Tempayan***

*Telinga kuali* dalam pantun 80 di atas pula bermaksud seseorang yang tahan hati walaupun dimarahi atau dikatai oleh orang lain (*Kamus Dewan*,1997:1402). Metafora ini berdasarkan bentuk telinga atau pemegang tepi kuali yang terbuka.



**Rajah 4.14: Contoh *Telinga Kuali***

Selain itu, dari segi makna, *telinga kuali* mempunyai maksud yang hampir sama dengan *telinga lintah*, iaitu peka dengan bunyi. Ini juga bermakna seseorang yang *bertelinga kuali* atau *lintah* adalah *telinga terang* seperti dalam pantun berikut;

Pantun 81

4129. Hujan rangkap Kuala Linggi,  
Tanamlah lengkuas hutan seberang:  
Saya berangkat dari sini,  
Hati puas **telinga terang**.  
(KKMS : 521)

Dari segi **kolokasi** pula, *telinga* berkolokasi dengan *tempayan* tetapi tidak boleh dengan baldi walaupun fungsi kedua-dua alatan itu sama, iaitu sebagai tempat tadahan air. Tempayan digunakan sejak dahulu lagi sebelum wujudnya baldi dalam masyarakat Melayu. Begitu juga dengan telinga yang berkolokasi dengan kuali tetapi tidak berkolokasi dengan peralatan memasak lain, seperti periuk ataupun belanga. Ini bermakna **kolokasi** *telinga* dengan *kuali* dan *tempayan* memberi **makna denotatif**, **makna konotatif** dan **makna reflektif**.

#### 4.6.2 Medan Makna Perilaku

Dapatan bagi metafora telinga adalah sangat terhad. Antara perilaku yang dimetaforakan pada telinga ialah *telinga tak mendengar kata* seperti dalam pantun 82 berikut;

##### Pantun 82

3887. Kucing kurus menghembus api,  
Sudah hembus padam menyala;  
Kurus kering kerana susah hati,  
Kerana **telinga tak mendengar kata**.

(KKMS : 490)

*Telinga tak mendengar kata* bertindak sebagai pelaku, mempunyai **makna kolokatif** dan **makna konotatif**, bermaksud perilaku seseorang yang degil dan tidak mahu mendengar nasihat orang lain.

#### 4.7 Metafora Anatomi Hidung

Hidung ialah organ untuk menghidu dan berperanan dalam sistem pernafasan manusia. Hidung penting untuk pernafasan, terdiri dari tulang dan rawan, dan berfungsi untuk melembapkan udara yang masuk ke paru-paru (Baharudin,2000:95).

Jika diteliti pada fizikal orang Melayu, hidung adalah tidak mancung atau tinggi.

Asmah Haji Omar (1996:13) membincangkan perkara ini dengan mengatakan bahawa,

*People with this type of nose are not only an outgroup but also those who may have occupied a high position in society and have the capacity to look down on the Malays. This has to be looked at in a historical perspective, which points to the high-nosed people who could either be the Europeans or the Arabs. It is more probable that they were the Europeans who came as conquerors and rulers, rather than the Arabs who came as religious teachers.*

Berdasarkan dapatan kajian, hanya terdapat medan makna sikap ditemui di dalam pantun. Hal ini dijelaskan melalui huraian medan makna sikap seterusnya.

#### 4.7.1 Medan Makna Sikap

Dapatan bagi metafora hidung dalam kajian amat terhad. Dalam masyarakat Melayu, *hidung tinggi* misalnya merujuk kepada sikap sombong. Terdapat sikap suka memburukkan atau mengaibkan orang lain yang memberikan kesan pada seseorang dan dimetaforakan pada anatomi hidung. Hal ini dapat dilihat dalam pantun 83 berikut;

##### Pantun 83

897. Buah berangan dalam kota  
Direndang orang tengah hari  
Jangan tuan kata-mengata  
Takut **menimpa hidung** sendiri.

(KAPM : 141)

*Takut menimpa hidung sendiri* sebenarnya mempunyai **makna konotatif** yang berunsur nasihat agar perbuatan mengata orang lain dijauhi kerana bimbang berbalik kepada diri sendiri. Perumpamaan ini adalah sama dengan peribahasa *meludah ke langit jatuh ke muka sendiri*.

#### 4.8 Metafora Anatomi Dahi

Dahi terletak pada bahagian atas muka. Orang Melayu melihat bentuk dahi dikaitkan dengan kecerdikan. Orang yang berdahi *jendul* dikatakan lebih cerdik. *Jendul* merujuk kepada bahagian dahi yang mempunyai ruang yang lebih luas.<sup>7</sup>

---

<sup>7</sup> Maklumat diperolehi daripada Puan Wan Hasnah Ahmad 67 tahun, dari Machang, Kelantan.



#### 4.8.1 Medan Makna Ruang

Di dalam kajian ini didapati hanya ada medan makna ruang fizikal bagi anatomi dahi dan diuraikan berserta contoh-contoh dalam pantun 84 berikut ini.

##### 4.8.1.1 Medan Makna Ruang Fizikal

Antara medan makna yang ditemui dalam kajian ialah *dahi licin*. Metafora *dahi licin* mempunyai makna metafora dan berkait dengan *mata keranjang*. Ini dapat dilihat dari pantun 84 berikut.

###### Pantun 84

1737. Orang mengail di lubuk licin,  
Dapat ikan beliak mata;  
Sudah terpandang **dahi licin**,  
Rasa nak putus urat mata.

(KKMS :218)

**Kolokasi** *dahi licin* membawa **maksud konotatif**, iaitu perempuan yang cantik. Ini biasanya menjadi sasaran *mata keranjang*.

#### 4.9 Metafora Anatomi Daggu

Daggu terletak di bahagian paling bawah pada muka manusia. Yang berikut diberikan contoh pantun 85 menunjukkan anatomi daggu.

###### Pantun 85

3690. Gadis manis bertahi lalat  
Tahi lalat di tepi **daggu**  
Habis nasi jari dijilat  
Minta tambah terasa malu.

(KAPM:562)

Kajian menunjukkan bahawa hanya terdapat medan makna perilaku dalam kajian ini bagi metafora anatomi dagu. Berikut diuraikan medan makna perilaku tersebut.

#### 4.9.1 Medan Makna Perilaku

Kajian mendapati bahawa metafora dagu amat terhad. *Menongkat dagu* dan *menupang dagu* ialah perbuatan yang sama, iaitu meletakkan tangan di bahagian dagu. Walau bagaimanapun, *menongkat dagu* menggunakan bahagian belakang tangan, manakala *menupang dagu* menggunakan tapak tangan. *Menongkat* dan *menupang* hanya berkolokasi dengan dagu tetapi tidak boleh berkolokasi dengan anatomi manusia yang lain.

##### Pantun 86

4269. Seri Mersing lagu Melayu,  
Mari dikarang zaman dahulu;  
Duduk termenung **menongkat dagu**,  
Mengenang nasib dagang piatu.  
(KKMS : 539)

##### Pantun 87

1224. Kalau menggulung kuih sagu,  
Jangan lupa menaruh inti;  
Orang termenung **menupang dagu**,  
Itulah tanda kecewa di hati.  
(KKMS : 154)

Secara inferens, dalam masyarakat Melayu, kita tidak digalakkan *menongkat dagu* kerana dianggap tidak baik. Ini berlaku kerana orang *menongkat dagu* biasanya mempunyai dua kemungkinan, iaitu berkhayal ataupun termenung kerana mempunyai masalah.

#### 4.10 Metafora Anatomi Rambut

Walaupun rambut bukan anatomi khusus pada manusia, tetapi dalam kajian ini, rambut dimasukkan kerana berkait erat dengan anatomi kepala, bahkan rambut juga mempunyai makna metafora yang tersendiri dalam masyarakat Melayu. Rambut dalam hal ini hanya merujuk kepada rambut pada bahagian atas kepala manusia. Kehadiran rambut sebagai contoh dalam kajian ditunjukkan dalam pantun 88 berikut,

##### Pantun 88

3539. Panjang **rambut** Cik Jelita,  
Panjang melilit ke tumit kaki;  
Dengarlah dengar murai cerita,  
Kapal berlabuh di Tanjung Jati.  
(KKMS:445)

##### 4.10.1 Medan Makna Ruang

Hasil kajian mendapati bahawa rambut dimetaforakan pada medan makna ruang psikologi sahaja. Seterusnya dibincangkan medan makna ruang psikologi bagi rambut.

##### 4.10.1.1 Medan Makna Ruang Psikologi

Didapati bahawa, *rambut* dimetaforakan sebagai kebergantungan kepada seseorang atau sesuatu yang lain. Walau bagaimanapun, kebergantungan tersebut amatlah berisiko memandangkan *rambut* mempunyai potensi untuk tercabut atau terputus. Jadi kebergantungan adalah kepada kekukuhan rambut tersebut. Hal ini ditunjukkan dalam pantun 89 dan 90 berikutnya;

### Pantun 89

5097. Umpan mari kulit duku,  
Orang mengail jauhke laut;  
Kalau nyawaku di hujung kuku,  
Nyawa kau juga di **hujung rambut**.  
(KKMS : 645)

### Pantun 90

308. Ayung-ayung buah kerayung,  
Masak sebutir di hujung julai;  
Saya duduk tanjung-tanjung,  
**Duduk bergantung rambut sehelai**.  
(KKMS : 39)

**Kolokasi** bagi *nyawa kau juga di hujung rambut* dan *duduk bergantung rambut sehelai* memberi **makna konotatif**, iaitu seseorang yang terlalu bergantung pada seseorang atau sesuatu. Ruang yang ditunjukkan adalah pada hujung rambut dan rambut sehelai. Namun begitu, kebergantungan tersebut amatlah berisiko memandangkan *rambut* mempunyai potensi untuk tercabut atau terputus. Jadi kebergantungan adalah kepada kekukuhan rambut tersebut.

Selain itu, terdapat juga metafora rambut berdasarkan kuantiti, kedudukan dan corak rambut yang ada di atas kepala. Misalnya harapan yang tinggi digambarkan dengan *sebanyak rambut di atas kepala*. Ini kerana jumlah sebenar helaian rambut manusia tidak terhitung. Ini digambarkan melalui pantun 91 berikut;

### Pantun 91

1940. Pokok terap tumbuh di bukit,  
Buahnya lisut dimakan kera;  
Harap di hati bukan sedikit,  
**Sebanyak rambut atas kepala**.  
(KKMS : 243)

Selain itu ikatan atau pertalian yang kuat, seperti kasih sayang juga di metaforakan pada rambut yang disimpul mati. Hal ini dapat dilihat dalam pantun 92 dan 93 berikut;

Pantun 92

96. Anak Cina memasang lukah,  
Lukah dipasang di kayu jati;  
Kasih sayang tidak berpisah,  
Ibarat **rambut bersimpul mati**.  
(KKMS : 13)

Pantun 93

97. Anak Cina memasang lukah,  
Mari dipasang di Tanjung Jati;  
Di dalam hati haram tak gundah,  
Bagai **rambut bersimpul mati**.  
(KKMS :13)

Berdasarkan huraian bagi pantun 92 dan 93 di atas, **kolokasi** *rambut bersimpul mati* memberi **makna konotatif**, iaitu ikatan yang sangat padu atau kuat dalam hubungan seseorang. Rambut yang tersimpul secara lahirnya tidak boleh dibuka simpulannya.

Rambut juga dimetaforakan pada manusia bagi menunjukkan perbandingan bagi melahirkan perasaan kasih sayang. *Tuan* dan *nona* digunakan dalam pantun 94, 95, dan 96, di bawah dan *bertilam rambut* dalam pantun berikutnya membuktikan ikatan dan kasih sayang antara pasangan lelaki dan perempuan.

Pantun 94

1278. Kalau tuan pergi ke laut,  
Ambilkan saya penyu bertelur;  
**Jika tuan menjadi rambut,**  
Saya menjadi si kembang melur.  
(KKMS : 161)

#### Pantun 95

2655. Jika muda mandi di laut  
Saya mandi di sungai angkai  
**Jika nona menjadi rambut**  
Saya menjadi si bunga rampai.  
(KAPM : 406)

#### Pantun 96

2557. Dari Aceh ke Kinabatangan  
Dipukul angin si dengan ribut  
Jikalau kasih berbantal lengan  
Jika sayang **bertilam rambut**.  
(KAPM : 392)

**Kolokasi** *tuan* atau *nona menjadi rambut* serta *bertilam rambut* membawa **makna konotatif** tentang hubungan kasih sayang yang erat antara pasangan. *Bertilam rambut* juga mempunyai **makna reflektif**, iaitu hubungan bayangan antara tilam dan rambut.

#### **4.11 Kuantifikasi Anatomi bahagian Atas: Kepala dan yang berkaitan**

Kuantifikasi kajian ini hanya meneliti frekuensi kehadiran entri anatomi bahagian atas yang terdapat dalam korpus kajian. Entri merujuk kepada bilangan kehadiran kata leksikal bagi anatomi dan bahagian-bahagiannya dalam korpus kajian. Misalnya, kehadiran kata leksikal kepala sebanyak 20 kali = 20 entri. Kata entri selanjutnya digunakan seterusnya di semua bab yang membincangkan kuantifikasi.

Memandangkan apabila penelitian data dilakukan, didapati jumlah frekuensi kehadiran entri bagi setiap bahagian menunjukkan perbezaan yang besar antara antara jumlah kehadiran yang tertinggi dan terendah disebabkan kebergantungan pada kehadiran entri setiap anatomi, maka perincian bagi jumlah frekuensi dan justifikasi

kehadiran entri lebih bertumpu kepada jumlah yang tinggi. Berdasarkan penelitian yang dijalankan ke atas korpus kajian, berikut dipaparkan dapatan kajian berdasarkan kepada medan makna dan jenis-jenis makna.

#### 4.11.1. Kuantifikasi Berdasarkan Medan Makna

Penelitian terhadap medan makna adalah berdasarkan kepada anatomi bahagian atas dan bahagian anatomi yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga (3) medan makna yang hadir berkaitan bahagian atas, iaitu medan makna sikap, medan makna perilaku, dan medan makna ruang. Ini menunjukkan bahawa tidak ada medan makna emosi bagi anatomi bahagian atas. Yang berikut dipaparkan jadual 4.15 yang menunjukkan kuantifikasi medan makna bagi keseluruhan anatomi bahagian atas bagi perisian dan perbandingan.

**Jadual 4.15: Kuantifikasi Anatomi Bahagian Atas Berdasarkan Medan Makna**

BAHAGIAN ANATOMI KEPALA	MEDAN MAKNA SIKAP		MEDAN MAKNA PERILAKU		MEDAN MAKNA RUANG					
					FIZIKAL		PSIKOLOGI		BUDAYA	
	+	-	+	-	+	-	+	-	+	-
Mata	-	1 (9.09)	7 (3.92)	4 (2.81)	38 (8.33)	13 (2.85)	1 (0.22)	3 (0.66)	1 (0.22)	-
Mulut	1 (9.09)	1 (9.09)	15 (8.43)	46 (25.84)	23 (5.04)	30 (6.58)	15 (3.29)	46 (10.09)	-	-
Muka	-	2 (18.18)	27 (15.17)	9 (5.06)	23 (5.04)	30 (6.58)	6 (1.32)	10 (2.19)	-	-
Rambut	-	-	17 (9.55)	2 (1.12)	34 (7.46)	14 (3.07)	22 (4.82)	10 (2.19)	-	-
Kepala	-	1 (9.09)	7 (3.93)	4 (2.81)	38 (8.33)	13 (2.85)	1 (0.22)	3 (0.66)	1 (0.22)	-
Lidah	-	2 (18.18)	2 (1.12)	8 (4.49)	2 (0.44)	6 (1.32)	-	6 (1.32)	-	-
Bibir	-	-	2 (1.12)	5 (6.10)	2 (0.44)	7 (1.54)	1 (0.22)	2 (0.44)	-	-
Dagu	-	-	2 (1.12)	3 (1.69)	1 (0.22)	1 (0.22)	-	3 (0.66)	-	-
Hidung	-	-	-	-	3 (0.66)	2 (0.44)	-	1 (0.22)	-	-

Pipi	-	-	6 (6.25)	-	5 (1.10)	6 (1.32)	-	5 (1.10)	-	-
Kening	-	-	6 (6.25)	-	5 (1.10)	6 (1.32)	-	5 (1.10)	-	-
Telinga	-	2 (18.18)	-	1 (0.56)	2 (0.44)	2 (0.44)	-	-	-	-
Leher / Tengkuk	-	-	4 (2.81)	-	-	4 (0.88)	-	-	-	-
Dahi	-	-	1 (0.56)	-	4 (0.88)	-	-	-	-	-
JUMLAH 1	1 (10.00)	9 (90.00)	96 (53.93)	82 (46.07)	180 (39.47)	134 (29.39)	46 (10.09)	94 (20.61)	2 (0.44)	0 (0.00)
JUMLAH 2	10 (100.00)		178 (100.00)		314 (68.86)		140 (30.70)		2 (0.44)	
					456 (100.00)					

Jumlah positif (+) tertinggi

Jumlah negatif (-) tertinggi

Berdasarkan jadual 4.15 di atas, penelitian secara perbandingan keseluruhan menunjukkan bahawa medan makna ruang mencatatkan jumlah frekuensi yang tertinggi, iaitu sebanyak 456 entri. Seterusnya diikuti oleh medan makna perilaku sejumlah 178 entri dan yang terendah adalah medan makna sikap, iaitu 10 entri.

Jumlah kehadiran entri yang tinggi bagi medan makna ruang dalam medan makna anatomi bahagian atas berlaku kerana jumlah catatan yang paling tinggi terdapat pada medan makna ruang fizikal, iaitu 314 entri (68.6%) daripada jumlah keseluruhan medan makna ruang, iaitu sebanyak 180 entri (39.47%) bagi medan makna ruang fizikal positif dan 134 entri (29.39%) bagi medan makna ruang fizikal negatif. Catatan yang tinggi juga disokong oleh jumlah sebanyak 140 entri (30.70%) bagi medan makna ruang psikologi, iaitu 46 entri (10.09%) bagi medan makna ruang psikologi positif dan 94 entri (20.61%) bagi yang negatif. Medan makna ruang budaya hanya memberi sumbangan sangat kecil kepada jumlah catatan kehadiran medan makna ruang, iaitu hanya dua entri (0.44%).



Berdasarkan perbandingan tersebut di atas, terdapat hubungan antara jumlah frekuensi yang tinggi antara medan makna ruang fizikal dengan medan makna perilaku. Terdapat 314 entri pada medan makna fizikal dan 178 entri medan makna perilaku, dengan pecahan sebanyak 96 entri (53.93%) bagi medan makna perilaku positif dan 82 entri (46.07%) bagi medan makna perilaku negatif daripada keseluruhan jumlah medan makna perilaku. Hubungan tersebut juga memperlihatkan ruang fizikal positif yang tinggi selaras dengan perilaku positif yang juga lebih tinggi berbanding dengan negatif pada kedua-dua medan makna tersebut. Hal ini membuktikan bahawa perkaitan yang erat bahawa perilaku melibatkan gerakan yang boleh diperhatikan secara langsung yang hadir dalam ruang fizikal.

Berdasarkan kepada bahagian anatomi yang menyumbang kepada jumlah kehadiran entri, adalah didapati bahawa anatomi medan makna ruang fizikal, didapati bahawa anatomi kepala dan mata mencatatkan entri yang tertinggi, iaitu 38 entri (8.33%) bagi setiap satu anatomi, daripada sejumlah 180 entri (39.47%) medan makna ruang fizikal yang positif. Hal ini berlaku kerana anatomi kepala dan mata banyak digunakan bagi menjelaskan kedudukan bagi sesuatu benda atau alat seperti yang dihuraikan pada bahagian 4.2.

Bagi medan makna ruang fizikal negatif pula, catatan tertinggi ditunjukkan melalui anatomi mulut dan muka, iaitu 30 entri (6.58%) bagi setiap satunya daripada 134 entri (29.39%) keseluruhan bagi ruang fizikal negatif. Hal ini berlaku kerana berlaku pengulangan entri yang tinggi bagi *muka pintu* dan *mulut naga* seperti yang dijelaskan pada bahagian 4.3 dan 4.4.

Seterusnya berdasarkan penelitian pada medan makna ruang psikologi, frekuensi yang tinggi ditunjukkan oleh entri ruang psikologi negatif, iaitu 94 entri (20.61%) daripada 140 entri (30.70%) berbanding dengan ruang psikologi positif, iaitu hanya 46 (10.09%) entri daripada keseluruhan medan makna ruang psikologi.

Frekuensi yang tinggi bagi medan makna ruang psikologi positif berlaku kerana rambut mencatatkan kehadiran yang tinggi, iaitu 22 entri (4.82%) daripada keseluruhan entri medan makna ruang psikologi positif. Ini kerana rambut dalam korpus dimetaforakan sebagai satu ruang berkaitan ikatan atau hubungan kasih sayang dalam masyarakat. Hal ini dapat dilihat pada bahagian 4.10.

Bagi medan makna ruang psikologi negatif pula, anatomi mulut mencatatkan frekuensi tertinggi, iaitu 46 entri (10.09%). Catatan frekuensi yang tinggi bagi anatomi mulut adalah kerana kekerapan penggunaan metafora mulut haiwan sebagai ruang yang merbahaya seperti mulut naga, mulut harimau dan sebagainya yang dapat dirujuk pada bahagian 4.4.

Bagi medan makna ruang budaya pula, dapatan adalah terhad. Hanya dua entri yang ditemui dalam kajian, iaitu bagi anatomi mata dan kepala. Hal ini dijelaskan pada bahagian 4.1 dan 4.2.

Berdasarkan kepada tumpuan anatomi yang menunjukkan frekuensi bagi medan makna perilaku pula, perilaku positif lebih banyak, iaitu 96 entri (53.93%), manakala perilaku negatif sebanyak 82 entri (46.07%). Anatomi muka mencatatkan frekuensi tertinggi bagi perilaku positif, iaitu 27 entri (15.17%). Hal ini berlaku memandangkan muka dalam masyarakat Melayu yang berkait dengan maruah dan digunakan dalam

kajian sebagai nasihat melalui perilaku menjaga *air muka*. Anatomi mulut mencatatkan frekuensi yang tinggi bagi perilaku negatif, iaitu 46 entri (25.84%). Jumlah yang tinggi ditunjukkan oleh anatomi mulut bagi perilaku negatif adalah kerana berlakunya pengulangan anatomi mulut yang banyak menimbulkan konflik dalam kajian.

Akhirnya, berdasarkan medan makna sikap, kehadiran adalah terhad, iaitu hanya ada 1 entri (10.00%) sahaja sikap positif yang ditunjukkan melalui anatomi mulut, dan 9 entri (90.00%) sikap negatif yang dibuktikan melalui anatomi muka, lidah, mulut, dan dahi. Hal ini memberi jawapan bahawa kedudukan kepala dalam budaya masyarakat Melayu yang biasanya memberi konotasi negatif.

#### **4.11.2 Kuantifikasi Berdasarkan Jenis-jenis Makna**

Kuantifikasi berdasarkan jenis-jenis makna bagi anatomi bahagian atas: kepala dan bahagian-bahagian yang berkaitan ini dibincangkan merujuk kepada jadual 4.16 di bawah yang menunjukkan jumlah dan peratusan yang diperoleh berdasarkan jenis-jenis makna.

Berdasarkan analisis, secara keseluruhan, bahagian KEPALA hadir di dalam korpus kajian sebanyak 771 entri daripada keseluruhan data yang meliputi semua bahagian anatomi kepala sepertimana ditunjukkan dalam jadual 4.16 di bawah. Jumlah 771 entri tersebut dibuktikan melalui dapatan jumlah makna kolokatif yang terdapat di dalam kajian.

**Jadual 4.16: Kuantifikasi Anatomi Bahagian Atas Berdasarkan Jenis-Jenis Makna**

BAHAGIAN ANATOMI KEPALA	Makna Kolokasi (%)	Makna Denotatif (%)	Makna Konotatif (%)	Makna Reflektif (%)	Makna Stilistik (%)
Mata	348 (45.14)	302 (45.97)	180 (54.71)	6 (8.12)	-
Mulut	96 (12.45)	64 (9.74)	57 (17.33)	25 (33.78)	31 (86.11)
Muka	82 (10.64)	70 (10.65)	21 (6.38)	30 (40.54)	-
Rambut	78 (10.12)	66 (10.05)	32 (9.73)	-	-
Kepala	70 (9.08)	61 (9.29)	16 (4.87)	9 (12.16)	-
Lidah	16 (2.08)	16 (2.44)	-	1 (1.35)	4 (11.11)
Bibir	13 (1.69)	12 (1.83)	7 (2.13)	-	1 (2.78)
Dagu	8 (1.04)	11 (1.67)	6 (1.82)	1 (1.35)	-
Hidung	16 (2.08)	16 (2.44)	-	-	-
Pipi	17 (2.20)	17 (2.59)	5 (1.52)	-	-
Kening	9 (1.17)	9 (1.37)	-	-	-
Telinga	6 (0.78)	3 (0.46)	3 (0.91)	1 (1.35)	-
Leher / Tengkok	8 (1.04)	8 (1.22)	-	-	-
Dahi	4 (0.52)	2 (0.30)	2 (0.61)	1 (1.35)	-
<b>JUMLAH</b>	<b>771 (100.00)</b>	<b>657 (100.00)</b>	<b>329 (100.00)</b>	<b>74 (100.00)</b>	<b>36 (100.00)</b>

Dalam hubungan ini, makna kolokatif termasuk makna-makna yang dibincangkan selanjutnya, iaitu makna konotatif, makna denotatif, makna refleksi dan makna stilistik. Ada ketikanya entri kolokasi yang sama memberi lebih daripada satu jenis makna, misalnya makna *air mata jatuh ke lutut* memberi makna denotatif, iaitu keadaan fizikal air mata yang kelihatan mengalir, dan makna konotatif menunjukkan kesedihan yang dialami seseorang.

Dapatan kajian bagi makna bahagian atas anatomi menunjukkan bahawa makna denotatif lebih banyak, iaitu 657 entri berbanding dengan makna konotatif sebanyak 329 entri. Anatomi mata menyumbang kepada peratusan yang tinggi memandangkan entri mata adalah sebanyak 348 entri (45.14%) daripada keseluruhan anatomi bahagian atas.

Hal ini turut memberi sumbangan kepada makna denotatif apabila anatomi *mata* bagi makna denotatif mencatatkan jumlah yang tinggi, iaitu 302 entri (45.97%). Anatomi mata ini banyak digunakan bagi menunjukkan bahagian pada alat seperti mata pisau, benda, iaitu air mata. Jumlah penggunaan leksikal *air mata* juga tinggi, iaitu sebanyak 97 entri (27.87%) daripada keseluruhan bahagian mata (rujuk 3.1.4). Ini menyumbang kepada peratusan bagi makna denotatif, iaitu apabila merujuk kepada air mata secara fizikal.

Anatomi mata juga memberi jumlah kehadiran makna konotatif yang tertinggi, iaitu sejumlah 180 entri (54.71%) daripada keseluruhan makna konotatif. Jumlah entri yang tinggi ini turut disumbangkan memandangkan mata ialah sumber persepsi yang paling utama dalam organ tubuh manusia yang menjadi agen emosi dan pantun menjadi medium masyarakat Melayu meluahkan emosi, misalnya melalui leksikal *air mata*.

Seterusnya terdapat sejumlah 74 entri (100%) makna reflektif dalam korpus kajian. Bahagian anatomi yang menunjukkan jumlah tertinggi bagi makna reflektif ialah anatomi *muka*, iaitu sebanyak 30 entri (40.54%) daripada keseluruhan jumlah entri makna reflektif bagi anatomi bahagian atas. Jumlah yang ketara bagi anatomi muka banyak dihubungkan dengan benda lain misalnya bagi menggambarkan ruang, di hubungkan *muka* dan *pintu* yang hadir sebanyak 19 entri (25.68%).

Jenis makna yang paling sedikit diperoleh daripada hasil kajian ialah makna stilistik, iaitu sebanyak 36 entri (100%). Makna stilistik hanya didapati pada organ mulut sahaja, iaitu jumlah yang tertinggi pada anatomi mulut, sebanyak 31 entri (86.11%), 4 entri (11.11%) pada bahagian lidah dan 1 entri (2.78%) pada anatomi bibir. Tumpuan makna stilistik pada organ mulut adalah kerana stilistik adalah berkaitan dengan gaya pengucapan, terutama berkaitan konflik verbal yang biasanya mendahului tindakan fizikal.

#### **4. 12 Kesimpulan**

Berdasarkan analisis keseluruhan bab 4 ini, dapatlah dijelaskan bahawa anatomi bahagian atas mempunyai makna kolokatif, makna denotatif, makna reflektif dan makna stilistik melalui kehadiran butir leksikal yang berkolokasi. Makna-makna tersebut hadir dalam masyarakat Melayu dalam bentuk positif dan negatif yang berkaitan dengan medan makna sikap, perilaku serta ruang dalam kehidupan orang Melayu. Berasaskan juga pada hasil kajian membuktikan bahawa metafora anatomi *kepala* lebih banyak membawa makna negatif dalam masyarakat Melayu.


Kuantifikasi berdasarkan medan makna dan jenis-jenis makna pula jelas menunjukkan kehadiran entri yang berbeza-beza mengikut konteks dan situasi pantun yang digunakan dalam masyarakat Melayu. Peratusan kehadiran entri penting bagi membuktikan bahawa terdapat tumpuan pada bahagian-bahagian tertentu anatomi bagi menjawab objektif kajian.

## BAB 5: METAFORA ANATOMI BAHAGIAN TENGAH (1) : BADAN DAN YANG BERKAITAN

### 5.0 Pendahuluan

Metafora bahagian tengah dibincangkan dalam dua (2) bab berasingan, iaitu bab 5 dan bab 6. Pembahagian ini dilakukan bagi mewujudkan keseimbangan bab dan membahagikan bahagian berdasarkan anatomi dalaman dan luaran.

Bagi bab 5 ini, anatomi badan yang dimaksudkan merujuk kepada bahagian badan, iaitu dada, pinggang, bahu, punggung, leher, perut dan pusat. Bahagian tubuh atau badan secara saintifiknya dikenali sebagai *torso*, iaitu hanya bahagian tengah anatomi manusia, tidak termasuk bahagian kepala, tangan dan kaki. Tulang, urat dan darah turut dibincangkan dalam bahagian ini kerana berada pada keseluruhan tubuh badan manusia.



**Rajah 5.1: Anatomi Bahagian Tengah/ Torso**

## 5.1 Metafora Anatomi Tubuh / Badan

Dalam masyarakat Melayu penggunaan kata leksikal *tubuh* dan *badan* boleh saling bertukar fungsi. Kata leksikal *tubuh* dan *badan* dalam masyarakat Melayu juga boleh merujuk kepada ganti nama diri orang pertama, kedua mahupun ketiga. Ganti nama diri digunakan oleh manusia untuk merujuk diri sendiri atau kepada manusia yang lain dan secara terbatas kepada haiwan dan benda-benda (Asmah Haji Omar, 2008c:70).

Pantun 97 berikutnya misalnya menunjukkan ganti nama diri bagi orang pertama yang menggunakan *den* sebagai empunya batang tubuh. *Den* bermaksud *saya* dalam dialek Negeri Sembilan.

### Pantun 97

3243. Layang-layang menimba buih  
Buih ditimba Lautan China  
Berkasih sayang abang yang boleh  
**Batang tubuh den** ada yang punya.

(KAPM:345)

Bagi ganti nama diri ketiga pula, *tubuh* atau *badan* turut digunakan. Dalam upacara masyarakat merisik orang Melayu misalnya, ungkapan *tuan tubuh* atau *batang tubuh* digunakan bagi merujuk orang ketiga, iaitu orang yang dirisik. Dalam masyarakat Melayu Perak misalnya, konsep *belanja tubuh* misalnya digunakan sebagai merujuk kepada mas kahwin. Ini hanya melibatkan jumlah wang yang disebut dalam akad nikah, manakala *belanja hangus* pula adalah jumlah wang yang diberikan tambahan yang biasanya digunakan untuk kenduri<sup>8</sup>.

---

<sup>8</sup> Maklumat diperolehi daripada Puan Som Mariah Abd Hamid, 73 tahun, dari Lambor, Perak.



Kata leksikal *tubuh* atau *badan* mempunyai makna metafora apabila diteliti berdasarkan konteks dalam medan makna sikap, medan makna perilaku dan dan medan makna ruang.

### 5.1.1 Medan Makna Sikap

Metafora tubuh badan yang menunjukkan sikap amatlah terhad dalam kajian ini. Antara dapatan kajian yang menunjukkan sikap bagi tubuh adalah *berpeluk tubuh*. Hal ini ditunjukkan dalam pantun 98 berikut;

#### Pantun 98

988. Juragan mudik ke Sekukuh  
Dengan sampan muat berdua  
Jangan asyik **berpeluk tubuh**  
Perbuatan itu membawa lara.

(KAPM:155)

**Kolokasi** *berpeluk tubuh* mempunyai **makna konotatif** menunjukkan sikap malas seseorang dalam melakukan sesuatu. Selain itu *peluk tubuh* juga turut diibincangkan di dalam medan makna perilaku.

### 5.1.2 Medan Makna Perilaku

*Peluk tubuh* juga boleh dikategorikan dalam medan makna perilaku apabila seseorang memeluk tubuhnya sendiri. Misalnya dalam pantun 99 berikut.

#### Pantun 99

1882. Pinang tujuh tinggal enam,  
Jatuh sebiji di Gunung Daik;  
**Peluk tubuh** rasa nak demam,  
Baru kutahu badan tak baik.

(KKMS:236)

*Peluk tubuh* dalam pantun di atas membawa **makna kolokatif**, iaitu kolokasi perbuatan *peluk* bahagian anatomi *tubuh*. Selain itu *peluk tubuh* turut membawa **makna denotatif**. Ini adalah kerana perbuatan memeluk tubuh dapat dilihat secara fizikal.

Selain itu, terdapat perilaku *menentang tubuh*. Hal ini digambarkan melalui pantun 100 berikut,

Pantun 100

2433. Zaman kami mudik ke Limbang  
Habis tubuh dimakan rangit  
Hati di mana tiadakan bimbang  
**Menentang tubuh** si panjang damit.

(KAPM:373)

**Kolokasi** *menentang tubuh* turut menggambarkan konflik, iaitu pertentangan antara si pemantun dengan seseorang yang berbadan tinggi. Ini memberi **makna konotatif** kerana sebenarnya menggambarkan perasaan bimbang seseorang menghadapi lawannya.

Seterusnya pula, perilaku juga ditunjukkan melalui frasa *menghias badan* dan *jaga badan* dalam pantun 101 dan 102 berikut;

Pantun 101

1982. Dari Ambon menyeberang Bandan  
Mari melihat si gunung api  
Sisir rambut **menghias badan**  
Mahu menengok si jantung hati.

(KAPM: 14)

Pantun 102

135. Burung kenek-kenek  
Terbang pokok pandan  
Pesan datuk nenek  
**Rajin-rajin jaga badan**

(KAPM: 24)

Berdasarkan **kolokasi** *menghias* dan *jaga* dengan anatomi *badan*, kedua-duanya menunjukkan perilaku. *Menghias badan* memberi **makna denotatif** yang merujuk kepada perilaku menjadikan diri cantik. *Jaga badan* pula memberi **makna konotatif**, iaitu lebih merujuk kepada menjaga kesihatan.

Terdapat juga medan makna perilaku bagi anatomi tubuh atau badan di dalam kajian ini yang menunjukkan badan sebagai objek atau penderita. Hal ini digambarkan melalui *badan ditekan*, *badan tersekat*, *badan binasa*, dan *badan menanggung*. Hal ini dihuraikan menerusi pantun-pantun berikut;

Pantun 103

3388. Raden Galuh bercincin intan  
Baju beledu awan selimpat  
Hancur luluh **badan ditekan**  
Hendak mengadu tidak bertempat.  
(KAPM:515)

Pantun 104

3022. Balai panjang sembilan tingkat  
Selasih mayang saya himpulkan  
Lalai terpandang **badan tersekat**  
Kasih sayang saya pohonkan.  
(KAPM:460)

Pantun 105

5092. Selagi langit payungi awan,  
Hujan juga merintis embun;  
Selagi sampai segala tujuan,  
**Badan binasa** musuh berembun.  
(KKMS:645)

### Pantun 106

3022. Pohon salak batangnya condong,  
Mari disisik dalam kendong;  
Bukanlah salah ibu mengandung,  
Salah sendiri **badan menanggung**.  
(KKMS:380)

**Kolokasi** bagi *badan ditekan, badan tersekat, badan binasa, dan badan menanggung* menunjukkan bahawa *badan* adalah sebagai objek atau penderita. Keempat-empat pantun di atas mempunyai **makna konotatif**, iaitu bukan merujuk kepada perlakuan yang dapat dilihat secara fizikal tetapi berkaitan dengan kesan negatif yang timbul akibat perilaku pelaku terhadap mereka.

#### **5.1.3 Medan Makna Ruang**

Terdapat medan makna ruang bagi anatomi badan. Ruang-ruang tersebut ialah medan makna ruang fizikal dan medan makna ruang psikologi. Kedua-dua ruang tersebut diuraikan seterusnya beserta contoh-contoh yang relevan.

##### **5.1.3.1 Medan Makna Ruang Fizikal**

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat makna metafora *kepala* yang berkaitan dengan ruang fizikal, terbahagi kepada kolokasi antara *badan + benda bernyawa*. Antara contoh yang diperlihatkan melalui pantun berikut ialah *badan saya* [+anatomi, +manusia, +am]

### Pantun 107

3586. Apa dicari di tengah sana  
Cari kepiting di celah batu  
Apa dicari di **badan saya**  
Orang miskin **badan piatu**.  
(KAPM: 547)

Kajian mendapati bahawa kebanyakan kata leksikal *tubuh* atau *badan* dalam kajian ini menggambarkan ciri-ciri fizikal manusia, seperti gemuk, kurus, kecil, hitam, putih. Ini dijelaskan melalui pantun 108 hingga 109 berikut,

### Pantun 108

2080. Rumah kecil di tepi laut,  
Tempat memancing ikan tenggiri;  
**Tubuh kecil** bagai diraut,  
Membuat abang tidur bermimpi.  
(KKMS:261)

1847. Pergi ke pekan ke Kota Satu,  
Singgah menanak sederaman minyak;  
**Tubuh hitam** semacam itu,  
Kampung kami terlampau banyak.  
(KKMS:232 )

### Pantun 109

225. Apa guna panggang belibis,  
Panggang punai atas atap;  
Apa guna **tubuh panjang nipis**,  
Rendahmu ni sedap didakap  
(KKMS:29)

Bagi menunjukkan badan seseorang yang besar atau gemuk, metafora *tubuh tembung* digunakan. Ini menunjukkan bahawa **kolokasi** tubuh tembung mempunyai

**makna konotatif** yang mendeskripsi tubuh seseorang dan ditunjukkan melalui pantun 110 berikut.

Pantun 110

560. Bukit Tetagun Pulau Jerjak,  
Singgah semalam Padang Mat Sirat;  
**Tubuh tembung** badan pun segak,  
Mahu orang tak terpikat.

(KKMS:71)

Bagi masyarakat penutur dialek Pantai Timur pula, kata *ttubuh* atau *semangat* digunakan bagi merujuk bayi atau kanak-kanak yang mempunyai badan yang agak besar. Bagi orang dewasa yang berbadan gempal pula, kata *tubuh sedap* digunakan dan bukannya *gemuk*. Ini kerana lebih sopan dan menjaga hati orang yang dirujuk<sup>9</sup>. Kedudukan kata leksikal *tubuh* dan *sedap* ini juga memberikan makna berbeza, iaitu *sedap tubuh* atau *sedap badan* merujuk kepada keadaan atau keselesaan individu, manakala *tubuh sedap* atau *badan sedap* berdasarkan bentuk fizikal seseorang. Hal ini dapat dilihat melalui pantun berikut yang membawa maksud keselesaan seseorang,

Pantun 111

1930. Pokok nyiur pokok pinang,  
Pokok dedap pohon pandan;  
Bila mendengar adik bertunang,  
Abang di sini tak **sedap badan**

(KKMS:242)

Seterusnya terdapat juga medan makna ruang fizikal yang dijelaskan melalui keadaan fizikal seseorang, iaitu *susut tubuh*, *badan berpeluh*, dan *badan berbau*. Hal ini ditunjukkan melalui pantun-pantun 112, 113, dan 114 berikut.

---

<sup>9</sup> Maklumat diperolehi daripada Puan Wan Hasnah Ahmad, 67 tahun dari Machang, Kelantan

### Pantun 112

2424. Tujuh hari di dalam hutan  
Air tak minum nasi tak makan  
Sehari tidak pandang tuan  
Rasanya **susut tubuh** di badan.  
(KAPM:372)

### Pantun 113

5011. Tetaklah akar akar merah,  
Semut meniti di dalam talam;  
**Badan berpeluh** matak merah,  
Angkat mengucap di tengah malam.  
(KKMS:634)

### Pantun 114

3813. Ikan haruan dipanggang tenggiri,  
Mari masuk ke dalam perahu;  
Jangan tuan menghina diri sendiri,  
Sama saja **badan berbau**.  
(KKMS:481 )

Bagi **kolokasi** *susut tubuh* dan *badan berpeluh*, boleh diamati secara fizikal, manakala *badan berbau* boleh juga melalui deria bau secara fizikal. Ini bermakna ketiga-tiganya mempunyai **makna denotatif**. Namun begitu apabila diteliti berdasarkan konteks, *susut tubuh* dan *badan berbau* mempunyai **makna konotatif**. *Susut badan* bermaksud semakin kurus kerana perasaan rindu pada seseorang. *Badan berbau* memberi **makna konotatif** kerana sebenarnya adalah nasihat tentang perilaku jangan menghina orang lain kerana kita juga seperti orang yang dihina sebenarnya.

### 5.1.3.2 Medan Makna Ruang Psikologi

Berdasarkan korpus yang diteliti, adalah didapati bahawa terdapat medan makna ruang psikologi berkaitan dengan waktu. Hal ini digambarkan melalui pantun-pantun 115 dan 116 berikut berdasarkan kolokasi *tubuh muda*;

#### Pantun 115

998. Kami tak hendak berbangsi-bangsi  
Atau makan kelapa muda  
Kami tak hendak bermati-mati  
Sebab sayangkan **tubuh muda**.

(KAPM:157)

#### Pantun 116

5096. Tetak atap disusun jangan,  
Buluh muda sedang mengkawan;  
Sudah minta undur jangan,  
**Badan muda** sedang melawan.

(KKMS: 645)

**Kolokasi** *tubuh muda* atau *badan muda* sebenarnya memberi **makna konotatif** merujuk kepada usia seseorang. Selain itu terdapat juga medan makna ruang psikologi berdasarkan jarak. Hal ini dijelaskan melalui pantun 117 berikut;

#### Pantun 117

1551. Asam pauh dari seberang  
Tumbuhnya dekat tepi tebat  
**Badan jauh** di rantau orang  
Sakit siapa akan mengubat.

(KAPM: 43)

Jika diteliti **kolokasi** *badan jauh* dalam pantun di atas, didapati *badan jauh* seolah-olah menggambarkan kedudukan seseorang pada jarak yang jauh berdasarkan fizikal yang membawa pada **makna denotatif**. Walau bagaimanapun, dalam konteks



sebenarnya, ruang tersebut ialah ruang psikologi yang membawa **makna konotatif** tentang seseorang yang merasa keperitan semasa di rantau.

Ungkapan *nasib badan* pula biasa diungkapkan oleh orang Melayu memberi makna konotatif, iaitu sesuatu yang menimpa diri seseorang (dengan kehendak Allah) (*Kamus Dewan*,1997:922). Yang berikut contoh pantun berkaitan *nasib badan*;

Pantun 118

4038. Anak raja menikam pari,  
Kulit siput di dalam bemban;  
Bukan saya lepas ke mari,  
Bawa untung **nasib badan**.

(KKMS:510)

Pantun 119

2917. Ke Sungai Dungun memetik perah,  
Kutip perah di Bukit Seberang;  
Adik melenggang bukanlah marah,  
Kerana mengenang **nasib badan**.

(KKMS:367)

*Nasib badan* ini pula terbahagi kepada nasib baik dan nasib buruk. Nasib baik digambarkan melalui metafora *tuah tubuh* atau *untung badan* seperti dalam pantun-pantun 120 dan 121 berikut,

Pantun 120

4063. Barangkali pandan berbuah,  
Hanyut ke laut beriring-iring;  
Barangkali **badan bertuah**,  
Hanyut ke laut dampar ke Siring.

(KKMS:513 )

### Pantun 121

4089. Bukan saya selisih tenggiling,  
Bunga sekuntum Padang Seberang;  
Bukan saya hadap ke dinding,  
Ingatkan **untung badan** seorang.  
(KKMS:516 )

Nasib buruk seseorang pula dimetaforakan melalui frasa *malang badan*, *celaka badan*, *badan melarat*, *badan tercampak*, *badan terbuang*, *merana badan*, *badan binasa*, *badan piatu* , dan *badan seorang*. Hal ini digambarkan melalui pantun 122 hingga 128.

### Pantun 122

4660. Pokok perah ditebang jangan,  
Biarkan tumbuh bersama lalang;  
Kalau sudah **malang badan**,  
Rezeki secubit disambar helang.  
(KKMS:589)

### Pantun 123

4145. Kain corak bertali tangsi,  
Sampan sarat bermuat barang;  
Awan berarak ditangisi,  
**Badan melarat** di rantau orang.  
(KKMS:523)

### Pantun 124

3922. Orang Daik pergi menuba,  
Dapat seekor ikan haruan;  
Perkara tak baik jangan dicuba,  
Takut kelak **merana badan**.  
(KKMS:495)

Pantun 125

3895. Malam ini malam Selasa,  
Digulai itik sama angsa;  
Jika tidak cukup periksa,  
Harta habis **badan binasa.** ,  
(KKMS:491)

Pantun 126

2851. Ikan julung dalam telaga,  
Makan kail umpan terlekat;  
Tiada beruntung **badan celaka,**  
Buat baik menjadi jahat.  
(KKMS:358)

Pantun 127

4120. Hanyut pandan tiga kelopak,  
Orang mengail diolak tamban;  
Entah di mana **badan tercampak,**  
Saya menyanyi meninggalkan zaman.  
(KKMS:520)

Pantun 128

4090. Bukit Putus berkeluang,  
Direndang jagung dihangusi;  
Hukum putus **badan terbuang,**  
Dilihat kampung ditangisi.  
(KKMS:516)

**Kolokasi** *badan* atau *tubuh* memberi **makna konotatif** bagi menunjukkan nasib tidak baik adalah dengan kata leksikal yang bersifat negatif seperti *celaka*, *melarat*, *malang*, *tercampak*, *terbuang*, *merana* , dan *binasa*, seperti yang ditunjukkan dalam pantun-pantun di atas.

## 5.2 Metafora Anatomi Bahu

Bahu secara literal merujuk kepada bahagian paling atas badan, di sebelah kiri dan kanan. Hal ini dapat dilihat melalui pantun 129 berikut;

### Pantun 129

3099. Dahulu berambut panjang  
Kini berambut hingga **bahu**  
Dahulu berkasih sayang  
Kini serupa tidak tahu.

(KAPM: 163)

Dalam bahasa Melayu, konsep *membawa* melibatkan anatomi sangat luas seperti menjunjung untuk kepala, menjinjing, membimbit untuk tangan dan lain-lain. Bagi bahagian bahu pula, konsep *memikul*, *menanggung*, *mengandar*, dan *menggalas* digunakan. *Bahu memikul* menunjukkan fungsi bahu bagi membawa beban atau mungkin tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dihuraikan sebagai perilaku dalam huraian selanjutnya.

### 5.2.1 Medan Makna Perilaku

Terdapat perilaku bagi bahagian bahu yang digambarkan melalui kajian. Namun begitu dapatannya amat terhad. Hal ini dihuraikan berserta contoh pantun-pantun berikut;

### Pantun 130

1270. Kalau tuan pergi ke bukit,  
Carikan saya buah pulasan;  
Mata memandang apa nak sakit,  
**Bahu yang memikul** timpa perasan.

(KKMS:160)

### Pantun 131

1368. Kerat-kerat kayu di ladang  
Hendak dibuat hulu cangkul  
Berapa berat mata memandang  
Berat lagi **bahu memikul**.

(KAPM:215 )

**Kolokasi** *bahu memikul* dalam pantun-pantun di atas memberikan **makna konotatif**, iaitu menggambarkan beban dan tanggungjawab. *Bahu memikul* menunjukkan beban tanggungjawab yang perlu ditanggung oleh seseorang.

Selain itu terdapat juga perilaku *berkinca bahu* dan *tempuh bahu* di dalam kajian. Hal ini digambarkan melalui pantun 132 dan 133 berikut ini.

### Pantun 132

1886. Pisang emas luruh digoyang,  
Dijolok dengan ranting habu;  
Adik emas saya loyang,  
Masakan mahu **berkinca bahu**.

(KKMS:237)

### Pantun 133

1329. Katak puru kerbau Perlis,  
Alah berlaga dengan gergasi;  
**Tempuh bahu** nak bercakap tak boleh,  
Pandang mata terasa nak jadi.

(KKMS:167)

**Kolokasi** *berkinca bahu* dan *tempuh bahu* merujuk kepada perilaku yang hampir sama, iaitu bersentuhan antara bahu yang melibatkan dua pihak. Kedua-dua pantun tersebut mempunyai **makna konotatif**. *Berkinca bahu* dalam pantun 132 dilihat secara konteks merujuk kepada darjat antara dua orang, yang digambarkan melalui *emas* dan

*loyang* yang tidak mungkin menjadi teman. *Tempuh bahu* pula berdasarkan konteks adalah walaupun bersentuh bahu namun kelu kedua-dua untuk berkata-kata.

### 5.3 Metafora Anatomi Perut

Perut ialah anatomi manusia yang penting dalam pencernaan makanan. Menurut Mader (1990:75),

*The stomach is a thick-walled, J-shaped organ that lies on the left side of the body beneath the diaphragm. It is an enlarged portion of the gut, which can stretch to hold about a half-gallon of liquids and solids.*

Orang Melayu juga kerap menggunakan ungkapan *hati perut*. Selain itu, orang Melayu Utara menggunakan ungkapan *perut hijau* merujuk pada seseorang yang jahat. Hal ini dijelaskan melalui pantun 133 berikut;

#### Pantun 133

693. Cik Esah berambut keriting,  
Comor minyak menjadi buih;  
**Hati perut** saya runsing,  
Harapkan sembuh payah nak pulih.  
(KKMS:88)

Ungkapan *hati perut* bagi orang Melayu berkaitan sikap, perilaku dan emosi. Ungkapan *tak berhati perut* misalnya merujuk kepada seseorang yang sanggup melakukan sesuatu tanpa mengira perasaan orang lain.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat metafora anatomi *perut* dalam medan makna perilaku, dan medan makna ruang. Seterusnya diuraikan metafora anatomi medan makna perilaku dan medan makna ruang.

### 5.3.1 Medan Makna Perilaku

Terdapat medan makna perilaku yang digambarkan pada anatomi perut. Hal ini dapat dilihat melalui pantun-pantun berikut;

#### Pantun 134

4514. Anak rusa mandi di paya,  
Lepas mandi makannya rumput;  
Tiada orang semacamnya saya,  
Makan hati **berulam perut**.  
(KKMS:571)

#### Pantun 135

162. Anak rusa di tepi paya,  
Makan pagi mengulam rumput;  
Tadak orang semacam saya,  
Tahan hati **mengulam perut**.  
(KKMS:21)

Secara **denotatif, kolokasi** *berulam perut* merujuk kepada makanan orang Melayu, iaitu perut lembu yang biasanya dicicah dengan air asam ataupun kerabu perut yang dimakan dengan nasi. Namun secara **konotatif**, frasa tersebut memberi maksud bahawa seseorang yang merana dalam kehidupannya yang berkaitan dengan emosi negatif.

Seterusnya terdapat perilaku *mengalas perut* dalam kajian. Hal ini dapat dilihat dalam pantun berikut;

#### Pantun 136

50. Nasi lemak berbungkus daun  
**Mengalas perut** paginya hari  
Mari kakak berlawan pantun  
Berbalas sambut seorang sekali.  
(KAPM: 80)

### Pantun 137

3736. Kuih sekeping, sup semangkuk  
**Pengalas perut** roti sebuku  
Rantai labuh berat di tengkuk  
Gelang emas sampai ke siku.

(KAPM:39)

Alas merujuk kepada sesuatu yang nipis seperti kain, tikar dan sebagai lapik pada sesuatu tempat atau benda. **Kolokasi** *mengalas perut* dalam pantun di atas memberi **makna konotatif**, iaitu perilaku *mengalas perut* adalah memakan sesuatu dalam kadar yang sangat minimal, sekadar mengurangkan rasa lapar.

### **5.3.2 Medan Makna Ruang**

Didapati bahawa terdapat medan makna ruang bagi bahagian perut. Medan makna ruang tersebut ialah medan makna ruang fizikal, medan makna ruang psikologi, dan medan makna ruang budaya. Kesemua medan ruang tersebut dibincangkan berserta contoh-contoh sesuai yang terdapat di dalam korpus kajian.

#### **5.3.2.1 Medan Makna Ruang Fizikal**

Berdasarkan penelitian terhadap korpus, terdapat medan makna berdasarkan ruang fizikal. Hal ini digambarkan melalui *perut buncit* dalam pantun 138 berikut;

### Pantun 138

3244. Anak siapa terbatuk-batuk,  
**Perut buncit** nampak mengantuk;  
Kalau pancing ikan betuk,  
Kailnya halus baru dipatuk.

(KKMS:408)



**Kolokasi** *perut buncit* menggambarkan keadaan fizikal seseorang. Ini dapat diperhatikan secara langsung dan mempunyai **makna denotatif**.

### 5.3.2.2 Medan Makna Ruang Psikologi

Seterusnya, didapati bahawa terdapat medan makna ruang psikologi bagi bahagian perut. Hal ini dijelaskan berdasarkan pantun 139 hingga 140.

#### Pantun 139

980. Jangan gergaji pokok talas  
Nanti lesung dimakan pahat  
Jangan menjadi orang malas  
**Perut kosong** badan tak sihat.  
(KAPM: 23)

#### Pantun 140

1624. Mudik beralun kelong ditahan,  
Bemban hanyut dengan uratnya;  
**Perut lapar** lalu kutahan,  
Hati rindu tiada ubatnya.  
(KKMS:204)

#### Pantun 141

4446. Orang bandar bersanggul dua,  
Orang barat bersanggul lintang;  
Alangkah baik berbini tua,  
**Perut kenyang** pengajaran datang.  
(KKMS:561)

#### Pantun 142

4398. Kalau tak tahu jangan digagah,  
Lidah tak nyaman **perut pun tak sebu**;  
Hilir malam mudik tak singgah,  
Buah nipah disangka labu.  
(KKMS:555)

Bagi **kolokasi** *perut kosong* dan *perut lapar* pula menggambarkan keadaan seseorang yang memerlukan makanan untuk diisi ke dalam perut. Berlaku pertentangan makna bagi *perut kosong* dan *perut lapar* tersebut dengan *perut kenyang*, iaitu perut yang telah diisi makanan yang secukupnya. *Perut tak sebu* pula memberi maksud keadaan dalam perut yang selesa. Ini bermakna *perut kosong*, *perut lapar*, *perut kenyang* dan *perut tak sebu* membawa **makna konotatif** berkaitan keadaan ruang perut.

### 5.3.2.3 Medan Makna Ruang Budaya

Penelitian terhadap korpus kajian juga menunjukkan bahawa terdapat anatomi perut yang membawa maksud metafora yang tergolong dalam medan makna ruang budaya. Namun begitu kehadirannya adalah terhad. Hal ini ditunjukkan dalam pantun-pantun berikut;

#### Pantun 143

532. Inggeris mengerat kuku  
Dikerat dengan pisau raut  
Peraut betung tua-tuanya  
  
Elok negeri keempat suku  
Lebih suku **berbuah perut**  
Tuah kampung ada tuanya.  
(KAPM: 247)

**Kolokasi** berbuah perut dalam pantun di atas bukan merujuk kepada perut dan buah-buahan tetapi memberi **makna konotatif** yang berkaitan dengan budaya dalam masyarakat Adat Papatih masyarakat Minangkabau. Masyarakat Adat Papatih terbahagi kepada tiga kumpulan yang utama iaitu Perut, Suku dan Luak. Perut ialah unit sosiopolitik yang terkecil, iaitu anggota sesuatu perut itu berasal daripada moyang keturunan perempuan yang sama. Hubungan

mereka sangat erat dan biasanya tinggal di sesuatu perkampungan atau kawasan yang sama. Setiap perut mempunyai seorang ketua yang digelar Buapak. Buapak ini dipilih oleh anak-anak buah dalam sesuatu perut berkenaan.<sup>10</sup>

Selain itu, dalam masyarakat Melayu, perut biasa dikaitkan dengan ibu. Berikut ialah pantun yang ditemui dalam kajian berkaitan perut ibu;

Pantun 144

2808. Duduk di pintu memandang bulan,  
Hari tak ribut awan melindungi;  
Kalau begitu nasibmu tuan,  
Bertuahlah **perut ibu** mengandung.  
(KKMS:353)

Pantun 145

925. Hari Ahad malam minggu,  
Sayang Encik Syawal menganyamlah tikar;  
Sudah tersurat ke **perut ibu**,  
Berjanji awal tidak bertukar.  
(KKMS:117)

**Kolokasi** bagi *perut ibu* dalam pantun di atas merujuk kepada kandungan seorang ibu yang dapat dilihat secara fizikal yang memberikan **makna denotatif**. Namun begitu berdasarkan konteks, *bertuah perut ibu*, dan *tersurat ke perut ibu* memberi **makna konotatif**, iaitu merujuk kepada seorang ibu yang beruntung kerana mendapat anak yang baik. Hal ini seperti ungkapan yang biasa disebut oleh orang Melayu, iaitu *sejuk perut ibu mengandung* yang merujuk kepada seseorang yang baik yang dilahirkan oleh ibunya.

---

<sup>10</sup> Maklumat diperoleh daripada Aminah Atan, 68 tahun, bidan berasal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Satu upacara yang biasa dilakukan oleh orang Melayu berkaitan *perut* upacara *melenggang perut*. Siti Hasmah Mohd Ali (1985:15-16) menyatakan bahawa upacara *melenggang perut* semasa tujuh bulan seseorang ibu mengandung satu tradisi yang memberi peluang kepada saudara-mara dan rakan-rakan menyampaikan ucapan dan doa supaya si ibu selamat mengandung dan bersalin. Siti Hasmah Mohd Ali seterusnya menghuraikan upacara melenggang perut keluarga di Raja Kedah (untuk keterangan lanjut sila rujuk Siti Hasmah Mohd Ali, 1985:15-17).

Selain itu, terdapat juga ungkapan yang sering wujud dalam masyarakat Melayu, iaitu hati perut. Hal ini diterangkan berdasarkan pantun 146 dan 147 berikut;

Pantun 146

3936. Padi pulut di tepi hutan,  
Dimakan kera dengan babi;  
**Hati perut** diganggu syaitan,  
Satu kerja pun tak menjadi.  
(KKMS:496)

Pantun 147

693. Cik Esah berambut keriting,  
Comor minyak menjadi buih;  
**Hati perut** saya runsing,  
Harapkan sembuh payah nak pulih.  
(KKMS:88)

Ungkapan *hati perut* bagi orang Melayu berkaitan sikap. Ungkapan seperti *tak berhati perut* sebagai orang yang sanggup melakukan sesuatu tanpa mengira perasaan orang lain. Walau bagaimanapun, **kolokasi** *hati perut* dalam pantun-pantun di atas menunjukkan **makna konotatif** bagi emosi negatif, iaitu perasaan yang diganggu syaitan dan juga runsing. Dalam hal ini kolokasi *perut* bersama *hati* menyebabkan ianya berkaitan dengan emosi yang digambarkan oleh anatomi hati.

## 5.4 Metafora Anatomi Dada

Dada ialah bahagian depan yang merangkumi dua belah paru-paru pada badan manusia. Kajian mendapati bahawa terdapat juga medan makna perilaku, dan medan makna ruang yang berkaitan dengan bahagian dada.

### 5.4.1 Medan Makna Perilaku

Terdapat metafora anatomi dada yang menggambarkan perilaku ditemui dalam kajian. Hal ini digambarkan melalui pantun-pantun berikut berdasarkan kolokasi *menahan dada*, *menggalang dada* dan *menegak dada* yang ditunjukkan melalui pantun 148 hingga 151 berikut;

#### Pantun 148

5049. Bolehkah abang menebar jala,  
Dapat seekor ikan selangat;  
Berani abang **menahan dada**,  
Biar mati bertindih mayat  
(KKMS:639)

#### Pantun 149

2113. Sangat dalam laut Inggeris,  
Biar aku menebar jala;  
Berapa tajam hujung keris,  
Kerana cinta **ku tahan dada**.  
(KKMS:265)

#### Pantun 150

1033. Ikat-ikat daun mengkudu,  
Hilang Melayu **bergalang dada**;  
Duduk dekat rasa malu,  
Hilang malu kerana muda.  
(KKMS:130)

### Pantun 151

5044. Berapa dalam lubuk Inggeris,  
Saya berani menebar jala;  
Berapa tajam pisau dan keris,  
Saya berani **menegak dada**.

(KKMS:639)

**Kolokasi** *menahan dada, menggalang dada, dan menegak dada* secara **denotatif** memberi maksud yang hampir sama, iaitu menggunakan dada untuk menahan sesuatu. Namun begitu jika diteliti berdasarkan konteks, *menahan dada, menggalang dada, dan menegak dada* di dalam pantun-pantun 148 hingga 151 di atas memberi **makna konotatif**, iaitu kesanggupan seseorang untuk mempertahankan sesuatu yang disayanginya.

Seterusnya medan makna perilaku juga digambarkan melalui frasa *belah dada, tepuk dada, dan dada tertekan*. Perilaku tersebut digambarkan melalui pantun-pantun berikut;

### Pantun 152

2600. Tuan mudik pergi belayar,  
Disangka dayang memakan babi;  
Jangan tuan kurang percaya,  
**Belah dada** tengok hati.

(KKMS:326)

### Pantun 153

1523. Tumbuk lada di atas para  
Ada kasut simpan di peti  
**Tepuk dada** tanya selera  
Apa maksud di dalam hati.

(KAPM: 136)

#### Pantun 154

459. Bidadari dari hutan,  
Singgah menganyam di dalam kota;  
**Tepuk dada** kenangkan tuan,  
Jatuh berlinang air mata.

(KKMS:58)

Pada asasnya, **kolokasi** *belah dada* dan *tepuk dada* jika diteliti ialah perilaku yang dapat dilihat secara fizikal yang membawa **makna denotatif**. Walau bagaimanapun berdasarkan konteks, *belah dada* membawa **makna konotatif**, iaitu ingin membuktikan kebenaran agar dipercayai oleh seseorang, iaitu tuan. *Tepuk dada* bagi pantun di atas pula, merujuk kepada bertanya pada diri niat sebenar, dan bagi pantun berikutnya melambangkan kesedihan kerana teringatkan seseorang. Maksud *tepuk dada* bagi pantun 160 hampir sama dengan *dada tertekan* dalam pantun 155 berikut ini;

#### Pantun 155

1698. Raden Galuh berpotong intan  
Baju baldi awan selimpat  
Hancur luluh **dada tertekan**  
Hendak mengadu tiada bertempat.

(KAPM:265)

#### **5.4.1 Medan Makna Ruang**

Terdapat medan makna ruang bagi bahagian anatomi dada, iaitu medan makna ruang fizikal dan medan makna ruang psikologi. Seterusnya diuraikan ruang-ruang berikut bagi bahagian anatomi dada.

#### 5.4.1.1 Medan Makna Ruang Fizikal

Berdasarkan penelitian korpus kajian, hanya terdapat kolokasi dada dan warna bagi menunjukkan medan makna ruang fizikal. Ini ditunjukkan melalui pantun-pantun berikut;

##### Pantun 156

4591. Ikan sepat mudik ke hulu,  
Anak haruan **putih dada**;  
Siapa cepat dapat dahulu,  
Siapa kemudian putih mata.

(KKMS:580)

##### Pantun 157

3396. **Hijau dada** burung serindit,  
Kuberi makan jambu mawar;  
Walau setahun hujan di langit,  
Air di laut haram tak tawar.

(KKMS:427)

**Kolokasi** antara *dada* dengan *putih* dan *hijau* di dalam pantun 162 dan 163 di atas mempunyai **makna denotatif**, iaitu menunjukkan warna pada dada haiwan yang boleh diperhatikan secara fizikal.

#### 5.4.1.2 Medan Makna Ruang Psikologi

Terdapat medan makna ruang psikologi dalam kajian berkaitan anatomi *dada*. Hal ini ditunjukkan melalui pantun-pantun berikut;

##### Pantun 158

186. Angin timur gelombang barat,  
Angin merebah buah pedada;  
Seorang di timur seorang di barat,  
**Rasa pecah dalam dada.**

(KKMS:24)



### Pantun 159

3970. Di Mekah banyak buah pedada  
Bunga tanjung di atas rakit  
Seperti **merekah rasanya dada**  
Terkenangkan untung dengan nasib.  
(KAPM:604)

### Pantun 160

2664. Bangsa Belanda mengajar Inggeris  
Anak kepada Tuan Andalan  
**Rasanya dada bagai dihiris**  
Rosaklah badan, fasidlah iman.  
(KAPM:407)

Ketiga-tiga pantun di atas, memberikan **makna konotatif** yang berkaitan dengan rasa sakit, iaitu berkaitan dengan emosi. Anatomi dada dalam pantun di atas berkolokasi dengan kejadian negatif seperti *pecah*, *merekah* dan *dihiris* yang menimbulkan rasa kesakitan pada anatomi dada.

## **5.5 Metafora Anatomi Punggung**

Punggung adalah terletak bahagian belakang badan manusia. Bahagian ini agak sensitif untuk disebut dalam kalangan masyarakat Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa anatomi punggung hanya didapati dalam medan makna ruang fizikal sahaja.

### **5.5.1 Medan Makna Ruang**

Bagi bahagian punggung, didapati bahawa terdapat medan makna ruang fizikal sahaja dalam korpus kajian ini. Yang berikut dihuraikan bahagian tersebut berserta dengan contoh yang sesuai.

#### 5.5.1.1 Medan Makna Ruang Fizikal

Berdasarkan kepada medan makna ruang fizikal, anatomi punggung dalam kajian adalah terhad. Anatomi punggung boleh digunakan pada benda bernyawa dan tidak bernyawa. Hal ini dihuraikan seterusnya berdasarkan pantun 161 dan 162 berikut;

##### Pantun 161

2262. Sayang-sayang buah kepayang,  
Makan isi kulit melayang;  
Kalau terpanjang aurat Si Dayang,  
**Punggung bergegar** jantung bergoyang.  
(KKMS:284)

782. Darilah mana kajangku tins,  
Dari pucuk sampailah ke rebung;  
Darilah mana kupandang manis,  
Darilah rusuk sampailah ke **punggung**.  
(KKMS:99)

Bahagian punggung dalam pantun 161 di atas merujuk kepada punggung manusia secara fizikal. **Kolokasi** *punggung bergegar* menunjukkan **makna denotatif** pada pergerakan bahagian punggung yang dapat dilihat secara fizikal. Namun begitu, secara **konotatifnya** pula menunjukkan bahawa keadaan seseorang yang terpesona apabila melihat aurat si Dayang. Pantun berikutnya pula menunjukkan pandangan terhadap seseorang yang dilihat secara fizikal bermula dari rusuk ke punggung.


Terdapat juga dialek yang menunjukkan punggung pada objek yang merujuk kepada bahagian belakang. Ini ditunjukkan dalam pantun 162 berikut;

### Pantun 162

1122. Telepok dibelah-belah  
Dengan sebelah di **punggung pinggan**  
Telunjuk kami diberi Allah  
Buat pembalut kapur berjintan.

(KAPM:176)

**Kolokasi** *punggung pinggang* adalah merujuk kepada bahagian belakang pinggan yang dapat dilihat secara fizikal. Ini ditunjukkan dalam gambar 5.2 berikut;



**Rajah 5.2: Contoh *Punggung Pinggan***

## **5.6 Metafora Anatomi Pusat**

Pusat ialah bahagian yang penting dan terletak di bahagian tengah tubuh manusia pada bahagian perut. Masyarakat Melayu percaya bentuk pusat memberi konotasi kedudukan anak daripada tempat asal apabila dewasa. Dikatakan bahawa anak yang mempunyai pusat bentuk dalam akan tinggal jauh, manakala anak yang mempunyai pusat terbonjol keluar akan hampir dengan tempat asal.<sup>11</sup>

<sup>11</sup> Maklumat diperolehi daripada Puan Aminah Atan, 68 tahun, bidan dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

### 5.6.1 Medan Makna Ruang

Terdapat medan makna ruang psikologi dalam metafora bahagian pusat. Berserta contoh yang sesuai dan terhad, yang berikut dihuraikan medan makna ruang tersebut.

#### 5.6.1.1 Medan Makna Ruang Psikologi

Dapatan bagi metafora pusat adalah terhad. Hanya ada tiga entri dalam medan makna ruang psikologi. Hal ini dijelaskan melalui pantun-pantun berikut;

##### Pantun 163

2569. **Tinggi pusat** tinggi beringin,  
Tempat menggantung anak dewa;  
Hendak berpesan dengan angin,  
Angin tidak pandai berkata.  
(KKMS:322)

##### Pantun 164

2000. **Pusat paruh** di antara tanam,  
Tanam jangan di antara padi;  
Jikalau jauh di antara badan,  
Jauh jangan menyerah diri.  
(KKMS:251)

**Kolokasi** *tinggi pusat* dan *pusat paruh* adalah merujuk kepada **makna denotatif** yang merujuk kepada keadaan atau tempat. *Tinggi pusat* merujuk kepada tingginya pokok beringin. *Pusat paruh* pula merujuk kepada lokasi atau tempat dalam proses penanaman.

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat juga kolokasi *pusat tasik* dalam pantun 165 berikut;

### Pantun 165

1075. Pisang ini pisang di China  
Pasak Siam bawa ke Jambi  
Tuan bertanya asal dunia  
**Pusat tasik** di pauh janggi.

(KAPM:168)

*Pusat tasik* dalam pantun 165 di atas mempunyai legenda tersendiri. Berdasarkan Skeat (1965:6-10), terdapat kepercayaan masyarakat Melayu lama bahawa dunia ini berpusatkan sebuah lautan yang besar. Di tengah-tengah lautan itu terdapat sebatang pohon yang besar digelar mereka sebagai Pauh Janggi. Di bahagian akar pohon itu, terdapat sebuah gua yang dinamakan Pusat Tasik (Pauh Janggi). Masyarakat Melayu dahulu percaya bahawa seekor ketam raksasa menghuni gua tersebut dan hanya akan keluar dua kali dalam sehari. Segala pergerakan ketam tersebut akan mempengaruhi pasang-surutnya lautan, arah tiupan angin dan fenomena alam yang lain. Ini bermakna **kolokasi** *pusat tasik* adalah sebagai bahagian tengah tasik yang dalam yang mempunyai **makna konotatif** kerana kedudukan sebenar tidak diketahui secara tepat.

### **5.7 Metafora Anatomi Tulang**

Tulang ialah kerangka yang menampung tubuh manusia. Manusia tidak dapat berdiri tegak tanpa tulang. Bagi orang Melayu, tulang dikaitkan dengan kudrat atau keupayaan seseorang dalam melakukan kerja. Dalam bahasa Melayu, terdapat pelbagai jenis tulang, seperti *tulang sendi*, *tulang kering*, *tulang belikat*, *tulang hitam*, *tulang rusuk*, dan sebagainya. Hal ini ditunjukkan dalam pantun 166 berikut;

#### Pantun 166

5108. Anak endong mandi berjirus,  
Sejuk sampai ke **tulang sendi**;  
Biasa kurenung biasa kubungkus,  
Berniaga belum pernah rugi?  
(KKMS:64)

Maka wujudlah *tulang empat kerat* yang menunjukkan kudrat tersebut. Terdapat juga simpulan bahasa seperti *ringan tulang*, *berat tulang* yang berkaitan sikap. Maka seterusnya kajian ini meneliti medan makna yang berkaitan dengan tulang. Terdapat medan makna perilaku, medan makna ruang dalam korpus kajian dan diuraikan berikut ini.

#### **5.7.1 Medan Makna Perilaku**

Tulang berkaitan dengan pergerakan bagi seseorang dalam masyarakat Melayu. Berdasarkan kajian, didapati bahawa terdapat tulang yang menggambarkan metafora bagi medan makna perilaku. Hal ini ditunjukkan melalui pantun-pantun berikut;

#### Pantun 167

1783. Anak Cina berkain basah  
**Bakar tulang** baunya hangit  
Dilihat jinak dipegang susah  
Ibarat bulan tinggi di langit.  
(KAPM:281)

#### Pantun 168

3476. Mandi kuda di tepi kolam,  
Sudah mandi bawa pulang;  
Sungguh ada senjata tajam,  
Mahu **dihiris daging dan tulang**.  
(KKMS:437)

### Pantun 169

1681. Nyiur gading di laman belas,  
Buat ketupat berisi inti;  
Hancur daging **tulang kukilas**,  
Sudah dapat baru berhenti.  
(KKMS:211)

Tulang dalam pantun di atas **berkolokasi** dengan perilaku bakar dan hiris. Ini memberi **makna denotatif** yang merujuk kepada perilaku terhadap tulang yang boleh diperhatikan secara langsung.

### Pantun 170

3711. Besar landak dari seberang,  
Naik meniti di atas batang;  
Kalau tidak **gerakkan tulang**,  
Rezeki mana boleh datang.  
(KKMS:468)

Apabila diteliti **kolokasi** *gerakkan tulang* dalam pantun 170 di atas, bukanlah merujuk kepada perilaku menggerakkan tulang tetapi mempunyai **makna konotatif**, iaitu bekerja untuk mendapat rezeki.

Seterusnya terdapat juga kolokasi *berputih tulang* dan *bertimbang tulang* dalam korpus kajian. Hal ini dijelaskan melalui pantun-pantun berikut;

### Pantun 171

1238. Bukan saya condong ke dulang  
Saya tak mahu condong ke desa  
Biar saya **berputih tulang**  
Saya tak mahu berputih mata.  
(KAPM:195)

### Pantun 172

1875. Besar ombak Lautan Mesir  
Ombak memecah menengah tiang  
Demi Allah tiada kumungkir  
Bersukat darah **bertimbang tulang**.  
(KAPM:294)

**Kolokasi** *berputih tulang* bukan merujuk kepada warna putih pada tulang, tetapi memberi **makna konotatif**, iaitu sanggup melakukan sesuatu walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan. Pantun tersebut menunjukkan pemantun sanggup bertahan supaya dia tidak kecewa atau rugi. Seterusnya **kolokasi** *bertimbang tulang* pula **makna konotatif** yang merujuk kepada keyakinan yang diberikan bahawa pemantun benar-benar menepati janji yang dibuat.

### **5.7.2 Medan Makna Ruang**

Terdapat medan makna ruang fizikal dan medan makna psikologi bagi subanatominya tulang. Hal ini dibuktikan menerusi dapatan kajian yang seterusnya dihuraikan berserta contoh-contoh yang berkaitan.

#### **5.7.2.1 Medan Makna Ruang Fizikal**

Medan makna ruang fizikal adalah terhad dapatannya dalam kajian. Terdapat kolokasi *tulang berkecai* dan *tulang bertebar*. Hal ini dijelaskan melalui pantun-pantun berikut,

### Pantun 173

4781. Kain perai baju pun perai,  
Letak mari atas peti;  
Hancur badan **tulang berkecai**,  
Budi adik dibawa mati.  
(KKMS:605)



#### Pantun 174

3237. Laksana pohon laksana akar  
Ditiup angin tidak berkisar  
Ada ranjau dalam belukar  
Kalau dilanggar **tulang bertebar.**

(KAPM:493)

**Kolokasi** *tulang berkecai* dan *tulang bertebar* jika dirujuk secara fizikal membawa **makna denotatif** yang merujuk keadaan tulang. Namun begitu, berdasarkan konteks, bagi pantun 174, mempunyai **makna konotatif**, iaitu jasa yang dikenang walaupun telah tiada di dunia.

#### **5.7.2.2 Medan Makna Ruang Psikologi**

Hasil kajian mendapati bahawa metafora bahagian tulang kerap dibincangkan berkaitan dengan ruang psikologi. Seterusnya dibincangkan hal tersebut dengan disertakan contoh-contoh pantun yang berkaitan dan terdapat di dalam korpus kajian.

Terdapat pantun bagi bahagian tulang yang memberi maksud berkaitan dengan kasih sayang. Hal ini dijelaskan dalam pantun 175 hingga 181 seperti berikut;

#### Pantun 175

1150. Kain putih jahit ke Bali,  
Kain tuan pulanglah ke dulang;  
Kasih tuan di luar diri,  
Kasih saya **sampai ke tulang.**

(KKMS:145)

#### Pantun 176

2384. Tajam sungguh si buluh gadung,  
Hendaklah ikat bersama tali;  
**Hancur luluh tulang dan daging,**  
Namun kulupa tidak sekali.

(KKMS:299)

Pantun 177

563. Bulan mengambang cahaya cemerlang,  
Nampak memancar di celah awan;  
Rasa **lemah sendi dan tulang**,  
Bila teringat wajahmu tuan.

(KKMS:71)

Pantun 178

2185. Sayang Cik Puteh menaja jam,  
Jama ditaja jama mengkuang;  
Kalau boleh hidup bersama,  
Hendak mati **bertindih tulang**.

(KKMS:274)

Pantun 179

1683. Nyiur gading puncak mahligai,  
Sayang ketupat berisi inti;  
Hancur daging **tulang berkecai**,  
Kasih sayang sampai ke mati.

(KKMS:211)

Pantun 180

42. Akar tanjung pagar selasih,  
Balung kulit berisi serai;  
Alangkah teruk menanggung kasih,  
Tak sebab kulit **tulang bercerai**.

(KKMS:6)

Pantun 181

472. Sungai Genuk Sungai Mat Dulang  
Yang ketiga Pulau Keladi  
Badan gemuk **tinggal tulang**  
Rindu menggoda di pintu hati.

(KAPM: 297)

Berdasarkan pantun 175 hingga 181, dapatlah diuraikan bahawa terdapat **kolokasi** yang bagi tulang memberi **makna konotatif**, iaitu berkaitan dengan kasih

sayang. Kasih sayang dalam pantun-pantun tersebut dikaitkan dengan keadaan tulang tersebut yang memberi makna keadaan diri bagi menunjukkan kasih sayang tersebut.

## 5.8 Metafora Anatomi Darah

Darah ialah cairan yang terdapat pada semua makhluk hidup, kecuali tumbuhan tingkat tinggi yang berfungsi terhadap zat-zat dan oksigen yang diperlukan oleh tubuh. Dalam masyarakat Melayu, darah dikaitkan dengan pertalian kekeluargaan, perasaan, dan sebagainya.

### 5.8.1 Medan Makna Perilaku

Terdapat medan makna perilaku ditemui dalam kajian bagi darah. Namun begitu, ada kalanya terlihat seperti perlakuan tetapi memberi maksud konotatif di sebaliknya. Hal ini dijelaskan melalui contoh-contoh pantun yang berkaitan. Terdapat frasa *mengidam darah*, *bertumpah darah* dalam kajian yang termasuk di dalam medan makna perilaku. Hal ini dijelaskan melalui pantun-pantun berikut;

#### Pantun 182

5099. Yu parang yu tenggiri,  
Jarang-jarang gigi di depan;  
Tuntut ilmu kebaikan diri,  
Senjata **mengidam darah** di badan.  
(KKMS:646)

Kata *mengidam* biasanya digunakan oleh orang Melayu bagi wanita mengandung yang inginkan sesuatu yang biasanya berbentuk makanan. Namun begitu, **kolokasi** *mengidam darah* bagi pantun di atas memberi **makna konotatif**, iaitu bentuk metafora *senjata yang mengidam darah di badan*.

### Pantun 183

5090. Saya ke darat ke rumah Zaharah,  
Mari mengambil buah keranji;  
Biar kumati **bertumpah darah**,  
Namun menyerah tidak sekali.  
(KKMS:645)

### Pantun 184

5070. Kata tuan gula kundur,  
Tumpah tanah di atas papan;  
Lepas lari jangan undur,  
**Tumpah darah** di hadapan.  
(KKMS:642)

Dalam masyarakat Melayu, *tumpah darah* juga dikaitkan dengan seorang perempuan yang keguguran. Namun begitu, berdasarkan konteks pantun-pantun di atas, **kolokasi** *tumpah darah* memberi **makna konotatif** yang menggambarkan pengorbanan mempertahankan hak seperti negara.

Seterusnya metafora darah juga ditemui dalam kajian melalui kolokasi *minum darah*, *pilih juga darah*, yang menggambarkan perilaku ditunjukkan melalui pantun-pantun 185 dan 186 berikut;

### Pantun 185

3415. Jin besar turun bertapa,  
**Minum darah** segantang sehari;  
Ikan di taut jangan dituba,  
Siamang di rimba habis mati.  
(KKMS:430)

### Pantun 186

3287. Buah papaya buah nanas,  
Masak sebiji seri gading;  
Sungguh saya buaya ganas,  
Pilih juga **darah dan daging**.

(KKMS:414)

**Kolokasi** *minum darah* di dalam pantun 185 di atas memberi **makna denotatif**, iaitu makna langsung yang menunjukkan perilaku jin yang minum darah. Pantun 186 berikutnya juga memberi **makna denotatif**, iaitu perilaku buaya yang memilih darah dan daging.

## **5.8.2 Medan Makna Ruang**

Berdasarkan penelitian terhadap korpus, adalah didapati bahawa terdapat medan makna ruang bagi darah. Medan makna ruang tersebut ialah medan makna ruang fizikal, medan makna ruang psikologi dan medan makna ruang budaya yang akan diuraikan berikut ini.

### **5.8.2.1 Medan Makna Ruang Fizikal**

Ruang fizikal merujuk kepada satu keadaan yang boleh disaksikan oleh mata. Di dalam kajian ini, terdapat medan makna fizikal yang dibuktikan melalui pantun-pantun 187 dan 188 berikut;

### Pantun 187

3539. **Darah mengalir** basahlah tubuh  
Tembuslah panah di lambung kanan  
Tuan berpanah dengan sungguh  
Matilah hamba di kaki tuan.

(KAPM: 6)

Pantun 188

4127. Hinggaplah hinggap ke kayu tinggi,  
**Tumpah darah** ke daun pisang;  
Kamek datang tumpang di sini,  
Kain basah kering di pinggang.  
(KKMS:521)

**Kolokasi** *darah mengalir* dan *tumpah darah* dalam pantun-pantun di atas dapat diperhatikan secara langsung. *Darah mengalir pada tubuh* dan *darah tumpah ke daun pisang* secara langsung memberi **makna denotatif**. Tumpah darah yang memberi makna konotatif telah diterangkan sebelum ini.

**5.8.2.2 Medan Makna Ruang Budaya**

Berdasarkan kepada medan makna ruang budaya, terdapat banyak entri bagi darah dan daging yang menunjukkan hubungan kekeluargaan. Hal ini ditunjukkan melalui contoh pantun 189 dan 190 berikut;

Pantun 189

2665. Anak enggang kelima-lima,  
Ingat-ingat tanda merah;  
Anak dagang saya terima,  
Ini pula **daging darah**.  
(KKMS:335)

Pantun 190

260. Pandai lipat kain  
Lipat kasut merah  
Sepuluh orang lain  
Tak sama **daging darah**.  
(KAPM:42)

**Kolokasi** bagi *daging darah* dalam pantun-pantun di atas jelas menunjukkan mengenai hubungan kekeluargaan berdasarkan pertalian darah. Ini memberi **makna konotatif**, iaitu pertalian darah antara manusia di dalam keluarga dan juga **makna reflektif** yang memberi makna bayangan dua benda, iaitu darah dan daging. Namun, dalam pantun berikut ini pula, *darah daging* yang menunjukkan kebiasaan. Ini ditunjukkan dalam pantun berikut;

Pantun 191

2522. Tetak mengkuang paras mengkuang,  
Habis ditetak dimakan kambing;  
Hendak buang tidak terbuang,  
Sudah mesra **darah daging**.

(KAPM: 116)

Pantun 192

1237. Bukan mudah saya meruang  
Sudah menjadi cembul gading  
Bukannya mudah saya membuang  
Sudah menjadi **darah daging**.

(KAPM: 55)

Kebiasaan dalam **kolokasi** *darah daging* dalam pantun di atas adalah menunjukkan seseorang yang telah sebatikan dengan seseorang atau sesuatu perkara yang memberi **makna konotatif**.

## 5.9 Metafora Anatomi Urat

Urat terdapat di dalam keseluruhan tubuh manusia. Masyarakat Melayu sering mengaitkan kesakitan pada bahagian badan sebagai sakit urat, demam urat, urat masuk angin dan sebagainya. Berikut diuraikan urat dalam metafora anatomi bahasa Melayu.

### 5.9.1 Medan Makna Ruang

Daripada kajian ini, didapati bahawa kata adalah terhad kehadirannya di dalam korpus, iaitu hanya terdapat pada medan makna ruang fizikal.

#### 5.9.1.1 Medan Makna Ruang Fizikal

Berdasarkan medan makna ruang fizikal, di dapati bahawa terdapat kolokasi bagi urat mata, urat nanas, dan urat terentang. Hal ini ditunjukkan melalui pantun-pantun berikut;

##### Pantun 193

1737. Orang mengail di lubuk licin,  
Dapat ikan beliak mata;  
Sudah terpandang dahi licin,  
Rasa nak putus **urat mata**  
(KKMS:218 )

##### Pantun 194

3976. Sapa-sapa di tepi mahligai,  
**Urat nanas** jadikan ijuk;  
Ilmu apa adik pakai,  
Hati yang panas menjadi sejuk.  
(KKMS:501)

##### Pantun 195

1558. Batang kapas nan rimbun daun  
**Urat terentang** masuk padi  
Jika lepas laut ke tahun  
Merantau panjang hanya lagi.  
(KAPM: 216)

Berdasarkan pantun di atas, jelas menunjukkan terdapat **kolokasi** antara urat dan benda tidak bernyawa, *iaitu urat mata, urat nanas, dan urat terentang* [-anatomi, -manusia, -bernyawa,+am]. Kesemua kolokasi tersebut mempunyai **makna denotatif**, iaitu boleh dilihat secara fizikal, dan juga mempunyai **makna reflektif** yang menunjukkan hubungan bayangan antara dua objek.




### **5.10 Kesimpulan**

Berdasarkan kepada keseluruhan kajian bahagian anatomi tengah: badan dan yang berkaitan, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat medan makna sikap, perilaku, dan ruang. Ada ketikanya berkaitan dengan emosi apabila membicarakan mengenai badan dan tulang.. Terdapat juga makna kolokatif, denotatif, konotatif, dan reflektif pada bahagian tengah anatomi ini. Namun huraian lengkap tentang kehadiran anatomi tersebut dijelaskan dalam bab 6 berikut semasa meneliti kuantifikasi anatomi tengah.

## BAB 6: METAFORA ANATOMI BAHAGIAN TENGAH (2) : HATI DAN YANG BERKAITAN

### 6.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan metafora anatomi bahagian tengah, iaitu *hati*, *jantung* dan *hempedu*. Ketiga-tiga bahagian ini digabungkan kerana kedudukan dan bahagian anatomi ini mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Metafora *hati*, *jantung* dan *hempedu* dibincangkan berdasarkan medan makna dan jenis-jenis makna.



**Rajah 6.1: Anatomi Hati, Jantung Dan Hempedu**

### 6.1 Metafora Anatomi Hati

Pengertian *hati* secara literal adalah organ dalam badan yang berwarna perang kemerah-merahan terletak di dalam perut di bahagian sebelah kanan...(Kamus Dewan, 1997:445).

Jika *hati* diteliti berdasarkan fungsi pula ,

*The liver acts in some ways as the gatekeeper to the blood; it removes poisonous substances from the blood and works to keep the contents of the blood constant*

*(Mader Sylvia S. 1990:78)*

Kata leksikal *hati* adalah berasal dari bahasa rumpun Austronesia. Ini dibuktikan melalui kajian Asmah Haji Omar (1998b) yang menolak sama sekali kenyataan bahawa nama-nama anggota badan dalam bahasa rumpun Austronesia dipinjam dari bahasa Sanskrit. Kenyataan tersebut adalah berasaskan kajian beliau dalam kebanyakan bahasa rumpun Austronesia, bahawa anggota tubuh badan manusia memang wujud dalam bahasa-bahasa rumpun Austronesia. Antara contoh leksikal *hati* dalam beberapa bahasa rumpun Austronesia adalah *hati* (bahasa Melayu), *atau* (bahasa Iban), *ate* (bahasa Lun Bawang), *atay* (bahasa Lun Bawang (Ba Telawon dan Long Iman), dan *atoy* (bahasa Paitan) (sila rujuk Asmah Haji Omar, 1988b:20)

Sebenarnya, budaya dan masyarakat yang berbeza akan memberikan konsepsi yang berbeza tentang organ tubuh. Konsep *hati* dalam masyarakat Melayu adalah berbeza dengan masyarakat lain. Menurut Asmah Haji Omar (1996), *hati* mempunyai kedudukan yang penting dalam *world-view* orang Melayu yang berkaitan dengan emosi dan sikap. “*Seats of emotion*” orang Melayu terletak pada hati jika dibandingkan dengan dengan masyarakat Inggeris, Arab dan lain-lain yang letaknya pada jantung.

Hal ini dibuktikan juga melalui kata leksikal *kalbu* turut digunakan di dalam korpus kajian. Dalam bahasa Arab, kata " قلب " yang bermaksud *heart, center, essence, marrow, mind, spirit* (Madina, 1973:545). Berikut antara contoh pantun 196 dan 197 yang menggunakan leksikal *kalbu*,

### Pantun 196

3128. Tinggal seekor anaknya yatim  
Bulunya tumbuh baharu kembang  
Tiada berlindung zahir dan batin  
Di dalam **kalbu** rasa bimbang.  
(KAPM: 477)

### Pantun 197

2948. Di atas tilam di dalam kelambu  
Bersuka-sukaan tiada terperi  
Habislah kasih di dalam **kalbu**  
Seperti kejatuhan bulan matahari.  
(KAPM:448)

Hal ini menunjukkan bahawa peminjaman kata *kalbu* bagi menunjukkan emosi dalam bahasa Melayu sebenarnya merujuk kepada jantung dalam bahasa Arab. Namun kehadiran *kalbu* di dalam kajian amatlah terhad. Daripada keseluruhan data kajian ini, didapati bahawa leksikal *kalbu* hanya mula digunakan di dalam pantun-pantun zaman baru bermula tahun 80-an.

Berdasarkan medan makna, didapati bahawa terdapat medan makna sikap, perilaku, ruang, dan emosi. Berdasarkan jenis-jenis makna pula dibincangkan makna kolokatif, makna denotatif, makna konotatif, makna stilistik, makna afektif, dan makna reflektif. Seterusnya diuraikan metafora anatomi hati berdasarkan medan makna dan jenis-jenis makna berdasarkan konteks.

#### **6.1.1 Medan Makna Sikap**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ada sikap positif dan negatif yang di gambarkan melalui metafora *hati*. Huraian berikutnya adalah tertumpu kepada sikap positif. Antara

sikap positif yang ditemui ialah *hati-hati*. Ini diperlihatkan melalui pantun-pantun 198 dan 199 berikut,

Pantun 198

1312. **Hati-hati** ke kebun Cik Melan  
Anak buaya berulang bangkai  
Niat hati nak capai bulan  
Bulannya tinggi tangan tak sampai.  
(KAPM:207)

Pantun 199

2834. **Hati-hati** pinang muda,  
Pinang muda makan pipit;  
Sampai hati meninggal saudara,  
Tidak mengenang barang sedikit.  
(KKMS:356)

Jika diteliti berdasarkan **makna kolokatif**, *hati-hati* tanpa pengetahuan makna konteks, kelihatan seperti kata ganda yang menunjukkan jamak, iaitu jumlah hati yang banyak. Namun dari sudut konteks makna sebenar, jelas menunjukkan bahawa *hati-hati* tidak dapat dilihat secara fizikal yang membawa **makna konotatif**. Maksud sebenar *hati-hati* dalam konteks pantun ini ialah nasihat terhadap seseorang supaya mengambil sikap berwaspada di dalam tindakannya.

Terdapat juga sikap positif yang digambarkan dalam frasa *baik hati* seperti yang ditunjukkan di dalam pantun 200 berikut ini,

Pantun 200

1134. Terbang sekawan burung merpati  
Di tepi perigi helang melayang  
Belas kasihan, **baik hati**  
Berhemah tinggi, berkasih sayang.  
(KAPM:177)

Dari sudut **kolokasi**, *baik hati* merujuk kepada sifat *baik* berkolokasi dengan *hati*. *Baik hati* memberi makna **makna konotatif**, iaitu merujuk kepada sikap seseorang yang mempunyai sikap yang baik dan bersih dari segi aspek dalaman dirinya.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat sikap negatif yang pada dimetaforkan pada anatomi *hati*. Antara sikap tersebut adalah *sampai hati*. Hal ini dibuktikan melalui pantun 201 dan 202 berikut;

Pantun 201

3530. Yu, belanak, ikan buburan  
Membenam lalu di sela karang  
**Sampai hati** kiranya tuan  
Meninggalkan saya sengsara seorang.  
(KAPM:536)

Pantun 202

3026. Batang padi batang capa,  
Batang selasih penggal di puan;  
**Sampai hati** sampai rasa,  
Tengah kasih ditinggalkan.  
(KAPM:461)

*Sampai hati* adalah **kolokasi** antara *sampai* dan anatomi *hati*. *Sampai hati* bukanlah merujuk kepada hati yang tiba di sesuatu destinasi tetapi merujuk kepada **makna konotatif**, iaitu sikap seseorang yang tergamak melakukan sesuatu yang tidak baik. Dalam konteks pantun di atas, sikap tersebut ialah meninggalkan seseorang yang di sayangi.

Seterusnya pula, sikap digambarkan melalui *hati tak baik*. Hal ini dijelaskan melalui pantun 203 berikut;

### Pantun 203

3304. Orang belayar balik-berbalik  
Lalu berlabuh tempat yang tenang  
Abang yang pergi **hati tak baik**  
Adik yang tinggal hati tak senang.  
(KAPM:502)

**Kolokasi** *hati tak baik* merujuk kepada sikap negatif ditunjukkan dalam pantun di atas. Yang ditunjukkan di dalam pantun bukanlah keadaan hati sebagai anatomi khusus tetapi memberikan **makna konotatif** yang menggambarkan sikap buruk seorang abang yang pergi meninggalkan adiknya.

Sikap seterusnya digambarkan melalui frasa *kecil hati*. Ini ditunjukkan di dalam pantun 204 berikut.

### Pantun 204

1315. Ketur kecil tempat berludah  
Dibawa orang dari Jawa  
**Kecil hati** bukannya mudah  
Marah dibawa dalam tertawa.  
(KAPM: 36)

Kecil hati membawa **makna kolokatif**, iaitu apabila berlakunya kolokasi antara adjektif kecil dengan anatomi hati. Selain itu juga merujuk kepada **makna konotatif**, iaitu merujuk kepada makna yang tersirat, iaitu rasa terguris perasaan akibat sesuatu perkara. *Kecil hati* berbeza dengan *hati kecil*. *Hati kecil* bermaksud niat atau maksud yang sebenarnya (Abdullah Hussain,2005:109)

## **6.1.2 Medan Makna Perilaku**

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat seolah-olah pertidihan antara makna bagi perilaku yang sama. Hal ini dijelaskan melalui *ambil hati* yang boleh membawa

makna positif dan negatif apabila diteliti berdasarkan konteks. Hal ini ditunjukkan melalui pantun-pantun 205 dan 206 di bawah;

#### Pantun 205

1024. Ikan sengat ikan sembilang,  
Tebuk belakang **ambil hati**;  
Kus semangat abang seorang,  
Tolak belakang ada ganti.

(KKMS:129)

*Ambil hati* dalam pantun di atas mempunyai **makna kolokasi** perilaku *ambil* dengan anatomi *hati*. Ianya memberi **makna denotatif**, iaitu perilaku yang dapat diperhatikan, iaitu *mengambil hati ikan sembilang*.

Bagi pantun 206 berikutnya, **kolokasi** *mengambil hati* memberi makna positif, iaitu seseorang yang disenangi kerana mempunyai budi bahasa, dan ini memberikan **makna konotatif**.

#### Pantun 206

4742. Buah rambai dalam padi,  
Lazat pula cita rasanya;  
Pandai sungguh **mengambil hati**,  
Sarat dengan budi bahasanya.

(KKMS:600)

Sebaliknya kolokasi *mengambil hati* dalam pantun 207 berikut pula memberikan **makna konotatif** negatif,

#### Pantun 207

3800. Hendak ke pulau ke pulau saja,  
Ke pulau jangan berdagang ubi;  
Hendak bergurau bergurau saja,  
Gurau jangan **mengambil hati**.

(KKMS:479)



*Mengambil hati* dalam pantun di atas memberi makna iaitu gusar, kecewa (Abdullah Hussain,2005:12). Jadi berdasarkan kepada kolokasi *ambil hati* dalam ketiga-tiga pantun tersebut memberikan satu justifikasi yang penting bahawa makna konteks sangat penting dalam memberikan makna yang tepat.

Perilaku yang seterusnya pula digambarkan oleh *pelipur hati dan penghibur hati*. Hal ini ditunjukkan melalui pantun 208, 209, dan 210 berikut,

Pantun 208

59. Anak jentayu mandi berendam  
Anak merak mengangkat sarang  
Ubat rindu penawar dendam  
Akan **pelipur hati** yang bimbang.  
(KAPM:13)

Pantun 209

2264. Pecah buluh air tempayan  
Air sekiri pembasuh kaki  
Hilang nuri berganti bayan  
Bayan seekor **penghibur hati**.  
(KAPM:349)

Pantun 210

2837. Raden Galuh ratu di Jawa  
Tunangan Raden Inu Kertapati  
Emas merah utama jiwa  
Tuan seorang **penghibur hati**.  
(KAPM:432)

**Kolokasi** *pelipur* dan *hati* hampir sama maksud dengan *penghibur* dan *hati*. *Lipur* bermaksud *soothing; to console; =hibur* (Wilkinson,1955:697) dan *lara* pula adalah *anxiety; worry; misery* (Wilkinson,1955:657), iaitu cemas, bimbang atau

dukacita. *Hibur* adalah kata kerja dan *penghibur* adalah kata nama merujuk kepada seseorang yang menjadikan seseorang lain gembira.

Masyarakat Melayu memang terkenal dengan tradisi lisan. Sebelum masyarakat Melayu mempunyai sistem tulisan, tok dalang, tok selampit, tok batil dan sebagainya merupakan antara tokoh penglipur lara yang amat terkenal. *Pelipur* dan *penghibur* boleh merujuk kepada pelaku yang sama, namun pada kebiasaannya pelipur lebih merujuk kepada sastera lisan dan manusia.

Pada masa kini, istilah *penghibur* merujuk kepada golongan artis yang membuat persembahan kepada para penonton. Penyempitan makna berlaku di kalangan masyarakat hari ini apabila penghibur hanya merujuk kepada golongan artis sahaja sedangkan penghibur yang sebenarnya boleh sesiapa sahaja yang membuat orang lain gembira, misalnya *burung bayan* dan *tuan* dalam pantun 209 dan 210 di atas.

Seterusnya perilaku juga digambarkan melalui frasa *kunci hati*. Ini ditunjukkan melalui pantun 211 berikut;

Pantun 211

2944. Lubuk Danti tepian Danta,  
Buaya mudik tenang-tenang;  
**Kunci hati** tutuplah mata,  
Supaya badan rasa senang.

(KKMS:370)

*Kunci hati* adalah **kolokasi** antara objek *kunci* dan *hati*. Dalam hal ini juga, wujud **makna reflektif**, iaitu hubungan bayangan antara *kunci* dan *hati*. *Kunci hati* bukanlah merujuk kepada perilaku secara fizikal, iaitu mengunci objek *hati*. *Kunci hati* berdasarkan konteks pantun di atas memberi **makna konotatif**, iaitu menutup perasaan sendiri pada orang lain.

Seterusnya berdasarkan kajian didapati bahawa terdapat perilaku yang sengaja dan tidak sengaja. Terdapat pertindihan antara medan makna perilaku dan emosi. Hal ini berlaku kerana perilaku tersebut melibatkan perasaan kasih sayang antara manusia. Kenyataan ini dijelaskan melalui huraian berikutnya.

Terdapat metafora perilaku secara sengaja melalui frasa *hati mengenang*, *mengikat hati*, dan *menaruh hati*. Ini ditunjukkan di dalam pantun-pantun 212, 213, dan 214 berikut;

Pantun 212

1877. Bintang terang bulan mengambang  
Orang duduk di ambang pintu  
**Hati mengenang** mata memandang  
Sedikit tidak merasa jemu.  
(KAPM:294)

Pantun 213

53. Pokok jelutung getah jelutung  
Buat getah burung merpati  
Abang berpantun adik berpantun  
Dalam pantun **mengikat hati**.  
(KAPM:520)

Pantun 214

1988. Anak kera naik ke bukit  
Dipanah oleh Indera Sakti  
Dipandang muka senyum sedikit  
Kerana sama **menaruh hati**.  
(KAPM:310)

*Kenang* bermaksud mengingati sesuatu, manakala *taruh* bermaksud meletakkan sesuatu. *Ikat* pula merupakan perbuatan menyatukan sesuatu menggunakan alat seperti tali. Ini bermakna bahawa *hati mengenang*, *mengikat hati*, dan *menaruh hati*

membawa **makna kolokasi** anatomi *hati* dengan perilaku. Frasa-frasa tersebut juga memberi **makna konotatif**, memberi maksud perilaku yang melibatkan ingatan, suka dan menyayangi seseorang,

Selain itu, metafóra perilaku tak sengaja juga digambarkan melalui *terikat*, *tertuju*, *terpaut* dan *tersurat* seperti yang dijelaskan berikut ini;

Pantun 215

3599. Pagar bambu tanam bidara  
Tumbuh rumput bercampur padi  
Kita hidup seperti saudara  
Sudah **terikat di dalam hati**.  
(KAPM:549)

Pantun 216

2408 Teruntum pulau dewata  
Jeruju di dalam padi  
Tergantung di ruangnya mata  
Sudah **tertuju di dalam hati**.  
(KAPM:370)

Pantun 217

2843. Daun selimpat tebuk dindingnya  
Dang Sirah bertanam padi  
Tidaklah dapat tolok bandingnya  
Tuan **tersurat di dalam hati**.  
(KAPM:433)

**Kolokasi** *tertuju hati*, *hati terpaut* dan *tersurat di dalam hati* adalah merujuk kepada perasaan cinta yang masih di peringkat awal. *Terpaut* dari kata dasar *paut*, iaitu berpegang atau bergantung kepada sesuatu. *Jatuh* pula adalah kata kerja bermaksud gugur atau jatuh ke bawah dengan cepat dan perbuatan ini tanpa perancangan. Ini bermaksud pantun-pantun tersebut memberi **makna konotatif** harapan cinta pada seseorang.

Metafora bagi *hati sudah terukir* pula menunjukkan perasaan sayang yang kekal di dalam hati. Ini kerana *ukir* merupakan perbuatan yang menghasilkan benda yang indah dan meninggalkan kesan. Ini ditunjukkan melalui pantun 218 berikut;

Pantun 218

2379 Tempat raja turun berkarang  
Berkarang sampai ke tepi tubir  
Terkenangkan bunga kembang di karang  
**Di dalam hati sudah terukir.**  
(KAPM:549)

Ukiran merupakan satu bentuk seni rupa yang amat terkenal dalam masyarakat Melayu. Pelbagai motif berkaitan alam yang dimanifestasikan melalui ukiran dan pada kebiasaannya dilakukan ke atas sesuatu objek yang dapat dilihat secara fizikal, misalnya kayu, besi dan sebagainya. Namun, **kolokasi** *hati sudah terukir* menjadi metafora yang membawa **makna konotatif** yang mana ukiran dalam hati adalah abstrak dan merujuk kepada kesan emosi yang wujud dalam diri seseorang yang turut memberikan **makna afektif**.

Menerusi kajian yang dijalankan, didapati bahawa terdapat juga perilaku negatif di dalam korpus kajian tetapi kehadirannya adalah terhad. Antara perilaku negatif yang ditemui adalah *hati melolong*. Hal ini digambarkan dalam pantun 219 berikut;

Pantun 219

1741. Tinggi membumbung burung elang  
Hinggap berpijak di pohon pala  
**Hati melolong** rindu pulang  
Badan sakit melarat pula.  
(KAPM:271)

**Kolokasi** anatomi *hati* dan perilaku *melolong* memberikan **makna konotatif** dan **makna afektif** yang menggambarkan kerinduan yang terhadap sangat seseorang untuk pulang ke tempat asalnya. *Lolong* adalah bunyi onomatopoeia, yaitu bunyi suara yang keras dan panjang, jerit, raung (anjing dll) juga dalam bahasa Minang disebut "lulong" (Wilkinson, 1955:701). Contoh pantun tersebut juga boleh dikategorikan dalam emosi negatif. **Makna stilistik** akan muncul jika merujuk kepada perilaku melolong secara fizikal, iaitu jeritan suara yang kuat. Walau bagaimanapun hal ini tidak berlaku bagi *hati melolong* kerana lakuan itu tidak bersifat fizikal.

Selain itu perasaan sedih juga dimetaforkan melalui perilaku seseorang pada diri sendiri, iaitu *menahan hati, menangis dalam hati, senyum sedikit di dalam hati, dan mengeluh di dalam hati*. Hal ini ditunjukkan melalui pantun 220, 221 dan 222 berikut;

Pantun 220

3569. Anak Keling meniup api  
Api tidak mahu menyala  
Kurus kering **menahan hati**  
Hati bukan mendengar kata.  
(KAPM:544)

Pantun 221

3412. Rumput manis di dalam padi  
Orang belayar dalam perahu  
Kami **menangis dalam hati**  
Seorang manusia tidak tahu.  
(KAPM:519)

Pantun 222

2324.\* Raden Inu Kertapati  
Bertunang anak Ratu Kuripa  
Duduk **mengeluh di dalam hati**.  
Mengenang tuan jauh di mata.  
(KAPM:358)

**Kolokasi** perilaku *menangis, mengeluh, dan menahan* + anatomi *hati* memberi **makna konotatif** yang hampir sama antara satu sama lain, iaitu perilaku negatif yang dimetaforkan kepada anatomi *hati* berkaitan dengan emosi negatif yang berlaku pada diri seseorang yang tidak dipertunjukkan secara fizikal tetapi memberi kesan emosi. Hal ini bermakna metafora tersebut memberi **makna afektif**, iaitu kesan kepada jiwa individu itu sendiri.

Selain itu, perilaku negatif juga digambarkan melalui frasa *menurut hati, berjauh-jauh hati*, dan *berosak hati* seperti di dalam pantun 223, 224, dan 225 berikut;

Pantun 223

3556. Anak Bandan meniup api  
Api ditiup tiada menyala  
Rosak badan **menurut hati**  
Hati diturut serba salah.

(KAPM:542)

Pantun 224

3179. Jangan berpauh-pauh padi  
Ada biduk serampu pula  
Jangan **berjauh-jauh hati**  
Asal hidup bertemu juga.

(KAPM:484)

Pantun 225

3055. Bunga melati di dalam jambangan  
Mari dipetik anak teruna  
**Berosak hati** berpanjangan  
Akhimya mati sakit merana.

(KAPM:465)

**Kolokasi** *menurut hati, berjauh-jauh hati*, dan *berosak hati* memberi **makna konotatif**, iaitu memberikan gambaran bahawa perilaku negatif terhadap seseorang yang mewujudkan **makna afektif**, iaitu kesan emosi berlaku pada diri sendiri ekoran perilaku tersebut.

Seterusnya terdapat juga perilaku yang berkaitan dengan emosi di dalam kajian yang berkaitan dengan keinginan. Perilaku-perilaku tersebut lebih berpusat pada diri pemantun sendiri. Hal ini dibincangkan seterusnya berdasarkan pantun-pantun 226 dan 227 berikut;

Pantun 226

1895. Pisau kecil hulunya gewang,  
Jatuh ke kaki haram tak luka;  
Dara kecil permainan abang,  
**Jatuh hati** haram tak lupa.  
(KKMS:238)

Pantun 227

83. Anak buruk sebesar lengan,  
Dibungkus dengan sekarung kain;  
Sungguh buruk **hati berkenan**,  
Tidak saya mencari lain.  
(KKMS:11)

**Kolokasi** *jatuh hati* dan *hati berkenan* memberi **makna konotatif**, iaitu merujuk kepada perasaan suka atau sayang terhadap seseorang. Walau bagaimanapun tiada makna afektif kerana perasaan tersebut hanya berpusat pada diri sendiri.

Selain itu, perilaku juga digambarkan melalui keinginan dan harapan melalui ungkapan *hasrat hati*, *niat hati*, *harap hati* dan *idaman hati*. Hal ini ditunjukkan melalui pantun-pantun berikut;

Pantun 228

696. Cempaka bunga cempaka  
Bunga cempaka di atas peti  
Laila cinta hasrat terbuka  
Laila bersihkan **hasrat hati**.  
(KAPM:110)



Pantun 229

1312. Hati-hati ke kebun Cik Melan  
Anak buaya berulang bangkai  
**Niat hati** nak capai bulan  
Bulannya tinggi tangan tak sampai.  
(KAPM:207)

Pantun 230

1824. Asap api di Tanjung Tuan  
Kuala Linggi bakaunya rendah  
**Harap hati** kepada tuan  
Langit tinggi kupandang rendah.  
(KAPM:286)

Pantun 231

2375 Tampik nipah susunya nipah  
Orang Limbang menanam padi  
Duduk susah berdiri susah  
Adik seorang **idaman hati**.  
(KAPM:365)

*Hasrat, niat, harap* dan *idaman* dalam pantun 228 hingga 231 di atas adalah keinginan seseorang pada sesuatu atau seseorang yang dikolokasikan dengan anatomi *hati* yang mempunyai **makna konotatif**. Ini adalah kerana keinginan itu merupakan perasaan dalaman mahukan sesuatu tetapi tidak diluahkan..

Bagi pantun-pantun 232 dann 233 berikutnya pula, metafora *hatimu sungguh, hatiku tulus*, digunakan bagi menggambarkan perasaan cinta yang masih belum pasti.

Pantun 232

3584 Apa benar musim tengkujuh  
Musim tengkujuh di tengah hari  
Apa benar **hatimu sungguh**  
Mari bertukar cincin di jari.  
(KAPM:546)

### Pantun 233

1865. Berjalan di pantai lurus  
Bersunting bunga si tawar-tawar  
Jikalau sudah **hatiku tulus**  
Minum racun jadi penawar.  
(KAPM:292)

Berdasarkan pantun-pantun di atas, **kolokasi** *harapan* dengan *hati* membawa **makna konotatif**. Penentuan bahawa kesan positif atau negatif bergantung kepada kesan daripada harapan tersebut yang boleh dilihat berdasarkan konteks.

#### **6.1.3 Medan Makna Emosi**

Medan makna emosi merujuk kepada perasaan seseorang yang wujud secara positif mahupun negatif. Berdasarkan kajian yang dijalankan, emosi dapatlah di bahagikan kepada emosi positif dan emosi negatif.

##### **6.1.3.1 Medan Makna Emosi Positif**

Terdapat emosi positif di dalam korpus kajian ini. Huraian berikutnya adalah berasaskan kepada subgolongan emosi positif yang terdiri daripada emosi gembira dan kasih sayang.

##### **6.1.3.1 (a) Gembira**

Gembira adalah perasaan yang menyenangkan dalam diri individu yang menggalakkan perkembangan sahsiah diri dan tindakan yang positif. Menurut Atan Long (1988:257), emosi gembira merupakan ubat yang sangat baik kerana kurangnya gangguan pada kestabilan badan yang menolong mengendurkan ketegangan badan yang disebabkan oleh emosi marah, takut atau cemburu dan yang paling penting, kegembiraan ini akan memberi sumbangan kepada konsep sendiri, sahsiah dan penyesuaian diri yang baik.

Hasil analisis adalah didapati bahawa beberapa unsur metafora bagi emosi gembira digambarkan oleh *suka hati*, *besar hati*, *hati terlipur*, *hati terubat*, dan *senang hati*. Berikut adalah contoh pantun bagi *suka hati*.

Pantun 234

2279. Pilang Melaka bermuat paku  
Dang Teja mandi berkubang  
Alangkah **suka rasa hatiku**  
Oleh mendengar titahnya abang.  
(KAPM:352)

Rasa gembira amat jelas tergambar apabila penutur menyatakan perasaan suka hati kerana kerana mendengar kata-kata abang. Dari segi penggunaan leksikal, titah digunakan untuk gologan Di Raja tetapi telah dikolokasikan dengan kata panggilan abang yang mana tidak mengikut konteks. **Kolokasi** antara adjektif *suka* dan *hati* memberi **makna konotatif**, dan **makna afektif**, iaitu kesan daripada titah tersebut mewujudkan emosi gembira. Hal yang sama juga dijelaskan dalam pantun 235 berikut yang menunjukkan emosi gembira;

Pantun 235

28. Gulai timun santan kelapa  
Masak lemak tengah hari  
Kita berpantun bukanlah apa  
Sekadar hendak **menyukakan hati**.  
(KAPM:9)

Di dalam masyarakat Melayu, pantun biasanya diungkapkan waktu senggang atau dalam majlis-majlis yang menggemirakan seperti kenduri perkahwinan, majlis keramaian dan sebagainya. Menurut Taib Osman (1996: 6-7), pantun adalah artifak untuk berkomunikasi dan masyarakat Melayu berpantun dalam konteks tertentu seperti berhibur, berdongang sayang, menyerikan ucapan, berbalas pantun serta majlis-majlis

tertentu seperti merisik, bertunang dan sebagainya. Maka, pantun menjadi satu alat komunikasi bagi menyatakan emosi gembira.

Seterusnya, emosi gembira juga digambarkan melalui frasa *besar hati*. Hal ini dijelaskan melalui pantun-pantun 236 dan 237 berikut;

Pantun 236

2964. Merpati ditangkap helang,  
Tangkap mari tepi kota;  
**Besar hati** orang miskin,  
Hari-hari duduk bersuka.

(KAPM:373)

Pantun 237

175. Elok rupanya kumbang janti  
Dibawa itik pulang petang  
Tidak berkata **besar hati**  
Melihat ibu sudah datang.

(KAPM:30)

**Kolokasi** *besar* dan *hati* bukanlah merujuk kepada ukuran atau saiz hati tersebut, tetapi menunjukkan makna **konotatif**, iaitu perasaan gembira pada seorang miskin dan anak yang melihat ibunya datang.

Hasil kajian ini mendapati bahawa lega adalah satu keadaan emosi yang membentuk rasa tenang atau selesa selepas sesuatu tekanan atau masalah yang membawa kepada kegembiraan. Ini ditunjukkan dalam pantun 238 berikut;

Pantun 238

2469. Asal ada kaca di pintu  
Tanamlah dedap di dalam padi  
Asal ada kata begitu  
Alangkah **sedap di dalam hati**.

(KAPM:379)

Pantun 239

2296. Bunga dedap di atas peti  
Bunga capa di dalam puan  
Baharulah **sedap rasanya hati**  
Dapat berjumpa denganmu tuan.  
(KAPM:354)

Kata adjektif *sedap* yang **berkolokasi** dengan kata leksikal *hati* digunakan bagi membawa **makna konotatif** menunjukkan keadaan lega. Perluasan makna berlaku pada kata *sedap* bagi rasa oleh lidah kepada perasaan, misalnya *sedap hati* merujuk pada perasaan selesa di dalam hati. Bagi masyarakat Melayu, *sedap* biasanya dihubungkan dengan rasa misalnya, *ketupat palas sedap rasanya*.

Pantun 240

1308. Hari Raya hari bahagia  
Ketupat palas **sedap rasanya**  
Ditangkap buaya nampak riaknya  
Ditangkap malas bagaimana pula?  
(KAPM:207)

Selain itu, didapati bahawa emosi gembira juga ditandai oleh *puas hati*. Ini ditunjukkan dalam pantun 241 berikut ini;

Pantun 241

2450. Anak mawas di pohon sena  
Sena berapit pohon cemara  
Baharulah **puas hati** teruna  
Teruna mendapat si anak dara.  
(KAPM:376)

Leksikal *puas* juga adalah kata adjektif ini apabila **berkolokasi** dalam kata nama *hati*, membentuk frasa adjektif *puas hati* memberi **makna konotatif** berasa senang atau lega kerana sesuatu yang dimaksud sudah tercapai, iaitu mendapat

kehendak hati masing-masing. **Makna afektif** juga wujud kerana emosi kehendak tercapai memberi kesan positif kepada emosi.

Emosi gembira juga ditandai oleh metafora *senang hati*. Ini bermakna *senang hati* merujuk kepada perasaan lega dan boleh juga dikelaskan dalam emosi gembira, misalnya dalam pantun 242 berikutnya,

Pantun 242

2376. Tanam lada di pohon temu  
Ambil benang di atas peti  
Kalau sudah kita bertemu  
Rasanya **senang di dalam hati**.

(KAPM: 109)

*Senang* adalah kata adjektif yang bermaksud mudah, tidak ada kesulitan; berasa puas, suka, mesra dan bahagia (*Kamus Dewan*, 1997:1237). **Kolokasi** *senang* dan *hati* memberi **makna konotatif** dan **makna afektif**, iaitu hati yang gembira. *Senang* dalam bahasa Jawanya *sěněng* dan bahasa Minangkabau *sanang* bermaksud *ease* atau *restfulness*, iaitu kesenangan dan penuh ketenangan (Wilkinson 1955:1065).

#### 6.1.3.1 (b) Kasih Sayang

Berdasarkan hasil kajian, adalah didapati bahawa emosi kasih sayang mempunyai intensiti atau tahap tertentu. Berdasarkan kepada intensiti tersebut tersebut, bahagian ini akan dibincangkan berdasarkan tahap hubungan, iaitu mesra, rindu, kasih dan sayang, serta tahap yang paling tinggi, iaitu cinta.

Dalam kajian didapati bahawa perasaan mesra ditandai oleh *hati mesra*. Berikut adalah contoh pantun 243 menunjukkan mesra.

### Pantun 243

24. Burung bersarang di pohon zaitun  
Buah pedada di dalam puan  
Sahaya mengarang syair dan pantun  
**Hati mesra** denganmu tuan.

(KAPM:8)

### Pantun 244

2611. Gunung tinggi tanahnya elok  
Pasir permata bercampur pudu  
Abang sembunyikan kepada makhluk  
**Kasih mesra di dalam hati.**

(KAPM:400)

Menurut Wilkinson (1955:772) kata leksikal *mesra* dipinjam dari Bahasa Sanskrit /*mēsra*/ yang bermaksud *permeation; absorption, e.g salt in water. Sērāp m. haertfelt (of feelings)*. Secara asasnya *mesra* melibatkan hubungan luaran yang dapat dilihat melalui perlakuan antara individu dengan individu lain.

**Kolokasi** antara *hati* dan *mesra* memberi **makna konotatif**. *Mesra* melibatkan hubungan antara dua orang atau lebih. *Mesra* wujud dalam jarak yang dekat, dan boleh wujud dalam hubungan yang akrab dan mungkin tidak akrab. Perasaan *mesra* ini digunakan bagi hubungan pada benda bernyawa seperti manusia dan binatang, tetapi tidak pada benda. Namun pada masa kini, *mesra* juga digunakan kepada *mesra + manusia*, seperti *mesra pengguna, mesra pembaca, mesra pelanggan* . Selain itu *mesra* juga digunakan bagi *mesra + ruang*, contohnya *mesra alam*.

Rindu pula merujuk kepada perasaan keinginan yang terlalu mendalam terhadap seseorang atau sesuatu. Perasaan rindu ini melibatkan hubungan dalam jarak yang jauh tetapi akrab. Perasaan rindu yang melibatkan manusia dengan manusia, misalnya dalam pantun 245 berikut,

#### Pantun 245

1907. Buah ridan di pangkal jati  
Bunga kemuning di dalam puan  
Bertambah **rodan rasanya hati**  
Putih kuning pulanglah tuan.  
(KAPM:298)

Berdasarkan pantun **kolokasi** *rodan rasanya hati* memberi **makna konotatif** dan **makna afektif** yang menunjukkan rindu yang teramat sangat mengharapkan kepulangan seseorang. *Rodan* adalah kata arkaik yang bermaksud terlalu (sangat) sakit (*Kamus Dewan*,1997:1145). Dalam hal ini perasaan rindu yang berlebihan sehingga mengganggu kestabilan emosi akan menyebabkan perubahan daripada emosi positif kepada emosi yang negatif.

Metafora *hatiku rindu* dan *terselap hati yang rindu* pula jelas menunjukkan perasaan rindu, misalnya bagi pantun 246 dan 247 berikut,

#### Pantun 246

1926. Buluh perindu berdaun tidak  
Ke tepi perigi daunnya senget  
**Hatiku rindu** tertahan tidak  
Seperti bumi menanggung langit.  
(KAPM:301)

#### Pantun 247

1979. Dang Selat duduk di pintu  
Makan kerak mengutip garam  
Jika terselap **hati yang rindu**  
Bumi bergerak langit pun karam.  
(KAPM:309)

Bagi **kolokasi** *jika terselap hati yang rindu*, berdasarkan konteks memberi **makna konotatif** menunjukkan perasaan rindu yang teramat sangat sehingga tidak dapat digambarkan dan boleh berubah menjadi emosi negatif sekiranya tidak dikawal.



Secara keseluruhannya, sasaran perasaan rindu di dalam pantun-pantun di atas adalah kabur dan lebih kepada menonjolkan perasaan pemantun itu sendiri.

Kasih sayang pula adalah merujuk kepada perasaan sayang yang mendalam pada seseorang atau sesuatu. Dalam emosi kasih sayang terdapat dua bentuk yang agak berbeza antara *kasih sayang* dengan *cinta*.

Menurut Wilkinson (1955:514), kasih bermaksud “*affection, love*, iaitu etimologi kata *sih*, dalam bahasa Sunda *asih*”. Sayang pula menurut beliau bermaksud “*pining, logging, pitying, love; affection* (1955:1029). Kasih dan sayang boleh digunakan pada benda bernyawa seperti manusia dan binatang dan yang tidak bernyawa, misalnya negara, sekolah dan sebagainya. Unsur metafora seperti *kasih di hati, hati kasih*, digunakan untuk menggambarkan rasa kasih dan sayang seperti dalam pantun-pantun 248 dan 249 selanjutnya;

Pantun 248

3664. Dapat seekor ikan tenggalan  
Lalu ditaruh di atas peti  
Saudara-mara dapat berkenalan  
Bertambah mesra **kasih di hati**.  
(KAPM:558)

Pantun 249

2202. Limau purut lebat di pangkal  
Sayang selasih condong uratnya  
Angin ribut dapat ditangkal  
**Hati kasih** apa ubatnya?  
(KAPM:340)

Selain itu, kata nafi bantu, tak dan tidak, iaitu kata yang menafikan maksud yang didukung oleh kata-kata lain yang mengikutinya (Asmah Haji Omar,1993b:160-161)

juga digunakan bagi menunjukkan emosi kasih sayang. Misalnya bagi pantun 250 berikut ini;

Pantun 250

496. Tumbuh keliki tepi tebing  
Rebah dibawa tebing runtuh  
Sungguh baik berbini sumbing

**Tidak pernah berhati rusuh.**

(KAPM: 75)

Perasaan sayang terhadap isteri yang sumbing dinyatakan dengan ungkapan *tidak pernah berhati rusuh*. *Rusuh* ialah keadaan tidak aman, huru hara atau kacau, maka pemantun menyatakan yang sebaliknya, iaitu dia tidak pernah berdukacita dengan keadaan isterinya.

Pantun 251

3064 Buah mempelam buah mesta  
Padi pulut dalam peti  
Sudah sebulan tidak berjumpa

**Tidak lucut di dalam hati.**

(KAPM:467)

Manakala bagi pantun 251 di atas, *tidak lucut di dalam hati*, *lucut* bermakna terlepas dari ikatan, bermakna perasaan sayang pemantun tidak pernah terlepas atau hilang walaupun sebulan tidak berjumpa. Bagi pantun pula, perasaan sayang wujud kerana kebaikan orang yang disayanginya.

Pantun 252

761. Makan manggis dengan bijinya  
Daun miana di atas loyang  
Kerana manis hati budinya

**Bagaimana hati takkan sayang.**

(KAPM:119)

### 6.1.3.1 (c) Cinta

Terdapat perbezaan antara kasih sayang dan cinta. Cinta antara manusia melibatkan unsur seksual. Cinta berasal dari bahasa Sanskrit, iaitu “*chitta, chinta thought-concentration* atau *deep feeling*” (Wilkinson,1955:229), yang juga bermaksud “*devoting much thought to of care, longing, regret, love, mourning and solicitude generally*”. Namun terdapat juga ungkapan seperti *cintai sungai kita, cintakan negara* digunakan dalam bahasa Melayu hari ini seperti di dalam iklan. Cinta asasnyanya boleh didefinisikan sebagai kasih sayang yang mendalam dan mempunyai unsur seksual, misalnya dalam pantun-pantun 253 dan 254 berikut;

#### Pantun 253

1789. Anak Islam main pedati  
Burung merak hinggap di jati  
Kalau sungguh **cinta di hati**  
Sampai di kubur saya menanti.  
(KAPM: 123)

#### Pantun 254

862. Duduk termenung di tepi muara,  
Ditiup angin daun bergoncang;  
Bila terkenang pada dara,  
**Berdebar hati** bertambah sayang.  
(KKMS:109)

**Kolokasi** *cinta di hati dan berdebar hati* memberi **makna konotatif** yang merujuk kepada emosi cinta antara lelaki dan perempuan. Ini secara tidak langsung memberi **makna afektif**, iaitu kesan perasaan kepada mereka.

Emosi sayang adalah emosi positif yang digambarkan melalui proses mengabstrak benda kepada manusia, misalnya orang yang disayangi atau kekasih

dilambangkan dengan *mahligai hati*, *mahkota hati*, dan *gemala hati*. Perlambangan ini dijelaskan melalui pantun-pantun berikut;

Pantun 255

2814. Panjang rambut Siti Julita  
Panjang melilit ibu kaki  
Intan zamrud cermin mata  
Tuan seorang **mahkota hati**.  
(KAPM:428)

Pantun 256

2597. Eloknya balai raja di Bentan  
Awan berkeluk berkisi-kisi  
Tidak ternilai usulnya badan  
Jatuh ke lubuk **mahligai hati**.  
(KAPM:398)

*Mahkota* adalah alat yang dipakai di bahagian kepala raja-raja, diperbuat daripada emas bertatahkan permata, manakala *mahligai* pula merupakan istana tempat kediaman raja memberi **makna reflektif** apabila terdapat hubungan bayangan antara objek-objek tersebut dengan anatomi *hati*. Kedua-dua benda tersebut merupakan lambang kebesaran diraja. Jadi, **kolokasi** *hati* dengan *mahkota* dan *mahligai* memberi **makna konotatif** yang menggambarkan sebagai satu nilai yang tinggi diberikan kepada seseorang yang disayangi yang turut memberikan **makna afektif** kerana berkaitan dengan kesan emosi.

Seterusnya terdapat juga metafora *gemala hati* yang ditunjukkan dalam pantun 257 selanjutnya;

Pantun 257

2787 Hanyut tunjung dari kuala  
Didapat siti gemala sakti  
Patut dijunjung di atas kepala  
Nobat di mercu **gemala hati**.  
(KAPM:425)

*Gemala* adalah sejenis batu hikmat yang dipercayai hidup di atas kepala naga dan memberikannya cahaya sebagai panduan perjalanannya di waktu malam (Wilkinson,1955:345). Hal ini menunjukkan adanya **makna reflektif**, iaitu bayangan antara hati dan batu gemala tersebut. **Kolokasi** *gemala hati* dalam pantun di atas juga memberi **makna konotatif** merujuk kepada nilai yang tinggi yang diberikan kepada seorang yang disayangi.

Hasil kajian juga mendapati bahawa metafora *bagai empedu lekat di hati* dalam pantun turut menggambarkan rasa cinta. Hal ini ditunjukkan melalui pantun-pantun berikut;

Pantun 258

1151. Aceh bersunting bunga sena

Pergi ke rumah Cik Siti

Kasih tuan sudah sempurna

**Bagai empedu lekat di hati.**

(KAPM:181)

Pantun 259

44. Anak Cina main gelombang

Nampak dari Tanjung Jati

Tuan umpama bunga yang kembang

Sentiasa **hidup di dalam hati.**

(KAPM:1)

**Kolokasi** *empedu lekat di hati* memberi **makna denotatif** sekiranya dilihat dari sudut fizikal kedudukan antara *empedu* dan *hati*. Ini juga membawa **makna refleksi** bayangan kedudukan kedua-dua organ tersebut. Namun berdasarkan kepada konteks, *empedu lekat di hati* mempunyai **makna konotatif** tentang kesempurnaan emosi sayang antara dua pihak, iaitu antara tuan dan pemantun. *Jantung*, *empedu* dan *hati* merupakan organ dalaman manusia yang penting untuk memastikan manusia itu terus hidup,

manakala hidup melibatkan nyawa dan tumbesaran. Ini bermakna *hidup di dalam hati* dalam pantun berikut ini merujuk kepada perasaan kasih sayang atau cinta yang berterusan di dalam diri individu tersebut.

#### 6.1.3.2 Emosi Negatif

Emosi negatif pula adalah emosi yang mengganggu kestabilan diri dan kelancaran perjalanan kehidupan harian. Emosi negatif berpunca daripada kecelaruan emosi dan sekiranya tidak dikawal akan menimbulkan kesan yang membahayakan, misalnya, emosi marah boleh menimbulkan emosi dendam yang mewujudkan tindakan agresif. Emosi negatif juga mempunyai intensiti dan dibincangkan bermula daripada emosi bimbang, sedih, kecewa, marah, dan dendam. Emosi negatif yang tidak dikawal akan menimbulkan kesan tidak baik dalam jangka masa panjang.

##### 6.1.3.2 (a) Bimbang

Bimbang adalah emosi yang wujud pada manusia terhadap perkara yang belum diketahui hasilnya. Emosi tersebut dimetaforkan melalui ungkapan *berhati bimbang*, *hati runsing*, dan *hati risau*. Hal ini ditunjukkan dalam contoh pantun-pantun berikut;

##### Pantun 260

1754. Terbang ke Desa Suka Menanti  
Masuk ke lubuk jatuh ke lubang  
Senantiasa berosak hati  
Apa sudahnya **berhati bimbang**.  
(KAPM:273)

##### Pantun 261

2031. Duduk galah berdiri galah  
Galah memusing haluan perahu  
Duduk salah berdiri salah  
**Hati runsing** orang tak tahu.  
(KAPM:316)

### Pantun 262

1708. Saya tak hendak berlesung pauh  
Lesung pauh membuang padi  
Saya tak hendak bersahabat jauh  
Sahabat jauh **merisau hati**.

(KAPM:266)

**Kolokasi** *bimbang*, *runsing*, *risau* dengan anatomi *hati* memberikan **makna konotatif**. Ini adalah kerana *hati* adalah objek atau anatomi yang tidak mempunyai emosi tetapi telah dimetaforkan. Apabila melibatkan emosi maka secara tidak langsung memberikan **makna afektif**. Bagi pantun-pantun 260 dan 261 di atas makna afektif berlaku pada diri sendiri, manakala pantun 262 berlaku orang lain.

Emosi *bimbang*, *risau*, *runsing* berlaku pada manusia, manakala sasarannya boleh kepada benda bernyawa seperti manusia, haiwan mahupun peristiwa. Ini dijelaskan melalui pantun-pantun di atas, iaitu pada diri sendiri, dan kepada orang kedua, iaitu sahabat.

Selain itu, *bimbang* juga dikaitkan dengan sesuatu peristiwa. Peristiwa-peristiwa tersebut ada yang belum, sedang, telah berlaku serta berterusan. Hal ini dibincangkan berikut ini. Bagi peristiwa yang belum berlaku, emosi *bimbang* wujud kerana memikirkan hasil dan kesan yang diperolehi apabila peristiwa itu berlaku. Hal ini ditunjukkan melalui pantun 263 berikut,;

### Pantun 263

1903. Buah manggis pokoknya rendang  
Panjat man pakai tangga  
Mulut manis **hati bimbang**  
Takut tak sampai bagai diduga.

(KAPM:298)

Dalam pantun di atas, **kolokasi** *hati bimbang* wujud kerana apa yang diduga pemantun tidak kesampaian. Ini memerikan **makna konotatif** dan **afektif** kepada pemantun itu sendiri.

Emosi bagi peristiwa yang sedang berlaku pula, digambarkan melalui pantun 264 berikut;

Pantun 264

1290. Di Maninjau berpadi masak  
Batang kapas bertimbal jalan  
**Hati risau** dibawa gelak  
Bagai panas mengandung hujan.  
(KAPM:204)

Pantun 265

2433. Zaman kami mudik ke Limbang  
Habis tubuh dimakan rangit  
**Hati di mana tiadakan bimbang**  
Menentang tubuh si panjang damit.  
(KAPM:373)

Peristiwa yang sedang berlaku digambarkan di dalam pantun 264 di atas melalui perilaku gelak walaupun ketika itu hati sedang risau. Selain itu juga pantun 265 di atas menggambarkan hati bimbang semasa *menentang tubuh si panjang damit*.

Sementara itu, peristiwa yang telah berlaku pula ditonjolkan melalui contoh 266 pantun berikut;

Pantun 266

2851. Tetak lontar alaskan padi  
Padi dibawa dari Palembang  
Bertemu sebentar bagaikan mimpi  
Itu membawa **hatiku bimbang**.  
(KAPM:434)



Pantun 267

2570. Dermawan di Pulau Jati  
Diharapkan Raja Palembang  
Putera pergi merawankan hati  
Tuanku jangan **berhati bimbang**.  
(KAPM:394)

Bagi peristiwa yang telah berlaku, pantun 274 di atas menunjukkan emosi bimbang wujud setelah bertemu seseorang dengan seseorang. Manakala dalam pantun berikutnya menunjukkan putera raja yang pergi mengubat kesedihan berpesan pada ayahandanya agar tidak bimbang.

Seterusnya bagi peristiwa yang akan berlaku pula digambarkan melalui pantun 268 dan 269 berikut;

Pantun 268

2496. Buah berangan dari Palembang  
Dijual budak dalam kota  
Jangan tuan **berhati bimbang**  
Saya tidak berubah kata.  
(KAPM:383)

Pantun 269

2288. Pokok pauh dari Surati  
Bunga selasih dalam cerana  
**Jangan susah di dalam hati**  
Kalau kasih tidak ke mana.  
(KAPM:353)

Dalam pantun-pantun di atas, kolokasi bagi *berhati bimbang* dan *jangan susah di dalam hati* merupakan nasihat kepada seseorang. Dalam hal ini, pantun tersebut seolah-olah janji bahawa sesuatu itu tidak akan berlaku, iaitu setia dan tidak akan mungkir janji.

Emosi bimbang secara berterusan pula digambarkan melalui pantun 270 dan 271 selanjutnya;

Pantun 270

2185. Kupu-kupu terbang melintang  
Terbang di laut di hujung karang  
**Hati di dalam menaruh bimbang**  
Dari dahulu sampai sekarang.  
(KAPM:338)

Pantun 271

1716. Seri Mersing lagu Melayu  
Dikarang oleh biduan dahulu  
**Hatiku runsing** bertambah pilu  
Mengenang nasib dagang piatu.  
(KAPM:268)

Berdasarkan pantun-pantun di atas, perasaan bimbang dan runsing berlaku secara berterusan, iaitu sejak dari dahulu sampai sekarang, serta rasa runsing berterusan apabila mengenangkan diri sebatang kara.

**6.1.3.2 (b) Gelisah**

Emosi gelisah berkait rapat dengan emosi bimbang, iaitu melibatkan hati yang tidak tenteram. *Gelisah* bermaksud perasaan tidak tenang (Wilkinson,1955:343). Gelisah berlaku apabila wujudnya rasa bimbang pada seseorang. Sepertimana bimbang, gelisah berlaku pada manusia kerana peristiwa yang telah, sedang atau akan berlaku.

Gelisah dimetaforkan melalui kolokasi *hati gelisah*, *susah di dalam hati*, *hatiku gundah gulana*, *hati tak senang*, *hati diturut serba salah*, dan *hati terlingkar*. Hal ini akan dihuraikan seterusnya berserta contoh-contoh pantun yang sesuai. Berikut adalah pantun 272 dan 273 menunjukkan emosi gelisah;

Pantun 272

764. Menuai padi di bulan puasa  
Ambil daun buatkan alas  
Dalam **hati gelisah** rasa  
Budi bertimbun tak dapat dibalas.  
(KAPM:120)

Pantun 273

2148. Dahan melampai ke belukar  
Ditanam oleh raja yang sakti  
Bunga dililit ular yang besar  
Sangatlah **gundah di dalam hati**.  
(KAPM:333)

Gundah bermaksud dukacita atau sedih hati (Kamus Dewan, 1997:418), Perasaan gundah ini membawa kepada rasa *hati tak senang*. Hal ini turut dijelaskan dalam pantun 274 dan 275 berikut;

Pantun 274

3304. Orang belayar balik-berbalik  
Lalu berlabuh tempat yang tenang  
Abang yang pergi **hati tak baik**  
Adik yang tinggal **hati tak senang**.  
(KAPM:502)

Pantun 275

3556. Anak Bandan meniup api  
Api ditiup tiada menyala  
Rosak badan menurut hati  
**Hati diturut serba salah**.  
(KAPM:542)

Emosi gelisah melalui **kolokasi** antara anatomi *hati* dengan *gelisah*, *gundah*, *tak senang*, *serba salah*, dan sebagainya memberi **makna konotatif**, iaitu melibatkan aspek dalaman psikologi. Ianya juga memberi **makna afektif** kepada pemantun, yang menjadikan keadaan tidak selesa pada emosi.

### 6.1.3.2 (c) Sedih

Emosi sedih biasanya dikaitkan dengan kemurungan. Kesedihan berlaku pada manusia apabila terdapat peristiwa atau yang mengganggu kelancaran perjalanan kehidupan seharian. Kata-kata leksikal *sedih*, *duka*, *hiba* dan *pilu* digunakan bagi sesuatu perkara yang telah berlaku. Emosi ini boleh berlaku pada manusia kesan daripada bimbang dan gelisah serta sesuatu peristiwa yang tidak menyenangkan. Pantun-pantun 276, 277, dan 278 berikut menunjukkan metafora hati yang membawa maksud sedih;

#### Pantun 276

1650. Makan sirih berkati-kati  
Hingga habis seraga pinang  
Alangkah **sedih rasanya hati**  
Mengenang nasib dagang menumpang  
(KAPM:258)

#### Pantun 277

1713. Selat Melaka lautnya tenang  
Tempat berlabuh perahu Bugis  
**Hati yang duka** usah dikenang  
Andai dikenang tentu menangis.  
(KAPM:267)

#### Pantun 278

3168. Hari pagi bunga nan kembang  
Bunga yang merah mala dahulu  
Ayuhai kasih buah hati abang  
Adinda jangan **berhati pilu**.  
(KAPM:482)

*Duka* merupakan kata pinjaman bahasa Sanskrit yang bermaksud *grief* (Wilkinson, 1955: 289). Manakala kata leksikal *pilu* berasal dari bahasa Jawa, iaitu *pelu*, yang bermaksud *tender solicitude* (Wilkinson, 1955:902),

Seterusnya, emosi sedih juga ditemui di dalam kajian melalui *sayunya hati*, dan *sayupnya hati* di dalam pantun-pantun berikut;

Pantun 279

1587. Cik Abu memanggang punai  
Punai dipanggang dibelah dua  
**Sayunya hati** memandang sungai  
Sungai tempat mandi berdua.  
(KAPM:248)

Pantun 280

1583. Burung merpati terbang ke hutan  
Hinggap di tunggul bersilang kepak  
**Sayupnya hati** pandang lautan  
Bertimbal-timbal ditutup ombak.  
(KAPM:247)

**Kolokasi** *sayunya hati* dan *sayupnya hati* di dalam pantun-pantun di atas digambarkan melalui perilaku yang hampir sama, iaitu memandang alam, iaitu sungai dan lautan. Terdapat juga **makna konotatif** dan **makna afektif**, iaitu memberi maksud emosi sedih dan memberi kesan kepada emosi pemantun tersebut. Secara inferens, apabila seseorang duduk memandang air secara bersendirian, bunyi deruan air atau ombak yang sayup itu menyebabkan timbul rasa sayu atau sedih dalam hati.

Metafora *hiba hati*, *hiba hatiku* dan *berhati hiba* adalah metafora yang menggambarkan perasaan yang sedih. Ini seperti pantun-pantun berikutnya,

Pantun 281

3390. Timbang urai dengan neraca  
Raden Isa bersila panggung  
Tunduk bercucur air mata  
**Hati hiba** tidak tertanggung.  
(KAPM:515)

Pantun 282

3068. Buah pinang di dalam puan  
Dikacip jangan kena jari  
Sungguh **hiba hatiku** tuan  
Melihat burung di pagar besi.  
(KAPM:467)

Pantun 283

2930. Galah bentangor kayu di rimba  
Rimba yang besar di atas bukit  
Tidaklah bayu **berhati hiba**  
Hiba yang besar lepas penyakit.  
(KAPM:445)

Seterusnya Wilkinson (1955:416) menjelaskan bahawa *hiba*, dipinjam dari bahasa Arab, iaitu *hibbat*, *iba* yang bermaksud juga *solicitude*, *anxious love*. Ini menjelaskan bahawa *pilu*, *sayu*, dan *hiba* adalah dalam medan makna emosi sedih. **Kolokasi** antara anatomi hati dengan *pilu*, *sayu* dan *hiba* memberi **makna konotatif**, melibatkan perasaan terharu atau sedih yang mendalam pada diri seseorang kerana seseorang, mahupun sesuatu peristiwa. Perasaan ini wujud selepas sesuatu terjadi seperti kehilangan. Perasaan hiba juga dimetaforkan kepada alam kosmos, iaitu bayu dan ini menjadikan unsur personafikasi, iaitu watak manusia diberikan kepada benda. **Makna afektif** yang wujud juga boleh berlaku pada diri sendiri dan orang lain.

Emosi sedih juga dilambangkan melalui metafora *hati yang rawan* dan *rawan betas di hati*. Hal ini digambarkan melalui pantun 284 dan 285 di bawah;

Pantun 284

2227. Merentang tenun kain celari  
Digalang dengan bulang bengkawang  
Menentang wajah tuan puteri  
Baharulah hilang **hati yang rawan**.  
(KAPM:344)

### Pantun 285

1600. Dua belas dayung ke Jambi  
Putik nanas di dalam kebun  
**Rawan betas di hati** kami  
Siang berpanas malam berembun.  
(KAPM:249)

*Rawan hati* merupakan kata arkaik yang juga bermaksud *sayu* (*Kamus Dewan*, 1997:1110). *Betas* pula membawa maksud satu keadaan benda berjahit yang terbuka jahitannya kerana benangnya putus. Ini bermakna **kolokasi** *rawan betas di hati* memberi **makna konotatif** dan makna **afektif** yang menggambarkan emosi yang terlalu sedih dan terluka.

Selain itu metafora *rodan rasanya hati* dan *walang di hati* juga digunakan untuk menggambarkan kesedihan. *Rodan* bermaksud terlalu sakit (*Kamus Dewan*, 1997:1145). Manakala *walang* pula memberi maksud bersusah atau bersedih hati, dukacita, gelisah, khuatir (*Kamus Dewan*, 1997:1543). Ini digambarkan melalui pantun 286 dan 287 berikutnya,

### Pantun 286

1927. Buluh serakit tumbuh di tebing  
Buah ridan di pangkal jati  
Tubuh sakit duduk mengiding  
Bertambah **rodan rasanya hati**.  
(KAPM: 148)

### Pantun 287

2270. Perahu Tuban dari Jawa  
Sarat bermuat papan jati  
Sungguh uban, belum tua  
Janganlah tuan **walang di hati**.  
(KAPM:350)

**Kolokasi** *hati* dengan *rodan* dan *walang* menunjukkan **makna konotatif** dan **makna afektif** yang merujuk kepada kesedihan. Namun berdasarkan konteks, *rodan rasanya hati* menggambarkan keadaan seseorang yang dalam kesakitan menambahkan lagi emosi sedihnya. Bagi pantun berikutnya pula, *walang di hati* adalah nasihat yang diberikan agar tidak berasa sedih kerana usia.

#### 6.1.3.2 (d) Marah

Marah adalah adalah reaksi emosi disebabkan gangguan daripada situasi seperti benci, ancaman, kecewa dan emosi negatif yang lain. Perasaan marah yang tidak terkawal boleh menyebabkan seseorang itu bertindak agresif. Marah bermaksud berasa panas hati kerana ditipu (dihina dll), perasaan panas hati, berang, gusar, murka (*Kamus Dewan*, 1997:160). Marah digunakan pada benda-benda bernyawa seperti manusia, binatang atau kerana sesuatu perkara. Marah berlaku pada diri sendiri dan juga ditujukan pada orang lain.

Hasil penelitian pada korpus, adalah didapati bahawa emosi marah dikaitkan dengan suhu, iaitu panas. Misalnya dalam pantun 288 dan 289 berikut,

##### Pantun 288

1427. Patah hati tentu merajuk  
Rajuknya sampai ke hutan belukar  
**Hati yang panas** kembali sejuk  
Umpama burung pulang ke sangkar.  
(KAPM:224)

##### Pantun 289

3860. Kalau tuan hendak berkebun,  
Air `hangat dalam cawan;  
Kalau tuan pandai berpantun,  
Jangan bagi **hangat hati** kawan.  
(KAPM:224)



Dalam dialek utara pula, metafora *hangat hati* turut digunakan menunjukkan perasaan marah. Selain itu, hasil kepanasan juga dimetaforkan melalui kolokasi *terbakar hati*, *terbakar hangus di dalam hati*, *terbakar di dalam hati*, dan *hati ditunu*.. Sila lihat contoh-contoh pantun berikutnya,

Pantun 290

1154. Akar nibung meresap-resap  
Akar mati dalam perahu  
Terbakar kampung kelihatan asap  
**Terbakar hati** siapa tahu.

(KAPM:181)

Pantun 291

2378. Tanjung Rungus Seri Menanti  
Tempat raja turun berkarang  
**Terbakar hangus di dalam hati**  
Terkenangkan bunga kembang dikarang.

(KAPM:365)

Pantun 292

2604. Sebab sedikit ada kesalahan  
Disumpah oleh Betara Bisnu  
Sampai ke siang rasa-rasaan  
Di dalam **hati** bagai **ditunu**.

(KAPM:399)

*Tunu* adalah kata pinjaman bahasa Iban yang memberi maksud bakar (Asmah Haji Omar,1981:32) *Bakar* dan *tunu* melibatkan perbuatan menyalakan sesuatu menggunakan api. Api pula menghasilkan haba yang panas menghasilkan **makna konotatif** dan **makna afektif**. Ini bermakna kepanasan itu dimetaforkan pada emosi marah

Emosi marah muncul kerana perasaan geram dan tidak puas hati. Hal ini ditunjukkan melalui pantun-pantun 293 berikut;

### Pantun 293

2982. Air pasang menyelam tiram  
Tiram diselam pasang perbani  
Jikalau diturut **hati yang geram**  
Hilanglah takut timbul berani.  
(KAPM:454)

*Geram* adalah kata pinjaman bahasa Parsi, iaitu *garm* bermaksud *heat, heat of anger; excitement*. (Wilkinson,1955:354) Bagi pantun *sakit hati* dan *hatiku gila* juga boleh bermaksud perasaan geram terhadap sesuatu. Namun, ada juga geram kemungkinan tidak menimbulkan emosi marah, misalnya bagi pantun-pantun 294 dan 295 berikutnya,

### Pantun 294

2336. Sakit kaki ditikam tunggul  
Tunggul kecil di tengah huma  
**Sakit hati** memandang sanggul  
Sanggul kecil berisi bunga.  
(KAPM:359)

### Pantun 295

3493. Tengku Puan raja di Lingga  
Makan cempedak di luar perahu  
Sebab dik tuan **hatiku gila**  
Makan tak sedap tidur tak mahu.  
(KAPM:531)

Selain itu, marah juga bermaksud radang atau berang. Emosi marah turut dimetaforkan melalui metafora *hatipun radang* yang ditunjukkan di dalam pantun 296 selanjutnya.

### Pantun 296

3353. Beliung dibuat tebas belukar  
Belukar tumbuh di tengah padang  
Tidak bertanggung oleh pendekar  
Terbakar hangus **hati pun radang.**

(KAPM:510)

. Ini bermakna dari segi intensiti, emosi marah bermula dengan geram, tidak puas hati, menafikan, amaran dan marah. Ada ketikanya berlaku pertindihan emosi antara satu sama lain berdasarkan konteks.

#### 6.1.3.2 (e) **Kecewa**

Kecewa adalah perasaan dukacita kerana harapan, cita-cita atau kehendak yang tidak tercapai. Emosi kecewa digunakan pada manusia dan biasanya perasaan ini wujud selepas berlakunya sesuatu kejadian.

Kekecewaan yang mempunyai intensiti melalui metafora *hati luka, rosak sekali hatiku, patah hati. putus rasanya hati, hancur hati, hancur luluh hatiku, karam di hati, dan kiamat di hati.* Kekecewaan yang digambarkan pada tahap minimum, iaitu masih boleh diubati hingga pada tahap maksimum, iaitu metafora kekecewaan yang teramat sangat yang tidak dapat diperbaiki. Semua ini dihuraikan berikut berserta contoh-contoh pantun yang berkaitan.

### Pantun 297

1337. Kain basahan warna hijau  
Pon dan kati di atas meja  
Luka di tangan kena pisau  
**Luka di hati** kerana kata.

(KAPM:211)

Pantun 298

2366. Sungai Bangkita aimya keruh  
Keruh dari Sungai Kedayan  
**Hati luka** hilang separuh  
Mendengar cerita si burung bayan.  
(KAPM:364)

*Luka di hati* dan *hati luka* dalam pantun di atas menggambarkan rasa kecewa kerana kata seseorang. Luka tersebut mungkin meninggalkan kesan pada perasaan tetapi masih boleh diubati. Hal ini ditunjukkan pada pantun berikutnya, iaitu *luka yang hilang* separuh setelah mendengar cerita burung bayan. Dalam pantun di atas jelas menunjukkan **makna konotatif** bagi *luka di hati* apabila meneliti perbandingan antara *luka di tangan* yang boleh dilihat secara fizikal yang membawa **makna denotatif**. Selain itu juga terdapat **makna afektif** bagi *luka di hati* kerana kesan pada emosi berbanding dengan *luka di tangan* boleh dirawat secara fizikal.

Seterusnya terdapat juga emosi kecewa di dalam kajian yang masih boleh diperbaiki, iaitu *berosak hati* dan *berhati rosak*;

Pantun 299

3055. Bunga melati di dalam jambangan  
Mari dipetik anak teruna  
**Berosak hati** berpanjangan  
Akhimya mati sakit merana.  
(KAPM:465)

Pantun 300

3371. Puan emas di atas peti  
Bunga mawar layu terletak  
Tuan berjalan bersenang hati  
Saya yang tinggal **berhati rosak**  
(KAPM:512)

Rosak merujuk kepada sesuatu benda yang terjejas kualiti dan perlu diperbaiki.

**Kolokasi** *berosak hati* atau *berhati rosak* memberi **makna konotatif** keadaan emosi yang sudah kecewa kerana seseorang atau peristiwa, seperti yang digambarkan di atas.

**Makna afektif** pula merujuk kepada kesan emosi negatif yang berlaku pada diri si pemantun.

Seterusnya, kekecewaan juga digambarkan melalui kolokasi *hati* dengan keadaan *patah* dan *putus*. Hal ini dijelaskan melalui pantun 301 dan 302 berikut;

Pantun 301

2125. Kalau pergi ke kedai malam  
Belikan saya bunga sekaki  
Biarlah saya mengidap dendam  
Jangan mengidap **patah hati**.  
(KAPM:329)

Pantun 302

3387. Putus tali jala jemantung  
Cempedak jalan ke paya  
**Putus hati** hendak bergantung  
Orang tak hendak apakan daya.  
(KAPM:515)

Pantun 303

1999. Daun miana di atas batu  
Pohon dilam celahnya genting  
Melihat adinda duduk di pintu  
**Hati di dalam rasa digunting**.  
(KAPM:311)

*Patah* dan *putus* merujuk kepada keadaan sesuatu yang masih boleh diperbaiki, iaitu boleh disambung atau dicantum kembali. Putus juga berkaitan dengan hati di dalam rasa digunting, namun perbuatan gunting tersebut mungkin hanya sedikit atau terputus langsung. Dalam hubungan ini, **kolokasi** *patah* dan *putus* dengan *hati* memberi

**makna konotatif** dan **makna afektif**, iaitu hati kecewa tetapi masih boleh diperbaiki. Ini juga memberi **makna reflektif**, iaitu gambaran organ hati yang patah atau putus.

Seterusnya emosi kecewa juga digambarkan melalui *hancur hati*. Ini dapat diperhatikan melalui pantun 304 dan 305 berikut;

Pantun 304

1778. Anak ayam biangnya kurik  
Tanam cekur di pohon dilam  
Duduk diam rasa ditarik  
Membuat **hancur hati** di dalam.  
(KAPM:280)

Pantun 305

1767. Ambil buluh pagarkan padi  
Rakit buluh dari seberang  
**Hancur luluh rasanya hati**  
Sakit sungguh kekasih orang.  
(KAPM:278)

Bagi **kolokasi** *hancur* dan anatomi *hati* dalam pantun di atas, **makna konotatif** dan **makna afektif** wujud namun dalam keadaan kekecewaan seseorang yang tidak dapat diubah lagi. Ini adalah kerana apabila sesuatu itu hancur, maka bentuk asalnya telah hilang, begitu juga dengan metafora hati. Ini juga memberi **makna reflektif** yang menunjukkan gambaran organ hati yang hancur.

Seterusnya, emosi kecewa yang mempunyai intensiti paling tinggi di dalam kajian adalah *karam di hati* dan *kiamat di dalam hati*. Ini dijelaskan melalui pantun-pantun 306 dan 307 berikut;

### Pantun 306

1847. Banyak orang mengetam pulut  
Saya seorang mengetam padi  
Banyak orang karam di laut  
Saya seorang **karam di hati**.  
(KAPM:290)

### Pantun 307

1864. Bergendang ada bertambur tidak  
Pakai bercamat si batang padi  
Berpandang ada bertegur tidak  
Rasa **kiamat di dalam hati**.  
(KAPM:292)

**Kolokasi** *hati* dengan *karam* dan *kiamat* menunjukkan emosi kecewa yang tidak terbendung lagi. **Makna konotatif** bagi *karam di hati* dan *kiamat di dalam hati* menunjukkan perasaan yang terlalu kecewa dan memberi kesan **afektif** yang sangat mendalam pada seseorang. *Karam* mungkin masih boleh diusahakan pencarian, namun *kiamat* merupakan penghujung dalam kejadian atau kehidupan dan tidak boleh diselamatkan lagi.

### **6.1.3.2 (f) Dendam**

Kesan daripada emosi marah dan kecewa menimbulkan emosi dendam. Dendam dari sudut negatif melihat kepada perasaan ingin melakukan sesuatu yang tidak baik dan mendatangkan mudarat pada sasaran, misalnya menyebabkan pembunuhan. Terdapat pantun-pantun yang menunjukkan rasa dendam di dalam kajian ini, sepertimana dalam contoh-contoh berikut;

### Pantun 308

2979. Air dalam bertambah dalam  
Hujan di hulu belum teduh  
**Hati dendam** bertambah dendam  
Dendam dahulu belum sembuh.  
(KAPM:453)

### Pantun 309

1974. Dang Jamilah bertanam padi  
Habis dimakan burung pipit  
Bagaikan **gila rasanya hati**  
Dendamku ini bukan sedikit.

(KAPM:308)

Berdasarkan pantun-pantun 308 dan 309 di atas, dendam wujud berdasarkan kolokasi *hati dendam* dan *gila rasanya hati*. Walau bagaimanapun sebab dendam wujud tidak dinyatakan. Terdapat **makna konotasi**, iaitu emosi terlalu marah pada seseorang menyebabkan rasa dendam itu berkekalan dan menunjukkan adanya **makna afektif**.

Namun, terdapat juga metafora *hati dendam* dan *dendam di hati* bukan menunjukkan perasaan marah tetapi kasih sayang. Ini ditunjukkan melalui pantun-pantun berikut;

### Pantun 310

2495. Buah bemban di padang temu  
Laksamana berjual lada  
**Hati dendam** tidak bertemu  
Rasa belah di dalam dada.

(KAPM:383)

### Pantun 311

2762. Masuk Magelang mengadap Ratu  
Lalu naik ke balai agung  
Abang sudah berhati satu  
**Dendam di hati** tidak tertanggung.

(KAPM:421)

Kolokasi *hati dendam* dan *dendam di hati* dalam pantun-pantun di atas memberi **makna konotatif**, iaitu perasaan terlalu sayang pada seseorang yang memberi makna afektif pada pelaku. Ini bermakna berdasarkan konteks, pantun dendam di atas juga sesuai dibincangkan pada bahagian kasih sayang.



### 6.1.5 Medan Makna Ruang

Berdasarkan kajian, terdapat juga metafora hati yang termasuk di dalam medan makna ruang. Ruang tersebut meliputi ruang fizikal dan ruang psikologi.

#### 6.1.5.1 Medan Makna Ruang Fizikal

Ruang fizikal adalah berkaitan dengan objek yang boleh dilihat secara fizikal. Namun dalam anatomi hati, hati sebagai objek terdapat di dalam bahagian dalaman badan, tetapi wujud di alam fizikal, iaitu boleh dikeluarkan apabila pembedahan di lakukan.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat makna metafora *hati* yang berkaitan dengan ruang fizikal, yang hanya kepada kolokasi antara *hati* + *benda bernyawa*. Bagi kolokasi antara *hati* + *benda bernyawa*, metafora *hati* wujud apabila terdapat **makna kolokatif** apabila anatomi *hati* berkolokasi dengan manusia, haiwan. Namun kehadirannya dalam korpus amat terhad. Berikut diberikan contoh pantun 312 yang menerangkan maksud tersebut;

#### Pantun 312

1380. Laut pasang air melimpah  
Rumah di pantai tiangnya basah  
**Hati gajah** sama dilapah  
**Hati kuman** sama dicecah.

(KAPM:217)

Contoh tersebut di atas memperlihatkan **kolokasi** antara *hati* dengan *benda bernyawa*, iaitu *hati* + *gajah* dan *hati* + *kuman*. Maka *hati gajah* dan *hati kuman* [+ anatomi, - manusia, + bernyawa, + am]. *Kuman* dianggap sebagai benda bernyawa kerana sifatnya membiak. Namun sukar untuk melihat *hati kuman* sepertimana *hati gajah* melainkan apabila alatan sains yang canggih digunakan.

Jika diteliti secara langsung **kolokasi** *hati gajah* dan *hati kuman*, boleh dikatakan kedua-duanya mempunyai **makna denotatif**. Berdasarkan konteks orang Melayu pula, pantun di atas sebenarnya membawa **makna konotatif**, iaitu kesanggupan menghadapi susah dan senang bersama-sama.

#### 6.1.5.2 Medan Makna Ruang Psikologi

Berdasarkan kajian didapati bahawa anatomi hati banyak berkaitan dengan emosi. Jadi hati menjadi satu ruang bagi emosi manusia dan ini membawa kepada hati wujud sebagai ruang psikologi. Berikut adalah contoh pantun 313 yang menunjukkan *hati* sebagai satu ruang;

##### Pantun 313

2579. Di dalam peti di Pantai Katung  
Di situlah mutiara abang sembunyikan  
**Di antara hati** dengan jantung  
Di situlah adik abang tinggalkan.  
(KAPM:395)

Seterusnya kajian ini menghuraikan ruang psikologi bagi emosi positif. Antara ruang psikologi tersebut yang ditemui di dalam pantun adalah *pintu hati*, *lubuk hati* dan *mercu hati* seperti yang ditunjukkan dalam pantun 314 berikut;

##### Pantun 314

3472. Sungai Genuk Sungai Mat Dulang  
Yang ketiga Pulau Keladi  
Badan gemuk tinggal tulang  
Rindu menggoda di **pintu hati**.  
(KAPM:527)

**Kolokasi** antara objek *pintu* dan anatomi *hati* memberikan **makna konotatif** yang merujuk kepada satu ruang psikologi bahagian hadapan emosi yang digoda oleh

perasaan rindu. Ini juga memberi **makna reflektif**, iaitu hubungan antara bayangan *pintu* dan *hati*, serta memberi **makna afektif**, iaitu kesan emosi kepada seseorang menyebabkan badan sudah menjadi kurus.

Manakala dalam pantun 315 dan 316 berikutnya, *mercu hati* dan *lubuk hati*, merujuk kepada pertentangan kedudukan antara yang tertinggi dan terdalam.

#### Pantun 315

2066 Ikan emas di dalam serahi  
Permainan anak Betara Sakti  
Kakanda nan karam di lautan berahi  
Ombaknya lalu ke **mercu hati**.

(KAPM:321)

#### Pantun 316

769. Dari Parit ke Tanjung Piandang,  
Singgah sekejap membeli roti;  
Bila sudah wajah terpandang,  
Tetap tersimpan di **lubuk hati**.

(KKMS:97)

*Mercu* ialah merujuk kepada satu tempat yang tertinggi atau puncak (*Kamus Dewan*,1997:883), manakala *lubuk* adalah bahagian yang dalam di sungai,laut, telaga (*Kamus Dewan*,1997:828). *Mercu* dan *lubuk* dikolokasikan pada hati memberi **makna konotatif** yang menggambarkan kasih dan sayang yang mendalam tadi.

Selain itu, terdapat juga medan makna ruang yang menunjukkan emosi kasih sayang. Hal ini dijelaskan melalui pantun 317 berikut;

#### Pantun 317

2643 Kinanding dari Petani  
Puan berisi berangan padi  
Tidak berbanding di atas bumi  
Tuanlah jadi **jambangan hati**.

(KAPM:404)

*Jambangan* pula adalah tempat meletakkan bunga (*Kamus Dewan*,1997:513).

**Kolokasi** *jambangan* dan *hati* memberi **makna konotatif** sebagai satu tempat yang penting bagi hati yang menunjukkan rasa kasih dan sayang terhadap seseorang.

Berdasarkan kepada emosi kasih sayang, kajian mendapati bahawa terdapat intensiti yang jelas. Ini dibuktikan melalui tahap-tahap perasaan cinta, iaitu bermula daripada harapan, cinta yang tak pasti, dan cinta yang mendalam. Emosi kasih sayang di dalam korpus kajian juga didapati lebih kepada kasih sayang antara manusia.

## 6.2 Metafora Anatomi Jantung

Jantung adalah bahagian yang sangat berperanan untuk mengepam darah keseluruh tubuh. Dari segi bentuk pula, menurut Mader (1990:102),

*The heart is a cone-shaped, muscular organ, about the size of a fist. It is located between the lungs, directly behind the sternum, and is tilted so that the apex is directed to the left.*

Hasil kajian mendapati bahawa kata leksikal *jantung* juga digunakan dalam pantun berkaitan emosi, namun kehadirannya agak terhad. Tidak banyak pantun yang menggunakan unsur *jantung* dan unsur *jantung* biasanya hadir bersama *hati* dan lebih bersifat pelengkap bagi emosi, misalnya,

### Pantun 318

2680. Kalau datang kapal Serati  
Naik bendera separuh tiang  
Kalau datang si **jantung hati**  
Bulan mengambang kusangka siang.

(KAPM: 409)

### Pantun 319

3002. Antara padi dengan sementung  
Di situ sorek ditukarkan  
Antara **hati dengan jantung**  
Di situ adik ditinggalkan.

(KAPM:457)

Hasil kajian mendapati bahawa anatomi jantung menggambarkan perilaku, dan ruang. Hal ini diuraikan seterusnya berserta contoh-contoh pantun sesuai yang terdapat di dalam korpus kajian.

#### **6.2.1 Medan Makna Perilaku**

Berdasarkan anatomi jantung, terdapat medan makna perilaku. *Perilaku jantung melilit hati*, dan *jantung berperang dengan hempedu* yang digambarkan adalah seperti berikut;

### Pantun 320

2348. Sudah lama tidak ke ladang,  
Habislah kangkung melilit padi;  
Sudah lama saya tak pandang,  
Habislah **jantung melilit hati**.

(KKMS:295)

### Pantun 321

33. Air pasang tenang di hulu,  
Kain tudung hias di pintu;  
Jika terkenang masa dahulu,  
**Jantung berperang** dengan hempedu.

(KKMS:5)

### Pantun 322

2346. Sudah lama tidak ke ladang,  
Lebih padi dari kangkung;  
Sudah lama tidak terpandang,  
**Hati beramuk dengan jantung**.

(KKMS:294)

### Pantun 323

2147. Satu hari tidak ke ladang,  
Habis kangkung dililit padi;  
Satu hari tidak kupandang,  
Habis **jantung diremuk hati**.

(KAPM:269)

### Pantun 324

2156. Kapal belayar memburu angin  
Layar di samping putus talinya  
Itulah tuanku dengan ingin  
**Putuslah jantung** jadi ubatnya.

(KAPM:334)

Di dalam pantun-pantun 320 hingga 324 di atas, **kolokasi** jantung yang bertindak sebagai pelaku dan objek sasaran bagi hati dan hempedu sebenarnya membawa **makna konotatif**, iaitu emosi negatif seseorang apabila teringat tentang sesuatu.

## **6.2.2 Medan Makna Ruang**

Kajian yang dijalankan mendapati bahawa terdapat medan makna ruang fizikal dan medan makna psikologi bagi bahagian jantung. Walau bagaimanapun kehadiran bahagian jantung dalam kedua-dua ruang adalah terhad. Hal ini dijelaskan seterusnya dengan disertakan contoh-contoh pantun yang berkaitan.

### **6.2.2.1 Medan Makna Ruang Fizikal**

Seterusnya terdapat ruang fizikal, iaitu apabila kewujudan jantung dapat dilihat dengan mata kasar. Dalam hal ini, jantung yang dirujuk adalah *jantung pisang* yang digunakan sebagai bahan masakan. Hal ini ditunjukkan dalam pantun-pantun 325 dan 326 berikut;

### Pantun 325

4021. Ambil galah **jolok jantung**,  
Jatuh sebiji tepi paya;  
Saudagar tidak beruntung,  
Hendak mengadu dagang saya.  
(KKMS: 508)

### Pantun 326

924. Harap-harap makan dijerat,  
Ubi dimakan **kerabu jantung**;  
Harap saya terlampau berat,  
Di manakah tempat hamba bergantung.  
(KKMS:116)



**Rajah 6.2: Contoh Jantung Pisang**

Walau bagaimanapun kolokasi ulam dan jantung dalam pantun 327 dan 328 berikut memberi dua makna berbeza.

### Pantun 327

1530. Makan nasi **ulamnya jantung**,  
Jantung ada atas meja;  
Saya malas orang kampung,  
Orang kampung soalkan belanja.  
(KKMS:192)

### Pantun 328

1470. Lihat berembang di atas gunung,  
Tumbuh di bawah pokoknya jati;  
Lihatlah aku **berulam jantung**,  
Menunggu abang bersama mati.  
(KKMS:185)

Bagi pantun 327 di atas, **kolokasi** antara ulam dan jantung di dalam pembayang mempunyai **makna denotatif**, iaitu merujuk kepada jantung sebagai sejenis makanan. Bagi pantun 328 berikutnya, ulam jantung memberi **makna konotatif** yang berkaitan dengan emosi sedih seseorang yang menunggu kehadiran orang yang disayangnya.

#### 6.2.2.2 Medan Makna Ruang Psikologi

Daripada kajian didapati bahawa ada juga medan makna psikologi bagi anatomi jantung. Meskipun kehadirannya adalah terhad. Hal ini hanya dapat dilihat berdasarkan pantun 329 berikut;

##### Pantun 329

1437. Lama tuan tidak ke ladang,  
Habis padi dililit kangkung;  
Lama tuan tidak dipandang,  
Rasa putus **mahligai jantung**.  
(KKMS:181)

*Mahligai* merupakan tempat tinggal raja, apabila **berkolokasi** dengan *jantung*, ini merujuk kepada keistimewaan jantung. Namun jika diteliti berdasarkan konteks, pantun ini memberiksan **makna konotatif**, iaitu rasa kecewa pemantun kerana lama tidak melihat seseorang. Selain itu pantun tersebut juga memberi **makna reflektif**, iaitu hubungan bayangan antara mahligai dengan anatomi jantung.

### 6.3 Metafora Anatomi Hempedu

Hempedu terletak berhampiran jantung. Orang Melayu biasanya mengaitkan hempedu dengan rasa pahit. Ini kerana hempedu menjadi bahagian yang menyimpan kekotoran di dalam badan manusia. Andaian dibuat oleh orang Melayu berdasarkan hempedu ayam,



iaitu apabila pecah, maka akan timbul warna hijau kuning dan pahit. Hal ini ditunjukkan dalam pantun berikut yang berkaitan dengan emosi.

Pantun 330

692. Cik Dollah mudik bergalah,  
Hendak mencari si batang gaharu;  
Duduk salah berdiri pun salah,  
**Nasi kutelan rasa hempedu.**  
(KKMS:87)

**6.3.1 Medan Makna Perilaku**

Pantun yang melibatkan anatomi hempedu biasanya hadir bersama anatomi yang lain, iaitu hati dan jantung. Hal ini telah diterangkan dalam bahagian hati dan jantung sebelumnya, dan hadir dalam medan makna perilaku.

Pantun 331

33. Air pasang tenang di hulu,  
Kain tudung hias di pintu;  
Jika terkenang masa dahulu,  
**Jantung berperang dengan hempedu.**  
(KKMS:5)

Pantun 332

2250. Sayang sirih dari seberang,  
Pokok mengkudu dahannya tinggi;  
Seorang kasih seorang sayang,  
**Bagai hempedu lekat di hati.**  
(KKMS:282)

Hal ini membuktikan bahawa kehadiran bahagian hempedu adalah sangat terhad. Anatomi hempedu yang ada di dalam korpus hanya dapat diteliti di dalam medan makna perilaku.

**6.4 Kuantifikasi Metafora Anatomi Bahagian Tengah.**

Bagi metafora bahagian tengah, huraian adalah berdasarkan dapatan kajian bagi medan makna dan jenis-jenis makna. Terdapat kelainan bagi anatomi bahagian tengah kerana

adanya medan makna emosi. Hal ini dibuktikan dalam hutaian berikutnya berdasarkan hasil penelitian terhadap korpus kajian. Bahagian yang berwarna   mencatatkan jumlah tertinggi bagi setiap bahagian.

**Jadual 6.3: Kuantifikasi Anatomi Bahagian Tengah Berdasarkan Medan Makna**

BAHAGIAN BADAN	MEDAN MAKNA SIKAP		MEDAN MAKNA PERILAKU		MEDAN MAKNA EMOSI		MEDAN MAKNA RUANG					
							FIZIKAL		PSIKOLOGI		BUDAYA	
	(+)	(-)	(+)	(-)	(+)	(-)	(+)	(-)	(+)	(-)	(+)	(-)
Hati	4 (50.0 0)	2 (25.00)	194 (31.90)	212 (33.97)	203 (28.04)	491 (6.77)	3 (0.50)	-	106 (17.61)	120 (19.9 3)	-	-
Badan	-	1 (12.50)	34 (5.49)	69 (11.06)	-	-	16 (2.66)	38 (6.31)	38 (6.31)	63 (10.4 7)	-	-
Jantung	-	-	12 (1.92)	14 (2.24)	5 (0.70)	12 (1.66)	18 (3.00)	2 (0.33)	4 (0.66)	3 (0.50)	-	-
Tubuh	-	1 (12.50)	4 (0.64)	10 (1.60)	-	-	13 (2.16)	17 (2.82)	1 (0.17)	12 (2.00)	-	-
Tulang	-	-	3 (0.48)	12 (1.92)	-	7 (0.97)	5 (0.83)	11 (1.83)	2 (0.33)	8 (1.33)	-	-
Dada	-	-	10 (1.60)	9 (1.44)	-	-	10 (1.66)	1 (0.17)	5 (0.83)	20 (3.32)	-	-
Pinggang	-	-	1 (0.16)	3 (0.48)	-	-	16 (2.66)	8 (1.33)	-	6 (1.00)	-	-
Perut	-	-	3 (0.48)	5 (0.80)	-	3 (0.41)	4 (0.66)	3 (0.50)	3 (0.50)	3 (0.50)	1 (0.1 7)	-
Darah	-	-	1 (0.16)	10 (1.60)	-	-	-	6 (1.00)	3 (0.50)	4 (0.66)	2 (0.3 3)	-
Bahu	-	-	3 (0.48)	4 (0.64)	-	-	2 (0.33)	1 (0.17)	-	5 (0.83)	-	-
Urat	-	-	-	-	-	-	3 (0.50)	3 (0.50)	-	1 (0.17)	-	-
Hempedu	-	-	-	2 (0.32)	2 (0.28)	1 (0.14)	-	-	-	-	-	-
Punggung	-	-	-	-	-	-	-	-	2 (0.33)	2 (0.33)	-	-
Pusat	-	-	-	-	-	-	3 (0.50)	-	1 (0.17)	-	-	-
Leher/ Tengkuk	-	-	9 (1.44)	-	-	-	-	4 (0.66)	-	-	-	-
JUMLAH 1	4 (50.0 0)	4 (50.00)	274 (43.91)	350 (56.09)	210 (29.01)	514 (71.0)	93 (15.45)	94 (15.61)	165 (27.41)	247 (41.03 )	3 (0.50 )	-
JUMLAH 2	8 (100.00)		624 (100.00)		724 (100.00)		187 (31.06)		412 (68.44)		3 (0.50)	
							602 (100.00)					

Jadual 6.3 di atas menunjukkan kuantifikasi anatomi bahagian tengah berdasarkan medan makna. Berdasarkan jadual tersebut, secara perbandingan keseluruhan, medan makna emosi mencatatkan jumlah frekuensi yang tertinggi, iaitu sebanyak 724 entri (100%), 210 entri (29.01%) entri bagi medan makna emosi positif dan 514 entri (71.0%) medan makna emosi negatif negatif. Catatan frekuensi yang tinggi bagi medan makna emosi adalah kerana kehadiran anatomi hati adalah yang paling tinggi dalam keseluruhan sub anatomi. *Hati* banyak menggambarkan emosi menyumbang kepada peratusan yang tinggi dan dapat diperhatikan di dalam bab ini.

Jumlah entri yang tinggi seterusnya diikuti oleh medan makna perilaku. Iaitu sejumlah 624 entri (100%) dengan pembahagian sebanyak 274 entri (43.91%) bagi perilaku positif dan 350 entri (56.09%) perilaku negatif.

Seterusnya adalah medan makna ruang sejumlah 602 entri (100%) , iaitu melibatkan 412 entri (68.44%) medan makna ruang psikologi, 187 entri (31.06%) medan makna ruang fizikal, dan jumlah yang kecil bagi medan makna budaya, iaitu hanya 3 entri (0.5%) yang terdapat pada budaya positif.

Akhirnya medan makna sikap mencatatkan frekuensi yang sangat rendah, iaitu hanya 8 entri (100%), iaitu hanya 4 entri (50.00%) bagi sikap positif dan 4 entri lagi (50.00%) bagi sikap negatif.

Berdasarkan perincian bagi setiap medan makna, bagi bahagian anatomi pula, hanya medan makna fizikal yang menunjukkan sub anatomi selain hati yang paling tinggi, iaitu anatomi jantung sebanyak 18 entri (3.00%) bagi medan makna ruang fizikal positif (+), dan anatomi badan pula bagi medan makna fizikal negatif(-), iaitu sebanyak

38 entri (6.31%). Namun peratusan bagi kedua-duanya adalah sangat kecil berbanding dengan medan makna yang lain. Hal ini berlaku kerana jantung banyak digunakan dalam menggambarkan jantung pisang yang secara fizikal, manakala badan pula digambarkan berdasarkan saiz badan.

## 6.5 Kuantifikasi Berdasarkan Jenis-Jenis Makna

Jadual berikut 6.4 berikut menunjukkan kuantifikasi bahagian tengah berdasarkan jenis-jenis makna. Terdapat kelainan pada jenis-jenis makna dalam jadual berikut kerana terdapat makna afektif selain daripada makna kolokasi, denotatif, konotatif, dan refleksi. Maka, penghuraian berikut adalah merujuk kepada jadual 6.4 berikut.

**Jadual 6.4: Kuantifikasi Anatomi Bahagian Tengah Berdasarkan Jenis-Jenis Makna**

BAHAGIAN ANATOMI BADAN	Makna Kolokasi (%)	Makna Konotatif (%)	Makna Denotatif (%)	Makna Refleksi (%)	Makna Afektif (%)
Hati	1335 (66.45)	1320 (72.77)	15 (5.93)	-	694 (96.52)
Badan	317 (15.78)	289 (15.93)	52 (20.55)	-	-
Jantung	68 (3.38)	42 (2.32)	33 (13.04)	-	17 (2.36)
Tubuh	58 (2.89)	23 (1.27)	31 (12.25)	-	-
Tulang	45 (2.24)	36 (1.98)	27 (10.68)	-	-
Dada	48 (2.39)	37 (2.04)	16 (6.32)	-	-
Pinggang	33 (1.64)	9 (0.50)	30 (11.86)	-	-
Perut	38 (1.89)	22 (1.21)	14 (5.53)	-	5 (0.70)
Darah	30 (1.49)	22 (1.21)	8 (3.16)	-	-
Bahu	11 (0.55)	5 (0.28)	9 (3.56)	-	-

Leher/Tekak/ Tengukuk	8 (0.40)	1 (0.06)	7 (2.77)	-	-
Urat	6 (0.30)	1 (0.06)	5 (1.98)	-	-
Hempedu	5 (0.25)	5 (0.28)	-	1 (33.33)	3 (0.42)
Punggung	4 (0.20)	1 (0.06)	3 (1.19)	1 (33.33)	-
Pusat	3 (0.15)	1 (0.06)	3 (1.19)	1 (33.33)	-
<b>JUMLAH</b>	<b>2009 (100.00)</b>	<b>1814 (100.00)</b>	<b>253 (100.00)</b>	<b>3 (100.00)</b>	<b>719 (100.00)</b>

Berdasarkan analisis, secara keseluruhan, bahagian tengah hadir di dalam korpus kajian sebanyak 2009 entri (100%), daripada keseluruhan data yang meliputi semua sub anatomi bahagian tengah sepertimana ditunjukkan di dalam jadual 6.4 di atas.

Jumlah 2009 entri tersebut dibuktikan melalui dapatan jumlah makna kolokatif yang terdapat di dalam kajian. Dalam hubungan ini, makna kolokatif termasuk makna-makna yang dibincangkan selanjutnya, iaitu makna konotatif, makna denotatif, makna refleksi dan makna afektif

Dapatan kajian bagi makna bahagian tengah anatomi menunjukkan bahawa frekuensi makna konotatif paling tinggi, iaitu 1814 entri (100%) berbanding makna denotatif hanya sejumlah 253 entri (100%). Dalam hubungan ini, makna afektif adalah yang ke dua tinggi selepas makna konotatif, iaitu sejumlah 719 entri (100%). Penelitian terhadap bahagian anatomi yang menyumbang pada peartusan bagi setiap jenis medan makna pula, di dapati bahawa anatomi hati menjadi penyumbang terbesar yang mempengaruhi peratusan kehadiran dalam jenis-jenis makna. Sejumlah 1335 entri hati (66.45%) daripada keseluruhan makna kolokasi adalah daripada anatomi hati. Begitu

halnya bagi makna konotatif, iaitu sejumlah 1320 entri (72.77%) daripada keseluruhan entri makna konotatif, dan 694 entri (96.52%) daripada keseluruhan makna afektif.

Hal ini wujud berdasarkan anatomi hati mempunyai entri leksikal yang paling tinggi di antara sub anatomi yang lain telah memberi sumbangan pada catatan yang tinggi bagi makna kolokasi, konotatif dan afektif. Selain itu, anatomi hati juga adalah bahagian yang tidak dapat diperhatikan secara langsung dan berkaitan dengan kenyataan bahawa *hati* adalah *seats of emotion* orang Melayu.

Oleh itu, bagi makna denotatif, catatan peratusan tertinggi adalah pada bahagian anatomi badan, iaitu 52 entri (20.55%) daripada keseluruhan makna denotatif. Ini kerana anatomi badan banyak terdapat di dalam korpus menerangkan mengenai bentuk dan saiz badan yang boleh diperhatikan secara fizikal. Akhirnya, entri yang sangat rendah didapati pada makna reflektif, iaitu sejumlah 3 entri (100%), hasil daripada entri bagi hempedu, punggung, dan pusat yang mempunyai 1 entri (33.33%) setiap satunya.

## **6.5 Kesimpulan**


Dalam analisis secara keseluruhan kajian, akan didapati pertindihan antara beberapa bentuk emosi. Walau bagaimanapun klasifikasi dilakukan berdasarkan kepada contoh korpus yang digunakan. Secara keseluruhan bab ini memaparkan kepentingan anatomi bahagian dalaman badan, terutama hati dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu. Kehadiran anatomi yang tinggi di dalam kajian membuktikan bahawa hati menjadi elemen penting terutama berkaitan dengan emosi orang Melayu. Makna yang hadir di dalam bab ini lebih banyak bertumpu pada makna kolokatif, makna konotatif serta makna afektif yang terdapat banyak di dalam medan makna emosi. Ini jelas membuktikan bahawa hati merupakan *seats of emotion* bagi orang Melayu.

## BAB 7: METAFORA ANATOMI BAHAGIAN HUJUNG (1): TANGAN DAN YANG BERKAITAN

### 7.0 Pendahuluan

Metafora anatomi bahagian hujung dibincangkan dalam dua (2) bab berasingan, iaitu bab 7 dan bab 8. Metafora bahagian hujung, iaitu *tangan* dan *kaki* dan yang berkaitan dikenali juga sebagai *limbs*. Kedua-dua bahagian juga bersendi dan digunakan untuk melakukan aktiviti.

Bab ini memberi tumpuan kepada metafora anatomi tangan dan bahagian-bahagiannya. Bahagian tangan merupakan anggota badan manusia yang berpasang dan bersambung dengan bahagian badan di bahagian kiri dan kanan. Dalam kajian ini, yang dimaksudkan dengan anatomi tangan termasuklah tangan, lengan, jari, kuku dan siku. Bahagian anatomi tangan digambarkan melalui rajah 7.1 di bawah,



**Rajah 7.1: Anatomi Bahagian Tangan**

Huraian seterusnya adalah berdasarkan metafora anatomi dan medan makna bagi bahagian tangan. Terdapat medan makna sikap, medan makna perilaku dan medan makna ruang bagi anatomi tangan. Medan makna emosi tidak terdapat pada bahagian tangan kerana tidak melibatkan perasaan. Ini bermakna terdapat makna denotatif, makna konotatif, makna kolokatif, dan makna reflektif dalam metafora anatomi tangan. Makna afektif dan makna stilistik tidak ditemui dalam anatomi tangan.

## **7.1 Metafora Anatomi Tangan**

Tangan merupakan bahagian badan yang digunakan untuk manusia melakukan aktiviti. Tangan dalam masyarakat Melayu mempunyai konotasi yang tersendiri. Tangan dikaitkan dengan rezeki, misalnya jika gatal tangan kanan maka akan mendapat untung dan begitulah sebaliknya.<sup>12</sup> Tangan juga digunakan oleh masyarakat Melayu bagi menunjukkan ukuran, contohnya kaedah yang menimbulkan konsep jengkal dan depa yang dipanggil "kaedah tangan". Dalam satu-satu ukuran asas ialah jarak antara penghujung ibu jari dengan jari hantu dalam keadaan terbuka, dan bagi depa pula, jaraknya ialah antara buku siku dengan penghujung jari hantu (Asmah Haji Omar, 1993:194). Hasil analisis mendapati bahawa terdapat makna metafora tangan yang menggambarkan medan makna sikap, medan makna perilaku, dan medan makna ruang.

### **7.1.1. Medan Makna Sikap**

Terdapat beberapa metafora tangan yang menunjukkan sikap. Dapatan bagi metafora tangan yang berkaitan dengan sikap adalah terhad, iaitu hanya *ringan tangan* dan *lepas tangan*.

---

<sup>12</sup> Maklumat diperoleh daripada Puan Wan Hasnah Ahmad, 67 tahun dari Machang, Kelantan.



Terdapat sikap positif yang ditemui di dalam kajian, iaitu *ringan tangan*. Ini ditunjukkan di dalam pantun 333 di bawah.

Pantun 333

1374. Kurai taji balai Senayan  
Orang tua berjual lada  
Cepat kaki **ringan tangan**  
Lamun selera lepas juga.

(KAPM:216)

*Ringan tangan* membawa **makna kolokasi** antara *ringan* dengan anatomi *tangan* yang memberi **makna konotatif**, iaitu sikap seseorang yang yang lekas membuat sesuatu; suka menolong dan suka bekerja (Abdullah Hussain, 2005:259). Walau bagaimanapun, makna *ringan tangan* tanpa melihat konteks juga boleh memberikan makna sikap negatif, iaitu seseorang yang suka memukul orang lain seperti menampar atau juga seseorang yang suka mencuri.

Selain itu, terdapat metafora *lepas tangan* yang memberikan makna negatif. Hal ini ditunjukkan melalui pantun 334 dan 335 berikut,

Pantun 334

2130. Sapu tangan penyapu tangan,  
Jatuh di tangan menyapu bunga;  
**Lepas tangan** dikata jangan,  
**Lepas di tangan** orang yang punya.

(KKMS: 267)

Pantun 335

1727. Orang Kedah hilir berdirir,  
Sapu tangan bungkuskan bunga;  
Apa sudah duduk berfikir,  
**Lepas tangan** orang punya.

(KKMS:217)

*Lepas tangan* adalah hasil **kolokasi** antara perbuatan *lepas* dan anatomi *tangan*. *Lepas tangan* membawa **makna konotatif**, yang bermaksud tidak campur tangan ataupun tidak turut bertanggung jawab (Abdullah Hussain,2005:181). Hal ini secara tidak langsung memberikan bersifat metronim, iaitu bukan dilakukan oleh bahagian tangan sahaja tetapi diri seseorang.

Jika diteliti secara langsung, *lepas tangan* memberi gambaran perilaku melepaskan tangan seseorang yang membawa **makna denotatif**. *Lepas tangan* juga memberi **makna konotatif** yang merujuk kepada melepaskan milik sendiri menjadi kepunyaan orang lain. Hal ini menunjukkan bahawa juga sesuai dibincangkan di bahagian perilaku.

Makna metafora tangan banyak menggambarkan sikap negatif dalam bahasa Melayu, seperti *panjang tangan*, *kasar tangan*, *gatal tangan*, *cepat tangan*, dan sebagainya (Abdullah Hussain,2005: 295-296).

### 7.1.2 Medan Makna Perilaku

Terdapat metafora tangan yang menggambarkan perilaku ditemui di dalam korpus kajian. Perilaku ini ada yang melibatkan diri sendiri dan mempunyai penyambut, iaitu melibatkan dua orang atau lebih.

Bagi perilaku yang melibatkan diri sendiri, perilaku yang ditemui di dalam kajian ini adalah *mencuci tangan* dan *bertepuk tangan* seperti pantun 336 berikut;

### Pantun 336

3362. Dari seberang naik rakit,  
Sampai ke darat **mencuci tangan**;  
Selagi ada ladang di bukit,  
Susah nak tumbuh tanam-tanaman.  
(KKMS:423)

*Mencuci tangan* adalah **kolokasi** bagi perilaku dengan anggota tangan, iaitu membersihkan kotoran yang terdapat pada anggota tangan. Ini jelas menunjukkan **makna denotatif**, iaitu perbuatan tersebut boleh dilihat secara fizikal.

Seterusnya bagi perilaku *bertepuk tangan*, jika dilihat tanpa konteks merujuk kepada **makna denotatif**, iaitu perilaku seseorang menemukan ke dua-dua tangan berulang kali dan menghasilkan bunyi. Ini dapat dilihat dalam pantun 337 berikut,

### Pantun 337

918. Hanyut rakit dari seberang,  
Putus tali mari bergalah;  
Sungguh sakit bercinta seorang,  
Ibarat **bertepuk tangan** sebelah.  
(KKMS:116)

Berdasarkan pantun 337 di atas, perilaku *bertepuk tangan* berdasarkan konteks memberi **makna konotatif**. Ini adalah kerana *ibarat bertepuk tangan sebelah* merupakan perumpamaan bagi seseorang yang cinta pada seseorang tetapi tidak dicintai atau diketahui oleh orang yang dicintainya.

Metafora *berbantal tangan* pula boleh berlaku pada diri sendiri ataupun dengan orang lain. Jika melihat pada konteks pantun 338 berikut, hal ini melibatkan dua pihak.

### Pantun 338

2524. Burung dara burung merpati  
Pecah telur dalam setangan  
Biji mata si jantung hati  
Mari rebah **berbantal tangan**.

(KAPM:387)

*Berbantal tangan* membawa makna bagi **kolokasi** antara *berbantal* dengan anatomi *tangan*. Jika melihat pada konteks pantun berikut, hal ini melibatkan individu mahupun dua pihak, iaitu individu bersama orang yang disayangi. Ini memberikan **makna denotatif** kerana perbuatan meletakkan *kepala* pada bahagian *tangan* dapat diperhatikan. Namun secara **konotatif** menggambarkan hubungan kasih sayang antara dua pihak.

Bagi metafora tangan yang mempunyai penyambut, atau melibatkan dua pihak adalah *tangan-tangankan*. Hal ini diperlihatkan melalui pantun 339 berikut;

### Pantun 339

1172. Anak ikan dimakan ikan  
Ikan tenggiri tolong carikan  
Sayangkan anak **tangan-tangankan**  
Sayangkan bini tinggal-tinggalkan.

(KAPM:184)

Metafora *tangan-tangankan* merujuk kepada perilaku, yang memberi **makna denotatif**, iaitu memukul anak dengan tangan. Jika dilihat dari segi konteks, ianya memberi **makna konotatif** kerana pantun ini adalah sindiran, iaitu pukul sayang anak-anak bagi tujuan mengajar supaya mereka menjadi anak yang baik. Ini bermaksud sayang isteri cari rezeki, sayang anak dididik.

Seterusnya, di dalam kajian juga terdapat perilaku melibatkan tangan antara dua pihak seperti *tangan dihulur*, *berpegang tangan*, dan *berjabat tangan*. Perilaku *tangan dihulur* adalah seperti dalam pantun 340 berikut,

Pantun 340

4674. Sekapur sirih datang bertandang,  
Di dalam puan tersusun rapi;  
**Tangan dihulur** mata memandang,  
Sebagai cincin lekat di jari.

(KKMS:591)

Ini bermakna *tangan dihulur* membawa **makna kolokasi** tangan dengan perbuatan hulur. Terdapat juga **makna denotatif**, iaitu perbuatan menghulur tangan yang boleh dilihat secara fizikal. Ini melibatkan dua pihak, iaitu seseorang yang menyarungkan cincin dan seseorang yang disarungkan cincin.

Jika diteliti berdasarkan konteks, *tangan dihulur* di dalam pantun di atas, boleh dikaitkan dengan ruang budaya, iaitu merujuk kepada upacara memakaikan cincin kepada bakal pengantin dalam adat orang Melayu berkaitan institusi perkahwinan seperti merisik, bertunang atau bernikah. Hal ini bermakna *tangan dihulur* berdasarkan konteks memberi **makna konotatif**.

Tangan dihulur juga boleh dikaitkan dengan *berjabat tangan*, *berpegangan tangan*, dan *bertampar tangan* pula menunjukkan perilaku yang hampir sama melibatkan dua pihak. Ini ditunjukkan dalam pantun-pantun 341 dan 342 berikut;

Pantun 341

2404. Tanam keranji di tengah halaman,  
Keranji manis rumah Pak Ali;  
udah berjanji **berpegangan tangan**,  
janji tidak berubah lagi.

(KKMS:302)

### Pantun 342

3298. Nyiur tinggi tengah halaman  
Disangka tidak berbuah lagi  
Sudah berjanji **berjabat tangan**  
Disangka tidak berubah lagi.  
(KAPM:501)

### Pantun 343

2898. Bunga keranji di tengah laman  
Si Lamat menyandang pedang  
Sudah berjanji **bertampar tangan**  
Minta alamat biar dipegang.  
(KAPM:441)

*Berpegangan tangan* dan *berjabat tangan* mempunyai **makna kolokasi** perlakuan dengan anatomi. Namun dari segi tempoh masa, *berjabat tangan* dan memegang tangan mengambil masa bergantung kepada pelaku. Manakala *bertampar tangan* paling singkat, menggunakan tapak tangan dan boleh berlaku berulang-ulang. Kesemua perilaku tersebut perilaku ini juga dapat dilihat secara fizikal yang memberikan **makna denotatif**.

Jika diteliti ketiga-tiga pantun tersebut di atas, sebenarnya adalah berkaitan dengan janji. Secara inferens, dalam budaya orang Melayu, terdapat konsep "akad", iaitu memegang tangan antara dua pihak sambil berjanji secara lafaz, seperti akad nikah dalam perkahwinan, atau akad jual beli apabila menerima dan memberi sesuatu sesuatu dalam proses jual beli. Perilaku *berjabat tangan* atau bersalaman amatlah penting pada masa mula berjumpa seseorang dan meninggalkan seseorang yang menunjukkan perilaku positif orang Melayu. Selepas bersalam, tangan biasanya digerakkan dan diletakkan seketika ke arah dada yang melambangkan penghargaan atau kenangan yang kekal di simpan di hati.

### 7.1.3 Medan Makna Ruang

Hasil kajian mendapati bahawa adanya medan makna ruang bagi bahagian tangan. Medan makna ruang tersebut adalah medan makna ruang fizikal, medan makna ruang psikologi dan medan makna ruang budaya yang dijelaskan selanjutnya.

#### 7.1.3.1 Medan Makna Ruang Fizikal

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat makna metafora *tangan* yang berkaitan dengan ruang fizikal, terbahagi kepada kolokasi antara *tangan* + *benda bernyawa* dan *tangan* + *benda tidak bernyawa*.

Kolokasi leksis tangan dengan benda bernyawa, misalnya *tangan tuan* [+ anatomi, + manusia, + bernyawa, + am]. Ini ditunjukkan melalui pantun 344 berikut,

##### Pantun 344

2531. Burung nuri burung tempawan  
Terbangnya dari gunung Padang  
Hidup mati **di tangan tuan**  
Tidak kami berbanyak tenggang.  
(KAPM:388)

*Tangan tuan* di dalam pantun di atas dilihat dari segi konteks, bukanlah secara fizikal tangan seorang lelaki, tetapi merupakan kebergantungan hidup seseorang pada lelaki tersebut yang dinamakan *tuan*, dan ini memberi **makna konotatif**.

Dari segi **kolokasi** tangan + benda tidak bernyawa pula, misalnya *tangan baju* [-anatomi, -manusia, - bernyawa, + am]. Ini dicontohkan melalui pantun 354 berikut;

Pantun 345

3297. Nyamuk banyak di Pulau Pinang  
Kebas dengan **tangan baju**  
Bercerai kasih jangan kukenang  
Ada nyawa badan bertemu.

(KAPM:501)



**Rajah 7.2: Contoh *Tangan Baju* Dan *Lengan Baju***

Dalam hal ini, tangan baju adalah bahagian baju yang terbuka dan dimasukkan tangan. Hal ini memberikan **makna denotatif** yang merujuk kepada bahagian hujung lengan baju yang dapat dilihat secara fizikal. Berdasarkan konteks, pantun ini menunjukkan *tangan baju* sebagai alat bagi perilaku menghalau nyamuk.

Selain itu terdapat juga metafora yang menunjukkan anatomi tangan menghasilkan benda fizikal seperti *sapu tangan* dan *pengesat tangan* yang ditunjukkan dalam pantun 346 dan 347 di bawah,



#### Pantun 346

4915. Buah ini buah berangan,  
Masak dibungkus **sapu tangan**;  
Dunia ini dunia pinjaman,  
Akhirat kelak kampung halaman.  
(KKMS:622)

#### Pantun 347

2668. Kain biru **pengesat tangan**  
Orang berjamu di rumah kenduri  
Mata beradu lalu berpandangan  
Kita bertemu baru sekali.  
(KKMS: 114)

*Sapu tangan* dan *pengesat tangan* mempunyai fungsi yang sama, iaitu sebagai alat untuk membersihkan atau mengeringkan. Namun dalam pantun di atas, *sapu tangan* juga digunakan sebagai alat untuk membungkus buah berangan.

Selain itu, terdapat juga anatomi tangan yang berkaitan dengan jarak dan ukuran, misalnya *panjangnya tangan* di dalam pantun 348 berikut;

#### Pantun 348

3075. Sapu tangan jatuh ke laut,  
Jatuh dengan alas-alasnya;  
**Panjangnya tangan** saya menyambut,  
Satu pun tiada balasny.  
(KKMS:387)

Jika diteliti *panjangnya tangan* berdasarkan ukuran secara fizikal menunjukkan **makna denotatif**. Selain itu, pada kebiasaannya, *panjang tangan* merujuk kepada seseorang yang perbuatan mencuri. Namun berdasarkan konteks dalam pantun di atas, *panjangnya tangan* memberi maksud keadaan pemantun yang begitu meraikan seseorang tetapi tidak dipedulikan. Ini bermakna *panjangnya tangan* di dalam korpus ini memberi **makna kolokatif dan makna konotatif**.

Secara fizikal, terdapat pantun-pantun yang menunjukkan bahagian tangan, seperti *tangan kidal* yang merujuk kepada tangan kiri, serta *tapak tangan*, iaitu bahagian hadapan tangan yang ditunjukkan di dalam pantun berikut;

Pantun 349

5148. Pusing gasing **tangan kidal**,  
Tali pendek putus sejengkal;  
Kalau untung bercampur modal,  
Itu tanda berniaga tak kekal.  
(KKMS:653)

Pantun 350

5071. Kenapa pecah piringku itu,  
Pecah ditatang **di tapak tangan**;  
Jalak biring jadikan satu,  
Tedung ada tunggu di laman.  
(KKMS:642)

Pantun 351

784. Datang hujan di Gunung Melipu,  
Dapat sampai di tengah halaman;  
Hendak mati di hujung kuku,  
Minta kubur **di tapak tangan**.  
(KKMS:99)

Jika diteliti secara fizikal, **kolokasi di tapak tangan** memberi **makna denotatif**, iaitu merujuk kepada bahagian depan tangan. Hal ini diperlihatkan melalui pantun 350 di atas. Namun jika berdasarkan konteks pantun 351 di atas, *di tapak tangan* membawa **makna konotatif**, iaitu harapan dan kebergantungan hidup pada seseorang yang dikasihi.

Selain itu terdapat juga *sebelah tangan* dan *tangan sebelah* yang memberikan makna berbeza berdasarkan kedudukan kolokasi. Hal seperti ini dapat dilihat di dalam pantun 352 dan 353 berikut;

### Pantun 352

3594. **Sebelah tangan** jari lima,  
Dua tangan jari sepuluh;  
Niat hati tanam delima,  
Sampai masa peria tumbuh.  
(KKMS:452)

### Pantun 353

752. Dari mana datang siput,  
Siput datang dari seberang;  
Macam mana saya nak ikut,  
**Tangan sebelah** dipegang orang.  
(KKMS:95)

Terdapat perbezaan antara *sebelah tangan* dan *tangan sebelah* dalam konteks pantun di atas. Sebelah tangan memberikan **makna denotatif**, iaitu meliputi lima jari pada satu bahagian tangan. *Tangan sebelah* dalam pantun di atas memberi **makna denotatif** jika merujuk pada lakuan fizikal, namun menjadi **makna konotatif**, jika melihat makna berdasarkan tiada keupayaan kerana dikuasai oleh orang lain.

#### 7.1.3.2 Medan Makna Ruang Psikologi

Bagi ruang psikologi, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa metafora anatomi melambangkan kekuasaan. Hal ini dapat dilihat dalam pantun 354 berikut;

### Pantun 354

5003. Sirih gagang tumbuh di batu,  
Buluh hutan buatkan galah;  
Kasih sayang tak boleh tentu,  
Jodoh pertemuan di **tangan Allah**.  
(KKMS:633)

**Kolokasi** *tangan + Allah* bukanlah tangan secara fizikal. *Tangan Allah* memberikan **makna konotatif** yang menunjukkan kekuasaan Allah SWT. Dalam

konteks pantun tersebut menunjukkan bahawa jodoh pertemuan adalah dengan kuasa dan izin Allah SWT.

Selain itu kajian juga mendapati bahawa anatomi *tangan* juga memberi makna milik. Dari segi milik, terdapat milik orang lain dan milik diri sendiri. Milik sendiri di gambarkan melalui *tangan kami*, *di dalam tangan*, dan *dacing di tangan* seperti dalam pantun-pantun 355, 356, dan 357 di bawah;

Pantun 355

934. Hari petang memburu rusa,  
Jumpa rusa makan jerami;  
Tidak kupandang racun yang bisa,  
Penawar ada **di tangan kami**.  
(KKMS:118)

Pantun 356

2026. Putus tali di atas papan,  
Mari terletak di atas tangan;  
Sudah hati kumbang berlapan,  
Mengenang bunga di **dalam tangan**.  
(KKMS:254)

Pantun 357

5154. Terbang ayam di tengah laman,  
Kuis-kuis mencari makan;  
Sudah biasa **dacing di tangan**,  
Rugi di kampung untung di pekan.  
(KKMS:654)

**Kolokasi** *di tangan kami*, *di dalam tangan*, dan *dacing di tangan* memberi **makna konotatif** bahawa sesuatu perkara yang sudah tentu dan juga menjadi kebiasaan. Bagi milik orang lain pula ditunjukkan dalam pantun berikut;

### Pantun 358

2629. Waktu senja tanak pulut,  
Untuk bekal turun ke padang;  
Di mulut naga lagi kurebut,  
Inikan pula **di tangan orang**.

(KKMS:330)

**Kolokasi** *di tangan orang* di dalam pantun di atas menunjukkan bahawa sesuatu itu menjadi milik orang lain. Jika diteliti berdasarkan konteks, diperlihatkan bahawa kesanggupan menghadapi rintangan untuk merebut sesuatu perkara tersebut untuk menjadi miliknya. Ini memberi **makna konotatif** yang menunjukkan *mulut naga* sebagai satu ruang yang bahaya tetapi sanggup dihadapinya.

Selain itu, *tangan* juga menunjukkan keinginan dan harapan. Hal ini ditunjukkan di dalam pantun 359 berikut,

### Pantun 359

4661. Putih rupanya bunga kecubung,  
Anak buaya mati di pantai;  
Hajat hati nak peluk gunung,  
Apakan daya **tangan tak sampai**.

(KKMS:589)

Terdapat **kolokasi** *tangan tak sampai* menunjukkan kegagalan dalam mencapai sesuatu kehendak. Jika dilihat berdasarkan konteks, gunung adalah sesuatu yang terlalu besar dan tidak mungkin sesiapaapun dapat memeluknya. Metafora yang memberi **makna konotatif** ini digunakan oleh orang Melayu bagi menunjukkan kehendak yang terlalu besar sehingga tidak berkemampuan untuk dicapai.

Daripada hasil kajian mendapati bahawa terdapat frasa negatif digunakan untuk tangan, seperti *busuk tangan*, *celaka tangan*, dan *malang tangan*.

#### Pantun 360

2638. Yu tangan sapu tangan,  
Jatuh ke laman berisi bunga;  
**Busuk tangan celaka tangan,**  
Dalam tangan orang punya.  
(KKMS:331)

#### Pantun 361

3076. Sapu tangan penyapu tangan,  
Dibawa orang ke tepian;  
**Malang tangan celaka tangan,**  
Dalam tangan untung bahagian.  
(KKMS:387)

**Kolokasi** bagi *busuk tangan*, *celaka tangan*, dan *malang tangan* dalam pantun di atas bukanlah merujuk kepada keadaan fizikal tangan yang buruk tetapi memberi **makna konotatif**. Pantun tersebut menggambarkan nasib tidak baik pemantun kerana untung yang ada padanya bukanlah haknya secara mutlak. Terdapat juga unsur metronim bahawa nasib itu bukanlah pada tangan itu sahaja, tetapi diri seseorang.

#### 7.1.3.4 Medan Makna Ruang Budaya

Berdasarkan ruang budaya terdapat kolokasi *tangan di atas* dan *tangan di bawah*. Hal ini diperlihatkan melalui pantun 362 berikut;

#### Pantun 362


5020. Yang berlari sangat pantas,  
Yang menang sangat bertuah;  
Yang memberi **tangan di atas**,  
Yang menerima **tangan di bawah**.  
(KKMS:635)

**Kolokasi** *tangan di atas* dan *tangan di bawah* di dalam pantun di atas adalah berdasarkan kedudukan tangan secara fizikal yang memberi **makna denotatif**. Walau bagaimanapun berdasarkan konteks dalam ruang budaya Melayu, ianya memberi

**makna konotatif** bahawa pemberian mestilah ikhlas dan orang yang memberi adalah lebih baik daripada yang menerima. Ini juga berkaitan dengan sikap pemurah dan adab memberi dalam budaya Melayu.

## 7.2 Metafora Anatomi Jari

Jika diteliti pada jari manusia, orang Melayu memberikan nama pada setiap jari. Setiap jari mempunyai fungsi dan makna tersendiri dalam masyarakat Melayu. Contoh jenis-jenis jari terdapat di dalam rajah 7.3 dan pantun-pantun 363 dan 364 seperti di bawah;



**Rajah 7.3: Bahagian Jari**

Setiap bahagian jari bagi orang Melayu mempunyai peranan tersendiri dalam ruang budaya orang Melayu. Bahagian ibu jari digunakan untuk menunjukkan arah yang lebih sopan kepada seseorang. Bagi orang Melayu seseorang dianggap tidak beradap apabila menunjukkan sesuatu benda atau arah menggunakan jari telunjuk. Bahkan orang Melayu masa dahulu menyatakan bahawa kanak-kanak dilarang

menunjuk pelangi dengan jari telunjuk kerana akan menyebabkan kudung.<sup>13</sup> Maka untuk tunjuk pelangi mereka perlu membengkokkan jari telunjuk ke sebelah dalam.

Seterusnya pula orang Melayu menamakan jari paling tengah atau panjang sebagai jari hantu. Jari disebelahnya pula dikenali sebagai jari manis. Jari manis berfungsi sebagai jari yang disarungkan cincin dalam adat orang Melayu seperti merisik hinggalah berkahwin. Manakala di sebelahnya dinamakan jari kelingking kerana saiznya yang paling halus. Berdasarkan kepada bahagian jari manusia, seterusnya diuraikan berdasarkan medan makna sikap, medan makna perilaku dan medan makna ruang.

### 7.2.1 Medan Makna Perilaku

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perilaku, iaitu *telunjuk mencucuk mata*. Hal ini ditunjukkan melalui pantun 365 berikut,

#### Pantun 365

1498. Takar minyak sapi  
Dibubuh atas geta  
Pagar makan padi

**Telunjuk mencucuk mata.**

(KAPM : 234)

Telunjuk merupakan subordinat daripada jari. Perbuatan cucuk biasanya melibatkan senjata halus seperti pin, jarum, lidi, dan sebagainya. Ini bermaksud cucuk melibatkan benda yang lurus, halus dan tajam yang disamakan dengan jari telunjuk. Jadi, hasil **kolokasi** *telunjuk mencucuk mata* merupakan perilaku di sini secara fizikal menunjukkan **makna denotatif**, iaitu merujuk kepada jari telunjuk yang disasarkan pada mata. Kesan daripada cucukan telunjuk pada mata adalah kecederaan mata yang dilihat memberi kesan kepada sasaran.

---

<sup>1313</sup> Maklumat diperoleh daripada Puan Som Mariah Abdul Hamid, 73 tahun dari Lambor, Perak.



Jika diteliti dari segi konteks pula, *telunjuk mencucuk mata* merujuk kepada seseorang yang diharapkan tetapi telah melakukan pengkhianatan. Makna konteksnya lebih jelas melalui frasa baris pantun sebelumnya, iaitu *pagar makan padi*, iaitu seseorang yang diharapkan tetapi berlaku pengkhianatan seperti *telunjuk mencucuk mata*. Hal ini bermakna, berdasarkan konteks, *telunjuk mencucuk mata* membawa **makna konotatif**.

Terdapat juga beberapa bentuk perilaku, iaitu *sarung di jari serta membilang jari* yang ditunjukkan pantun 366 dan 367 berikut;

Pantun 366

5103. Ambil cincin **sarung di jari**,  
Pakai oleh budak-budak;  
Kalau bemiaga ringgit sendiri,  
Cili garam taukeh juga.  
(KKMS:647)

Pantun 367

4245. Rama-rama terbang ke rantau,  
Tiba di rantau **membilang jari**;  
Lama-lama abang merantau,  
Adik yang tinggal membilang hari.  
(KKMS:536)

Kedua-dua pantun tersebut memberikan **makna denotatif**, iaitu perilaku *menyarung cincin* dan *membilang jari*. Begitu halnya juga bagi perilaku *gigit jari* yang ditunjukkan dalam pantun 368 berikut,

Pantun 368

2309. Simpang Empat sampai ke Bintang,  
Jalan melintas Utan Aji;  
Kalau dapat memanglah untung,  
Kalau terlepas **gigit jari**.  
(KKMS:290)

Jika diteliti tanpa konteks, **kolokasi** *gigit* dan *jari* merujuk kepada **makna denotatif**, iaitu perilaku seseorang menggigit jarinya yang dapat diperhatikan secara fizikal. Namun berdasarkan konteks, pantun tersebut bukanlah merujuk kepada perilaku *gigit jari* secara fizikal tetapi membawa **makna konotatif**, iaitu kerugian yang dihadapi sekiranya sesuatu benda atau perkara tidak dapat ataupun terlepas.

Terdapat juga perilaku yang boleh juga di kaitkan dengan ruang budaya, iaitu menyusun jari seperti yang ditunjukkan dalam pantun 369 dan 370 selanjutnya.

#### Pantun 369

3123. Tanam mari tengah hari,  
Mana didapati ada tak kena;  
Saya **menyusun sepuluh jari**,  
Jangan diumpat mana tak kena.  
(KKMS:393)

#### Pantun 370

2861. Janganlah kesal berhari-hari,  
Bertimbal turun ke mata;  
Barang salah **menyusun jari**,  
Junjung dengan tutur kata.  
(KKMS:360)

Jika diteliti secara fizikal, **kolokasi** *menyusun* dan *jari* menunjukkan perilaku seseorang merapatkan jarinya seperti menunjukkan sembah. Berdasarkan contoh-contoh pantun di atas, sembah mempunyai dua konteks berbeza dalam masyarakat. *Menyusun jari* dan *menyusun sepuluh jari* memberi makna seseorang meminta maaf daripada seseorang lain kerana sesuatu kesalahan yang memberi makna **makna konotatif**.

Bagi pantun 371 berikut ini pula *jari bersusun* menunjukkan sembah hormat kepada seseorang raja oleh rakyat.

### Pantun 371

5118. Ayuh encik **jari bersusun**,  
Mengadap raja sehari-hari;  
Pandai menjaga buah di kebun,  
Mana boleh jadi rugi.

(KKMS:649)

Bagi orang Melayu, Raja adalah simbol pertuanan yang mesti dihormati. Pada masa lalu, apabila golongan rakyat biasa mengadap raja, maka perlu dirapatkan tangan dan menundukkan kepala ke arah tangan sebagai tanda hormat dan menjunjung titah raja.

## **7.2.2 Medan Makna Ruang**

Berdasarkan medan makna ruang bagi bahagian jari, adalah didapati bahawa terdapat medan makna ruang fizikal dan medan makna ruang psikologi. Seterusnya dibincangkan medan makna ruang tersebut berserta contoh-contoh yang bersesuaian.

### **7.2.2.1 Medan Makna Ruang Fizikal**

Di dalam ruang fizikal, jari menggambarkan bentuk dan ukuran. Misalnya berjari-jari menunjukkan bentuk daun nangka di tunjukkan melalui pantun 372 dan rajah 7.4 berikut;

### Pantun 372

4755. Cik-cik hilir ke pekan,  
Daun nangka **berjari-jari**;  
Rupa cantik tak boleh makan,  
Budi bahasa hendak dicari.

(KKMS:601)



**Rajah 7.4: Contoh Daun Nangka *Berjari-jari***

Terdapat juga jari yang menggambarkan ukuran, iaitu *dua jari*, *tujuh jari*, dan *empat jengkal jari* ditunjukkan melalui pantun-pantun 373, 374, dan 375 berikut;

Pantun 373

1522. Macam mana tamban nak loncat,  
Tamban baru **dua jari**;  
Macam mana demam nak pucat,  
Demam baru dua hari.

(KKMS:191)

Pantun 374

4493. Tinggi-tinggi Gunung Siantan,  
Burung nuri ditambat tali;  
Kalau cik adik hendak jantan,  
Pakai bedak **tujuh jari**.

(KKMS:567)

Pantun 375

295. Sembelih lembu kudung  
Hak pakmu curi  
Cabut bulu hidung  
**Empat jengkal jari**.

(KAPM:46)

Dalam penglihatan dunia orang Melayu, bahagian jari juga digunakan untuk mengukur atau menyukat sesuatu benda. Kaedah ruas jari adalah kaedah ukuran bagi

orang Melayu dahulu, menghasilkan penjodoh bilangan sejempit, secubit, sekepal, segenggam dan lain-lain (sila rujuk bahagian tangan dalam perkara 7.1).

#### 7.2.2.2 Medan Makna Ruang Psikologi

Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat metafora anatomi bagi medan makna ruang psikologi, iaitu *di dalam genggaman jari*. Hal ini ditunjukkan dalam pantun 376 berikut;

##### Pantun 376

3242. Jatuh ke tanah ditangkap orang  
Dibawa pulang berlari-lari  
Mana perintah tuan seorang  
Kakanda **di dalam genggaman jari**  
(KAPM:493)

Jika diteliti secara langsung, **kolokasi** *genggaman* dan *jari* merujuk kepada keadaan tangan yang dikepal yang dapat dilihat secara fizikal, yang memberi **makna denotatif**. Namun berdasarkan konteks *genggaman tangan* menunjukkan kekuasaan seseorang ke atas seorang lagi. *Genggaman jari* dalam pantun di atas juga menunjukkan sesuatu yang telah menjadi milik seseorang yang turut memberi **makna konotatif**.

### 7.3 Metafora Anatomi Kuku

Kuku adalah bahagian tambahan berselaput yang tumbuh pada hujung jari manusia. Terdapat juga patang larang orang Melayu seperti tidak boleh memotong kuku pada waktu malam kerana khuatir akan mendapat nasib tidak baik. Secara inferens, masyarakat dahulu menggunakan pisau bagi memotong kuku. Ini bermakna memotong kuku pada waktu malam yang gelap akan membahayakan.

Terdapat dua medan makna berkaitan kuku yang ditemui dalam kajian, iaitu medan makna perilaku dan medan makna ruang. Hal ini dijelaskan di dalam analisis selanjutnya.

### 7.3.1 Medan Makna Perilaku

Terdapat perilaku *mengasah kuku* dan *kupas dengannya kuku*. Hal ini ditunjukkan di dalam pantun 377 dan 378 berikut,

#### Pantun 377

4348. Bulan terang menikam pari,  
Asam belimbing **mengasah kuku**;  
Tengah malam kami ke mari,  
Bawa kawan nak bersatu.  
(KKMS:549)

#### Pantun 378

4074. Buah betik buah yang rendang,  
Mari **kukupas dengannya kuku**;  
Kakanda balik berjalan seorang,  
Mari dihantar sampai ke pintu.  
(KKMS:514)

**Kolokasi** antara *mengasah* dan *kuku* memberi **makna denotatif**, iaitu merujuk kepada perilaku. Masyarakat Melayu sememangnya menggunakan asam belimbing untuk membersihkan kuku dengan menggosok-gosok asam belimbing pada bahagian kuku seperti mengasah.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa kuku yang berkaitan perilaku, ialah *sorokkan kuku*. Hal ini ditunjukkan dalam pantun 379 berikut;

### Pantun 379

3243. Anak siapa duduk di bangku,  
Beli limau taruh di saku;  
Singa mengaum di celah batu,  
Takut rimau **sorokkan kuku.**

(KKMS:408)

Kolokasi bagi *rimau sorokkan kuku* membawa **makna denotatif** jika merujuk pada perilaku harimau, tetapi jika dilihat dari perilaku manusia, ia menunjukkan **makna konotatif**, iaitu seseorang yang hanya cakap besar tetapi sebenarnya penakut.

### **7.3.2 Medan Makna Ruang**

Medan makna ruang fizikal dan medan makna ruang psikologi ditemui di dalam korpus pantun bagi bahagian kuku. Selanjutnya huraian medan makna tersebut diberikan dengan disertakan contoh-contoh yang berkaitan.

#### **7.3.2.1 Medan Makna Ruang Fizikal**

Terdapat juga ruang fizikal yang digambarkan melalui metafora kuku. Hal ini digambarkan melalui *isi dengan kuku* yang ditunjukkan dalam pantun 380 seterusnya;

### Pantun 380

4620. Makan sirih dalam cerana,  
Daun sirih sudah layu;  
Ke hulu bersama ke hilir bersama,  
Macamlah **isi dengan kuku.**

(KKMS:584)

**Kolokasi** antara isi dengan kuku jelas memperlihatkan **makna denotatif** apabila melihat bahagian kuku dan isi yang saling melekat secara fizikal. Namun begitu, berdasarkan konteks, keadaan fizikal isi dan kuku tersebut telah dimetaforkan sebagai hubungan yang sangat erat antara dua pihak yang sentiasa kelihatan bersama memberikan **makna konotatif**.

### 7.3.2.2 Medan Makna Ruang Psikologi

Di dalam kajian ini, *kuku* juga dilihat sebagai satu ruang secara psikologi. Hal ini dapat diperlihatkan melalui metafora *kuku* seperti yang ditunjukkan dalam pantun berikut;

#### Pantun 381

984. Hinggap mari di hujung ciku,  
Mari hinggap di ranting tua;  
Hendak mati **di hujung kuku**,  
Satu kubur kita berdua.

(KKMS:124)

Jika diteliti secara fizikal, dapat diperlihatkan bahawa *hujung kuku* merujuk kepada bahagian paling hujung pada kuku. Namun, berdasarkan konteks, *hujung kuku* merujuk kepada bahagian yang berisiko dan sering dikaitkan dengan kematian. Jadi, mana mungkin boleh mati di *hujung kuku* secara fizikal, maka ini memberikan **makna konotatif** dalam ruang psikologi.

Penelitian lanjut terhadap metafora *kuku*, menunjukkan terdapatnya frasa *hujung kuku* dalam korpus kajian. Hal ini ditunjukkan dalam pantun-pantun 382 dan 383 di bawah;

#### Pantun 382

5097. Umpan mari kulit duku,  
Orang mengail jauh ke laut;  
Kalau nyawaku **di hujung kuku**,  
Nyawa kau juga di hujung rambut.

(KKMS:645)

#### Pantun 383

3928. Orang mengail di Teluk Bulang,  
Apalah umpannya si kulit duku;  
Jangan bermain kekasih orang,  
Nyawa tersangkut **di hujung kuku**.

(KKMS:495)



*Hujung kuku* dalam konteks pantun Melayu sering dikaitkan dengan nyawa. Hubungan ini memperlihatkan **makna konotatif** yang menggambarkan kehidupan seseorang yang keadaan tidak selamat atau berbahaya. *Hujung kuku* merupakan bahagian yang amat genting yang berkemungkinan boleh patah atau dipotong. Makna *nyawa* **dikolokasikan** dengan *hujung kuku* sebagai peringatan atau amaran kepada seseorang mengenai risiko kehidupan jika sesuatu perkara berlaku.

## 7.4 Metafora Anatomi Lengan

Bahagian lengan adalah merujuk kepada bahagian pergelangan tangan sehingga kepala bahu. Terdapat perilaku dan ruang yang dimetaforakan pada anatomi lengan dan diuraikan berikut ini.

### 7.4.1 Medan Makna Perilaku

Dari sudut perilaku, terdapat metafora *berbantal lengan* dan *berpangku lengan* di dalam korpus kajian. Ini ditunjukkan di dalam pantun-pantun 384 dan 385 berikut;

#### Pantun 384

2270. Sedap sungguh jeruk maman,  
Lepas setalam setalam pula;  
Sedap sungguh **berbantal lengan**,  
Lepas semalam semalam pula.  
(KKMS:285)

#### Pantun 385

932. Hari panas helang berbunyi,  
Ayam mengeram dalam reban;  
Tikar berkerawang bantal bersuji,  
Hajat nak tidur **berpangku lengan**.  
(KKMS:117)

Huraian lanjut bagi *berbantal lengan* dan *berpangku lengan*, sila rujuk perkara 7.1.2.

## 7.4.2 Medan Makna Ruang

Bagi bahagian lengan, dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya terdapat medan makna ruang fizikal. Hal ini dijelaskan selanjutnya dengan memberi contoh yang sesuai.

### 7.4.2.1 Medan Makna Ruang Fizikal

Terdapat juga metafora lengan yang menunjukkan ruang fizikal, iaitu *pangkal lengan* dan *lengan baju*. Metafora tersebut ditunjukkan melalui pantun-pantun berikut;

#### Pantun 386

4605. Kalau mencari buah asam,  
Biar lebih kurang jangan;  
Alang-alang menjolok pekasam,  
Biar sampai ke **pangkal lengan**.  
(KKMS:582)

Jika diteliti berdasarkan ruang fizikal, *pangkal lengan* memberi **makna denotatif**, iaitu bahagian pertemuan antara kepala bahu dan ketiak. Pangkal lengan adalah bahagian yang paling maksimum bahagian tubuh yang boleh diseluk ke dalam bekas. Jika diteliti berdasarkan konteks, ianya boleh merujuk kepada perilaku yang memberi **makna konotatif**, iaitu biar sampai ke pangkal lengan merujuk kepada perilaku sesuatu perkara biar sampai kesudahan atau puas hati.

Seterusnya terdapat kolokasi *lengan baju* dan ditunjukkan melalui pantun 387 di bawah. Huraian bagi *lengan baju*, boleh dirujuk pada bahagian 7.1.3.

### Pantun 387

1836. Pergi ke darat memungut rambai,  
Habis carik **lengan baju**;  
Apa nak harap bunga setangkai,  
Bunga lain sedap bau.

(KKMS:230)

Selain itu secara fizikal juga, lengan menunjukkan ukuran yang digunakan oleh masyarakat melayu menunjukkan saiz sesuatu. Misalnya dalam pantun 388 berikut, ukuran anak buruk dibandingkan dengan *sebesar lengan*.

### Pantun 388

83. Anak buruk **sebesar lengan**,  
Dibungkus dengan sekarung kain;  
Sungguh buruk hati berkenan,  
Tidak saya mencari lain.

(KKMS:11)

Jadi jika diteliti, kolokasi lengan baju dalam pantun 387 membawa **makna denotatif** dan **makna reflektif**, iaitu bayangan bagi bahagian tangan dengan baju sebagai objek. Pantun 388 membawa **makna denotatif**, iaitu merujuk saiz haiwan, iaitu anak buruk.

## **7.5 Metafora Anatomi Siku**

Di bahagian lengan terdapat siku sebagai sendi yang menghubungkan antara lengan daripada pergelangan tangan hingga siku, dan daripada siku ke bahagian bahu. Ungkapan seperti *buruk siku* amat terkenal dalam peribahasa Melayu yang merujuk kepada seseorang telah memberikan sesuatu tetapi mengambilnya kembali.

### 7.5.2 Medan Makna Ruang

Hanya terdapat medan makna ruang fizikal di dalam bahagian siku. Berikut dihuraikan medan makna tersebut berserta contoh pantun yang berkaitan.

#### 7.5.2.1 Medan Makna Ruang Fizikal

Daripada analisis, didapati bahawa *siku* hanya hadir di dalam ruang fizikal sahaja, iaitu **makna denotatif** sahaja yang menunjukkan siku sebagai bahagian anatomi. Kehadiran bahagian anatomi siku ditunjukkan dalam pantun-pantun 389 dan 390 berikut;

##### Pantun 389

3736. Kuih sekeping, sup semangkuk  
Pengalas perut roti sebuku  
Rantai labuh berat di tengkuk  
Gelang emas **sampai ke siku.**

(KAPM:568)

##### Pantun 390

261. **Pat siku lipat**  
Buah lalu di belakang  
Siapa untung dia mendapat  
Mata luyu tak memandang.

(KAPM:42)

Berdasarkan pantun 389, kolokasi *sampai ke siku* merujuk kepada banyak barang kemas yang dimiliki. *Pat siku lipat* pula biasa dinyanyikan oleh kanak-kanak Melayu merujuk kepada permainan siapa cepat dia dapat. Kedua-duanya mempunyai **makna denotatif** kerana boleh diteliti secara fizikal.

### 7.6 Kuantifikasi Metafora Anatomi Tangan Dan Bahagian Yang Berkaitan

Seterusnya kajian membuat kuantifikasi bagi anatomi tangan dan bahagian yang berkaitan berdasarkan jumlah dan peratusan anatomi tangan dan bahagian-bahagian yang berkaitan di dalam korpus berdasarkan medan makna dan jenis-jenis makna.

### 7.6.1 Kuantifikasi Berdasarkan Medan Makna

Kuantifikasi berdasarkan medan makna berikut ini adalah bagi anatomi tangan yang terdiri daripada tangan, jari, kuku, lengan, dan siku. Medan makna yang diteliti pula adalah medan makna sikap, medan makna perilaku dan medan makna ruang. Seterusnya huraian adalah berdasarkan kuantifikasi dalam jadual 7.5 selanjutnya.

**Jadual 7.5: Kuantifikasi Anatomi Tangan Berdasarkan Medan Makna**

BAHAGIAN ANATOMI TANGAN	MEDAN MAKNA SIKAP		MEDAN MAKNA PERILAKU		MEDAN MAKNA RUANG					
					FIZIKAL		PSIKOLOGI		BUDAYA	
	( + )	( - )	( + )	( - )	( + )	( - )	( + )	( - )	( + )	( - )
TANGAN	1 (33.33)	1 (33.34)	78 (48.75)	35 (21.88)	129 (30.00)	44 (10.23)	46 (10.70)	70 (16.28)	6 (1.40)	-
JARI	-	-	23 (14.38)	9 (5.63)	46 (10.70)	14 (3.26)	6 (1.40)	6 (1.39)	1 (0.23)	-
KUKU	1 (33.33)	-	8 (5.00)	-	5 (1.16)	14 (3.26)	1 (0.23)	10 (2.33)	-	-
LENGAN	-	-	7 (4.38)	-	17 (3.95)	2 (0.47)	9 (2.09)	2 (0.47)	-	-
SIKU	-	-	-	-	2 (0.47)	-	-	-	-	-
JUMLAH 1	2 (66.66)	1 (33.34)	116 (72.50)	44 (27.50)	199 (46.28)	74 (17.22)	62 (14.41)	88 (20.47)	7 (1.63)	-
JUMLAH 2	3 (100.00)		160 (100.00)		273 (63.49)		150 (34.88)		7 (1.63)	
					430 (100.00)					

Berdasarkan penelitian terhadap jadual 7.5 di atas, adalah didapati bahawa medan makna ruang mencatatkan jumlah kehadiran entri yang tertinggi, iaitu sebanyak 430 entri (100%). Ruang fizikal mencatatkan jumlah entri tertinggi, iaitu sejumlah 273 entri (63.49%) daripada keseluruhan jumlah medan makna ruang. Ini diikuti oleh medan makna ruang psikologi, iaitu 150 entri (34.88%) dan sumbangan yang kecil daripada medan makna ruang budaya, iaitu 7 entri (1.63%). Gabungan antara ketiga-tiga ruang

tersebut melonjakkan jumlah yang tinggi medan makna ruang bagi keseluruhan medan makna.

Berasaskan pecahan bagi setiap medan makna ruang, terdapat frekuensi yang tertentu dicatatkan bagi setiap ruang. Ruang fizikal mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu 273 entri (63.49%) daripada keseluruhan medan makna ruang, yang melibatkan 199 entri (46.28%) bagi medan makna fizikal positif dan 74 entri (17.22%).

Seterusnya medan makna ruang pula diikuti oleh medan makna ruang psikologi, iaitu sejumlah 150 entri (34.88%) yang dijumlahkan berdasarkan 62 entri (14.41%) berbentuk positif dan selebihnya 88 entri (20.47%) berbentuk negatif. Dalam hal ini jelas menunjukkan bahawa medan makna ruang psikologi negatif adalah lebih banyak berbanding medan makna ruang psikologi positif. Hal ini berlaku kerana banyak makna pantun yang menunjukkan ruang yang menunjukkan keadaan getir atau bahaya seperti hujung kuku.

Medan makna ruang budaya hanya menyumbang pada peratusan yang kecil dalam medan makna ruang, iaitu 7 entri (1.63%). Hal ini berlaku kerana kehadiran medan makna ruang budaya di dalam korpus kajian amat terhad.

Berdasarkan jumlah tertinggi yang dicatatkan bagi entri medan makna ruang fizikal, turut memberi kesan kepada catatan yang tinggi bagi medan makna ruang perilaku, iaitu sejumlah 160 entri (100%), iaitu sejumlah 116 entri (72.50%) bagi medan makna perilaku positif (+) dan 44 entri (27.50%) medan makna perilaku negatif (-). Hal ini berlaku disebabkan anatomi tangan berkaitan dengan pergerakan dan pergerakan itu

dapat diperhatikan secara fizikal. Ini menjadikan medan makna perilaku mencatatkan jumlah entri kedua tinggi selepas medan makna ruang fizikal.

Akhirnya medan makna sikap mencatatkan frekuensi yang sangat rendah, iaitu hanya tiga entri (100%), iaitu hanya dua entri (66.66%) bagi sikap positif dan satu entri (33.34%) bagi sikap negatif. Frekuensi yang sangat rendah ini terjadi kerana kurangnya kehadiran anatomi tangan yang menggambarkan sikap dalam korpus kajian.

Bagi keseluruhan frekuensi bagi anatomi tangan berdasarkan bahagian anatomi, didapati bahawa kesemua medan makna menunjukkan bahawa anatomi tangan mencatatkan frekuensi yang tertinggi, iaitu 2 entri bagi medan makna sikap, 116 entri bagi medan makna perilaku, dan 295 entri bagi medan makna perilaku. Sila rujuk jadual 7.5 di atas untuk perincian lanjut. Catatan frekuensi yang tinggi bagi anatomi tangan adalah kerana tangan tangan menjadi wakil atau generik bagi bahagian tangan yang termasuk tangan, jari, kuku, lengan, dan siku.

#### **7.6.2 Kuantifikasi Berdasarkan Jenis-Jenis Makna**

Huraian berikutnya adalah merujuk kepada jadual 7.6. Kuantifikasi yang diteliti berdasarkan jenis-jenis makna kolokatif, denotatif, konotatif dan makna reflektif yang terdapat dalam korpus kajian.

**Jadual 7.6: Kuantifikasi Anatomi Tangan Berdasarkan Jenis-Jenis Makna**

BAHAGIAN ANATOMI TANGAN	MAKNA KOLOKATIF	MAKNA DENOTATIF	MAKNA KONOTATIF	MAKNA REFLEKTIF
TANGAN	251 (62.59)	188 (56.80)	132 (73.33)	3 (60.00)
JARI	93 (23.19)	88 (26.59)	24 (13.33)	-
KUKU	28 (6.98)	27 (8.16)	13 (7.22)	-
LENGAN	27 (6.74)	26 (7.85)	11 (6.11)	2 (40.00)
SIKU	2 (0.50)	2 (0.60)	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>401</b> <b>(100.00)</b>	<b>331</b> <b>(100.00)</b>	<b>180</b> <b>(100.00)</b>	<b>5</b> <b>(100.00)</b>

Berdasarkan jadual 7.6 di atas, secara keseluruhan kehadiran anatomi tangan dan bahagian bahagian yang berkaitan adalah 401 entri (100%) daripada keseluruhan korpus. Hal ini dijelaskan melalui jumlah makna kolokasi di dalam jadual tersebut. Jumlah kolokasi tertinggi adalah pada sub anatomi tangan, iaitu 251 entri (62.59%) daripada keseluruhan jumlah makna kolokasi.

Selanjutnya dibincangkan pula makna denotatif, makna konotatif, dan makna refleksi. Dapatan kajian bagi makna anatomi bahagian hujung, tangan dan yang berkaitan menunjukkan bahawa makna denotatif lebih banyak, iaitu 331 entri (100.00%) berbanding makna konotatif, iaitu sebanyak 180 entri (100%). Hal ini sejajar dengan dapatan bagi ruang fizikal yang menunjukkan catatan tertinggi dalam medan makna. Ini kerana tangan adalah anatomi yang dapat dilihat secara fizikal dan berkaitan dengan gerak laku. Bahkan banyak pantun yang menggunakan tangan berdasarkan jenis, bentuk dan saiz anatomi tangan seperti jari.



Makna konotatif sejumlah 180 entri (100%) banyak disumbangkan berdasarkan metafora tangan sebagai kuasa. Akhirnya, makna reflektif pula kehadiran di dalam korpus kajian adalah terhad, iaitu lima (100%) sahaja.


## **7.7 Kesimpulan**

Secara keseluruhan, bab ini menunjukkan anatomi tangan sebagai organ yang penting melibatkan pergerakan fizikal yang dibuktikan melalui catatan yang tinggi di dalam medan makna ruang fizikal dan berkaitan dengan makna denotatif. Tangan juga menunjukkan kuasa secara metafora melalui kolokasi yang ditunjukkan melalui makna konotatif seperti yang dihuraikan di dalam bab ini.

## BAB 8: METAFORA ANATOMI BAHAGIAN HUJUNG (2): KAKI DAN YANG BERKAITAN

### 8.0 Pendahuluan

Bahagian kaki di dalam bab ini pula adalah bahagian anatomi yang bersambung dengan bahagian bawah badan. Bahagian kaki yang dimaksudkan dalam bab ini adalah *kaki*, *betis*, *lutut*, dan *paha*. Hal ini dijelaskan melalui gambarajah 8.1 berikut,



Rajah 8.1: Anatomi Bahagian Kaki

### 8.1 Metafora Anatomi Kaki

Kaki melibatkan aktiviti gerakan dari satu tempat ke satu tempat. Dalam masyarakat Melayu, kaki tidak boleh dilunjurkan apabila duduk. Ini dijelaskan oleh Asmah Haji Omar, (1996:28),

*This is an explanation for the taboo among the Malays not to put the feet up or to be in a position in such a way that the soles of the feet are seen by other people. The malay way of sitting on the floor ensures that the feet are hidden, either in male bersila way or the female bertimpuh way,*

Selain itu juga, kanak-kanak biasanya dilarang *menyabung kaki*, iaitu mengangkat bahagian betis hingga kaki ke atas dalam keadaan meniarap. Dikatakan bahawa perbuatan tersebut akan menyebabkan emak mereka meninggal dunia.<sup>14</sup> Secara inferens, hal ini dilihat sebagai satu bentuk sosialisasi masyarakat dahulu sebagai adab dan mengelakkan kecederaan berlaku sekiranya seseorang terjatuh kerana melanggar bahagian kaki.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahagian kaki banyak memberikan makna negatif. Kesemua ini dijelaskan di dalam huraian berikut ini berdasarkan medan makna sikap, medan makna perilaku, dan medan makna ruang.

#### 8.1.1 Medan Makna Sikap

Berdasarkan korpus kajian, terdapat *kaki penakut* yang menunjukkan sikap negatif di temui. Hal ini diperlihatkan melalui pantun 391 berikut,

##### Pantun 391

3837. Tebu bukannya bangkut  
Rama-rama terbang ke kuala  
Bukan kami **kaki penakut**  
Berani kami berkorban nyawa.  
(KAPM: 49)

Di dalam pantun 391 tersebut di atas, **kolokasi** bagi *kaki* dan *penakut* memberi **makna konotatif** menunjukkan seseorang yang mempunyai sikap tidak berani. *Kaki* juga boleh merujuk kepada kebiasaan atau tabiat. Dalam hal ini terdapat juga tabiat yang menjadi sikap yang biasanya memberi gambaran buruk seperti *kaki botol*, *kaki judi*, *kaki*, *minum*, dan *kaki bangku* (Za'ba, 1934-1973b:162)

---

<sup>14</sup> Maklumat diperoleh daripada Puan Som Mariah Abdul Hamid, 73 tahun dari Lambor, Perak

Seterusnya terdapat kolokasi *kaki melela* seperti yang menunjukkan sikap dan dijelaskan melalui pantun 392 berikut;

Pantun 392

1795. Panjang sifat **kaki melela**,  
Orang meraih di Lubuk Johor;  
Di mana tempat hatimu gila,  
Hitam manis rambutnya kejur.  
(KKMS: 225)

*Kaki melela* merujuk kepada sikap melagakkan diri dengan melakukan gerakan yang elok-elok atau menunjuk-nunjuk. Ini memberi **makna kolokasi** antara *kaki* dan *melela* dan memberi **makna denotatif**, iaitu perlakuan lagak yang dapat dilihat secara fizikal.

### 8.1.2 Medan Makna Perilaku

Terdapat perilaku positif dan negatif di dalam kajian bagi anatomi *kaki*. Perilaku yang ditemui di dalam kajian ini menggambarkan pergerakan, halangan, serta rutin kehidupan. Bagi perilaku yang menunjukkan ada pergerakan dari satu tempat ke tempat lain. Hal ini ditunjukkan melalui frasa *berjalan kaki* dan *menjejak kaki* seperti di dalam pantun 393 dan 394 di bawah,

Pantun 393

5059. Dari Perlis pergi ke Sabah,  
Datang ke Sabah **berjalan kaki**;  
Biar mati bertumpah darah,  
Namun ku undur tidak sekali.  
(KKMS:641)

Pantun 394

4266. Serai serumpun di tengah halaman,  
Tempat murai **menjejak kaki**;  
Tinggal kampung tinggal halaman,  
Tinggal pangkalan tempatku mandi.  
(KKMS:538)

*Berjalan kaki* adalah **kolokasi** yang menunjukkan berlakunya pergerakan ke hadapan menggunakan *kaki* sebagai medium pergerakan. Ini memberikan **makna denotatif** kerana perbuatan tersebut dapat dilihat secara fizikal. Namun berdasarkan konteks pantun di atas, adalah tidak munasabah seseorang *berjalan kaki* kerana kedudukan antara Sabah dan Perlis adalah sangat jauh dan dipisahkan oleh lautan.

Bagi **kolokasi** *menjejak kaki* pula, terdapat pergerakan atas ke bawah, iaitu murai yang terbang dan *menjejak kaki* di satu tempat, iaitu di rumpun serai di halaman. Ini juga memberikan **makna denotatif**, iaitu perilaku burung murai tersebut dapat dilihat secara fizikal.

Terdapat juga perilaku yang berlaku secara setempat, iaitu *berayun kaki*, *naik kaki*, dan *kaki memanggung*. Perilaku – perilaku tersebut digambarkan melalui pantun–pantun 395, 396, dan 397 berikut;

Pantun 395

4636. Orang mengail di Alor Mat Pulih,  
Habis raga dimakan api;  
Sana duk harap sini tak boleh,  
Buang tangga **berayun kaki**.

(KKMS:586)

Pantun 396

4376. Hujan renyai-renyai,  
Pakat **naik kaki**  
Orang bujang ramai-ramai,  
Pakat cari laki.

(KKMS:553)

### Pantun 397

2878. Sedap sungguh belayar kapal  
Kapal masuk sekali setahun  
Sedap sungguh tidur sebantol  
Tangan memeluk **kaki memanggung**.

(KAPM: 69)

Pergerakan bagi **kolokasi** *berayun kaki*, *naik kaki* dan *kaki memanggung* berlaku secara setempat tetapi arah dan cara yang berlainan. Bagi *berayun kaki*, arahnya adalah daripada hadapan ke belakang dan secara berterusan. Bagi *naik kaki* pula, pergerakan adalah dari bawah ke atas. Bagi *kaki memanggung* pula, tiada gerakan atau statik, iaitu dengan meletakkan satu kaki ke atas satu kaki yang lain. *Berayun kaki*, *naik kaki* dan *kaki memanggung* berlaku dapat dilihat secara fizikal memberikan **makna denotatif**.

Namun berdasarkan konteks, *berayun kaki* dan *memanggung kaki* mempunyai **makna konotatif**. *Berayun kaki* dalam pantun 404 di atas adalah rasa tidak puas hati apabila sesuatu yang diharapkan tidak dapat dipenuhi. Maka untuk meredakan rasa tersebut, pemantun mengayunkan kakinya. Bagi *kaki memanggung* pula merujuk kepada rasa selesa yang ditunjukkan melalui perilaku memanggung kaki.

Seterusnya terdapat perilaku melibatkan halangan di dalam kajian ini, iaitu *mengeting kaki* dan *galang kaki*. Hal ini ditunjukkan melalui pantun 398 dan 399 berikut;

### Pantun 398

1602. **Mengeting kaki** mengeting betis,  
Seperti benang sudah diisi;  
Dipandang jauh cantikmu alis,  
Gambar adik terkenang hati.

(KKMS:201)

### Pantun 399

2817. **Galang kaki** kelarai dua,  
Banyak orang pergi menempah;  
Hidup tidak kerana doa,  
Mati tidak kerana sumpah.  
(KKMS:354)

**Kolokasi** *mengeting kaki* menunjukkan perilaku menendang bahagian keting seseorang. Keting ialah bahagian belakang buku lali pada bahagian kaki. Perilaku ini boleh dilihat secara fizikal dan memberi **makna denotatif**.

*Galang kaki* pula jika dilihat secara **denotatif** seperti perilaku menghalang sesuatu. Namun berdasarkan konteks pantun di atas, *galang kaki* ialah pelapik kaki, iaitu pelapik yang dibuat daripada kelarai. Kelarai ialah corak anyaman daripada pokok mengkuang yang juga disebut ragi.



**Rajah 8.2 Contoh Kelarai Galang Kaki**

Selain itu, terdapat perilaku *membasuh kaki* dan *mengerat kuku kaki*. Hal ini dijelaskan melalui pantun-pantun 400 dan 401 berikut;

### Pantun 401

4017. Air keruh telaga keruh,  
Air di kendi **membasuh kaki**;  
Tuan jauh saya pun jauh,  
Sama kita menahan hati  
(KKMS:507)

### Pantun 401

1902. Pisau tajam pilau pencukur,  
Buat **mengerat kuku kaki**;  
Kalau kumbang bukan seekor,  
Bunga pun banyak bukan sekaki.

(KKMS:239)

**Kolokasi** bagi *membasuh kaki* dan *mengerat kuku kaki* adalah perilaku yang menjadi kebiasaan bagi orang Melayu. Kedua-dua perilaku ini adalah secara fizikal yang memberi **makna denotatif**. Kedua-duanya juga boleh dihuraikan berdasarkan konteks ruang budaya Melayu.

Jika diteliti dari sudut budaya kehidupan orang Melayu pada masa dahulu, mereka akan membasuh kaki sebelum masuk rumah menggunakan air yang biasanya diletakkan di dalam tempayan atau kendi di tepi tangga. Bagi *mengerat kuku kaki* pula, sebelum wujudnya pengetip kuku, orang Melayu menggunakan pisau pencukur bagi memotong kuku. Maka sebab itulah, orang Melayu dahulu melarang daripada memotong kuku pada waktu malam kerana khuatir akan menyebabkan luka.

Terdapat juga perilaku negatif di dalam kajian ini, iaitu *terdorong kaki* seperti yang ditunjukkan dalam pantun 403 berikut ini;

### Pantun 403

1441. Pergi ke hutan menjerat rusa  
Rusa tertangkap dengan anaknya  
**Terdorong kaki** badan merana  
Terdorong kata emas padahnya.

(KAPM:226)

**Kolokasi** *terdorong kaki* membawa **makna konotatif**, iaitu salah langkah. Jika dilihat pantun di atas berdasarkan konteks, *terdorong kaki* merujuk kepada salah langkah menyebabkan seseorang itu merana.



### 8.1.3 Medan Makna Ruang

Huraian bagi medan makna ruang berikut adalah hasil dapatan kajian yang dijalankan. Terdapat medan makna ruang fizikal dan medan makna ruang budaya bagi anatomi kaki.

#### 8.1.3.1 Medan Makna Ruang Fizikal

Hasil kajian mendapati bahawa berdasarkan kepada ruang fizikal, terdapat kolokasi antara anatomi *kaki* + *benda bernyawa* dan anatomi *kaki* + *benda tak bernyawa*. Bagi kolokasi antara *kaki* + *benda bernyawa*, metafora *kaki* wujud apabila terdapat **makna kolokatif** apabila anatomi *kaki* berkolokasi dengan manusia, haiwan. Manakala atau bagi kolokasi *kaki* + *benda tidak bernyawa* pula adalah apabila anatomi kepala berkolokasi dengan benda. Kesemua kolokasi tersebut memberikan **makna denotatif** kerana kewujudannya dapat dilihat secara fizikal.

Hasil kajian mendapati bahawa kolokasi antara *kaki* + *manusia* diperlihatkan di dalam contoh pantun 404 berikut, iaitu *kaki Wan*,

#### Pantun 404

3072. Sakit kaki tikam selumbar,  
Selumbar ada kaki di **kaki Wan**;  
Sakit hati rasa nak khabar,  
Kalau khabar malulah kawan.

(KKMS:386)

Contoh tersebut di atas memperlihatkan kolokasi lexis *kaki* dengan lexis benda bernyawa, iaitu *kaki* + Wan. Maka *kaki Wan* [+ anatomi, + manusia, +bernyawa, + khas].

Selain itu terdapat kolokasi antara anatomi kaki dan haiwan seperti *kaki pelanduk*, *kaki kuda* dan *kaki ayam*. Pantun berikut pula menunjukkan kolokasi antara anatomi *kaki* + haiwan, iaitu *kaki pelanduk*.

Pantun 405

2835. Helang-helang **kaki pelanduk**,  
Gulai daun dipatah dua;  
Kamek sehelang dengan juak manuk,  
Lama laun sudinya juga.  
(KKMS:356)

Pantun 406

4154. Cik Esah menuju ke pekan,  
Tumbuh kulat **di kaki kuda**;  
Cik Esah cik tuan pesan,  
Kirim surat kupinang muda.  
(KKMS:524)

Pantun 407

144. Cak kekok **kaki ayam**  
Berlaga sama puyuh  
Tak cekap berjalan malam  
Ambil damar buat suluh.  
(KAPM:26)

*Kaki pelanduk*, *kaki kuda*, dan *kaki ayam* adalah kolokasi kaki [+anatomi, - manusia, + bernyawa, - khas]. Ini bermakna *kaki Wan*, *kaki pelanduk*, *kaki kuda*, dan *kaki ayam* berdasarkan konteks pantun-pantun di atas mempunyai **makna kolokatif** berdasarkan kolokasi butiran leksikal dan **makna denotatif** pula kerana *kaki* dapat dilihat kewujudannya secara fizikal.

Kolokasi juga berlaku antara *kaki*+ benda tak bernyawa seperti *kaki tiang*, *kaki tangga*, *kaki dulang*, *kaki seluar*, *kaki tatal* dan lain-lain lagi. Bagi kolokasi *kaki* + benda tak bernyawa [- anatomi, -manusia, - bernyawa, - khas], boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu *kaki* dengan benda, *kaki* dengan kosmologi dan *kaki* berdasarkan fungsi.

Selain itu terdapat juga metafora *kaki* yang menunjukkan ruang tempat. Misalnya, *kaki lima* dan *jalan kaki* yang ditunjukkan melalui pantun-pantun berikut.

Pantun 408

4776. Jalan-jalan **di kaki lima**,  
Bawalah pulang ikan gelama;  
Budi tuan sudahlah diterima,  
Jadikan hutang selama-lamanya.  
(KKMS:604)

Pantun 409

3987. Secupak dua cupak,  
Empat cupak jadi segantang;  
Kalau tak dengar cakap mak bapak,  
**Kaki lima** badan seorang.  
(KKMS:503)

*Kaki lima* merujuk kepada lantai di antara hadapan kedai dgn jalan (tempat orang lalu-lalang); lantai di antara hadapan rumah dgn jalan, lantai beratap yang menghubungkan dua buah rumah. Gambaran keadaan tersebut ditunjukkan melalui gambarajah 8.3 berikut

Kaki  
Lima



**Rajah 8.3: Contoh *Kaki Lima***

Berdasarkan *jalan-jalan kaki lima*, menunjukkan ruang fizikal seperti yang ditunjukkan dalam gambar di atas. Namun jika diteliti berdasarkan konteks pada pantun berikutnya, *kaki lima badan seorang* memberi **makna konotatif**, iaitu seorang yang terbuang daripada keluarga di *kaki lima* kerana tidak mendengar nasihat ibu dan bapanya. **Makna reflektif** juga terdapat apabila ada makna bayangan bagi *kaki* dan nombor lima (5).

Selain itu, terdapat juga *jalan kaki* yang menunjukkan tempat. Ini dapat dilihat di dalam pantun 410 berikut;

Pantun 410

5142. Orang Arab pergi Makasar,  
**Jalan kaki** Kampung Cik Tahir;  
Jangan harap taukeh di pasar,  
Garam sekati curi setahil.

(KKMS:652)



Jalan  
Kaki

**Rajah 8.4: Contoh *Jalan Kaki***

Apabila merujuk kepada *jalan kaki* dalam pantun di atas, sebenarnya terdapat dua kemungkinan medan makna, iaitu perilaku jalan kaki, ataupun ruang yang digunakan untuk seseorang berjalan. *Jalan kaki* mempunyai **makna denotatif**, iaitu dapat diperhatikan secara fizikal. Selain itu, *jalan kaki* juga memberi **makna reflektif**, iaitu hubungan bayangan antara anatomi *kaki* dan *jalan* sebagai ruang.

Berdasarkan kajian ini, didapati anatomi kaki yang diabstrak kepada benda. Antara yang banyak ditemui di dalam kajian adalah anatomi kaki digunakan bagi menunjukkan fungsi benda sebagai dasar. Hal ini diitunjukkan melalui *kaki tiang* yang menjadi dasar bagi rumah, dalam pantun berikut;

**Pantun 411**

2948. Makan ketupat di kecung baru,  
Lempar kulit **di kaki tiang**;  
Dah boleh sahabat baru,  
Sahabat lama tinggal buang.

(KKMS:371)



*Kaki  
Tiang*

**Rajah 8.5: Contoh Kaki Tiang**

Selain itu, anatomi kaki juga digunakan sebagai dasar bagi alatan yang digunakan dalam kebudayaan Melayu seperti *kaki dulang* dan *kaki dupa* sepertimana yang terdapat dalam pantun-pantun berikut,

Pantun 412

4771. Hendak berbuah buahlah buluh,  
**Kaki dulang** kuparas juga;  
 Hendak bertuah bertuahlah tubuh,  
 Budi orang kubalas juga.  
 (KKMS:603)

Dulang adalah sejenis alatan yang digunakan oleh masyarakat Melayu untuk meletakkan sesuatu barang di atasnya. Bagi orang Melayu, dulang digunakan bagi meletakkan hidangan makanan sebelum disajikan. Dalam perkahwinan orang Melayu pula misalnya, dulang digunakan bagi meletak barang hantaran. Masyarakat Pantai Timur memanggil dulang hantara sebagai par atau anak kangsa.<sup>15</sup> Contoh gambar ditunjukkan berikutnya.

<sup>15</sup> Maklumat diperoleh daripada Puan Wan Hasnah Ahmad, 67 tahun dari Machang, Kelantan.



**Rajah 8.6: Contoh Kaki Dulang**

*Kaki dulang* pula merujuk kepada bahagian bawah atau dasar bagi dulang sepertimana yang ditunjukkan dalam gambar 8.6 di atas. Terdapat **kolokasi** antara *kaki* dan *dulang* yang juga memberi **makna denotatif**, iaitu sesuatu yang boleh dilihat secara fizikal. Selain itu juga mempunyai **makna reflektif**, iaitu hubungan bayangan antara anatomi *kaki* dengan *dulang* tempat mengisi barang seperti yang telah diterangkan di atas.

Anatomi kaki yang termasuk dalam medan makna sebagai dasar benda juga adalah *kaki perdupaan*. Hal ini dapat dilihat dalam pantun 413 berikut;

Pantun 413

1212. Beli kipas dengan pahat  
Letak di **kaki perdupaan**  
Putih kapas boleh dilihat  
Putih hati berkeadaan.

(KAPM:191)

*Dupa* adalah sejenis alat yang digunakan sebagai tempat atau bekas membakar kemenyan atau setanggi. Alat ini biasanya terdapat di rumah orang Melayu dulu-dulu, dan digunakan biasanya apabila berlaku kematian ataupun bagi tujuan perubatan. Contoh bentuk dupa ditunjukkan dalam gambar 8.7 berikut;



*Kaki  
Perdupaan*

**Rajah 8.7: Contoh Kaki Perdupaan**

*Kaki perdupaan* adalah **kolokasi** antara *kaki* dengan *dupa*, yang secara langsung menunjukkan ada hubungan banyangan antara dua objek tersebut yang membawa **makna reflektif**. Selain itu juga kaki perdupaan juga mempunyai **makna denotatif**, iaitu bahagian dasar bekas tersebut yang boleh dilihat secara fizikal.

Seterusnya di dalam kajian juga ditemui *umpu kaki* yang menunjukkan kaki sebagai dasar. Ini ditunjukkan di dalam pantun 414 berikut;

Pantun 414

3937. Cempedak di tengah laman  
Dijolok **di umpu kaki**  
Usah lama tegak di laman  
Ambil cebok basuhlah kaki.

(KAPM: 599)



*Umpu  
Kaki*

**Rajah 8.8: Contoh Umpu Kaki**



*Umpu kaki* adalah benda yang digunakan untuk mengampu kaki ataupun juga sebagai topang untuk tempat berjejak. **Kolokasi** *umpu* dan *kaki* memberi **makna denotatif** sebagai suatu benda fizikal yang digunakan sebagai dasar atau tapak untuk berpijak.

Di dalam kajian yang dijalankan, metafora *kaki* juga digunakan bagi medan makna ruang yang menunjukkan sebagai hujung sesuatu benda. Antara benda yang dimaksudkan yang ditemui di dalam kajian ini adalah seperti *kaki sauh*, *kaki tangga*, *kaki tatal* dan *kaki seluar*. Berikut dihuraikan berdasarkan pantun-pantun berikut; seterusnya.

#### Pantun 415

1612. Merambat tebang bertingkat,  
Rambat menyangkut **di kaki sauh**;  
Sudah terlepas burung berikat,  
Sudah biasa terbang jauh.

(KKMS:202)



*Kaki Sauh*

#### **Rajah 8.9: Contoh *Kaki Sauh***

Kaki sauh adalah bahagian paling bawah pada sauh yang dilepaskan ke laut. Rambat pula adalah jaring yang digunakan untuk menangkap hasil laut. Berdasarkan konteks, jaring tersebut tersangkut di bahagian bawah sauh kapal. **Kolokasi** *kaki sauh* membawa **makna denotatif** kerana wujud secara fizikal. Selain itu terdapat juga

**makna reflektif**, iaitu hubungan antara bayangan anatomi *kaki* dan *sauh* yang digunakan dalam bidang perkapalan.


Hasil kajian menemui kata usang, iaitu kata yang jarang digunakan. Kata tersebut ialah *tatal* dan hal ini ditunjukkan melalui pantun 416 berikut;

Pantun 416

3349. Pisau belati mengerat benang  
Hendak menjahit **di kaki tatal**  
Hancur hati masa terkenang  
Air mata membasahi bantal.

(KAPM: 92)

*Tatal* ialah serpihan kayu yang nipis, ditarah atau diketam daripada kayu atau papan. *Kaki tatal* ialah bahagian bawah tatal. Kolokasi *kaki tatal* memberi **makna denotatif** kerana dapat dilihat secara fizikal. Selain itu juga kaki tatal mempunyai **makna refleksi** kerana wujudnya hubungan bayangan antara anatomi kaki dengan tatal. Contoh gambar tatal ditunjukkan pada rajah 8.10 berikut ini;



**Rajah 8.10: Contoh Kaki Tatal**

*Tatal* adalah sisa kayu yang diketam nipis seperti kertas yang digunakan untuk digunakan pada masa dahulukala bagi mencatat sebarang utusan seperti utusan raja, kemudian digulung. Pada bahagian bawah yang dinamakan *kaki tatal*, akan dijahit tatal

lain bagi menyambung atau memanjangkan tatal yang di atasnya. Hal inilah yang ditunjukkan dalam konteks pantun di atas.

Selain itu terdapat juga metafora kaki pada pakaian seperti *kaki seluar* yang ditunjukkan dalam pantun 417 dan 418 berikut;

Pantun 417

625. Burung merpati di Bukit Ngulang,  
Anak merbuk sarang di luar;  
Kuulang pagi kuulang petang,  
Hingga buruk **kaki seluar**.

(KKMS:79)

Pantun 418

146. Anak merbuk sarang di luar,  
Pucuk paku pucuk beringin;  
Biar buruk **kaki seluar**;  
Hati aku sikit tak ingin.

(KKMS:19)



*Kaki Seluar*

**Rajah 8.11: Contoh Kaki Seluar**

**Kolokasi** *kaki* dan *seluar* memberi **makna refleksi**, iaitu hubungan bayangan anatomi *kaki* dan *seluar* sebagai pakaian. **Makna denotatif** bagi *kaki seluar* merujuk

pada bahagian pada hujung bawah seluar seperti yang ditunjukkan dalam rajah 8.4 di atas.

Namun jika diteliti berdasarkan konteks, *kaki seluar* yang dimaksudkan di dalam pantun di atas juga mempunyai **makna konotatif**. Ini adalah kerana *kaki seluar* dalam pantun 418 tersebut merujuk kepada walaupun sehingga *buruk kaki seluar* merujuk kepada walau apapun keadaan, hati pemantun tetap kekal tidak berubah, iaitu tidak inginkan sesuatu.

Seterusnya, *kaki tangga* juga menunjukkan bahagian hujung sesuatu benda. Berikut adalah pantun yang menunjukkan *kaki tangga*;

#### Pantun 419

1004. Hujan reda ribut berdengung,  
Tanam pinang **di kaki tangga**;  
Jangan dinda duduk termenung,  
Sapu tangan mengganti kanda.  
(KKMS:126)



*Kaki Tangga*

**Rajah 8.12: Contoh *Kaki Tangga***

*Kaki tangga* adalah bahagian paling hujung pada tangga sesebuah rumah atau bangunan. Hal ini ditunjukkan dalam rajah 8.9 di atas. **Kolokasi** antara *kaki* dan *tangga* menunjukkan **makna refleksi** hubungan bayangan bagi dua objek tersebut, dan mempunyai **makna denotatif**, iaitu dapat dilihat secara fizikal.

Terdapat juga kolokasi anatomi *kaki* dengan kosmologi, iaitu unsur alam seperti *kaki bukit*, *kaki gunung*, dan *kaki langit* yang menunjukkan ruang paling hujung ditemui di dalam kajian. Hal ini dibuktikan melalui pantun-pantun berikut;

Pantun 420

3319. Melayang sampai **ke kaki gunung**  
Gunung pertapaan Maharaja Bota  
Siapa lagi hendak direnung  
Di mana tempat cermin mata.

(KAPM: 74)



*Kaki Gunung*

**Rajah 8.13: Contoh Kaki Gunung**

Pantun 421

3105. Sedikit minta sedikit,  
Tidak boleh dikasi banyak;  
Ada rumah **di kaki bukit**,  
Berhibur hati orang banyak.

(KKMS:390)




*Kaki bukit*

**Rajah 8.14: Contoh Kaki Bukit**

Pantun 422

4320. Apa merah **di kaki langit**,  
Putik delima dilari kuda;  
Apalah merah di sanggul Kak Nit,  
Bungalah sirih cempaka muda.  
(KKMS:546)



**Rajah 8.15: Contoh *Kaki Langit***

**Kolokasi** *kaki gunung*, *kaki bukit* dan *kaki langit* menunjukkan ruang atau tempat yang paling bawah bagi unsur-unsur alam tersebut yang ditunjukkan melalui gambar- gambar di atas. Ini bermakna ketiga-tiga unsur tersebut mempunyai **makna reflektif**, iaitu makna bayangan hubungan antara dua objek, anatomi *kaki* dengan unsur alam, iaitu *gunung*, *bukit* dan *langit*. Meskipun kesemuanya boleh dilihat secara fizikal, iaitu bersifat **denotatif**, bagi *kaki langit*, kedudukannya secara tepat tidak boleh ditentukan kerana jarak penglihatan yang jauh.

Berdasarkan kajian juga didapati bahawa terdapat ruang fizikal bagi metafora anatomi *kaki* yang menggambarkan objek seperti *gelang kaki* dan *pisang kaki*. Hal ini digambarkan melalui pantun-pantun berikut;

Pantun 423

4325. Assalamualaikum sa l am,  
Kayu birah dimakan api;  
Siapa lalu semalam,  
Baju merah **gelang di kaki**  
(KKMS:546)

Pantun 424

4687. Turun hujan rintik-rintik,  
Tumbuh cendawan **gelang kaki**;  
Kami sepantun telur itik,  
Kasih ayam baharu jadi.  
(KKMS:592)



**Rajah 8.16: Contoh Gelang Kaki**

**Kolokasi** bagi *gelang* dan *kaki* memberi **makna reflektif**, iaitu hubungan bayangan antara anatomi kaki dan gelang, iaitu barang perhiasan yang diletakkan pada bahagian kaki. Gelang kaki juga mempunyai **makna denotatif**, iaitu boleh diperlihatkan secara langsung. Namun jika diperhatikan kepada pantun 424 *gelang kaki* adalah merujuk kepada sejenis cendawan yang berbentuk seperti gelang kaki.

Terdapat juga sejenis buah yang menggunakan anatomi kaki, iaitu pisang kaki seperti yang digambarkan dalam pantun 425 di bawah;

Pantun 425

789. **Pisang kaki** buah angki  
Bawa orang pulang ke China  
Budi jangan dibawa mati  
Terlebih kurang balas di dunia.  
(KAPM: 74)



**Rajah 8.17: Contoh Pisang Kaki**

*Pisang kaki* merupakan sejenis buah. Walaupun namanya pisang kaki, namun dari segi bentuk tidak seperti pisang-pisang lain. Terdapat hubungan bayangan antara anatomi kaki dan pisang yang membawa **makna reflektif** dan **makna denotatif**.

Adalah didapati juga bahawa terdapat metafora *kaki* yang menunjukkan ukuran. Hal ini ditunjukkan melalui pantun 426 berikut,

Pantun 426

1870. Petang-petang ribut berdengung,  
Kain putih **berkaki-kaki**;  
Petang-petang duduk melengung,  
Takut tak boleh kehendak hati.  
(KKMS:235)

**Kolokasi** *berkaki-kaki* yang digambarkan pada kain putih memberi **makna denotatif** yang menunjukkan ukuran yang sangat panjang secara fizikal tetapi tidak



dinyatakan ukuran yang tepat. Namun *bukan sekaki* dalam pantun 427 berikut pula bukan merujuk kepada ukuran;

Pantun 427

1902. Pisau tajam pilau pencukur,  
Buat mengerat kuku kaki;  
Kalau kumbang bukan seekor,  
Bunga pun banyak **bukan sekaki**.

(KKMS:239)

**Kolokasi** *bukan sekaki* dalam pantun di atas bukan merujuk kepada ukuran atau penjodoh bilangan, tetapi bilangan bunga yang banyak. Berdasarkan konteks, bunga yang dimaksudkan adalah perempuan, dan ini memberikan **makna konotatif**, iaitu bukan hanya ada seorang sahaja perempuan tetapi ramai.

### 8.1.3.3 Medan Makna Ruang Budaya

Metafora anatomi *kaki* di dalam medan makna budaya sangatlah terhad. Hasil kajian ini mendapati bahawa *rusa belang kaki* adalah binatang yang berkait dengan budaya hidup orang Melayu. Pantun yang menunjukkan rusa belang kaki digambarkan dalam pantun 428 berikut;

Pantun 428

890. Berburu ke padang datar  
Dapat rusa **belang kaki**  
Berguru kepalang ajar  
Bagai bunga kembang tak jadi.

(KAPM: 235)

*Rusa belang kaki* di dalam pantun 428 di atas bukanlah merujuk kepada rusa yang tidak mempunyai belang di kaki. Ianya adalah merujuk kepada serangga belang sememangnya mudah ditemui di padang-padang berumput. Padang datar adalah padang yang luas tetapi hampir kering daripada tumbuh-tumbuhan melainkan rumput rampai

bukan dari jenis pokok kayu. Maka di padang datar kita tidak akan menemui rusa tetapi belalang rusa. Gambar belalang rusa ditunjukkan dalam rajah 8.18 berikut;



**Rajah 8.18: Contoh *Belalang Rusa***

Dalam masyarakat Melayu secara khususnya, memburu belalang rusa menjadi hobi kerana serangga ini menghasilkan bunyi yang nyaring dan merdu dan diadakan pertandingan bunyi belalang rusa.<sup>16</sup> Kewujudan secara fizikal belalang rusa ini memberi **makna denotatif**.

Berdasarkan konteks pula, *berguru kepalang ajar* maksudnya ‘belajar sekadar alang-alang atau main-main’. *Bunga kembang tak jadi* adalah kiasan kepada sesuatu yang ‘cantik dan berharga’, tetapi kecantikan dan tidak mempunyai nilai kerana gagal berkembang secara optima. Hal ini bermakna sesuatu yang tidak sempurna dituntut, tidak akan mendatangkan faedah, maka kita perlulah memilih guru.

## **8.2 Metafora Anatomi Lutut**

*Lutut* adalah bahagian sendi yang menghubungkan antara *paha* dan *betis*. Dapatan bagi anatomi lutut di dalam kopus kajian juga adalah terhad. Metafora anatomi lutut diperolehi melalui medan makna ruang.

---

<sup>16</sup> Maklumat diperoleh daripada Puan Hasnah Ahmad, 67 tahun dari Machang, Kelantan.

### 8.2.1 Medan Makna Ruang

Hasil penelitian metafora anatomi lutut, didapati bahawa terdapat medan makna ruang. Medan makna ruang tersebut adalah medan makna ruang fizikal dan medan makna ruang psikologi.

#### 8.2.1.1 Medan Makna Ruang Fizikal

Bagi medan makna ruang fizikal bahagian lutut, berikut dihuraikan dapatan kajian berserta contoh pantun 429 dan 430 yang berkaitan.

##### Pantun 429

4083. Buah pinang dipegang-pegang,  
Bawa mari kampung Cik Daud;  
Bila ingat diriku dagang,  
Air mata **jatuh ke lutut.**

(KKMS:515)

##### Pantun 430

873. Empat belas tali kecapi,  
Telur murai **di atas lutut;**  
Rasa belas dalam hati,  
Rambut mengurai **atas lutut.**

(KKMS:110)

Pantun di atas memberikan **makna denotatif** jika diteliti pada satu baris maksud, *air mata jatuh ke lutut dan telur murai di atas lutut, serta rambut mengurai di atas lutut.* Ini adalah kerana kesemua peristiwa tersebut dapat dilihat secara fizikal.

### 8.2.1.2 Ruang Psikologi

Ruang fizikal berubah menjadi ruang psikologi apabila diteliti pada kedua-dua baris maksud berdasarkan konteks. *Bila ingat diriku dagang, air mata jatuh ke lutut* menunjukkan kesedihan pemantun yang digambarkan melalui *air mata* dan *lutut* menjadi ruang jatuhnya air mata. Begitulah halnya perasaan belas yang ditunjukkan melalui *rambut mengurai di atas lutut*. Hal ini memberikan **makna konotatif** bagi *air mata jatuh ke lutut* dan boleh dirujuk juga pada bahagian 4.2.3.2

### 8.3 Metafora Anatomi Betis

Betis adalah bahagian kaki yang menghubungkan antara lutut dan kaki. Orang Melayu membuat perumpamaan betis ibarat bunting padi bagi menggambarkan kecantikan bentuk betis yang menyerupai bentuk padi bunting. Anatomi betis secara fizikal ditunjukkan melalui pantun-pantun 431 dan 432 berikut;

#### Pantun 431

3672. Apa guna memakai kasut,  
Dilangkah akan **betis kiri**;  
Apa guna ilmu dituntut,  
Kalau tidak membantu diri.  
(KKMS:463)

#### Pantun 432

3196. Alang-alang **betis pelanduk**,  
Kita matikan tetauk muda;  
Pantang helang bersama manuk,  
Lama-lama bersama jua.  
(KKMS:402)

*Betis* boleh digunakan pada benda hidup atau bernyawa. Di dalam pantun di atas, **kolokasi** betis kiri [ +anatomi, +manusia, +am] menunjukkan bahagian betis manusia yang terletak di sebelah kiri. Selain itu betis juga digunakan pada binatang, misalnya *betis pelanduk* [+anatomi, -manusia, +am] dalam pantun di atas.

### 8.2.1 Medan Makna Perilaku

Terdapat hanya kolokasi *mengeting betis* yang menunjukkan medan makna perilaku. Huraian bagi *mengeting betis* boleh dirujuk pada 8.1.2. Kehadiran *mengeting betis* ditunjukkan oleh pantun 433 berikut;

#### Pantun 433

1602. Mengeting kaki **mengeting betis**,  
Seperti benang sudah diisi;  
Dipandang jauh cantikmu alis,  
Gambar adik terkenang hati.  
(KKMS:201)

### 8.4 Metafora Anatomi Paha

*Paha* merujuk kepada bahagian antara badan dan lutut. Ungkapan yang sering disebut oleh orang Melayu ialah *beri betis*, *nak paha*. Ungkapan ini memberi makna bahawa seseorang yang telah diberikan sesuatu, tetapi meminta lebih banyak. Hal ini adalah berdasarkan persepsi orang Melayu berdasarkan bentuk paha yang lebih besar dan berisi jika dibandingkan dengan betis.

Hasil kajian mendapati bahawa kehadiran anatomi *paha* dalam korpus adalah sangat terhad. Hanya didapati bahawa terdapat di dalam medan makna perilaku dan medan makna psikologi.

#### 8.4.1 Medan Makna Perilaku

Bagi medan makna perilaku anatomi paha dapat diperlihatkan melalui pantun 434 berikut;

##### Pantun 434

1257. Burung serindit duduk menyanyi  
Sambil hinggap di dahan tua  
Kalau **cubit paha kiri**  
**Paha kanan** sakit juga.

(KAPM:198)

Berdasarkan **kolokasi** *cubit* dan *paha kiri*, makna adalah secara **denotatif**, iaitu merujuk kepada perilaku mencubit paha. Pantun di atas dapat memperlihatkan **makna konotatif** jika di lihat berdasarkan konteks. Jika paha kiri yang dicubit, adalah mustahil rasa sakit wujud di paha kanan, iaitu bahagian paha yang tidak dicubit. *Kalau cubit paha kiri, paha kanan sakit juga* merujuk kepada hubungan akrab antara seseorang, iaitu jika sesuatu berlaku pada seorang daripada mereka, maka kesan turut dirasakan oleh yang lainnya.

#### 8.5 Kuantifikasi Anatomi Kaki Dan Yang Berkaitan

Pada bahagian berikut diuraikan kuantifikasi anatomi kaki bagi medan makna dan jenis-jenis makna. Huraian adalah berdasarkan dapatan daripada korpus kajian.

##### 8.5.1 Kuantifikasi Berdasarkan Medan Makna

Terdapat medan makna sikap, medan makna perilaku dan medan makna ruang bagi anatomi kaki. Perbincangan selanjutnya adalah merujuk kepada jadual 8.19

**Jadual 8.19: Kuantifikasi Anatomi Kaki Berdasarkan Medan Makna**

BAHAGIA N ANATOMI KAKI	MEDAN MAKNA SIKAP		MEDAN MAKNA PERILAKU		MEDAN MAKNA RUANG					
					FIZIKAL		PSIKOLOGI		BUDAYA	
	( + )	( - )	( + )	( - )	( + )	( - )	( + )	( - )	( + )	( - )
KAKI	-	1 (100.00)	48 (64.86)	24 (32.43)	41 (41.84)	38 (38.78)	3 (3.06)	6 (6.12)	1 (1.02)	2 (2.04)
LUTUT	-	-	-	-	2 (2.41)	-	-	2 (2.04)	-	-
PAHA	-	-	-	1 (1.35)	-	-	1 (1.02)	-	-	-
BETIS	-	-	1 (1.35)	-	2 (2.41)	-	-	-	-	-
JUMLAH 1	-	1 (100.00)	49 (66.22)	25 (33.78)	45 (45.92)	38 (38.78)	4 (4.08)	8 (8.16)	1 (1.02)	2 (2.04)
JUMLAH 2	1 (100.00)		74 (100.00)		83 (84.70)		12 (12.24)		3 (3.06)	
					98 (100.00)					

Jadual 8.19 di atas menunjukkan kuantifikasi bagi anatomi bahagian kaki dan yang berkaitan. Adalah didapati bahawa medan makna ruang mencatatkan jumlah kehadiran entri yang tertinggi, iaitu sebanyak 98 entri (100%). Seterusnya diikuti oleh medan makna perilaku yang kedua tertinggi, iaitu sejumlah 74 entri (100%) dan akhirnya jumlah yang terlalu kecil didapati pada medan makna sikap, iaitu hanya 1 entri (100%)

Berdasarkan medan makna ruang, entri yang tertinggi dicatatkan oleh ruang fizikal dengan jumlah 83 entri (84.70%) daripada keseluruhan jumlah medan makna ruang, iaitu 45 entri (45.92%) berbentuk positif (+), dan 38 entri (38.78%) berbentuk negatif (-). Jumlah tersebut diikuti oleh medan makna ruang psikologi, iaitu 12 entri (12.24%) yang melibatkan 4 entri (4.08%) bagi bentuk positif dan 8 entri (8.16%) bagi bentuk negatif (-). Seterusnya jumlah yang kecil diperolehi daripada medan makna ruang budaya, iaitu 3 entri (2.04%), iaitu hanya 1 entri (1.02%) bentuk positif (+) dan 2 entri (3.06%) bentuk

negatif (-). Gabungan antara ketiga-tiga ruang tersebut melonjakkan jumlah yang tinggi medan makna ruang bagi keseluruhan medan makna.

Berdasarkan jumlah tertinggi yang dicatatkan bagi entri medan makna ruang fizikal, turut memberi kesan kepada catatan yang tinggi bagi medan makna ruang perilaku, iaitu sejumlah 74 entri (100%), iaitu sejumlah 49 entri (66.22%) bagi medan makna perilaku positif (+) dan 25 entri (33.78%) medan makna perilaku negatif (-). Hal ini berlaku sama seperti tangan, iaitu berkaitan dengan pergerakan yang juga dapat diperhatikan secara fizikal. Ini menjadikan medan makna perilaku mencatatkan jumlah entri kedua tinggi selepas medan makna ruang fizikal. Medan makna sikap seterusnya mencatatkan frekuensi yang sangat rendah, iaitu hanya satu entri (100%), bagi sikap negatif yang ditandai oleh *kaki penakut*.

Berdasarkan bahagian anatomi kaki dalam keseluruhan, didapati bahawa kesemua medan makna menunjukkan bahawa anatomi kaki menunjukkan frekuensi tertinggi di antara sub anatomi lain seperti betis, paha, dan lutut. Catatan frekuensi yang tinggi bagi bahagian anatomi kaki adalah kerana kaki adalah wakil atau generik bagi bahagian kaki.

### **8.5.2 Kuantifikasi Berdasarkan Jenis-Jenis Makna**

Pada asasnya terdapat medan makna kolokatif, medan makna denotatif, medan makna konotatif, dan medan makna reflektif dalam dapatan kajian ini. Berikut diuraikan kuantifikasi anatomi kaki dan yang berkaitan berdasarkan jenis makna berdasarkan jadual 8.20.



**Jadual 8.20: Kuantifikasi Anatomi Kaki Berdasarkan Jenis-Jenis Makna**

BAHAGIAN ANATOMI KAKI	MAKNA KOLOKATIF	MAKNA DENOTATIF	MAKNA KONOTATIF	MAKNA REFLEKTIF
KAKI	164 (94.79)	144 (96.00)	20 (86.96)	41 (100.00)
LUTUT	4 (2.31)	2 (1.33)	2 (8.69)	-
PAHA	2 (1.16)	1 (0.67)	1 (4.35)	-
BETIS	3 (1.74)	3 (2.00)	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>173 (100.00)</b>	<b>150 (100.00)</b>	<b>23 (100.00)</b>	<b>41 (100.00)</b>

Merujuk kepada jadual 8.20 di atas, terdapat perbezaan ketara kehadiran antara bahagian anatomi. Anatomi kaki berjumlah 164 entri (94.79%), lutut 4 entri (2.31%), betis 3 entri (1.74%), dan paha 2 entri (1.16%), yang memberikan jumlah keseluruhan adalah 173 entri (100%) bagi makna kolokatif. Perbezaan yang ketara ini mempengaruhi peratusan bagi setiap sub anatomi berdasarkan jenis-jenis makna.

Kajian juga menunjukkan bahawa bagi makna makna denotatif lebih banyak, iaitu sejumlah 150 entri (100%) berbanding makna konotatif, iaitu hanya 23 entri (100.00%) Hal ini selari dengan dapatan bagi ruang fizikal yang menunjukkan catatan tertinggi dalam medan makna. Hal ini berlaku kerana anatomi kaki dimetaforkan banyak sebagai tapak bagi sesuatu benda seperti yang dapat diperhatikan dalam perkara 8.1.3.1. Bahkan, makna reflektif juga menunjukkan peratusan yang lebih tinggi, iaitu 41 entri (100%) berbanding makna konotatif.

## 8.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya berdasarkan bahagian anatomi kaki, kesemua jenis makna yang tertinggi adalah pada bahagian anatomi *kaki*. Hal ini berdasarkan kehadiran bahagian kaki paling banyak berbanding bahagian lain seperti *betis*, *lutut* dan *paha*. Daripada dapatan kajian di bahagian kaki, secara keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa bahagian kaki banyak berkaitan dengan aktiviti pergerakan yang dan kolokasi dengan benda yang memberi makna denotatif, iaitu dapat diperhatikan secara fizikal.


## BAB 9: DAPATAN DAN KESIMPULAN

Dalam bab ini, penumpuan adalah kepada dapatan dan kesimpulan keseluruhan kajian. Semua dapatan dan kajian adalah hasil kajian menggunakan kerangka kajian dan kaedah-kaedah yang telah dinyatakan di dalam bab 1 dan 3. Yang berikut dihuraikan dapatan dan kesimpulan bagi keseluruhan kajian yang telah dijalankan.

Hasil kajian mendapati bahawa metafora anatomi wujud dan menjadi sumber medan makna dalam bahasa Melayu. Berdasarkan penelitian, didapati bahawa sejumlah 3372 rangkap pantun menggunakan kata leksikal anatomi digunakan dalam keseluruhan korpus, iaitu 2921 rangkap (86.63%) dalam bahagian pembayang, manakala 451 rangkap (13.37%) di dalam bahagian maksud. Hal ini dijelaskan melalui jadual 9.1 dan rajah 9.2 di bawah;

**Jadual 9.1: Peratusan Anatomi Berdasarkan Rangkap Pantun**

Struktur Pantun	Bilangan	Peratusan (%)
Pembayang	2921	86.63
Maksud	451	13.37
Jumlah	3372	100.00



**Rajah 9.2: Carta Pai Menunjukkan Peratusan Anatomi Berdasarkan Rangkap Pantun**

Peratusan dalam jadual 9.1 dan rajah 9.2 di atas membuktikan bahawa anatomi bukan hanya hadir sebagai maksud di dalam pantun malahan turut hadir di dalam pembayang. Pembayang dan maksud itu juga mempunyai metafora tersendiri berdasarkan penglihatan dunia orang Melayu. Menurut Ungku Abdul Aziz Ungku Hamid (2011:43), satu perbezaan yang boleh menjadi nyata pada pemerhati ilmu pantun ialah perbezaan gagasan maujud (*concrete*) dengan gagasan mujarad (*abstract*) yang diwujudkan dalam pantun berasaskan persepsi masyarakat Melayu


Berdasarkan besarnya jumlah kehadiran anatomi dalam pembayang berbanding maksud membuktikan kebenaran kenyataan Ungku Abdul Aziz Ungku Hamid (2011: 2) bahawa pada baris rangkap pembayang, biasanya melibatkan gagasan maujud, iaitu sesuatu yang nyata, manakala bahagian maksud lebih menumpukan kepada yang abstrak. Jadi, anatomi ialah benda maujud yang ada pada manusia dan jumlah kehadirannya dalam pembayang adalah sebagai bukti yang menyokong hasil kajian tersebut.

Namun begitu, kehadiran unsur sebagai pembayang adalah berbeza berdasarkan konteks. Kebanyakan unsur yang digunakan dalam pantun adalah unsur alam seperti flora dan fauna, kosmologi dan sebagainya berdasarkan pemerhatian manusia Melayu terhadap alam sekelilingnya. Apalagi bagi pembayang, aspek yang dipentingkan ialah penentuan rima yang menarik sehingga ada kalanya tiada hubungan antara pembayang dengan maksud. Maka berlaku kemungkinan bahawa dapatan bagi pengkaji adalah berbeza-beza berdasarkan tumpuan kajian, misalnya bagi Ungku Abdul Aziz Ungku Hamid (2011) adalah lebih banyak kehadiran leksikal yang berkaitan dengan perdagangan seperti yang dinyatakan dalam bahagian 1.5 berbanding dengan kajian ini yang menumpukan pada metafora anatomi.

Selain itu, kajian juga membuktikan bahawa terdapat tumpuan kepada anatomi tertentu dalam kajian ini. Jadual 9.3 di bawah menunjukkan bahawa tumpuan bahagian-bahagian anatomi tertentu dalam korpus kajian.

**Jadual 9.3: Jumlah Tumpuan Bahagian Anatomi Berdasarkan Baris Pantun**

Anatomi	Jumlah Baris	Peratusan (%)
Kepala	783	22.79
Badan	2042	59.45
Tangan	437	12.72
Kaki	173	5.04
<b>Jumlah</b>	<b>3435</b>	<b>100%</b>




**Rajah 9.4: Peratusan Kehadiran Anatomi Berdasarkan Baris Pantun**

Berdasarkan carta pai 9.4 di atas, jelas menunjukkan bahawa anatomi badan merupakan bahagian anatomi yang paling banyak hadir di dalam korpus kajian, iaitu (59.45%), diikuti oleh anatomi kepala (22.79%) sebagai jumlah yang kedua banyak, seterusnya anatomi kaki (5.04%) dan anatomi tangan (12.72%).

Anatomi badan menunjukkan jumlah tertinggi yang menjadi tumpuan utama bahagian anatomi, iaitu 2042 kata leksikal (59.45%) yang digunakan di dalam korpus kajian. Jumlah yang tinggi pada anatomi badan kerana *hati* merupakan bahagian anatomi yang paling banyak hadir di dalam keseluruhan korpus kajian, iaitu 1335 entri atau 65.38%. (sila rujuk dapatan pada jadual 6.4). Penumpuan pada bahagian anatomi *hati* sebagai unsur utama dalam korpus berdasarkan fungsi pantun sebagai wahana untuk menyampaikan perasaan seseorang. Ini membuktikan kenyataan Asmah Haji Omar (1996), bahawa *hati* mempunyai kedudukan yang penting dalam *world-view* orang Melayu yang menjadi “*seats of emotion*” orang Melayu terletak pada hati jika dibandingkan dengan dengan masyarakat Inggeris, Arab dan lain-lain yang letaknya pada jantung. Bagi membuktikan kehadiran bahagian hati adalah yang tertinggi, berikut dipaparkan jumlah kehadiran bahagian anatomi di dalam kajian;

**Jadual 9.5: Jumlah Kehadiran Bahagian Anatomi Dalam Pantun**

Bahagian Anatomi	Jumlah Entri	Peratusan (%)
Hati	1335	38.86
Mata	348	10.13
Badan	317	9.23
Tangan	251	7.31
Kaki	144	4.19
Lain-lain	1040	30.28
Jumlah	3435	100.00



**Rajah 9.6: Peratusan Kehadiran Bahagian Anatomi Berdasarkan Baris Pantun**

Jadual 9.5 dan rajah 9.6 di atas adalah berdasarkan kepada entri bahagian anatomi bagi 5 jumlah yang tertinggi dalam keseluruhan kajian. 5 bahagian anatomi ini diambil berdasarkan kepada jumlah kehadiran di dalam korpus melebihi 100 entri bagi setiap bahagian anatomi tersebut yang lebih jelas dan sesuai untuk dibuat perbandingan. Bahagian lain-lain adalah mewakili jumlah keseluruhan bagi bahagian-bahagian anatomi yang terdapat di dalam kajian selain lima bahagian yang termasuk dalam jadual tersebut.

Daripada jadual 9.5 dan rajah 9.6 tersebut membuktikan bahawa bahagian hati adalah bahagian anatomi yang paling banyak digunakan di dalam kajian, diikuti oleh mata, seterusnya badan, serta diikuti oleh kaki. Alasan bagi entri yang tinggi bagi setiap bahagian anatomi diterangkan di dalam bahagian kuantifikasi berdasarkan medan makna pada perkara 4.11.2, 6.5, 7.6, 8.5.2.

Selain itu, kajian mendapati bahawa setiap bahagian mempunyai jenis-jenis makna berdasarkan medan makna tersendiri. Kajian mendapati bahawa makna kolokasi, makna denotatif, makna konokatif, dan makna reflektif terdapat pada semua bahagian anatomi. Hal ini dapat dilihat pada bab 4, 5,6,7, dan 8.

Terdapat juga makna khusus pada anatomi tertentu ditemui di dalam kajian. Makna afektif misalnya terdapat hanya pada anatomi *hati*. Ini adalah kerana makna afektif berkaitan dengan emosi. Emosi pula terletak pada bahagian anatomi *hati*. Hal ini dapat dirujuk pada perkara 6.1.3.

Makna stilistik pula terdapat pada bahagian kepala, iaitu tumpuan pada rongga mulut, iaitu bahagian anatomi *mulut*, *bibir* dan *lidah*. Hal ini dapat dilihat dengan jelas

pada perkara 4.4. Berdasarkan kepada bahagian mulut, bibir dan lidah jelas menunjukkan gaya serta kepentingan organ-organ ujaran ini dalam komunikasi manusia. Kesan daripada peranan organ-organ ujaran tersebut adalah besar, sama ada positif mahupun negatif. Ini kerana kegagalan dalam mengawalinya boleh mencetuskan konflik.

Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa penentuan jenis makna adalah berdasarkan konteks. Ini bermakna konteks sangat penting dalam menentukan makna kata. Hal ini dapat diperkukuhkan melalui kenyataan Malinowski (1923:307) iaitu,

*Exactly, as in the reality of spoken or written languages, a word without linguistic context is a mere figment and stands for nothing by itself, so in the reality of a spoken living tongue, the utterance has no meaning except in the context of situation.*

Kenyataan tersebut ditimbulkan oleh Malinowski (1923) yang dikaitkan dengan konteks situasi melalui kajian pada penduduk di Kepulauan Trobriand di Pasifik Selatan. Semasa kajian tersebut, beliau menghadapi masalah menterjemah hasil rakaman secara tepat dan kemudiannya berpendapat bahawa untuk mengenali sesebuah komuniti, maka haruslah difahami cara hidup masyarakat tersebut, dan caranya adalah melalui bahasa yang dilihat melalui konteks situasi.

Kepentingan makna konteks dihuraikan di dalam bab 4,5,6,7, dan 8. Pantun yang dicipta secara kreatif dapat memperjelaskan makna yang disampaikan secara tersurat mahupun tersirat. Antara contoh pantun:

4083. Buah pinang dipegang-pegang,  
Bawa mari kampung Cik Daud;  
Bila ingat diriku dagang  
**Air mata jatuh ke lutut.**

(KKMS:515)



Pantun di atas memberikan makna denotatif jika diteliti pada satu baris maksud, *air mata jatuh ke lutut* tetapi berubah menjadi makna konotatif apabila diteliti dari segi konteks, pada kedua-dua baris maksud, apalagi bila dikaitkan dengan baris sebelumnya, iaitu *bila ingat diriku dagang*. *Air mata jatuh ke lutut* menunjukkan emosi sedih pemantun.

Selain itu, konkordans juga adalah penting dalam meneliti makna. Kolokasi misalnya amat penting bagi menentukan makna konteks yang diterima oleh masyarakat penutur. Bagi contoh-contoh yang berkaitan boleh rujuk pada bab 4,5,6,7, dan 8 apabila menghuraikan mengenai makna kolokasi bagi setiap bahagian.

Kajian ini juga mendapati bahawa metafora mesti melibatkan kolokasi. Metafora hadir sekurang-kurangnya dengan dua urutan butir leksikal dan wujud dalam konteks. Ini bermakna semua metafora mempunyai makna kolokasi. Jika sesuatu butir leksikal hadir secara bersendirian, maka metafora tidak wujud. Misalnya, anatomi *kaki*, jika hadir secara bersendirian akan memberikan makna literal bahagian anatomi yang digunakan untuk berjalan. Apabila *kaki* berkolokasi dengan *penakut*, maka menjadi metafora akan menunjukkan seseorang yang mempunyai sifat penakut.

Kolokasi juga adalah berdasarkan penerimaan masyarakat terhadap kata dalam bahasa tersebut. Misalnya *Mata keranjang* di dalam yang memberi maksud seseorang lelaki yang suka mempermainkan perempuan. Walaupun terdapat kata bakul, jok dan lain-lain yang berlainan bagi keranjang, tetapi makna dan fungsi yang sama, namun bakul dan jok tidak boleh berkolokasi bagi memberi makna metafora seperti *mata keranjang*. Contoh-contoh bagi kata yang boleh berkolokasi dihuraikan di dalam bab 4,5,6,7,dan 8 apabila membincangkan makna kolokasi.

Hasil kajian juga mendapati terdapat hubungan antara jenis-jenis makna. Makna reflektif, iaitu bayangan sesuatu misalnya mempunyai hubungan dengan makna denotatif. Makna denotatif hanya wujud apabila berlaku pemaujudan dan dapat diperhatikan secara fizikal. Makna denotatif juga boleh berubah menjadi makna konotatif. Misalnya *anjing buruk kepala* memberikan makna denotatif jika meneliti kehadiran anjing secara fizikal. *Anjing buruk kepala* adalah makna reflektif hasil bayangan pada keadaan anjing yang kepalanya buruk yang menyebabkan wujud rasa jijik apabila melihatnya. Namun, *anjing buruk kepala* berdasarkan konteks bukan hanya merujuk kepada keadaan kepala tetapi mempunyai makna konotatif, iaitu merujuk kepada kedudukan seorang manusia yang hina dalam sesebuah masyarakat. Perkaitan setiap jenis makna dihuraikan di dalam bab 4,5,6,7, dan 8 apabila membincangkan jenis-jenis makna.

Hasil kajian juga mendapati bahawa berlaku perubahan jenis makna bagi butir leksikal yang sama. Makna denotatif berubah menjadi makna konotatif berdasarkan konteks. Terdapat pertindihan jenis-jenis makna apabila melihat bahasa dari sudut konseptual dan kontekstual. Berikut ditunjukkan contoh pantun bagi penentuan makna berdasarkan konteks berdasarkan *mengambil hati*. Terdapat perilaku positif yang digambarkan oleh metafora anatomi di dalam kajian seperti *mengambil hati*, sebagai perilaku seseorang yang pandai menambat hati orang lain. Dari sudut perilaku negatif pula, terguris atau kecil hati dengan seseorang. Contoh-contoh lain dapat diteliti di dalam bab 4,5,6,7 dan 8 apabila membincangkan makna berdasarkan konteks.

Pada sudut pengertian, metafora merupakan sesuatu yang menggambarkan sesuatu yang lain. Metafora sebenarnya bukan sahaja menggambarkan bahasa dari segi makna sahaja tetapi merangkumi pemikiran serta budaya sesuatu masyarakat pendokongnya. Unsur metafora dapat dilihat dengan begitu jelas di dalam pantun-

pantun Melayu. Pantun Melayu merupakan rakaman kehidupan manusia menerusi bahasa. Metafora sebenarnya melambangkan *world view* orang Melayu. Metafora bukan dicipta sewenang-wenangnya tetapi berkaitan dengan sistem nilai dan kepercayaan orang Melayu. Sesuatu kata itu bukanlah dicipta sesuka hati tetapi berteraskan kepada penglihatan dan pengalaman masyarakat pendukung budaya tersebut.

Metafora mempunyai peranan tersendiri dalam masyarakat Melayu seperti tujuan sosialisasi, kawalan sosial, adab dan sebagainya. Ini adalah berdasarkan tujuan bagi sesuatu metafora itu dibentuk. Bagi tujuan sosialisasi misalnya, dalam proses sosialisasi, kanak-kanak Melayu diajar tentang adab yang berkaitan dengan anatomi tubuh, misalnya *kepala* adalah bahagian anatomi yang mulia dan pantang untuk disentuh, kaki tidak boleh dilunjurkan atau disabung, tidak boleh menampakkan lidah apabila bercakap, dan sebagainya. Kesemua adab ini dibincangkan dengan jelas di setiap bahagian anatomi termasuk ketika menghuraikan makna metafora.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, maka jelas menunjukkan bahawa terdapat jenis-jenis makna yang berkaitan dengan metafora. Setiap jenis makna mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Dalam mewujudkan makna, terdapat proses persepsi, kognisi, konseptualisasi, dan reifikasi yang hadir dalam konteks. Pantun menjadi wahana dalam memanifestasikan makna dalam minda orang Melayu. Kebijaksanaan orang Melayu jelas dibuktikan melalui kreatifnya menghubungkan unsur alam dengan penghidupan orang Melayu, dapat diperlihatkan melalui kajian ini. Metafora menggambarkan cerdas akal orang Melayu yang merupakan *world view* orang Melayu, penuh dengan kekayaan falsafah, nilai dan budi yang menggambarkan masyarakat Melayu.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa metafora dan jenis-jenis makna amat penting dalam pemaknaan. Aspek konteks menjadi satu perkara penting kerana makna hanya akan hadir dan tepat berdasarkan konteks. Kajian ini juga turut menyumbang kepada perkembangan bidang linguistik umumnya dan semantik khususnya. Ini diperlihatkan melalui jenis-jenis makna, kepentingan makna, makna berdasarkan konteks serta yang secara tidak langsung memberikan ketepatan makna, bahkan penting dalam memahami budaya sesuatu masyarakat.

University of Malaya

## RUJUKAN

- Abdullah Hussain. (2005). *Kamus Simpulan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Johari Moain. (2008). *Pemilihan Kata dalam Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akmajian A. et al. (1979). *Linguistics: An Introduction to Language and Communication*. London: The MIT Press.
- Aristotle et al. (1961). *Poetics*. Chicago: H. Regnery
- Asmah Haji Omar. (1981). *The Iban Language of Sarawak: A Grammatical Description*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1988). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1992). *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993a). *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993b). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1996). *Metaphors of Anatomy as a Reflection of Malay Cultural Belief. Jurnal Persatuan Bahasa Moden*. Kuala Lumpur: Persatuan Bahasa Moden Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1998a). *Concepts of Conflict, War and Peace in the Malay Language*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

- Asmah Haji Omar. (1998b). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Perception of Time*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (2004). *Penyelidikan, Pengajaran dan Pemupukan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008a). *Ensaiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008b). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008c). *Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: Penerbit PTS Profesional.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Panduan Wacana Akademik Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2011). *Teori dan Kaedah Nahu: Sejarah Pertumbuhan Aliran Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long. (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atkinson R.L. et al. (1990). *Introduction to Psychology*, 10<sup>th</sup> ed. San Diego: Harcourt Brace Jovanovich.
- Azirah Hashim. (2005). *How to Write a Thesis: The Thesis Writing Journey From Start to Finish*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Baharudin Omar, Mohd Hamim Rajikin. (2000). *Pengenalan Sistem Tubuh dan Penyakitnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Baker C. (1994). *Attitude and Language*. Clevedon: Multilingual Matter Ltd.
- Baldinger K. (1980). *Semantic Theory: Towards a Modern Semantics*. Oxford: Basil Blackwell.
- Bernard W. (1992). *Human Motivation, Metaphors, Theories and Research*. Sage Production.
- Bloomfield L. (1933). *Language*. New Delhi: Montilal Banarsidass Publishing.
- Carmel Heah Lee Hsia (1989). *The Influence of English on the Lexical Expansion of Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crystal D. (1997). *The Cambridge Encyclopedia of The English Language*. Cambridge University Press.
- Crystal D. (2008). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. United Kingdom: Blackwell Publishing Ltd.
- Daillie, Francoise-Rene. (1988). *Alam Pantun Melayu – Studies on A Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Davitz. J.R. (1969). *The Language of Emotion*. New York Academic Press.
- Deignan A. (2005). *Metaphor and Corpus Linguistics*. John Benjamins Publishing.
- Fauconnier, G.R. (1985). *Mental Spaces: Aspects of Meaning Construction in Natural Language*. MIT Press.
- Firth J.R. (1957). *Papers In Linguistics 1934-1951*. London: Oxford University Press.
- Frawley W. (1992). *Linguistic Semantics*. New York: Routledge.

Fujimura Y. (1997). *Translating Malay Adjectives into Japanese: a study based on the translation of Adibah Amin's novel "Seroja Masih di Kolam"*. Tesis PhD. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Harun Mat Piah. (2001). *Karya Agung Pantun Melayu: Pantun Melayu Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsinya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Hawkes T. (1972). *Metaphor*. Methuen & Co. Ltd.

Halliday M.A.K. (1985). *An Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold Publishers.

Halliday M.A.K. (1994). *Functional Grammar 2nd edition*. Oxford University Press.

Hillman J. (1960). *Emotion: A Comprehensive Phenomenology of Theories and Their Meanings for Therapy*. London: Routledge, Kegan, Paul.

Hoad J.F. (1986). *The Concise Oxford Dictionary of Word Origins*. Oxford University Press.

Indrawati @ Indirawati Zahid. (1995). *Semantik Leksikal dalam Peribahasa Melayu. Disertasi Sarjana*. Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.

James W. (2013). *Creating Worldviews: Metaphor, Ideology and Language*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

*Kamus Istilah Linguistik*. (1992). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan*, (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Kazdin E. A. (2000). *Encyclopedia of Psychology*, vol. 1. American Psychologist Association, Oxford University Press.

Kittay E.F. (1987). *Metaphor: Its Cognitive Force and Linguistic Structure*. Oxford: Clarendon Press.

Klein E. (1966). *A Comprehensive Etymological Dictionary of English Vol 1*. Amsterdam: Elsevier Publishing Company.

Kovecses Z. et al. (2010). *Metaphor: A Practical Introduction 2<sup>nd</sup> ed.* New York: Oxford University Press.

*Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu* (edisi kedua), (2005), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lakoff G. and Johnson M. (1980). *Metaphors We Live By*. Chicago and London: The University of Chicago Press.

Leech G. (1974). *Semantics*. England: Penguin Books Limited.

Lehrer A. (1974). *Semantic Fields and Lexical Structure*. London: North-Holland Publishing Company Ltd.

Lyons J. (1977). *Semantics*. New York: Cambridge University Press.

Mader S. (1990). *Human Biology*. United States of America: Wm.C.Brown Publishers.

Mahmood Nazar Mohamed. (1992). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Malinowski B. (1923). *The Problem of Meaning in Primitive Languages*. London: K.Paul, Trench, Trubner.

- Mohd Taib Osman, (1989). *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman, (1996). Pantun Sebagai Pencerminan Minda Melayu. dalam Wan Ab. Kadir Wan Yusoff. *Pantun: Manifestasi Minda Masyarakat*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Nida E. A. (1975). *Componential Analysis of Meaning*. The Hague: Mouton & Co. N.V. Publishers.
- Norliza Jamaluddin. (2000). *Perkamusan Melayu: Sumbagan Data Korpus Berkomputer. Disertasi Sarjana*. Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Norliza Jamaluddin. (2011). *Analisis Kata Sifat Bahasa Melayu Berdasarkan Korpus Berkomputer. Tesis PhD* Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Odgen C.K. Richard I.A. (1923). *The Meaning of Meaning: A Study of the Influence of Language upon Thought and of the Science of Symbolism*. London:University of Cambridge,
- O'Grady W. et al. (1996). *Contemporary Linguistics: An Introduction*. United Kingdom; Pearson Education Limited.
- Oxford Advance Learners Dictionary 4<sup>th</sup> ed.* Hornby et al. (1989). London: Oxford University Press.
- Palmer F.R. (1981). *Semantics 2<sup>nd</sup> ed.* Cambridge: Cambridge University Press.
- Plutchnik R. (1968). *The Emotion: Facts, Theories and a New Models*. New York: Random House.
- Ragavan, Jane Frances. (1991). *The Translation of Metaphors: A Text of The Good Earth, The Great Gatsby, The Moon and Sixpence and In Dubious Battle. Disertasi* Pusat Bahasa, Universiti Malaya.

- Rahmah Bujang. (2008). *Glosari Kesenian Melayu: Seni Visual & Seni Persembahan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Rapport M, Levin B.(1992). *The Lexical Semantics of Verbs of Motion*. Foris, Berlin.
- Richards I.A. (1950). *The Philosophy of Rhetoric*. Oxford University Press.
- Ross & Wilson. (2001). *Anatomy and Psychology in Health and Illness*. Edinburgh: Churchill Livingstone.
- Saeed J. I. (1997). *Semantics*. Blackwell Publishing.
- Sakina Sahuri Suffian Sahuri. (2000). *Manusia dan Alam sebagai Medan Sumber Metafora Melayu: Satu Kajian Semantik*. Tesis PhD. Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya.
- Salinah Jaafar. (2007). *Kata Adjektif Bahasa Melayu: Analisis Makna dari Aspek Frasalogi dan Leksikologi*. Tesis PhD. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Semino E. (2008). *Metaphor in Discourse*. Cambridge University Press.
- Simonov P.V. (1970). *Feelings and Emotions*. New York: Academic Press.
- Sinclair J. (1991). *Corpus, Concordance, Collocation*. Oxford University Press.
- Siti Hasmah Mohd Ali. (1985). *Wanita, Adat, dan Kesihatan*. Jilid 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Skeat, Walter W. (1965). *Malay Magic: Being An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. New York: Dover Publications.
- Stern G. (1965). *Meaning dan Change of Meaning*. Bloomington: Indiana University Press.

Strongman K.T. (1973). *The Psychology of Emotion*. London: John Wiley & Sons.

Ton Ibrahim. (1987). *Kata Kerja Gerak dalam Dialek Kedah: Analisis Komponen Semantik*. Tesis PhD. Universiti Malaya.

Ullman S. (1962). *Semantics: An Introduction to The Science of Meaning*. Oxford: Basic Blackwell.

Ullmann S. (1973). *Meaning and Style*. Oxford: Basil Blackwell.

Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid. (2011). *Pantun dan Kebijaksanaan Akal Budi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Ab. Kadir Wan Yusoff. (1996). *Pantun: Manifestasi Minda Masyarakat*. Kuala Lumpur: Penerbit Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (2003). *Pengakaedahan Penyelidikan Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Wilkinson R.J. (1955). *A Malay-English Dictionary (Romanised) Part 1&2*. Golden Mc Millan.

Wilkinson R.J dan Winstedt R.O. (1961). *Pantun Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House Limited.

Young P. T. (1975). *Understanding Your Feelings and Emotions*. Prentice-Hall Inc.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (1934-1973a). *Ilmu Mengarang Melayu: Edisi Ejaan Rumi Baharu dengan Pengenalan oleh Asmah Haji Omar (2002)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (1934-1973b). *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri Edisi Khas (2009)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.